

Jilid III  
Bil. 18



Hari Khamis  
22hb Jun, 1989

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3249]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989):**

**Jawatankuasa—**

**Jadual Pertama:**

**Maksud B.29 [Ruangan 3469]**

**Jadual Kedua:**

**Maksud B.7 [Ruangan 3367]**

**Maksud B.14 [Ruangan 3391]**

**Maksud B.30 [Ruangan 3469]**

**Maksud B.39 [Ruangan 3489]**

**Maksud B.49 [Ruangan 3510]**

**USUL-USUL:**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1989:**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P.51 [Ruangan 3510]**

## **KANDUNGAN—(samb.)**

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1989:

Jawatankuasa—

- Maksud P.7 [Ruangan 3367]
- Maksud P.14 dan P.16 [Ruangan 3391]
- Maksud P.17 [Ruangan 3425]
- Maksud P.19 [Ruangan 3430]
- Maksud P.20 [Ruangan 3446]
- Maksud P.21, P.23 dan P.24 [Ruangan 3447]
- Maksud P.25 [Ruangan 3451]
- Maksud P.27 [Ruangan 3461]
- Maksud P.31 [Ruangan 3469]
- Maksud P.33 [Ruangan 3471]
- Maksud P.34 [Ruangan 3478]
- Maksud P.39 [Ruangan 3489]
- Maksud P.46 [Ruangan 3490]
- Maksud P.47 dan P.48 [Ruangan 3499]
- Maksud P.49 [Ruangan 3510]
- Maksud P.52 [Ruangan 3514]
- Maksud P.54 [Ruangan 3522]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3365]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3541]

### **UCAPAN PENANGGUHAN:**

Perkhidmatan Penyerahan Pos di Sabah—Y.B. Tuan Fung Ket Wing (Sandakan) [Ruangan 3542]

Hukuman Penjara Seumur Hidup—Memansuhkan: Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 3546]

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (i) (JOHOR), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., s.M.K.-(Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

.. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).

.. Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

.. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

.. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

.. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

.. Menten Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).

.. Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

.. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

.. Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

.. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

.. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

.. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

.. Timbalan Menteri Pertanian. DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., - S.M.J. (Segamat).

.. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

.. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

.. Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Srn ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALTAS BIN MD. AU, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. TUAN ABDOL MULO AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY. A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.I., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Khamis, 22hb Jun, 1989

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

{Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*}

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**DISKRIMINASI KAUM DALAM  
PENGISIAN JAWATAN**

1. **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Buruh menyatakan tidakkah pihak Kementerian sedar sehingga ke hari ini masih banyak syarikat-syarikat yang mengamalkan "Diskriminasi Kaum". Adakalanya mereka menggunakan nama-nama bumiputera untuk memenuhi kuota bumiputera di dalam syarikat mereka tetapi sebenarnya mereka telah memberhentikan kaum bumiputera dan hanya menghantar nama-nama mereka itu ke Kementerian Buruh untuk menyatakan bahawa syarikat mereka adalah mengikut kuota dan telah pun memberi pekerjaan kepada kaum bumiputera tetapi sebenarnya perkara tersebut adalah tidak benar. Ini banyak berlaku di syarikat-syarikat Kuala Lumpur dan juga Selangor.

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan Kalakau Untol):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang bermasyarakat majmuk, Kementerian Buruh memang sentiasa mengambil perhatian berat terhadap soal diskriminasi kaum.

Dari masa ke semasa Kementerian Buruh ada menerima aduan-aduan daripada pelbagai sumber mengenai isu ini. Setiap kali aduan seperti ini diterima, syarikat-syarikat berkenaan tidaklah dihubungi melalui surat untuk mendapat butir-butir pekerjaanya, tetapi Pegawai Buruh akan terus dihantar untuk mengadakan penyiasatan rapi. Pekerja-pekerja syarikat dan majikan akan ditemutunya dan rekod-rekod seperti Daftar Pekerja, Lembaran Gaji dan lain-lainnya diperiksa dengan teliti. Jika aduan ini didapati benar, tindakan sewajarnya akan diambil terhadap syarikat-syarikat tersebut.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar diskriminasi ini bukanlah sahaja diskriminasi kaum yang bermakna keturunan, tetapi juga diskriminasi dari segi jantina. Setengah-setengah syarikat atau kebanyakan syarikat telah menerima atau mengutamakan pekerja-pekerja wanita daripada pekerja-pekerja lelaki atau belia-belie sehingga menyebabkan belia-belie di kampung di mana berhampiran dengan kilang-kilang menganggur dan menjadi penghisap dadah kerana ramai beliawanis-beliawanis telah diambil bekerja sedangkan belia-belie kita tinggal, tidak diambil bekerja di kilang-kilang tersebut dan mendatangkan beberapa masalah-masalah sosial kemudiannya. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk berunding dengan syarikat-syarikat supaya mengimbangkan penerimaan

kerja di antara belia-belia dengan beliawanis?

**Tuan Kalakau Untol:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh memang menyedari perkara ini dan mulai daripada tahun ini beberapa aduan telah kita terima. Dalam bulan Januari, tahun ini sahaja kita telah mendapat sebanyak 8 aduan dan telah dapat menyiapkan penyiasatan. Bulan Februari ada 19 aduan dan bulan Mac ada 22 aduan. Jumlah 49 aduan itu kita telah menyasiat dan tidak timbul perkara ini, tetapi dari semasa ke semasa Jabatan Tenaga Rakyat sentiasa mengambil kira perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan aduan-aduan telah diterima. Di sini saya hendak tahu dari segi aduan itu, berapakah tindakan yang telah diambil.

Yang kedua, soal pegawai-pegawai yang telah pergi temuduga dan sebagainya ke firma-firma ataupun kilang-kilang dan seterusnya, adakah benar-benar telah berlaku kerana apa yang saya dapat tahu mereka ini memang pergi tetapi dihabiskan di dalam pejabat sahaja, mereka berbincang dalam pejabat, selepas itu keluar, tidak dipanggil pekerja-pekerja untuk ditemuduga bersama bagaimana keadaan yang sebenarnya.

Yang ketiga, baru-baru ini, ini perkara yang berlaku, sebab apa saya sebutkan di dalam soalan ini, di Grand Continental Hotel yang ada di Jalan Raja Laut, berlaku perkara seumpama ini; ambil hari ini keluarkan besok, lusa tukar orang lain, kerana ini hendak mengikutkan kuota-kuota itu, tetapi yang lainnya adalah keturunan yang lain diambil. Perkara ini berlaku. Ada orangnya yang menjadi saksi dalam masalah ini, sebab itu perkara ini dibawa. Tetapi kalau Yang

Berhormat Timbalan Menteri mengatakan lebih kurang sahaja, rasa saya tidak memuaskan hati. Perkara ini berlaku di mana-mana sahaja.

**Tuan Kalakau Untol:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang ketiga yang begitu spesifik mengenai Grand Continental Hotel. Kementerian akan menyasiat perkara ini.

Mengenai dengan jawatan-jawatan dari segi perimbangan, memanglah menjadi dasar negara bahawa menghendaki semua syarikat supaya pengambilan pekerja hendaklah mencerminkan komposisi penduduk berbilang kaum dalam semua syarikat.

#### CGC—JAMINAN KEPADA PENGUSAHA KECIL

**2. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah Perbadanan Jaminan Credit (CGC) telah berupaya membantu mengembangkan perusahaan kecil di negara ini; dan
- (b) apakah faktor-faktor utama yang telah dikenalpasti oleh CGC yang melemahkan kekesanannya pelaksanaan skim ini dan setakat manakah langkah telah diambil bagi memperbaiki keadaan itu, sebelum ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Syarikat Jaminan Kredit iaitu CGC ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan jaminan kepada bank agar pengusaha-pengusaha kecil dapat memperoleh kemudahan kredit dari bank-bank perdagangan dengan lebih mudah dan dengan kos yang berpatutan. Ini adalah merupakan salah satu usaha untuk membantu membangun

dan mengembangkan perusahaan dan perniagaan kecil di negara kita ini. Sejak memulakan operasinya dalam tahun 1973, sehingga 31hb Mei, 1989, lebih daripada 160,000 pengusaha dan peniaga kecil telah dibantu dengan jumlah pinjaman bernilai lebih daripada \$2,851 juta. Sebagai perbandingan, kajian yang dibuat oleh Bank Dunia menganggarkan bahawa perusahaan kecil (bukan pertanian) adalah kurang daripada 130,000 dalam tahun 1978 di Semenanjung Malaysia. Oleh itu usaha CGC telah memberi kesan kepada kehidupan sebahagian besar daripada pengusaha dan peniaga kecil di negara kita ini,

- (b) Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan skim-skim kreditnya, CGC telah mendapati bahawa perniagaan dan perusahaan kecil mempunyai risiko yang tinggi dan kebanyakan daripada peniaga dan pengusaha kecil tidak mampu untuk menyediakan cagaran yang mencukupi atau tidak ada cagaran langsung. Ini menyebabkan pihak bank tidak begitu berminat untuk memberi pinjaman dalam kes-kes seperti ini. Bagi mengatasi masalah itu, CGC telah menyemak semula skim-skim kreditnya yang sedia ada dan memperkenalkan satu skim baru yang dinamakan Skim Jaminan Utama mulai 3hb April, 1989. Skim baru ini yang telah diubahsuai ini dipercayai dapat mendorong bank-bank agar memberi pinjaman yang lebih meluas kepada peniaga dan pengusaha kecil dengan risiko yang minima. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, CGC juga sedang dalam proses mewujudkan Biro Malumat Kredit bagi perusahaan kecil

untuk rujukan bank dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam usaha ini. Ini adalah dengan tujuan untuk menentukan bahawa matlamat membangun dan mengembangkan industri kecil dapat dicapai dengan lebih berkesan. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu Unit Pembangunan Perniagaan telah juga ditubuhkan untuk mengembangkan secara lebih aktif perusahaan-perusahaan kecil dan menyediakan perkhidmatan bimbingan teknikal untuk membangun dan menguatkan aktiviti perusahaan kecil.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, apakah yang dimaksudkan dengan Skim Jaminan Utama tadi. Adakah dalam bentuk jaminan itu boleh diberi oleh koperasikah ataupun persatuankah ataupun macam mana? Sebab kalau sekiranya dalam bentuk sekarang yang kita akan bincangkan dalam Akta Bank besok ataupun minggu depan, kita didapati bahawa perkara utama yang menghalang apa bentuk kemajuan ialah dengan cara meletakkan jaminan dan juga cagaran. Bagi negara-negara maju perkara ini tidak pernah dibuat. Hanya negara-negara membangun yang banyak menyekatkan pembangunan. Jadi, saya hendak tahu apakah bentuk jaminan terutamanya. Adakah jaminan dalam bentuk dibenarkan persatuan, koperasi ataupun badan-badan sahaja yang boleh menjamin Ahli-ahli daripada orang perseorangan mendapatkan penjamin-penjamin yang banyak menyusahkan Wakil Rakyat.

Yang keduanya, dari segi pembayaran balik sekarang, orang yang meminjam dengan CGC, adakah bagus ataupun tidak. Kalau bagus, mengapa perkara ini tidak diperbesarkan dalam bentuk Skim

Jaminan Utama tadi dan saya juga ingin bertanya dari segi komposisi kaum, dapatkah Yang Berhormat memberikan dari segi jumlah bumiputera dan bukan bumiputera yang terlibat dalam skim ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan ini menjadi tiga bahagian. Untuk menjawab bahagian pertama (a) iaitu saya ingin menyatakan bahawa skim yang baru yang saya katakan tadi ialah nama Skim Jaminan Utama, iaitu skim baru untuk menggantikan skim yang lama iaitu pinjaman khas untuk penjaja dan peniaga kecil sahaja. Dan dengan wujudnya, Skim Jaminan Utama ini syarat-syarat ataupun ciri-ciri utama yang ada di bawah Skim Jaminan Utama ini adalah lebih baik daripada skim yang lama tetapi untuk saya menerangkan apa ciri-ciri utama dengan secara terperinci, saya merasa panjang sedikit, saya boleh hantarkan satu naskah kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Jadi, soalan berkenaan dengan Koperasi tidak timbul. Untuk menjawab bahagian (b) berkenaan dengan adakah baik bahawa pihak-pihak yang meminjam membayar balik pinjaman yang mereka dapati daripada bank-bank perdagangan dan sebagainya, saya ingin di sini menyatakan bahawa khasnya pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan di bawah Skim Pinjaman Khas Penjaja dan Peniaga Kecil bukan sahaja bank-bank yang berkenaan yang menerima permohonan pinjaman itu tidak begitu berminat untuk memberikan pinjaman oleh kerana sesuatu kesukaran mereka akan hadapi apabila mereka telah diluluskan permohonan itu. Bukan sahaja dari segi itu tetapi juga peminjam-peminjam yang telah berjaya dalam mendapatkan pinjaman itu tidak begitu baik dari segi prestasi mereka membayar balik pinjaman itu. Saya rasa ini tidak begitu baik.

Walau bagaimanapun, untuk menjawab Bahagian (c) dari segi komposisi kaum, saya ingin minta maaf kerana saya tidak mempunyai maklumat ini. Saya minta notis. Terima kasih.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas mendapat pemberian pinjaman untuk membantu mengimbangkan perusahaan kecil di negara kita ini, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan, bagaimanakah prestasi perusahaan kecil setakat ini, adakah ia memuaskan ataupun meningkat ataupun tidak.

Kedua, adakah cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mencadangkan supaya menambahkan lagi kadar pinjaman skim CGC ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Bahagian (a) berkenaan dengan prestasi peniaga-peniaga kecil di negara kita ini, saya tidak dapat menjawab soalan ini secara langsung kerana ini mempunyai maklumat yang berlainan daripada apa yang saya ada di sini tetapi dalam ucapan saya ataupun jawapan saya tadi bahawa sehingga 31hb Mei, 1989, lebih daripada 160,000 pengusaha dan peniaga kecil telah dibantu dan mungkin ini telah membantu mereka dalam bidang-bidang mereka masing-masing. Dan juga bahawa kalau mengikut definisi Bank Dunia, hanya kurang daripada 130,000 dalam Semenanjung Malaysia boleh dikatakan atau dikategorikan di bawah kategori pengusaha ataupun peniaga kecil. Tetapi sehingga ini 160,000 orang ini telah dibantu. Ini mencerminkan bahawa CGC telah memberikan kesan yang besar. Kalau telah memberikan kesan yang besar, ini mencerminkan bahawa peniaga-peniaga kecil atau pengusaha-pengusaha kecil telah mendapat bantuan untuk mempertingkatkan perniagaan atau tahap perniagaan mereka.

Untuk menjawab Bahagian (b) berkenaan dengan kadar, adakah Kerajaan timbang mempertingkatkan kumpulan wang untuk maksud ini, ada kemungkinan bahawa Kerajaan mungkin meningkatkan jikalau perlu. Tetapi baru-baru ini Kerajaan telah meningkatkan jumlah kumpulan wang yang telah diluluskan untuk skim pinjaman khas penjaja dan peniaga kecil daripada \$30 juta kepada \$50 juta untuk faedah-faedah penjaja dan peniaga kecil di dalam negara kita ini.

### CUKAI DAN ROYALTI ATAS BUIH TIMAH

**3. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang untuk mengurangkan cukai dan royalti ke atas bijih timah, jika ada, sebutkan usaha-usaha, butir-butir yang sedang dan akan dijalankan; jika tidak, mengapa.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, semua jualan bijih timah kepada pelabur-pelabur adalah dianggap sebagai eksport yang dikenakan cukai eksport oleh Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Cukai tersebut dikenakan berasaskan kepada harga ditetapkan berasaskan kepada harga logam timah, di mana cukai hanya akan dikenakan apabila harga logam timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM) melebihi paras ambang \$26.40 sekilogram.

Berhubung dengan kutipan royalti oleh pihak Kerajaan Negeri Perak mulai 1 Jun 1989, suka saya jelaskan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambilkira keperluan Kerajaan Negeri Perak memperolehi pendapatan bersumber daripada perusahaan melombong di negeri tersebut. Sejak tiga tahun kebelakangan, akibat kejatuhan harga

timah di bawah paras ambang penggunaan cukai eksport, Kerajaan Negeri Perak telah tidak memperolehi hasil 10 peratus daripada cukai eksport timah yang dilombong di-negeri tersebut. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan usaha-usaha pembangunan di negeri berkenaan. Permohonan kutipan royalti telah dibincangkan dengan pihak perusahaan yang bersetuju bahawa ianya adalah berasas. Berdasarkan persetujuan ini, pihak Kerajaan telah menggubal satu formula kutipan royalti yang mengimbangkan kedua-duanya kepentingan Kerajaan Negeri Perak memperolehi hasil dan keperluan mengurangkan kos serta beban pihak perusahaan melombong. Setelah mengambilkira kos purata pengeluaran, Kerajaan mendapati bahawa kutipan royalti mulai harga timah \$20.00 sekilogram adalah berpatutan dan berasas. Perlu dijelaskan di sini bahawa kadar kutipan royalti akan berkurangan apabila cukai eksport mulai dikutip oleh Kerajaan Persekutuan pada paras \$26.40.

Buat masa ini, pihak Kerajaan Persekutuan dengan bantuan pakar-pakar daripada United Nations Development Program (UNDP) sedang mengadakan kajian ke arah penggubalan satu dasar pembangunan mineral yang mana perkara-perkara berhubung dengan struktur percukaian juga dikaji. Apabila kajian yang menyeluruh ini selesai kelak, pihak Kerajaan berpendapat bahawa kedudukan percukaian di dalam perusahaan melombong akan diberi perakuan sewajarnya bagi menarik pelaburan di bidang tersebut.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, bukankah Kerajaan hanya kutip cukai eksport sahaja dan kembalikan 10% kepada negeri yang di mana negeri itu mengeluarkan bijih timah. Berkenaan dengan perkara ini

adakah Kerajaan bercadang cukai-cukai eksport yang dikembalikan kepada negeri itu ditambahkan? Kalau tidak, menjadikan satu keadaan di mana Kerajaan hanya kutip sebahagian besar sahaja, yang sebahagian kecil dan rumit itu dikembalikan ke negeri di mana bijih timah itu dikeluarkan.

Soalan kedua, menurut jawapan daripada Menteri berkenaan dengan cukai perlombongan yang disyorkan dan yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan di mana harga bijih timah itu naik sampai ke tahap \$22.00 di mana negeri boleh dicukaikan cukai perlombongan itu dan apabila meningkat kepada \$24.00 atau \$26.00 cukai itu bertambah ganda. Adakah benar? Jikalau benar, adakah arahan atau perintah ini daripada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri di mana akan menjejaskan industri perlombongan di negeri Perak oleh kerana Perak adalah sebuah negeri yang mengeluarkan bijih timah yang paling banyak, bukan hanya di Malaysia, mungkin di dalam dunia juga. Nampaknya Yang Berhormat Menteri datang dari negeri Perak, adakah Menteri bercadang untuk menolong ataupun memberi cadangan yang lebih elok lagi di mana perusahaan timah di negeri Perak itu boleh dapat dihidupkan semula oleh kerana pada masa kemelesetan ekonomi, bijih timah itu tidak mati dan tidak hidup. Sekarang bila harga bijih timah naik sedikit, hendak cukai lagi. Adakah ini satu langkah yang tidak menolong perusahaan di negeri Perak? Jikalau benar, adakah Yang Berhormat Menteri sebagai seorang daripada negeri Perak seperti kacang lupukan kulit?

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Pasir Pinji bercakap sebagai seorang pakar pelombong. Tetapi cukai eksport yang berasaskan kepada paras ambang harga logam timah \$26.40 sekilogram telah mula

dikutip sejak 22 Oktober 1982. Kerajaan Persekutuan masih tidak ada cadangan untuk menambahkan bahagian yang diserahkan kepada negeri Perak iaitu tidak lebih daripada 10%. Tetapi Yang Berhormat tahu tiga tahun yang kebelakangan ini Kerajaan Persekutuan langsung tidak ada kutip apa-apa cukai eksport, sebab harga timah tidak melebihi dari \$26.40. Apa Yang Berhormat tahu, berapa peratus atas kosong, kosong juga. Apa mahu tambah, 20% kepada kosong, kosong. 10% kepada kosong pun kosong. Apa mahu tambah, apa mahu kurang lagi. *(Tepuk)* Baru . . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya ingat . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Pinji, nanti sekejap!

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya ingat Yang Berhormat tidak faham. Saya sebutkan cukai perlombongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:** Cukai perlombongan saya ada dengar, cukai perlombongan adalah bahagian yang kedua, bahagian yang pertama yang ditanya oleh Yang Berhormat ialah berkenaan cukai eksport. Sekarang dia sudah jadi kelam-kabut, *(Ketawa)* dia tidak tahu cukai eksport, cukai perlombongan, *(Ketawa)* itu pun dia tidak faham, *(Tepuk)* okay, all right. Dengan itu tidak ada cadangan untuk menambahkan apa bahagian yang akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Perak.

Yang kedua, berkenaan cukai perlombongan atau kita panggil royalty. Dalam jawapan saya Yang Berhormat tidak dengar baik-baik, saya baru jelaskan cukai perlombongan atau royalty hanya dimulakan pada paras \$20 bukan \$22. \$20 sehingga \$21.99 Kerajaan Negeri Perak hanya kutip 1%, \$22 kepada

\$23.99 hanya 1<sup>1</sup>/<sub>2</sub>% dan \$24 sehingga \$26.40 hanya kutip 2%. Selepas itu Kerajaan Negeri tidak menaikkan peratus kutipan itu tetapi Kerajaan Negeri Perak akan mengurangkan kutipan ini dengan diatur Kerajaan Negeri Perak akan mendapat balik dari 10% kepada cukai eksport yang akan diserahkan kepada Negeri Perak bila Kerajaan Persekutuan mulai untuk mengutip cukai eksport pada paras \$26.40 sen. Ini bermakna adalah adil. Dan saya telah jelaskan di mana perusahaan-perusahaan telah menerima, telah bersetuju atas cadangan ini yang mana adalah adil dan berasas. Dengan itu, saya ingat apa yang difikirkan di mana saya kacang lupakan kulit, atau kulit lupakan kacang ini tidak benar. (*Tepuk*) Saya datang dari Perak, saya tahu apa yang baik untuk Perak dan keluarga saya dahulu pun, bukan sekarang, adalah di dalam perusahaan perlombongan juga, bapa saya dahulu ada lombong tetapi sekarang tidak ada lombong lagi. (*Ketawa*) Sebab atas mana lombong akan didirikan, bukan hanya jatuh kepada paras harga bijih juga, kalau harga bijih yang tinggi sekali tetapi tanah tidak ada bijih timah apa guna mahu buka lombong, korek apa, (*Ketawa*) korek tanahkah. (*Ketawa*) Itulah Yang Berhormat mesti tahu kita sudah kerja tanah 100 tahun, korek demi korek, korek lagi, lagi korek sehingga sekarang mana ada bijih lagi. Kalau ada bijih boleh bukalah tetapi saya ingat dalam kos pengeluaran \$26.40 adalah adil di mana Kerajaan Persekutuan mulai untuk mengutip cukai eksport.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya diberi mandat untuk bertanya soalan No. 4 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu bagaimana (*Ketawa*) dalam masa Soal Jawab ini ada mandat. (*Ketawa*)

Saya pun teringin hendak tahu mandat daripada siapa agaknya. (*Ketawa*)

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar.

(*Soalan No. 4 Y. B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar tidak hadir.*)

## ASEAN PROJEK YANG DIPERSETUJUI

**5. Dato' Peter Tinggom anak Kamarau** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah ASEAN Projek yang dipersetujui oleh Negara-negara ASEAN pada masa itu telah dapat dibina oleh negara masing-masing dan apakah butir-butir projek yang dipersetujukan itu untuk sesebuah negara. Nyatakan juga projek yang belum dibina dan apa sebabnya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzit bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 3 ASEAN Industrial Projects, dengan izin (AIPs) dari 5 yang dikenalpasti pada mulanya telah pun dibina oleh negara-negara ASEAN. Tiga AIPs yang berkenaan ialah:

- (i) ASEAN Aceh Fertilizer (AAF) di Aceh Indonesia,
- (ii) ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. di Bintulu Malaysia; dan
- (iii) ASEAN Copper Fabrication Projek di Filipina.

ASEAN Hepatitis B Vaccine Project, dengan izin, oleh Singapura dan ASEAN Rock-Salt-Soda Ash oleh Thailand telah pun dibatalkan oleh kedua-dua negara berkenaan.

Singapura dan Thailand telah tidak melaksanakan projek yang berkenaan kerana projek itu tidak menguntungkan disebabkan faktor ekonomi yang telah berubah. Singapura dan Thailand pula pada masa kini sedang mengenalpasti satu

projek yang lain sementara Thailand telah pun mencadangkan projek ASEAN Potash Mining untuk dilaksanakan. Sukacitalah juga saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa persetujuan untuk membina projek-projek industri yang besar oleh ASEAN adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan serantau melalui kerjasama berasaskan persamaan hak dan perkongsian demi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN.

Perjanjian asas AIPs yang ditandatangani oleh negara-negara ASEAN pada 6hb Mac, 1980 di Kuala Lumpur membuat beberapa peruntukan mengenai prinsip-prinsip dasar, ekuiti, pengurusan, kewangan, peraturan perdagangan istimewa, cukai pemulangan pertukaran asing, prinsip-prinsip harga keluaran AIPs dan lain-lain lagi untuk menjamin kejayaan projek-projek yang dipersetujui itu bersama. Pada masa kini projek-projek AIPs di Indonesia dan di Malaysia telah pun dimulakan operasinya sementara Copper Fabrication Project di Filipina sedang dalam peringkat pembinaan.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu jumlah saham Malaysia dalam ketiga syarikat industrial project ini di Aceh, Bintulu dan juga di Filipina dan juga berapa keuntungan yang dikutip oleh Malaysia daripada pelaburan dalam syarikat tersebut dan dari segi management sama ada orang kita ditempatkan di projek di Filipina dan juga di Aceh, Indonesia.

Kedua, ada ura-ura untuk mengadakan satu loji baru, satu loji sampingan ABF Bintulu, saya ingin tahu sama ada Kerajaan telah membuat keputusan tentang projek sampingan loji baru ini dan besar pelaburan dan cadangan pelaburan yang dimiliki oleh semua negara

ASEAN dalam projek yang akan diadakan di Bintulu.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, butir-butir jumlah saham yang dipunyai oleh negara-negara ASEAN ketika ini tidak dapat saya lampirkan di sini, terpaksa kita rujuk kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi mendapatkan butir-butir yang tepat berkenaan dengan saham-saham ekuiti yang dipegang oleh negara-negara berkenaan dalam ASEAN.

Tentang pekerja-pekerja yang berkenaan iaitu yang mana projek itu bertempat di Malaysia didapati kesemuanya pekerja-pekerjanya datang daripada warganegara Malaysia. Projek yang dibuat di Filipina rakyat Filipina yang menjadi pekerja-pekerja di sana, dan begitu juga di Indonesia dan di lain-lain tempat. Cuma kalau ada pun hanyalah seorang dua sahaja rakyat yang luar daripada negara yang mengeluarkan bahan-bahan itu yang dibawa daripada negara-negara jiran. Berkenaan projek loji baru ABF di Bintulu itu masih dalam pertimbangan pihak Kerajaan dan kita belum lagi membuat keputusan apa-apa.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Timbalan Menteri, adakah ASEAN ini pada beberapa tahun kebelakangan ini mencadangkan mengadakan satu kilang untuk mensynthesiskan ubat tetracycline iaitu anti-biotics dan apakah telah terjadi kepada cadangan ini? Kalau projek ini tidak boleh dilanjutkan, adakah Kerajaan bercadang di bawah projek ini mendirikan faktori untuk mensynthesiskan ubat-ubat utama, sebab di rantau ASEAN ini tidak ada langsung kilang yang boleh mensynthesiskan ubat essential ini?

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada cadangan untuk membuat

sebuah kilang untuk mensynthesiskan ubat tetracycline dan sekiranya ada keperluan kita akan memikirkannya untuk membuat ubatan di peringkat ASEAN dan ini akan dipertimbangkan oleh negara-negara berkenaan.

## TANAH SAWAH TERBIAR

**6. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) keluasan tanah sawah yang terbiar pada tahun 1987 dan 1988; dan
- (b) strategi/langkah untuk mengurangkan tanah sawah terbiar buat jangkamasa yang pendek dan panjang.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Pertanian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Luhah Wan:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Keluasan tanah sawah terbiar pada tahun 1987 ialah 87,338 hektar manakala pada tahun 1988 keluasan tersebut telah berkurangan kepada 78,338 hektar hasil daripada projek pemulihan sawah terbiar seluas lebih kurang 9,000 hektar yang dilaksanakan pada tahun 1988.
- (b) Di dalam usaha untuk mengurangkan tanah sawah terbiar Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah jangkamasa pendek dan panjang. Di antara langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut:
  - (i) melantik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menjadi agensi utama untuk mengesan dan menyelaras pelaksanaan projek-projek di bawah

program-program ini LPP dengan menggunakan khidmat Pertubuhan Pertubuhan Peladang Kawasan menjalankan usaha-usaha mengenalpasti tuan-tuan tanah sawah terbiar dan juga persetujuan mereka untuk memajukan tanah sawah terbiar;

- (ii) menyediakan peruntukan kewangan bagi membiayai kos infrastruktur meliputi perbelanjaan pengairan, jambatan dan jalan ladang. Bagi kos-kos pembangunan yang lain, Kerajaan telah menyediakan pinjaman di bawah Bank Pertanian Malaysia dengan dikenakan syarat-syarat pinjaman yang mudah.
- (iii) menubuhkan sebuah Pasukan Petugas di peringkat kebangsaan untuk merancang dan mengawasi program ini di seluruh negara. Pelbagai jabatan dan agensi yang berkaitan menganggotai pasukan ini;
- (iv) menyediakan bantuan, kemudahan-kemudahan dan galakan yang sewajarnya bagi menggalakkan pihak swasta dan siswazah-siswazah mengerjakan tanah terbiar; dan
- (v) bagi mengelakkan tanah sawah yang telah dipulihkan terbiar semula, Kementerian telah menggalakkan projek pemulihan dibuat secara berkelompok atau penguurusan secara mini eset di bawah pengendalian Pertubuhan Peladang Kawasan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kadangkala daftar yang diberi ini selalunya ditumpukan kepada Semenanjung Malaysia. Jadi, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah 87,000 hektar tanah terbiar untuk tahun 1987 dan 78,000 hektar pada tahun 1988 itu termasuk juga yang di Sabah dan Sarawak, itu pertama. Keduanya, tanah terbiar ini kadang-kadang susah juga kita hendak mendifferensasikan. Kadangkala tanah yang tidak pernah dikerjakan pun nampak macam tanah terbiar—tanah yang belum pernah dikerjakan, yang sudah dikerjakan memang itu terbiar. Tetapi di Sarawak ada tanah yang dikerjakan oleh orang-orang di pendalaman, di kaki gunung, di bukit-bukau dan sebagainya itu selepas ditanam tahun pertama ditinggalkan. Itu pertanian pindah randah dan itu mesti dilakukan kerana kalau tidak, tanah itu tidak subur lagi di masa akan datang. Jadi, adakah ini juga dikatakan tanah terbiar? Dan dalam soal ini, apakah kriteria ataupun cara-cara yang ditentukan oleh pihak Kerajaan untuk mendefinisikan tanah itu terbiar atau tidak. Yang ketiganya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat dengan kedua itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Terima kasih.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat angka-angka yang saya sebut tadi ialah hanya berkenaan Semenanjung Malaysia, tidak termasuk Sabah dan Sarawak oleh kerana bidang pertanian negeri Sabah dan Sarawak itu ada di bawah bidang Kerajaan Negeri dan kita dari Federal di sini tidak terlibat sedikit pun mengenai masalah itu.

Mengenai soalan Yang Berhormat tadi mengatakan orang yang membuat ladang huma berpindah randah seperti

yang disebut tadi, itu soalan lain sebab ini hal sawah terbiar tidak termasuk tanah-tanah bukit sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bahasa Melayu adalah bahasa yang indah. Jangan mempersendakan dengan menggunakan mendifferensasikan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa pertanyaannya?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bekas Timbalan Menteri Pelajaran, jangan capak macam itu, guna bahasa elok-elok. Soalan tambahan, dalam Kanun Tanah Negara yang baru dipinda, kalau saya tidak silap membenarkan pihak Kerajaan mengambil tanah terbiar dan membangunkannya. Apakah pendekatan itu dibuat sekarang? Yang kedua, diberi kepada LPP—Yang Berhormat sebut LPP, LPP sebenarnya—diberi untuk LPP untuk membangunkannya, tetapi kita mendapati laporan untuk di Pulau Pinang dan juga di Perak pengusaha-pengusaha daripada Perlis dan Kedah ingin hendak bangunkan tanah terbiar ini di Pulau Pinang, Perak dan juga Negeri Sembilan, tetapi tidak dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa negeri yang berkenaan. Apakah Kementerian Pertanian, sebab Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri Pertanian, boleh berbuat sesuatu untuk membenarkan pengusaha persendirian ini untuk tampil dan mengusaha tanah terbiar? Kalau kita benarkan pengusaha-pengusaha persendirian dalam masa sebulan, seluruh tanah terbiar dalam Malaysia tidak akan terbiar lagi. Jadi, adakah hendak beri LPP sahaja ataupun kepada orang perseorangan dengan menggunakan Kanun Tanah Negara yang baru dipinda baru-baru ini?

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, ketika ini pihak Kementerian Pertanian menjalankan rancangan ini ialah seperti yang saya sebutkan dalam jawapan saya tadi yang kebanyakannya diuruskan menerusi LPP. Yang masalah kini yang dihadapi oleh Kementerian Pertanian iaitu sangat sukar bagi Kementerian itu mengesan tuan tanah. Jadi, ambil masa yang panjang bagi Kementerian ini untuk menyelidiki siapakah tuan tanah. Jika mereka sudah dapat nama-nama orang yang mempunyai kawasan itu ada kemungkinan besar juga bagi Kementerian Pertanian dapat menghubungi mereka itu dan memujuk mereka itu membiarkan tanah ataupun bendang padi mereka itu diusahakan oleh orang-orang yang sanggup mengerjakannya.

#### **BANK/INSTITUSI KEWANGAN—PENGAMBILAN- ALIH OLEH BANK NEGARA**

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan syarikat kewangan bermasalah yang diambilalih oleh Bank Negara sehingga akhir Mei 1989 dan kerugian terkumpul bagi syarikat-syarikat kewangan ini. Apakah langkah-langkah, yang telah diambil untuk menutupi kerugian-kerugian ini; dan
- (b) jumlah bilangan bank bermasalah yang diambilalih oleh Bank Negara sehingga akhir Mei 1989; nyatakan kerugian yang dialami oleh bank-bank ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menutupi kerugian.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian (a) dan (b) kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu

adalah berkaitan dengan isu yang sama. Dengan itu saya bercadang untuk menjawabnya secara serentak,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir bulan Mei 1989, sebanyak 4 buah bank perdagangan dan 4 buah syarikat kewangan telah diambilalih oleh Bank Negara Malaysia.

Jumlah kerugian terkumpul bagi bank-bank berkenaan pada masa ini adalah sebanyak \$1,074.8 juta manakala bagi syarikat-syarikat kewangan berkenaan pula adalah sebanyak \$511.7 juta.

Langkah-langkah utama yang diambil oleh Bank Negara adalah mengatasi masalah kerugian institusi-institusi kewangan itu termasuk dengan cara menambah modal dalam institusi-institusi kewangan itu serta menyusun semula lembaga pengarah dan kakitangan pengurusan mereka.

**Tuan Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan nama bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang berkenaan yang telah diambilalih oleh Bank Negara dan bilakah pengambilalih tersebut dilakukan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan yang dibangkitkan tadi nasib baiklah saya mempunyai maklumat yang terperinci.

Nama empat buah bank berkenaan yang diminta ialah:

<i>Nama Bankl Institusi Kewangan:</i>	<i>Tahun diambil alih'</i>	<i>Kerugian semasa diambilalih</i>
(1) United Asian Bank	1986	\$458juta.
(2) Perwira Habib Bank	1986	\$673 8juta
(3) Sabah Bank Bhd	1987	\$157.8 juta.
(4) Oriental Bank Bhd.	1988	\$60.9 juta.

(5) Supreme Finance Bhd.	1987	\$85.9 juta.
(6) Eu Finance Bhd.	1987	\$58.0 juta.
(7) Visia Finance Bhd.	1987	(Maaf — tidak ada angka)
(8) First Malaysia Finance Bhd.	1989	\$114.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Visia Finance Berhad, apabila syarikat kewangan ini diambilalih, walaupun mereka tidak mempunyai kerugian terkumpul tetapi telah juga diambilalih oleh kerana pada pertimbangan Bank Negara kedudukan syarikat kewangan ini sedang merosot.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerangkan apakah kriteria yang ditentukan sebelum Bank Negara bertindak untuk mengambilalih sesuatu bank atau syarikat kewangan?

Yang Kedua, mengenai Bank-bank atau Syarikat-syarikat kewangan yang telah diambilalih oleh Bank Negara, saya ingin mendapat tahu sama ada Bank Negara telah mengenalpasti peminjam-peminjam besar yang belum menjelaskan pinjaman-pinjaman mereka dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Bank Negara untuk menuntut balik pinjaman-pinjaman itu dan sama ada Bank Negara menentukan rangka masa untuk menuntut balik pinjaman-pinjaman yang berkenaan?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian (a) berkenaan dengan apakah kriteria yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia untuk menentukan bahawa Bank-bank atau Syarikat-syarikat kewangan yang berkenaan itu harus diambilalih. Sebahagian daripada kriteria yang digunakan oleh Bank Negara ialah sama ada kerugian yang dialami oleh Bank-bank atau Syarikat-syarikat kewangan itu adalah besar

atau tidak; prestasi Lembaga Pengarah institusi-institusi kewangan itu serta juga kemungkinan kriteria yang lain yang saya tidak dapat sebutkan oleh kerana saya tidak duduk dalam Lembaga Bank Negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, oleh kerana Ahli Yang Berhormat membangkitkan soalan yang berkenaan, jika beliau berminat, saya boleh meminta pihak yang berkenaan memberikan kriteria yang secukupnya kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan peminjam-peminjam yang telah mendapat pinjaman daripada institusi-institusi kewangan yang mengalami kedudukan kewangan yang buruk, pihak Bank Negara apabila mengambilalih institusi-institusi kewangan yang berkenaan tentulah mengambil tindakan yang terusnya untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman yang telah diberikan itu dengan secepat mungkin dan manamana yang tidak dapat diambilalih, Bank Negara akan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai dan juga akan menyiasat sama ada pinjaman-pinjaman yang telah diberikan itu telah diproses mengikut peraturan yang betul dan baik.

#### PENGANGGURAN BELIA— MENGATASI MASALAH

**8. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah peranan Kementerian dalam usaha mengatasi masalah pengangguran yang semakin bertambah di kalangan belia terutama di kawasan luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedar dan sentiasa mengambil berat mengenai masalah pengangguran di kalangan belia di negara ini terutama di kawasan luar bandar.

Bagi tahun 1989 ini, Kementerian Belia dan Sukan telah mengatur strategi dan perancangan program bersepadu yang dapat menggalakkan belia melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan keusahawanan dan pertanian secara sepenuh masa.

Dalam melaksanakan program-program bagi mencapai matlamat tersebut Kementerian akan memberi keutamaan dan perhatian yang lebih kepada belia-belia dari kawasan luar bandar dan dari keluarga yang miskin. Di antara program-program yang dilaksanakan ialah:

- (1) Melahirkan belia berdikari dengan mengadakan kemudahan pemberian pinjaman modal melalui Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia bagi program Rancangan Belia Berniaga, Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan Belia Peladang. Rancangan-rancangan tersebut adalah bertujuan untuk melahirkan usahawan dan petani moden di kalangan belia. Dalam tahun 1989, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$6 juta kepada Tabung ini bagi melaksanakan ketiga-tiga rancangan tersebut.
- (2) Kementerian Belia dan Sukan juga memberikan penekanan di dalam melatih belia-belia dalam pelbagai bidang kemahiran sama ada secara institusi atau tidak berinstitusi sebagai persediaan sebelum menceburkan diri dalam alam pekerjaan atau usaha sendiri. Latihan ini selain daripada memberi penekanan kepada kemahiran ianya juga menekankan aspek-aspek kerohanian, ketahanan diri, pembinaan sikap dan motivasi sesuai dengan cita-cita Kerajaan bagi melahirkan satu masyarakat belia yang bertanggungjawab dan progresif dalam se-

tiap lapangan yang diceburi. Sehubungan dengan ini, program-program yang dilaksanakan termasuklah:

- (a) memberi kemahiran teknik dan vokasional melalui Pusat-pusat Latihan Belia seperti di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Pertak, Pusat Latihan Belia Skudai dan Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu;
- (b) memberi latihan kemahiran melalui program Latihan Sambil Bekerja dan Latihan Industri Tempatan di daerah-daerah dan pekan-pekan baru yang wujud hasil dari pembangunan negara;
- (c) bekerjasama dengan Persatuan-persatuan Belia Tempatan dalam menganjurkan kursus-kursus kemahiran tertentu bagi kepentingan belia setempat;
- (d) memperbanyakkan latihan dan kursus Pengurusan Perniagaan dan Pertanian di peringkat Negeri;
- (e) mewujudkan Bengkel Teknologi Desa di setiap daerah bagi tujuan memberi latihan kemahiran serta mewujudkan belia berdikari;
- (f) memberi pengiktirafan kepada usaha-usaha belia melalui program Anugerah Tahunan Usahawan Muda;
- (g) memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada usahawan-usahawan belia agar dapat mereka memperkembangkan projek-projek yang diusahakan dengan harapan ianya akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan tambahan kepada belia-belia.

Adalah diharapkan dengan adanya kemahiran yang diberikan kepada golongan belia serta kemudahan-kemudahan yang disediakan itu para belia akan dapat merebut peluang bagi menjalankan perniagaan, perusahaan atau pertanian serta mendapat pekerjaan hasil dari pengwujudan projek-projek tersebut.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini berapakah pertambahan belia-belia yang menganggur di negara kita ini. Kedua, seramai manakah belia-belia menganggur kita telah mencebur din dalam bidang perusahaan dan juga dalam bidang pertanian.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, angka pengangguran pada hari ini saya tidak dapat beri dengan tepatnya kerana dari semasa ke semasa angka-angka yang lalu telah ditampungi dengan pekerjaan-pekerjaan yang kita wujudkan dari semasa ke semasa. Namun begitu saya yakin dan percaya dengan program-program yang saya sebutkan baru sekejap di dalam Dewan ini angka itu dapat kita kurangkan dan banyak daripada bilangan-bilangan belia telah diberi peluang untuk mewujudkan kerja-kerja mereka di bidang pertanian dan keusahawanan sama ada menerusi Bengkel-bengkel Teknologi Desa dan lain-lain program yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:**

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau mengikut apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, naik sedikitlah pangkatnya; bahawa kalau ikut itu memang tidak ada penganggur lagilah. Itu kalau mengikut apa yang diberitahu, memang tidak ada lagi. Tetapi, pengangguran masih ada. Salah satu sebabnya saya dapati ialah penerangan yang diberi kepada belia-belia itu tidak cukup, melalui

televisyenkah, masa mediakah, tidak cukup. Ramai yang saya jumpai para belia ini tidak tahu apa hendak dibuat. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya apa yang ada kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mudah-mudahan menjadi Timbalan Menteri. Jadi, apakah langkah diambil untuk menentukan supaya penjelasan yang berkesan akan diberi kepada mereka ini supaya mereka faham akan apa yang ada dalam rancangan pihak Kementerian untuk menentukan pengangguran itu berkurangan. Itu yang pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, masa tidak ada. Cukuplah.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, soal penerangan kepada para belia sudah kita buat menerusi pejabat-pejabat belia di daerah di seluruh negara kita ini, lagi pun dibantu oleh Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri dan Majlis-majlis Belia Daerah. Tak tahulah saya sama ada ada Wakil Rakyat Simunan memberi khidmat yang begitu baik di dalam menyampaikan penerangan-penerangan kepada rakyat di kawasan yang beliau wakili. Tetapi setakat di Semenanjung ini saya berkefahaman bahawa penerangan-penerangan begini, sampai. Tinggal lagi pengangguran yang ada kerana maklum sahajalah \$6 juta yang saya sebutkan tadi sudah tentu tidak cukup kepada 4.5 juta belia-belia di dalam negara kita ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya adakah pihak Kerajaan bercadang hendak mewujudkan Menteri Belia dan Sukan untuk bertani pula. Pada masa sekarang Menteri ini lebih dikenali sebagai "Menteri Sukan". Sebab dalam Vision Four pun ada, dalam Mas pun rata-rata ada. Tetapi untuk

promote bahagian perniagaan dan pertanian tidak ada, tidak nampak muka Menteri, satu.

Yang keduanya, penagih dadah ada 400,000 dalam negara ini dan 70% adalah belia-belia. Apakah program daripada Kementerian ini untuk hendak menyelamatkan penagih dadah ini daripada terus menjadi bangkai bernyawa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang pertama itu tidak bersangkutan. Jawab yang kedua.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, soal penagihan dadah di kalangan belia-belia, di Kementerian Belia dan Sukan sendiri ada satu unit bagi mengatasi penyalahgunaan dadah di kalangan belia-belia dengan memberi penerangan-penerangan kepada belia-belia di dalam kursus-kursus. Di samping itu kita juga bekerjasama dengan PEMADAM dan lain-lain agensi Kerajaan yang mempunyai tujuan dan matlamat yang sama untuk hendak membasmi atau menyekat belia-belia kita daripada penyalahgunaan dadah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Pertanyaan Soal Jawab Mulut sudah habis.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 4 dan 9 hingga 70 adalah diberi di bawah ini).*

#### TENTERA MALAYSIA DI NAMIBIA

**4. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pertahanan menjelaskan:

- (a) berapakah jumlah tentera kita ke Namibia, dan sampai bilakah tempoh masa mereka di sana;

(b) apakah imbuhan-imbuhan sampingan kepada mereka oleh Kerajaan kita dan Bangsa-bangsa Bersatu; dan

(c) bagaimanakah kedudukan kesihatan dan kebajikan mereka di sana kerana iklim di sana agak panas.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Larut yang dijadualkan pada 27 Jun 1989, kerana kedua-dua soalan ini mengenai perkara yang sama.

Jawapan kepada soalan,

(a) Jumlah kekuatan Kontinjen Malaysia yang bertugas di Namibia ialah seramai 889 anggota dan mereka akan berada di sana untuk jangka masa satu tahun.

(b) Di antara imbuhan-imbuhan sampingan yang diterima oleh anggota kita di sana di samping gaji bulanan ialah:

(i) Elaun Gejala hidup—889  
x \$200 x 12-52,133,600

(ii) Elaun Khas dalam Dollar  
US

US\$

(a) Kol 1 x 9,060  
\$755 x 12

(b) Lt Kol 3 x 26,928  
\$748 X 12

(c) Mej 31 x 258,912  
\$696 x 12

(d) Kapt 32 x 258,432  
\$673 x 12

(e) Lt/Lt.M2) 159,516  
x \$633 x  
12

---

712,848

---

(f)	PW1 1 x	6,924
	\$577 x 12	
(g)	PW2 7 x	48,468
	\$577 x 12	
(h)	SSjn 19 x	122,436
	\$537 x 12	
(i)	Sjn 43 x	277,092
	\$537 x 12	
(j)	Kpl 108 x	653,184
	\$504 x 12	
(tc)	LKpl 139	840,672
	x \$504 x	
	12	
(l)	Pbt 484 x	2,927,232
	\$504 x 12	

---

4,876,008

---

Elaun-elaun yang akan diperolehi—kerana bertugas di Namibia dikecualikan daripada cukai.

- (c) Alhamdulillah setakat ini semua anggota tentera kita di Namibia berada di dalam keadaan sihat dan memuaskan. Mengikut laporan dari pihak PBB prestasi yang ditunjukkan oleh Kontinjen Malaysia di sana adalah sangat membanggakan. Ini telah disampaikan sendiri oleh perwakilan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kepada Kementerian Pertahanan. Prestasi yang ditunjukkan oleh Kontinjen kita bukan sahaja mendapat pujian dari pihak PBB juga dari penduduk Namibia itu sendiri. Perwakilan SWAPO semasa memberi taklimat di PBB pada 2 Jun 89 memuji dan telah mensifatkan pasukan kita sebagai satu pasukan yang tidak bersifat berat sebelah (impartial) semasa menjalankan tugas. Dengan semangat yang ditunjukkan oleh Kontinjen Malaysia ini saya yakin mereka akan dapat mengekalkan

prestasi dan sekali gus mengharumkan nama Negara.

Kelengkapan senjata yang dibawa oleh Kontinjen kita ialah senjata persendirian, pistol dan senjata-senjata bantuan Kompeni dan Platun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada perbelanjaan yang dikenakan kepada Kerajaan Malaysia melainkan pembayaran gaji dan elaun biasa tentera. Semua pembayaran dibiayai oleh PBB.

### LEBAR JALAN PERSEKUTUAN

**9. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah lebar Jalan Raya Persekutuan (Road Reserved for Federal Road) dari pertengahan jalan ke kiri dan kanan jalan raya, dan kalaulah Jalan Raya Persekutuan melalui tanah orang perseorangan berapakah bayaran yang patut dikenakan atas seekar tanah dibayar kepada tuan punya tanah, dan bolehkah tuan punya tanah bercucuk tanam atas tanah tersebut.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan):** Lebar Jalan Persekutuan berbeza dari 20 m ke 60 m bergantung kepada fungsi jalan raya berkenaan. Misalnya jalan-jalan luar bandar seperti jalan masuk ke FELDA dan FELCRA lebarnya ialah 20 m. Manakala jalan raya Persekutuan utama yang menghubungkan bandar-bandar besar, lebarnya adalah di antara 30 m hingga 40 m. Bagi Lebuhraya berkembar dua hala lebarnya adalah 60 m. Lebar-lebar tersebut adalah keseluruhan rizab jalan daripada kiri ke kanan, iaitu meliputi permukaan jalan dan bahu jalan.

Berhubung dengan bayaran pampasan ke atas tanah yang dilalui oleh jalan raya, Kerajaan akan membayar pampasan mengikut penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian. Biasanya penilaian dibuat berdasarkan

kepada harga semasa. Tanah yang diambil alih bagi kegunaan jalan raya tidak dibenarkan bercucuk tanam kerana ini mengganggu proses pelaksanaan projek tersebut. Walau bagaimanapun sekiranya pelaksanaan projek jalan ditangguhkan pihak tuan tanah bolehlah memohon pertimbangan untuk mendapat kebenaran daripada Kementerian Kerja raya untuk bercucuk tanam sementara waktu sehingga projek berkenaan dilaksanakan.

Bagi jalan raya yang telah siap dibina dan mempunyai bahu jalan, orang ramai tidak dibenarkan sama sekali bercucuk tanam atas bahu jalan tersebut kerana ini merbahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya.

#### CAWANGAN BANK NEGARA DI LONDON

**10. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Kewangan menyatakan berkaitan dengan perasmian Cawangan Bank Negara di London oleh Perdana Menteri pada 26hb Mei, 1989:

- (a) apakah tugas Cawangan Bank Negara di London;
- (b) berapakah jumlah pembelian/sewaan untuk bangunan cawangan Bank Negara tersebut di London itu; dan
- (c) berapakah jumlah modal yang ditanam di Cawangan Bank tersebut.

**Dato' Loke Yuen Yow:**

- (a) Tugas utama Cawangan Bank Negara di London ialah untuk mendapat maklumat-maklumat terakhir mengenai pasaran kewangan antarabangsa dengan secepat mungkin. Maklumat-maklumat ini amat penting bagi Bank Negara dalam mengendalikan urusan pelaburan cadangan wang asingnya.

- (b) Ruang pejabat cawangan itu adalah dipajak dengan kos sewaan sebanyak £194,000 atau kira-kira M\$800,000 setahun; dan
- (c) Penubuhan cawangan tersebut tidak melibatkan tanaman modal oleh Bank Negara kerana ia hanya merupakan pejabat perwakilan sahaja. Peruntukan untuk perbelanjaan mengurus adalah diperolehi daripada Ibu Pejabat di Kuala Lumpur.

#### INSTITUSI KEWANGAN— AHLI POLITIK DALAM LEMBAGA PENGARAH

**11. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan ekoran perintah dari Bank Negara yang mengarahkan supaya ahli-ahli politik mengundur diri dari jawatan penting dalam bank dan institusi kewangan:

- (a) sehingga kini, bilangan ahli-ahli politik yang telah mematuhi perintah itu dengan memberi nama dan institusi yang terlibat;
- (b) bilangan ahli-ahli politik yang belum mematuhi perintah ini dengan memberi nama dan institusi yang terlibat; dan
- (c) sama ada pengecualian dari mematuhi perintah ini diberikan, jika ya, nyatakan nama ahli politik dan institusi yang berkenaan serta jawatan yang dipegang dan sebab-sebab pengecualian diberikan.

**Dato' Loke Yuen Yow:**

- (a) Larangan ke atas ahli-ahli politik memegang jawatan penting khususnya menjadi ahli lembaga pengarah institusi-institusi kewangan, telah dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu. Berikutan dengan itu, semua bank dan syarikat kewangan

tidak lagi melantik ahli-ahli politik dalam lembaga pengarah mereka.

- (b) Sehingga ini, hanya beberapa orang sahaja lagi yang masih belum melepaskan jawatannya dalam lembaga pengarah institusi kewangan. Nama-nama mereka dan nama-nama institusi kewangan berkenaan tidak wajar disebutkan kerana pihak Bank Negara sedang berusaha untuk meminta mereka meletakkan jawatan;
- (c) Semua ahli politik adalah tertakluk kepada larangan ini dan tidak ada pengecualian yang diberikan kepada mereka.

### GRADUAN MENGANGGUR

12. Tuan Law Lai Heng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan setakat ini para graduan yang dibiayai oleh

Kerajaan dan swasta yang masih menganggur mengikut kelulusan Ijazah mereka iaitu Doktor Falsafah, Sarjana Muda dan Diploma. Sila senaraikan mengikut profesyen atau jurusan mereka;

- (b) apakah sebab-sebabnya mereka ini menganggur; dan
- (c) apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan supaya mereka ini dapat diatasi untuk kebaikan negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Bilangan graduan tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah menamatkan pengajian dalam tahun 1989 (iaitu sehingga April 1989) adalah seramai 2,743 orang. Pecahannya mengikut peringkat pengajian dan bidang adalah seperti berikut:

Bil.	Peringkat Pengajian	Bidang	Dalam Negeri	Luar Negeri	Jumlah
1.	Ijazah	— Profesional dan Teknikal	423	332	755
		— Sains Tulin	502	126	628
		— Sains Kemasyarakatan	643	223	866
		Jumlah Kecil	1,568	681	2,249
2.	Diploma	— Teknikal	179	11	190
		— Bukan Teknikal	302	2	304
		Jumlah Kecil	481	13	494
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>2,049</b>	<b>694</b>	<b>2,743</b>

Di antara sebab-sebab meningkatnya pengangguran di kalangan siswazah adalah seperti berikut:

- (i) pengurangan dalam pengujudan peluang-peluang

pekerjaan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi di pertengahan tahun 1980an;

- (ii) pengurangan dalam pengambilan kakitangan di sektor awam kesan dari

usaha-usaha memperkemas dan memperkukuh sektor awam;

- (iii) penawaran yang bertambah siswazah-siswazah dari institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri;
- (iv) ketidaksesuaian di antara latihan dan kelayakan yang dimiliki oleh siswazah-siswazah dengan kelayakan yang diperlukan oleh pasaran buruh; dan
- (v) kelemahan di dalam mekanisme maklumat pasaran buruh di dalam membekalkan maklumat-maklumat mengenai peluang pekerjaan kepada siswazah-siswazah.

Langkah-langkah jangka pendek yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu graduan yang masih menganggurialah:

- (i) Skim Penempatan di Sektor Awam;  
Skim Khidmat Sambilan (SKS);
- (ii) Skim Latihan Khas;
- (iii) Skim Melanjutkan Pelajaran;
- (iv) Skim Khidmat Sokongan.

Sementara itu langkah-langkah jangka panjang ialah:

- (i) Skim Penempatan di Sektor Swasta;
- (ii) Skim Siswazah Tani;
- (iii) Skim Khas Bagi Siswazah Yang Mempunyai Kemahiran Khusus.

#### **LAWATAN KERJA PERDANA MENTERI KE AMERIKA/BITAIN**

**13. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil

lawatannya ke Amerika Syarikat dan Britain. Apakah yang dimaksudkan lawatan tersebut membuka Dimensi Baru dalam Dasar Luar Malaysia sebagaimana tajuk berita Utusan Malaysia pada 29hb Mei, 1989.

**23. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) kejayaan-kejayaan yang besar yang dicapai dari lawatan Y.A.B. ke negara Amerika Syarikat dan United Kingdom baru-baru ini; dan
- (b) adakah Kerajaan berpendapat lawatan-lawatan seperti ini boleh memberi kesan yang baik kepada negara sebagai suatu dasar hubungan terus pemimpin dengan pemimpin.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah pada hari ini kerana soalnya adalah sama.

Berhubung dengan lawatan YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat, saya telahpun memberikan jawapan terperinci ketika menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 21hb Jun, 1989.

Di Britain, YAB Perdana Menteri telah berpeluang berunding dengan Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Britain dan telah mendapat persetujuan beliau untuk menandatangani Perjanjian Perampasan Harta yang diperolehi daripada penjualan dan pengedaran najis dadah.

Di London YAB Perdana Menteri juga telah berkesempatan merasmikan cawangan Bank Negara. Tertubuhnya Cawangan Bank Negara kita di London akan mengukuhkan hubungan ekonomi Malaysia dengan Britain. Penyertaan Britain dalam sektor korporat di Malaysia adalah besar. Pembukaan Cawangan Bank Negara

adalah untuk menarik lagi pelaburan Britain ke Malaysia. London juga merupakan pusat kewangan yang penting dan ini akan membolehkan Malaysia mengawasi dan menjamin peruntukan matawang Malaysia tidak menjejaskan ekonomi negara.

Perbincangan dengan Pengerusi-Pengerusi syarikat, GEC, British Aerospace dan Lotus Motors juga ialah diadakan dan mereka telah menyatakan kesediaan mengambil pelajar-pelajar Malaysia untuk latihan sambil bekerja di kilang-kilang mereka di Britain. Adalah dianggarkan 120 penuntut Malaysia yang masih menganggur akan diberi peluang mencari pengalaman pekerjaan di Syarikat-syarikat British yang besar-besar ini.

YAB Perdana Menteri juga telah berpeluang berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia di London dan telah berbincang dengan mereka mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan mereka serta juga perkembangan-perkembangan semasa di Malaysia.

Lawatan sedemikian merupakan lawatan kerja biasa yang sering dilakukan oleh YAB Perdana Menteri untuk menjalinkan persefahaman dan mengeratkan hubungan peribadi dengan pemimpin-pemimpin negara asing. Ianya tidak merupakan satu dimensi baru dalam dasar luar Malaysia. Banyak perkara dan masalah dapat diatasi secara terus dengan adanya persefahaman dan hubungan peribadi serupa ini.

#### **JAMBATAN PULAU PINANG— KUTIPAN TOL**

**14. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau ada menerima sebarang permohonan supaya sebahagian daripada kutipan tol Pulau Pinang dibahagikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jika ya, siapakah

yang membuat permohonan itu dan apakah keputusan Kementerian; jika tidak Menteri berkenaan menyokong cadangan itu.

**Tuan Luhah Wan:** Kementerian kerjaraya tidak pernah menerima sebarang permohonan rasmi supaya kutipan tol Jambatan Pulau Pinang dibahagikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah membina Jambatan Pulau Pinang dan Lebuhraya-Lebuhraya melalui pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan daripada bank-bank komersial. Pada tahun 1989 sahaja jumlah bayaran pinjaman adalah \$337 juta. Sejak Jambatan Pulau Pinang dibuka pada September 1985 purata kutipan tol setahun adalah lebih kurang \$23.4 juta sahaja. Jumlah ini tidak dapat menampung kos bayaran balik pinjaman. Disamping itu kos operasi dan penyelenggaraan adalah lebihkurang \$4.5 juta setahun. Kalau sekiranya sebahagian hasil kutipan tol diberi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Maka Lembaga Lebuhraya Malaysia terpaksa mencari sumber-sumber lain untuk menampung bayaran balik pinjaman, kos operasi dan kos penyelenggaraan.

#### **SERANGAN PEROSAK PISANG**

**15. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kementerian sudah menerima laporan bahawa 12 petani di sebuah Kampung Rahmat, Tanah Merah, Kelantan mengalami kerugian 28 ekar kebun pisang yang dimusnahkan oleh ulat iaitu kira-kira 6,000 pokok. Kalau sudah apakah tindakan yang dilakukan. Kalau belum bilakah akan diambil.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian telah menerima

laporan dari para petani mengenai serangan perosak pisang dan telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengawal dan mencegah kerebakkan serangga perosak tersebut. Siasatan oleh Kementerian ini, menunjukkan seluas 9.7 ha (24 ekar) tanaman pisang emas di Kampung Rahmat, Tanah Merah telah diserang oleh pengorek batang pisang, *Odoiporous longicollis Oliv.* Taraf serangan berkisar dari sederhana hingga teruk. Hanya 2 ha sahaja yang mengalami kerosakan teruk.

Serangan dewasa perosak ini adalah jenis kumbang dan ulatnya (anak) hidup di dalam umbi dan batang pisang. Ulat akan membesar di dalamnya dengan memakan tisu-tisu dan membuat terowong dalam batang pisang tersebut. Serangan perosak ini menyebabkan pembesaran pokok-pokok terbantut, batang-batang pisang menjadi lemah, mudah patah dan pengeluaran buah terjejas.

Tindakan yang telah diambil bagi mengawal perosak ini adalah:

- (1) Mengadakan perjumpaan, penerangan dan demonstrasi kepada petani-petani terlibat tentang perosak ini dan cara-cara mengawalinya.
- (2) Mengadakan operasi kawalan pada 20-24hb. Mei, 1989 secara gotong royong.
- (3) Meminjamkan alat penyemburan serta memberi bantuan racun serangga kepada petani.
- (4) Mengadakan tindakan susulan bagi memastikan tindakan kawalan yang dilaksana berkesan atau memerlukan rawatan/semburan ulangan.
- (5) Mengadakan pengawasan di kawasan serangan dan sekelilingnya untuk mengesan serangan diperingkat awal

supaya tindakan kawalan sewajarnya dapat diambil dengan segera.

Penilaian yang dilakukan setakat ini menunjukkan bahawa serangan perosak ini adalah terkawal.

## PESAWAT BARU MAS

**16. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat keputusan untuk membeli rekaan Amerika Syarikat iaitu MD-11 ataupun Airbus A330 rekaan Eropah. Jika belum bilakah. Dan apakah kos setiap kapalterbang tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Penerbangan Malaysia (MAS) masih merundingkan dengan pembuat-pembuat mengenai cadangan pembelian pesawat-pesawat baru. Pengumuman keputusan pilihan jenis pesawat baru akan dibuat selepas rundingan selesai dan syor-syor teknikal dan kewangan MAS di ambilkira. Oleh itu kos pesawat yang dipilih hanya akan diketahui selepas rundingan selesai.

## MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL

**17. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menonjol kemampuan Kuala Lumpur sebagai salah sebuah pusat konvensyen Antarabangsa di rantau Asia bersempena dengan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di sini tidak lama lagi.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Negara kita akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel pada 18 hingga 24 Oktober ini. Ini adalah mesyuarat yang

terbesar yang pernah Malaysia menjadi tuan rumah. Dengan itu kemampuan kita mengelola, mengurus dan mengimplementasikan mesyuarat ini dengan baik dan licin dengan sendirinya akan membuktikan bahawa kita boleh mengelola dan melaksanakan persidangan-persidangan lain dengan jayanya.

Keduanya negara kita mempunyai kemudahan-kemudahan untuk persidangan yang terbaik di rantau ini (seperti di Pusat Dagangan Dunia Putra) dan hotel-hotel kediaman kita bertaraf antarabangsa dan setanding bukan sahaja di rantau Asia tetapi juga di seluruh dunia. Selain dari itu juga kita mempunyai infrastruktur yang moden dan disegani oleh negara-negara asing, terutama sekali negara-negara membangun. Ditambah pula dengan hakikat bahawa Malaysia mempunyai kakitangan dan tenaga kerja yang mahir dalam bahasa-bahasa antarabangsa seperti Bahasa Inggeris, maka ini dengan sendirinya dapat menonjolkan Malaysia sebagai satu Pusat Konvensyen Antarabangsa.

### **PETRONAS—JURUTERA "GEO-PHYSICIST"**

**18. Tuan S. S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dari segi pekerjaan PETRONAS berapakah jumlah ahli-ahli jurutera "Geophysicist" dan lain-lain profesional sains dan berapakah jumlah ahli-ahli bukan diasalkan dari jurutera atau sains iaitu ahli-ahli dari segi pentadbiran, akauntan dan lain-lain "overheads"; dan
- (b) dari jumlah kakitangan tersebut berapakah pekerja-pekerja tempatan dan berapakah pekerja-pekerja asing ataupun melalui sistem kontrak dan berapakah jumlah pendapatan

yang diperolehi oleh setiap golongan tersebut.

### **Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):**

- (a) Bilangan jurutera "Geophysicist" dan lain-lain profesional sains PETRONAS, pada masa ini adalah seramai 1,303 orang. Manakala bilangan pekerja bukan berasal dari jurutera atau sains iaitu pentadbir, akauntan dan lain-lain berjumlah 908 orang;
- (b) Daripada 1,303 orang pekerja yang terdiri daripada Jurutera "Geophysicist" dan lain-lain profesional sains, 1,251 orang (96%) adalah terdiri daripada warganegara Malaysia, manakala 52 orang (4%) terdiri daripada warganegara asing. Sementara itu kesemua 908 orang pekerja bukan jurutera atau sains adalah terdiri daripada warganegara Malaysia.

Purata pendapatan yang diperolehi oleh Eksekutif tempatan adalah lebih kurang \$3,000 sebulan, manakala Eksekutif asing menerima di antara \$5,000 hingga \$15,000 sebulan.

### **UDANG HARIMAU DI PANTAI KUALA LANGAT**

**19. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kawasan Pantai Kuata Langat telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai kawasan ternakan Udang Harimau. Jika ia,

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mengwujudkan Pusat Penyelidikan Udang di kawasan berkenaan;
- (b) apakah persediaan Kementerian dalam menghadapi masalah

yang akan timbul terutamanya masalah bekalan benih dan makanan udang;

- (c) adakah Kementerian telah mengenalpasti kawasan untuk penyelidikan udang dan juga projek memproses udang.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Kementerian (Jabatan Perikanan) ada sedar bahawa kawasan pantai Kuala Langat telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai kawasan ternakan Udang Harimau. (Maklumat tambahan—yang berkenaan ialah di antara Morib dan Kalanang. Luas kawasan dianggarkan lebih kurang 1,000 ekar).

- (a) Kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan Pusat Penyelidikan Udang di kawasan yang berkenaan.
- (b) Kementerian berpendapat bahawa masalah bekalan benih dan makanan udang tidak akan timbul kerana pengeluaran benih udang dari pusat-pusat penetasan udang Kerajaan dan Swasta ada mencukupi untuk menemui permintaan benih udang. Tentang makanan udang sedia dimaklumkan bahawa sudah ada kilang tempatan yang mengeluarkan makanan bagi udang.
- (c) Kementerian Pertanian belum dan tidak akan mengenalpasti tapak di kawasan yang berkenaan untuk penyelidikan udang dan projek memproses udang.

#### **FORTRESS EUROPE—IMPLIKASI**

**20. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau berbincang dengan Menteri Perdagangan dan Perindustrian di negara-negara Eropah berkenaan implikasi "fortress Europe" dan apakah langkah yang diambil

untuk menjamin eksport-eksport Malaysia terus mendapat sambutan yang baik selepas tahun 1992.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat);** Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa persoalan berkenaan eksport negara kita ke Eropah selepas 1992 dan implikasi "Pasaran Tunggal Eropah" terhadap ekspon kita sentiasa dibincangkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan rakan-rakan sejawatnya dari negara-negara Eropah.

Langkah-langkah ke arah "Pasaran Tunggal Eropah" adalah merupakan proses yang berperingkat-peringkat di mana pihak Kesatuan Ekonomi Eropah perlu membuat beberapa pindaan terhadap hampir 300 undang-undangnya. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang mengkaji implikasi "Pasaran Tunggal Eropah" terhadap eksport-eksport Malaysia ke Eropah. Kajian awal, menunjukkan bahawa eksport barangan Malaysia, akan terus meningkat memandangkan bahawa sektor perindustrian di Kesatuan Ekonomi Eropah akan memerlukan barang-barang komponen dari Malaysia. Di samping itu, adalah dijangka dengan pertumbuhan ekonomi negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah berikutan pengwujudan "Pasaran Tunggal Eropah" akan meningkatkan permintaan untuk barangan-barangan buatan Malaysia.

Langkah-langkah sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan eksport negara terus mendapat sambutan yang baik selepas tahun 1992. Di antaranya mlah:

- (a) Mengaturkan rombongan-rombongan perdagangan ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah.

- (b) Menggalakkan pengeksporth-pengeksporth negara mengambil bahagian di dalam pameran-pameran perdagangan yang diadakan di Eropah.
- (c) Menganjurkan beberapa seminar bertujuan mengubah-suaikan strategi pemasaran pengeksporth-pengeksporth Malaysia ke arah menghadapi cabaran "Pasaran Tunggal Eropah" selepas 1992.

Sektor swasta adalah sentiasa digesa oleh pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya lebih "flexible" terhadap perubahan yang sedang dan akan berlaku di Kesatuan Ekonomi Eropah. Kaedah pemasaran mereka perlu diubahsuai untuk memenuhi kehendak pasaran yang bersifat dinamik yang akan berlaku selepas tahun 1992.

### KUMPULAN MISKIN

**21. Tuan Chew Kam Hoy** minta Perdana Menteri menyatakan perubahan dalam klasifikasi kumpulan-kumpulan miskin termasuk "hilangnya" (ommission) kumpulan Kampung-kampung Baru dan kategori yang disatukan seperti kumpulan penanam kelapa, memandangkan klasifikasi kumpulan-kumpulan miskin haruslah tetap untuk tujuan perbandingan dalam tempoh pelaksanaan DEB.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman);** Bagi tujuan pembasmian kemiskinan, beberapa kumpulan miskin utama telah dikenalpasti dan antaranya termasuk pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan, pekebun kecil, pekerja estet, penduduk Kampung Baru, buruh pertanian, Orang Asli dan kumpulan miskin di bandar. Klasifikasi kumpulan miskin yang sama digunakan bagi setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun bagi tujuan perbandingan

prestasi pembasmian kemiskinan dalam tempoh pelaksanaan DEB. Oleh itu, tidak timbul isu mengenai "kehilangan" penduduk Kampung Baru atau kategori yang disatukan seperti pekebun kecil kelapa.

Mungkin Ahli Yang Berhormat terkeliru apabila membuat dakwaan mengenai "kehilangan" penduduk Kampung Baru. Ini mungkin timbul kerana tidak terdapat penduduk Kampung Baru dalam jadual mengenai kadar kemiskinan dan bilangan isirumah miskin dalam dokumen-dokumen Rancangan Pembangunan Lima Tahun. Sebenarnya penduduk Kampung Baru masih lagi merupakan salah satu kumpulan sasaran dalam usaha-usaha pembasmian kemiskinan. Oleh kerana pengenalan isirumah ditakrif berasaskan perusahaan dan pekerjaan isirumah dan bukan mengikut tempat tinggal, penduduk Kampung Baru telah diklasifikasikan sama ada sebagai pekebun kecil getah, penanam padi, pekerja pertanian lain dan kumpulan miskin bandar.

### JENAYAH ROGOL

**22. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kes-kes rogol yang dilaporkan berkurangan atau sebaliknya berikutan berkuatkuasanya Akta Rogol yang telah diluluskan baru-baru ini. Adakah Kerajaan berpuashati dengan keadaan pada masa ini.

**Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pindaan seksyen 376 Kanun Kesiksaan yang memperuntukkan hukuman penjara mandatori tidak kurang dari lima tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan boleh didenda serta dikenakan hukuman sebat berhubung dengan kesalahan rogoi baru sahaja dikuatkuasakan. Oleh kerana undang-undang ini baru dipinda maka agak sukar bagi Kerajaan mengukur keberkesannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, kejadian jenayah rogol pada masa kini adalah terkawal dan Kerajaan berpuashati dengan undang-undang yang sedang berkuatkuasa sekarang dalam menghadapi situasi semasa.

(Soalan No. 23. Sila lihat jawapan No. 13).

### MERCUN—MENGHARAMKAN PEMBAKARAN

**24. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan mengenai pengharaman pembakaran Mercun di hari-hari perayaan lebih-lebih lagi mercun buatan sendiri yang kerap kali dilakukan oleh anak-anak di luarbandar. Dan juga berapakah jumlah mangsa-mangsa mercun dan juga mercun buatan sendiri pada tahun lalu dan juga tahun ini.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Sememangnya telah menjadi dasar Kerajaan mengharamkan pembakaran mercun, kecuali beberapa hari tertentu pada musim-musim perayaan. Kerajaan sentiasa bersikap berhati-hati berhubung dengan dasar pembakaran mercun ini. Oleh itu di antara langkah yang telah diambil ialah Kerajaan akan mengkaji dasar pembakaran mercun ini dari semasa ke semasa. Jika mendapati keadaan tidak sesuai, termasuklah kejadian membuat mercun sendiri, maka Kerajaan tidak akan memberikan kelonggaran membakar mercun iaitu seperti yang telah dibuat, pada Hari Raya Puasa pada bulan Mei 1989 yang lalu.

Selain dari itu, Kerajaan juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan sewajarnya kepada pihak yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah dikenakan, dan

ini termasuklah perbuatan membuat mercun sendiri.

Berdasarkan kepada laporan yang diterima oleh Polis, jumlah mangsa-mangsa mercun termasuk mercun buatan sendiri ialah sebanyak 2 kes bagi tahun lalu (1988) dan 4 kes bagi tahun 1989 ini. Dalam kejadian tersebut 2 dilaporkan mati dan 4 dilaporkan cedera.

### KAMPUNG BARU—SOSIO-EKONOMI PENDUDUK

**25. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa apakah rancangan yang konkrit Kementeriannya untuk memperbaiki dan membangunkan sosial dan ekonomi bagi 452 buah Kampung Baru di negara ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai pembangunan sosial dan ekonomi di semua kawasan penempatan, termasuk Kampung-kampung Baru dan ini adalah merupakan satu proses yang berterusan.

Bagi terus memajukan kedudukan sosio-ekonomi penduduk di Kampung-kampung Baru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menumpukan perhatian kepada:

- (i) Kegiatan mengubah sikap serta memajukan pemikiran penduduk-penduduk Kampung Baru.
- (ii) Perwujudan sistem penyelarasan dan pengesanan pelaksanaan projek yang efektif di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.
- (iii) Membantu dalam memajukan kampung-kampung Baru yang berpotensi dan sesuai sebagai pusat bandar kecil atau pusat

pertumbuhan ekonomi berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi moden dan berkeupayaan berfungsi sebagai pusat-pusat perniagaan dan perindustrian dalam konteks pembangunan kawasan persekitaran yang lebih luas.

- (iv) Memberikan bantuan yang diperlukan bergantung kepada peruntukan yang ada untuk membangun kampung-kampung Baru, terutamanya kampung-kampung yang masih mundur, serta membantu dalam memajukan aktiviti-aktivitinya.
- (v) Menggalakkan pihak swasta dan penduduk Kampung Baru memainkan peranan yang lebih aktif dalam pembangunan semula Kampung Baru. Melalui konsep jaya diri, penduduk Kampung Baru akan dapat menyertai pembangunan Kampung Baru, mereka sendiri dengan lebih giat lagi tanpa semata-mata menunggu bantuan daripada Kerajaan.

#### **WANITA/KANAK-KANAK JADI MANGSA KEKEJAMAN RUMAHTANGGA**

**26. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada bilangan wanita-wanita serta kanak-kanak yang menjadi mangsa kekejaman terhadap rumahtangga tahun lalu. Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat penambahan kekejaman rumahtangga.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Mustaffa bin Mohammad):** Kementrian ini mengendalikan sebanyak 342 kes pertelingkahan dalam rumahtangga pada tahun 1988 dan didapati lebih daripada 10% darinya adalah berkaitan dengan keganasan suami-isteri dalam keluarga.

Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan khidmat kaunseling bagi keluarga yang bertelingkah dan membantu mereka mencari penyelesaian supaya kedua suami-isteri dapat berdamai semula.

Sekiranya terdapat anak yang menjadi sasaran kekejaman mereka boleh diselamatkan dan dipindahkan sementara ke rumah Kanak-kanak sehingga keadaan di rumah tenteram semula dan ibubapa dapat membuktikan mereka sudah mengikis sikap kejam dan bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka.

Ibu-ibu yang menjadi mangsa keganasan boleh juga dirujuk kepada agensi lain untuk mendapat rawatan atau perlindungan sementara sehingga kedua pihak dapat berbincang dan menentukan masa depan mereka. Jika matlamat itu tidak tercapai dan suami-isteri menekankan kepentingan berpisah, mereka dirujuk kepada pihak lain seperti Pejabat Kadi, Biro Bantuan Guaman, Majlis Perunding (Marriage Tribunal), Pusat Pertolongan Wanita (WAO) dan sebagainya.

Kementerian Kebajikan Masyarakat juga memberi pendidikan dan bimbingan kepada kumpulan remaja dan wanita yang berada dalam institusinya supaya mereka dapat bersedia menjadi orang dewasa yang berguna, bertanggungjawab, bertimbangrasa, berkeyakinan menghadapi cabaran dalam hidup serta tidak bertindak kejam terhadap ahli keluarga.

Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan sukarela mengadakan berbagai program sokongan pendidikan masyarakat yang menekankan pentingnya kesihatan mental anak yang sedang membesar melalui suasana keluarga yang aman dan damai bebas dari sebarang tekanan.

### PROTON—CADANGAN MEMBUAT ENJIN SENDIRI

**27. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kemajuan yang telah dicapai oleh Proton dari aspek pengumpulan modal, keuntungan, pengeluaran dan pemasaran dalam dan luar negeri. Adakah cadangan membuat enjin sendiri ini akan menjejaskan mutu dan nilai terhadap kereta tersebut dalam dan luar negeri.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** PROTON mempunyai modal berbayar berjumlah \$150 juta. Mulai tahun kewangan 1988/89, PROTON memperolehi keuntungan bersih sebanyak \$32.025 juta.

Sehingga 31 Mei 1989 PROTON telah mengeluarkan sebanyak 124,872 unit kereta Proton Saga. Dari segi jualan pula, sebanyak 115,489 unit telah dijual di pasaran dalam negeri, manakala 5,280 unit telah dieksport.

Cadangan PROTON untuk membuat enjin sendiri tidak akan menjejaskan mutu dan nilai kereta Proton Saga oleh kerana pembuatan enjin tersebut akan berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dan dikawal oleh PROTON.

### MINYAK KELAPA SAWIT— PENGUNAAN

**28. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kesannya minyak kelapa sawit Malaysia dapat bersaing dengan minyak kacang soya di pasaran Amerika Syarikat.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yeik:** Amerika Syarikat sememangnya merupakan suatu pasaran yang kecil bagi minyak kelapa sawit. Dalam masa lima tahun 1984-1988, purata penggunaan minyak sawit tahunan di negara itu ialah kira-kira 190,800 tan metrik. iaitu di antara 1.4% dan 3%

sahaja pada satu-satu tahun dari jumlah minyak dan lemak yang digunakan di negara itu. Sebaliknya pula, sebagai keluaran dalam negeri, minyak soya mengawal sebahagian besar dari pasaran bagi minyak dan lemak negara itu, iaitu purata sebanyak 4.68 juta tan metrik dalam masa lima tahun yang lepas, iaitu di antara 48% hingga 51% dari jumlah minyak dan lemak yang digunakan di negara itu.

Semenjak kempen anti-minyak sawit mulai dipergiatkan pada awal 1987 penggunaan minyak kelapa sawit di negara itu telah menurun sedikit, iaitu 185,600 tan metrik pada tahun 1987 dan 142,200 tan metrik pada tahun 1988 berbanding dengan 288,000 tan metrik pada tahun 1986. Penggunaan minyak kacangsoya pula telah meningkat di negara itu dari 4.62 juta tan metrik pada tahun 1986 kepada 4.95 juta tan pada tahun 1987. Akan tetapi pada tahun 1988, penggunaan minyak soya telah menurun iaitu kepada 4.79 juta tan metrik sahaja.

Angka-angka di atas menunjukkan bahawa kempen anti-minyak sawit mungkin telah membawa kesan ke atas penggunaan minyak itu di Amerika Syarikat. Akan tetapi ianya telah juga membawa kesan negatif kepada pengeluar-pengeluar minyak soya sendiri yang menganjurkan kempen anti-minyak sawit dan sebaliknya menguntungkan minyak canola yang mana pengeluar utamanya ialah Canada. Untuk minyak sawit, setelah projek-projek penyelidikan pemarkanan yang dijalankan oleh para saintis Amerika sendiri dalam beberapa bulan yang akan datang mengesahkan kesan-kesan positifnya ke atas kesihatan dan usaha publisiti yang sewajarnya dilaksanakan, saya percaya minyak sawit akan berjaya mendapatkan semula dan mengembangkan pasarannya di negara itu. Saya yakin keutuhan minyak sawit akan terus terjamin kerana kempen anti-minyak sawit selama ini cuma berlandaskan kepada taktik-taktik menakutkan (scare tactics) sahaja

tanpa asas. Sepertimana kita ketahui ini telah pun mengakibatkan kesan negatif terhadap ASA sendiri yang menyebabkan kejatuhan penggunaan minyak soya di Amerika Syarikat sendiri.

#### **GUNASEGARAN A/L MACHAP— TUDUHAN**

**29. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap laporan polis No. J 305966 di Balai Polis Melaka Tengah yang dibuat oleh Gunasegaran a/l Machap bahawa beliau telah dipukul oleh 4 anggota polis, termasuk seorang Inspektor Probationary dan di perasugut sebanyak \$500.00 untuk dibebaskan dari lokap polis.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini masih lagi dalam siasatan pihak polis. Kementerian Dalam Negeri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap anggota polis tersebut sekiranya terbukti kesalahannya.

#### **GURU LULUSAN MAKTAB PERGURUAN**

**30. Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan guru lulusan Maktab Perguruan yang baru berkhidmat di SRJK (C) pada tahun 1989;
- (b) jumlah bilangan guru SRJK (C) yang dijangka akan bersara pada tahun 1989; dan
- (c) jumlah bilangan guru sementara yang berkhidmat di SRJK (C) pada tahun 1989.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, bilangan guru-guru SRJK (C) sebagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan guru lulusan maktab perguruan yang dihantar berkhidmat di SRJK (C) pada tahun 1989 ialah seramai 1,377 orang.
- (b) Bilangan guru SRJK (C) yang dijangka akan bersara pada tahun 1989, iaitu mencapai umur 55 tahun ialah seramai 412 orang.
- (c) Bilangan guru sandaran tidak terlatih yang sedang berkhidmat di SRJK (C) pada tahun 1989 ialah seramai 3,774 orang.

#### **LAWATAN KE CHINA— KELONGGARAN SYARAT**

**31. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab utama dibalik keputusan Kerajaan bahawa rakyat Malaysia yang telah melebihi 30 tahun, sekarang boleh melawat Negara China sebagai pelancong. Bilakah keputusan ini berkuatkuasa dan apakah syarat-syarat yang harus dipatuhi.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed:** Kerajaan telah memberi kelonggaran syarat-syarat bagi rakyat Malaysia melawat Republik Rakyat China kerana adanya warganegara Malaysia sendiri yang menunjukkan keinginan untuk melawat Republik Rakyat China. Keputusan Kerajaan ini telah pun berkuatkuasa 2hb Jun 1989. Syarat-syarat yang mesti dipatuhi ialah:

- (i) Rakyat Malaysia itu berumur lebih 30 tahun.
- (ii) Mereka hendaklah lulus tapisan keselamatan.
- (iii) Mereka dibenarkan pergi dalam kumpulan antara 10-20 orang untuk tidak melebihi 14 hari.

- (iv) Mereka pergi dengan urusan agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri.

Syarat-syarat ini dikenakan untuk menentukan rakyat Malaysia yang melancong itu dapat diuruskan dengan baik, teratur dan selamat.

#### UBAT TRADISIONAL— PENGUNAAN

**32. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Kesihatan menyatakan pada masa kini terdapat banyak ubat-ubatan dari Indonesia yang dijual di Malaysia, yang mana berselindung dengan jenama "Ubat Tradisional" di mana baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah dapat mengesan beberapa jenis ubat yang memberi kesan buruk kepada pengguna:

- (a) apakah ubat-ubatan yang mengelarkan "Ubat Tradisional" yang dibuat di Malaysia sendiri telah diperiksa dengan teliti agar ianya tidak memberi kesan sampingan ke atas tubuh badan pengguna; dan
- (b) setelah beberapa jenis ubatan dari Indonesia diharamkan, adakah yang lain yang masih dijual itu sudah tentu selamat digunakan.

**Menteri Kesihatan (Tuan Ng Cheng Kiat):**

- (a) Untuk menentukan keselamatan penggunaan ubat-ubatan tradisional, Kementerian Kesihatan mengawasi penjualan ubat-ubatan tradisional sama ada keluaran tempatan atau yang diimport. Pengawasan ini dijalankan melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaan seperti berikut:

- Menjalankan pemeriksaan ke atas premis pengimport,

pengilang dan pengedar-pengedar dan mengambil contoh-contoh ubat untuk analisa isi kandungannya.

- Merampas ubat-ubatan yang mengandungi bahan-bahan racun atau berbahaya dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

- Membuat kenyataan akhbar di mana pengedar-pengedar lain yang masih memiliki ubat-ubatan itu dikehendaki menyerahkan ubat-ubatan yang berkenaan kepada Kementerian Kesihatan dengan serta-merta.

- Dalam kenyataan akhbar itu, orang ramai juga dimaklumkan tentang bahaya-bahaya yang berkaitan dengan penggunaan sesuatu ubat itu dan dinasihatkan supaya tidak memberi atau menggunakannya.

- Pemeriksaan susulan ke atas pihak yang berkenaan dari masa ke semasa untuk menentukan sesuatu ubat yang diharamkan itu tidak lagi dalam pasaran.

- (b) Ubat-ubatan tradisional daripada Indonesia juga dikenakan pengawasan dan tindakan seperti yang saya terangkan tadi.

Sebagai langkah untuk mengetatkan lagi kawalan atas mutu dan keselamatan penggunaan ubat-ubatan tradisional, semua keluaran ubat-ubatan tradisional akan dikehendaki didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang ditubuhkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik

1984 tidak lama lagi, selepas peringkat pendaftaran ubat-ubatan moden yang dijalankan sekarang.

berperanan untuk membela kepentingan negara-negara kecil dan Pertubuhan Komanwel ini adalah alat kepada negara-negara tertentu sahaja.

### **PROTON SAGA DUUAL DI UNITED KINGDOM**

**33. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan ekoran dari kenyataan akhbar pada 1 April 1989 bahawa pihak pengimport Proton Saga di United Kingdom dapat menjual 50 buah kereta setiap hari.

- (i) sehingga kini bilangan kereta nasional telah dijual di United Kingdom; dan
- (ii) berapa lama lagi kereta nasional akan menikmati taraf keutamaan untuk menerokai pasaran di Britain.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Sehingga 31 Mei 1989, sebanyak 2,011 unit kereta Proton Saga telah dijual (registered sale) di United Kingdom sejak ia dilancarkan pada bulan Mac 1989.

PROTON akan menikmati taraf keutamaan untuk memasuki pasaran di Britain selagi negara kita berada dalam kategori negara-negara membangun dan mengeluarkan kereta nasional yang mengandungi 60% atau lebih kandungan tempatan (nilai kos) mengikut "generalised system of preferences" (GSP).

### **MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI KUALA LUMPUR**

**34. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah isu-isu yang akan dibawa oleh Kerajaan Malaysia di dalam Persidangan Komanwel yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Oktober, 1989 ini. Apakah Malaysia sebagai Negara Anggota akan mengkritik Pertubuhan Komanwel yang tidak berfungsi dan

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sepertimana lazimnya isu-isu yang akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel adalah berdasarkan kepada agenda yang akan dirangka bersama oleh Sekretariat Komanwel di London dan negara tuan rumah dan kemudiannya akan dimajukan kepada negara-negara peserta untuk mendapatkan pandangan mereka. Isu-isu yang menyentuh kepentingan antarabangsa dijangka akan dibincangkan misalnya soal apartheid, perlucutan senjata, masalah-masalah serantau seperti di Asia Tenggara, Pasifik Selatan, Lautan India, Asia Selatan, Karibbean, Amerika Tengah, Timur Tengah dan lam-lain, isu mengenai negara-negara kecil, Hak Asasi Manusia, Ekonomi Antarabangsa, Kewangan dan Beban Hutang negara-negara membangun, Komoditi dan banyak lagi isu-isu antarabangsa yang lain yang menyentuh kepentingan negara-negara Komanwel. Oleh yang demikian soal sama ada Malaysia akan membawa sesuatu isu yang tertentu tidak timbul kerana mesyuarat tersebut akan membincangkan apa saja isu-isu semasa yang ada. Sungguhpun begitu ada isu-isu tertentu yang kita titikberatkan seperti Kampuchea, masalah ekonomi, perdagangan, dan pasaran antarabangsa, kerjasama dalam Komanwel, Afrika Selatan dan alam sekitar.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang kedua, suka saya menyatakan di sini bahawa hubungan dan persahabatan di antara negara adalah sangat penting di dalam konteks perhubungan antarabangsa masa kini. Inilah sebabnya kita terus menjadi anggota di dalam Komanwel dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain. Kerajaan telah membuat

kajian mengenai faedah yang akan didapati sekiranya kita terus menganggotai Komanwel. Hasilnya didapati memang banyak faedah yang telah dan boleh kita perolehi dan kerajaan berpendapat Malaysia boleh menyumbang ke arah menjadikan pertubuhan ini lebih bermakna dengan mencuba untuk membawa perubahan dari dalam.

Mengenai kepentingan negara-negara kecil, memanglah benar pada masa-masa yang lalu pertubuhan Komanwel bersifat menjaga kepentingan negara besar, tetapi pada masa ini keadaan tersebut sudah bertukar di mana pertubuhan ini menjadi pertubuhan yang mempunyai anggota yang sama kedudukannya dan tiap-tiap anggota mempunyai hak yang sama dan bertanggungjawab ke atas pertubuhan ini.

#### **PROJEK KECIL DI KAWASAN BUKIT MERTAJAM**

**35. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah wang peruntukan bagi projek-projek kecil bagi kawasan Parlimen Bukit Mertajam bagi tahun 1989 yang telah dan akan diperuntukkan;
- (b) sama ada cadangan atau permohonan tersebut telah disampaikan untuk pertimbangan Jabatan Perdana Menteri, jika ya, nyatakan satu demi satu projek dan jumlah peruntukan; dan
- (c) sama ada peruntukan sebuah alat pembesar suara berharga \$1,586.00 kepada Sekolah Kebangsaan Kay Sin, Perkampungan Machang Bubok, Bukit Mertajam sebagai satu projek kecil dalam kawasan Bukit Mertajam bagi tahun 1987 telah diserahkan kepada Guru Besar Sekolah tersebut sepertimana dinyatakan oleh

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jika tidak, nyatakan dimanakah wang peruntukan tersebut.

**Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:**

- (a) Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak \$292,264.00 bagi melaksanakan projek-projek kecil di Kawasan Parlimen Bukit Mertajam pada tahun 1989.
- (b) Sebanyak 40 buah projek kecil telah diluluskan yang meliputi projek-projek Infrastruktur, Sosial dan lain-lain.
- (c) Alat pembesar suara untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kay Sin, Perkampungan Machang Bubok, Bukit Mertajam telah pun dibekalkan pada 12 Julai 1988 kepada Guru Besar sekolah berkenaan. Alat tersebut bernilai \$2,850.00.

#### **TV MENYIARKAN BABAK LUCAH**

**36. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sedarkah Kementerian Penerangan bahawa siaran-siaran TV terlalu bebas menyiarkan babak-babak lucah romantik baik dalam filem tayangan biasa mahupun iklan seolah-olah tidak ada tapisan langsung;
- (b) adakah pihak penapis filem telah tidak mengira babak lucah dan romantik sebagai dasar yang perlu dicegah; dan
- (c) siapakah anggota penapis filem sekarang dan sejauh mana orang-orang berpendidikan agama diberi peranan dalam penapisan filem.

**Timbalan Menteri Penerangan  
(Tuan Railey bin Jaffrey):**

- (a) Kementerian Penerangan memang sentiasa berhati-hati terhadap babak-babak lucu di TV, baik filem mahupun iklan dan sentiasa mengawalinya. Setiap filem yang ditayangkan oleh RTM sebenarnya telah ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem. Kementerian ini hanyalah menapis untuk peringkat kedua sahaja. Babak-babak yang tidak diingini adalah dipotong dan jika terlalu banyak babak-babak yang perlu dipotong sehingga menjejaskan kesinambungan cerita, filem itu terus tidak ditayangkan.
- (b) Memang telah menjadi dasar di Kementerian ini untuk tidak membenarkan babak-babak lucu dan romantik yang keterlaluan untuk tayangan umum. Kementerian ini juga membuat penapisan ke atas filem-filem yang telah ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem sebelum ditayangkan.
- (c) Anggota Penapisan Filem di RTM adalah terdiri dari pegawai-pegawai RTM sendiri yang berpengalaman. Hal-hal yang memerlukan rujukan yang lebih arif mengenai Agama dimajukan kepada pegawai-pegawai Agama RTM untuk pandangan dan ulasan.

**KEBEBASAN AKHBAR**

**37. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai usaha Kerajaan menjamin kebebasan akhbar di negara kita disamping usaha untuk mencegah berlakunya penyalahgunaan kebebasan itu dengan memberi butir-butir bilangan akhbar harian, mingguan dan juga bilangan majalah

mingguan dan bulanan yang diterbitkan di negara ini dari tempoh 1957-1972 dan dari 1972 hingga 1987 iaitu tiap-tiap 15 tahun dan berapakah akhbar dan majalah yang diharamkan dalam dua tempoh yang tersebut di atas selepas kita mencapai kemerdekaan.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:**

Kerajaan sentiasa menyokong kebebasan akhbar di negara ini. Kerajaan bukan sahaja membenarkan pengedaran akhbar-akhbar tempatan tetapi juga bertindak terbuka kepada kemasukan majalah dan suratkhbar dari luar negeri. Baru-baru ini Kerajaan juga telah melancarkan kempen menggalak budaya membaca di kalangan masyarakat dimana akhbar-akhbar turut mendapat keutamaan yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun akhbar-akhbar hendaklah mematuhi kehendak-kehendak undang-undang yang berkaitan. Dalam mengawasi akhbar-akhbar demi menjamin kesejahteraan rakyat, Kerajaan sentiasa bertindak dengan penuh tanggungjawab dan berteliti.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah akhbar dan majalah yang diluluskan sehingga 1987 ialah sebanyak 277 buah. Manakala akhbar dan majalah yang dibatalkan permit mereka dalam tempoh yang sama ialah sebanyak 16 buah.

**LAWATAN PERDANA MENTERI  
KE LUAR NEGERI**

**38. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa kali Y.A.B. Perdana Menteri keluar dan ke manakah beliau pergi dari Malaysia sejak 1-1-1989 hingga 31-5-1989. Sila juga menyatakan jumlah amaun yang telah dibelanjakan dan apakah tujuan setiap perjalanan tersebut dan apakah manfaat yang beliau membawa balik ke Malaysia.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Daripada 1-1-1989 hingga 21-5-1989 Y.A.B. Perdana Menteri telah membuat lawatan kerja ke Amerika Syarikat, Britain (dua kali), Sepanyol dan Magribi.

Perbelanjaan bagi lawatan-lawatan tersebut berjumlah \$823,758.09.

Tujuan dan manfaat perjalanan ke Amerika dan Britain tidaklah payah saya ulangi kerana jawapan telah saya beri kepada soalan-soalan yang sama sebelum ini.

Di Sepanyol Y.A.B. Perdana Menteri telah menemui Perdana Menteri Sepanyol Encik Gonzalez Marquez dan berbincang mengenai isu-isu kepentingan duahala terutamanya bagi mengeratkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara kedua buah negara. Y.A.B. Perdana Menteri juga telah mengundang Perdana Menteri Sepanyol untuk melawat Malaysia. Undangan ini telah diterima.

Y.A.B. Perdana Menteri pergi ke Magribi untuk meninjau kemungkinan-kemungkinan meningkatkan hubungan duahala dari segi perdagangan di antara kedua buah negara.

## HARGA GULA

**39. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah harga gula kilang yang dijual kepada pengguna-tempatan dan apakah harga gula kilang yang dieksportkan kepada

negara New Zealand pada tahun 1986, 1987 dan 1988. Berapakah jumlah kuantiti dan nilainya gula yang diimportkan dan yang dieksportkan oleh Malaysia pada tahun 1986, 1987 dan 1988. Dari mana Malaysia importkan gula dan ke mana destinasi gula dieksportkan dan berapakah kuantiti dan nilainya pada tahun 1986, 1987 dan 1988. Adakah Malaysia untung dari eksport-eksport gula.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Yang Berhormat, harga gula di dalam negeri adalah berasaskan harga gula mentah di bawah Kontrak Jangka panjang yang mana harganya adalah tetap. Harga gula yang dieksport pula adalah diasaskan kepada harga gula antarabangsa. Harga 'delivered' gula bertapis kepada pemborong yang dijual kepada pengguna tempatan semenjak 1 Mac 1986 adalah \$1003/metrik tan, manakala harga gula bertapis yang dieksport ke New Zealand pula adalah seperti berikut:

	Harga Minima (Ringgit Malaysia) Metrik Tan (o.b)	Harga Maksima (Ringgit Malaysia) Metrik Tan (o.b)
1986 (Tidak ada pengeksporan secara langsung)		
1987	4% 679	
1988		716 920

Malaysia tidak mengimport gula bertapis tetapi mengimport gula mentah dan memprosesnya menjadi gula bertapis sama ada untuk kegunaan pasaran tempatan atau dieksport. Kuantiti dan nilai import gula mentah dan eksport gula bertapis pada tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

Tahun	Import Gula Mentah		Eksport Gula Bertapis	
	Kuantiti (Metrik Tan)	Nilai (Juta Ringgit Malaysia)	Kuantiti (Metrik Tan)	Nilai (Juta Ringgit Malaysia)
1986	645,100	359.720	120,850	61.270
1987	671,220	391.230	165,230	90.730
1988	677,280	638.730	120,780	78.290

Kuantiti dan nilai import gula mentah mengikut negara pembekal bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

<i>Negara Pembekal</i>	<i>1986</i>		<i>1987</i>		<i>1988</i>	
	<i>Kuantiti (Metrik Tan)</i>	<i>Nilai Juta (Ringgit Malaysia)</i>	<i>Kuantiti (Metrik Tan)</i>	<i>Nilai Juta (Ringgit Malaysia)</i>	<i>Kuantiti (Metrik Tan)</i>	<i>Nilai Juta (Ringgit Malaysia)</i>
1. Australia	339,900	202.300	425,020	252.330	474,360	512.360
2. Brazil	—	—	17,800	9.310	15,590	9.570
3. Cuba	53,030	25.600	14,700	9.550	53,230	33.410
4. Fiji	64,670	50.980	113,620	69.370	66,590	47.800
5. Thailand	187,500	80.840	100,020	50.670	37,480	23.300
6. Swaziland	—	—	—	—	30,030	12.290
JUMLAH..	645,100	359.720	671.220	391,230	677,280	638.730

Jumlah kuantiti dan nilai eksport gula bertapis adalah seperti yang telah dinyatakan. Destinasi utama eksport gula bertapis adalah Singapura, Indonesia, Bangladesh, China, New Zealand, Korea dan juga Thailand. Kuantiti dan nilai gula yang dieksport kepada negara-negara berkenaan pada tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

<i>Negara Pengimport</i>	<i>1986</i>		<i>1987</i>		<i>1988</i>	
	<i>Kuantiti (Metrik Tan)</i>	<i>Nilai Juta (Ringgit Malaysia)</i>	<i>Kuantiti (Metrik Tan)</i>	<i>Nilai Juta (Ringgit Malaysia)</i>	<i>Kuantiti (Metrik Tan)</i>	<i>Nilai Juta (Ringgit Malaysia)</i>
1. Bangladesh	—	—	30,000	16.110	14,000	11.210
2. China	—	—	—	—	11,000	0.920
3. Indonesia	29,675	15.840	22,840	13.310	14,200	5.660
4. Korea	—	—	—	—	3,500	2.010
5. NewZealand	36	20.420	4,390	2.420	7,310	5.100
6. Singapura	28,206	15.820	43,360	25.250	68,030	50.610
7. Thailand	—	—	16	16.350	1,040	0.440

Eksport gula bertapis sememangnya menguntungkan negara kerana selain daripada menambahkan pendapatan negara ianya memberikan peluang kepada kilang-kilang gula tempatan untuk menggunakan kapasiti lebihan (idle capacity) mereka.

**Bandangan Harga Gula Mentah Kontrak-Kontrak Jangka Panjang dengan  
Australia dengan Harga Pasaran Antarabangsa (London Daily Price/NY  
No. 11 Spot Price)**

Tahun	Kontrak Jangka Panjang Australia			Purata Tahunan LDP NY No 11 (M\$)	Untung/Rugi kepada Malaysia		
	No	Kuantiti metrik tan	Harga (M\$)		Untung/Rugi Metrik Tan (M\$)	Jumlah (M\$)	Jumlah Terkumpul (M\$)
1973	R/3000	85.344	372 7S	585.56	+ 212 78	+ 1 8 16m	+ 1816m
1974	R/3000	121.920	372 48	1.691 53	+1.319 05	+ 1 60 82m	+178.98m
1975	R/6000	230.000	71242	1.13546	+42304	+105 76m	+284 74m
1976	R/6000	171.000	86781	699 28	-168 53	+ 28 82m	+255 92m
1977	-	-	-	-	-	-	+255,92m
1978	R/6000	210.000	739 30	499 39	-280 91	-60 88m	+195 04m
1979	R/6000	22.000	719.52	53346	-18606	-40 93m	-15411 m
1980	R/6000	21000	74842	1.48094	+73252	+15383m	+30794m
1981	R/6000	175.000	935,00	94632	+ 11 32	+198m	+309 92m
1982	R/6000	125.000	935 00	94632	+11,32	+1 42m	+3 1 1 34m
	R/6001	10.000	960 00	487 56	-472 44	-47,24m	+233 88m
1980	R/6000	175.000	730 32	437 26	293 (16	51 29m	+182 59m
	R/6000	135,715	825	437 2b	387 74	-52.62m	+129 97m
1984	R/6000	35.000	71753	30531	-41222	-1443m	+11554m
	R/6000	225.321	845	30531	-53969	-121 60m	-6.06m
1985	R/6001	59.679	545	27232	-57268	-34 18m	-4024m
	R/6002	126.000	715	27232	-442 68	-55 78m	-96.112m
1986	R/6002	174.000	75(1	34614	-40386	-70 27m	-16629m
1987	R/61K12	24(1.60)	529 88	37666	153 22	-36,86m	203 15m
1988	R/6003	200.000	57982	58735	+753	+1 51m	-201 64m

**Bandangan Harga Gula Mentah Kontrak Jangka Panjang Fiji dengan Harga  
Pasaran Antarabangsa  
(London Daily Price/New York No. 11)**

Tahun	Kontrak Jangka Panjang Fiji				Purata Tahunan LDP NY No II (M\$)	Untung/Rugi kepada Malaysia		
	No	Kuantiti (metrik lain)	Harga (M\$)	NY		Metrik Tan (M\$)	Jumlah (M\$)	Jumlah Terkumpul (M\$)
1973	R/4000	12.000	378 74		59668	+21794	+ 2 62m	+2.62m
1974	R/4000	12.000	378 44		1.719.78	+1.34134	16 10m	+18 72m
1975	R/7000	12.000	1.06446		1.135 81	+71 35	+0 6m	+19 5Km
1976	R/7009	12.000	1.377.09		696 11	-68098	-8 17m	+1141 m
1977	R/7000	12.000	1.2112 68		49441	-708 27	-8 50m	+2.91m
1978	R/7000	24.000	66885		44918	-21967	-5 27m	-2.36m
1979	R/7000	24.000	665 00		533 50	-131 50	-3 16m	-5 52m
1980	R/7000	24,000	97280		1.39704	+42424	+101 Km	+4 66m
1981	R/7000	24.000	1.118.72		86330	-25542	-6 13m	+1.47m
	R/7001	36 000	1.050 00		863 30	-186 70	-6 72m	-5 25m

Tahun	Kontrak Jangkapanjang Fiji			Purata Tahun LDPI NY No. 11 (M\$)	Untung/Rugi kepada Malaysia		
	No.	Kuantiti (metrik lan)	Harga (M\$)		Untung/Rugi Metrik Tan (M\$) (M\$)	Jumlah	Jumlah Terkumpul (M\$)
1982	R/7000	24,000	950.91	435.20	-515.71	-12.38m	-17.63m
	R/7000	240110	1.0190.00	435.20	-654.80	-15.72m	-33.35m
1983	R/7000	31.773	830.00	434.02	-395.98	-12.58m	-45.93m
1984	R/7000	14.277	830.00	268.87	-561.13	-7.98m	-53.91m
	R/7000	60000	830.00	268.87	-561.13	33.67m	-87.58m
1985	R/7000	46.505	759.56	222.46	-537.1	-24.98m	-112.56m
1986	R/7000	13.415	759.56	346.14	-413.42	-5.58m	-118.14m
	R/7000	50.605	759.56	346.14	-413.42	-20.92m	-139.06m
1987	R/7000	19.395	759.56	376.66	-382.911	-7.43m	-146.49m
	R/7000	80.0(10)	529.88	376.66	-153.22	-12.26m	-158.75m
1988	R/7003	80.0(10)	608.81	587.35	-21.46	-1.72m	-160.47m

## PASARAN HARTA TANAH

**40. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang Kementeriaannya dan Bank Negara akan ambil supaya pelabur-pelabur tempatan dan asing akan digalakkan meningkatkan minat mereka dalam pasaran harta tanah di Malaysia membantukan pemulihan sektor ekonomi yang penting ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tanda-tanda pemulihan pasaran harta tanah yang bermula pada tahun 1987 menjadi semakin ketara dan bertambah kukuh sepanjang tahun 1988. Pada masakini kebanyakan kegiatan-kegiatan dan urusan dalam pasaran harta tanah semakin bertambah aktif. Minat untuk melabur dalam sektor harta tanah juga semakin meningkat bukan sahaja di kalangan pelabur-pelabur tempatan tetapi juga menarik minat pelabur-pelabur asing. Hakikat ini jelas dibuktikan oleh peningkatan jumlah urusan harga tanah sebanyak 16.8 peratus bagi tahun 1988. Perkembangan yang menggalakkan ini adalah selari dengan pertumbuhan pesat ekonomi negara.

Di samping itu, minat pelabur-pelabur asing dan tempatan terhadap

sektor harta tanah yang ketara pada masakini juga adalah hasil dari usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-Kerajaan Negeri. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (a) Pindaan terhadap Kanun Tanah Negara yang membenarkan syarikat dan orang-orang perseorangan asing untuk memiliki harta tanah;
- (b) Pemansuhan Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat-syarikat berasaskan tanah) dan pengurangan kadar cukai keuntungan harta tanah bagi bukan pemastautin di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah;
- (c) Pengurangan Cukai Syarikat daripada 40 peratus kepada 35 peratus dalam belanjawan tahun 1989; dan
- (d) Pelancaran Skim Amanah Harta melalui penjualan saham bangunan-bangunan perdagangan kepada orang awam.

Di samping tindakan-tindakan di atas, faktor-faktor seperti kadar faedah dan nilai ringgit yang sesuai telah juga membantu pertumbuhan

pasaran harta tanah di negara ini. Pada masa yang sama banyak bank-bank dan syarikat kewangan telah mewujudkan berbagai-bagai skim khas bagi pinjaman perumahan termasuk skim pinjaman bagi tujuan pembiayaan semula.

### PINJAMAN PETANI TERHADAP TANAMAN TEMBIKAI

**41. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pertanian memberitahu adakah Kementerian memberi peruntukan pinjaman kepada petani-petani bagi usaha mereka menanam tembikai (water melon).

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Kementerian Pertanian melalui Bank Pertanian Malaysia memang memberikan pinjaman kepada petani-petani yang mengusahakan tanaman tembikai. Petani-petani berkenaan boleh dipertimbangkan untuk mendapat pinjaman dari program pinjaman pengeluaran jangka pendek di mana kadar faedah yang dikenakan adalah berdasarkan kepada pendapatan bulanan peminjam tersebut. Bagi petani yang berpendapatan kurang daripada \$1,000 sebulan kadar faedah yang dikenakan ialah 4% setahun manakala petani-petani yang berpendapatan melebihi \$1,000 sebulan akan dikenakan kadar faedah komersial.

### PEMILIKAN HARTA MENGIKUT KUMPULAN INDUSTRI

**42. Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan maklumat pemilikan harta mengikut jenis industri dari segi:

- (a) jenis syarikat;
- (b) penilaian saham (par atau nilai pasaran);

(c) asas perkiraan ekuiti yang dilapurkan; dan

(d) taburan pemilikan saham dan hartanah.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Maklumat mengenai pemilikan harta mengikut jenis industri bagi syarikat-syarikat perkilangan yang berlesen adalah berasaskan hasil bancian yang telah dijalankan atas syarikat-syarikat yang beroperasi setakat 31hb Disember, 1987. Maklumat ini merangkumi 3,317 projek yang diluluskan dan yang sedang beroperasi.

Walau bagaimanapun, saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa maklumat-maklumat yang ada adalah tidak mengikut syarikat (status), tetapi mengikut kumpulan-kumpulan industri. Di samping itu pemilikan ekuiti adalah dilaporkan mengikut modal dibayar kumpulan industri berkenaan dengan penilaian mengikut nilai buku dan merangkumi asset seperti mesin, kelengkapan pengangkutan, tanah, bangunan dan lain-lain perbelanjaan modal.

Pemilikan ekuiti dan aset bagi syarikat-syarikat perkilangan yang beroperasi setakat 31hb Disember, 1987 adalah seperti berikut:

<i>Industri</i>	<i>Modal Dibayar (, 000 juta) Mengikut Nilai Par</i>	<i>Jumlah Aset Tetap (.000juta)</i>
Pengilangan makanan	\$2 69	\$2.94
Minuman dan tembakau	\$0.61	\$0.62
Textiledan Barang Textile	\$1.39	\$0.74
Kulit dan Barang Kulit	\$0.05	\$0.04
Kayudan Barang Kayu	\$0.98	\$0.86
Perabutdan Kelengkapan	\$0.12	\$0.05

Industri	Modal Dibayar (,000)juta Mengikut Nilai Par	Jumlah Aset Tetap (,000)juta
Kertas, Percetakan dan Penerbitan	\$ (1.42)	\$ 0.52
Kimia dan Barang Kimia	\$ 1.45	\$ 2.6
Petrohumdan Arang	\$ 1.08	\$ 3.10
Barang getah	\$ 0.49	\$ 0.51
Barang plastik	\$ 0.26	\$ 0.31
Barang-harang bukan logam	\$ 1.56	\$ 2.77
Barang-barang logam asas	\$ 0.89	\$ 1.24
Barang-harang logam dibentuk	\$ 0.87	\$ 0.82
Pengilangan Jentera	\$ 0.33	\$ 0.30
Barang-barang Elektrik dan Elektronik	\$ 0.94	\$ 1.87
Kekngkapan Pengangkutan	\$ 0.98	\$ 1.04
Alat-alat Sains	\$ 0.05	\$ 0.07
Pelbagai	\$ 0.13	\$ 0.15
Jumlah	\$ 15.3 juta	\$ 20.6 juta

Sumber: MIDA

Taburan pemilikan ekuiti mengikut kumpulan industri adalah seperti berikut:

Industri	Pemilikan Ekum Asing (,000) juta	Pemilikan Ekuiti Malaysia (,000) juta	Jumlah Ekaiti
Pengilangan Makanan	\$ 739	11954	\$ 2 693
Minuman Tembakau	\$ 415	\$ 200	\$ 615
Tekstil dan Barangan Tekstil	\$ 506	\$ 885	\$ 1391
Kulit dan Barangan Kulit	\$ 019	\$ 011	\$ 05
Kayu dan Barangan Kayu	\$ 083	\$ 894	\$ 978
Perabul dan Kelengkapan	\$ 0161	\$ 107	\$ 0 123

Industri	Pemilikan Ekum Asing (,000) juta	Pemilikan Ekuiti Malaysia (,000) juta	Jumlah Lkttin
Kertas Percetakan dan Penerbitan	\$ 1172	\$ 344	\$ 417
Kimia dan Barangan Kimia	\$ 392	\$ 1 066	\$ 1 458
Petroleum	\$ 516	\$ 52	\$ 1 079
Barangan Getah	\$ 0197	\$ 0 293	\$ 49
Barangan Plastik	\$ 035	\$ 227	\$ 262
Barangar Bukan Logam	\$ 483	\$ 108	\$ 1 56
Barangan Logam Asas	\$ 325	\$ 564	\$ 89
Barangan Logam Dibentuk	\$ 225	\$ 64	\$ 865
Pengilangan Jentera	\$ 975	\$ 233	\$ 330
Barangan Elektrik dan Elektronik	\$ 534	\$ 408	\$ 943
Kelengkapan Pengangkutan	\$ 210	\$ 772	\$ 983
Alat Sains dan pengukuran	\$ 045	\$ 006	\$ 052
Pelbagai	\$ 043	\$ 0091	\$ 134
Jumlah Ekuiti	\$ 496 juta (32.4%)	\$ 36 juta (67%)	\$ 15.3 juta

## PERTUBUHAN HARAM

43. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menjelaskan:

- (a) apakah Kerajaan sedar tentang wujudnya sebuah "pertubuhan haram" yang berlandaskan semangat kepartian di negara kita hari ini. Apakah pihak Kerajaan akan terus membiarkan mereka menjalankan kegiatan secara berleluasa sedangkan mereka tidak didaftarkan;
- (b) apakah Kerajaan akan terus memberi permit kepada kumpulan ini untuk membuat rapat-rapat umum, ceramah dan kempen gerakan di seluruh negara sedangkan mereka menipu semangat perpecahan; dan

- (c) sekiranya Kerajaan masih membenarkan kegiatan mereka, apakah rasionalnya sedangkan pertubuhan-pertubuhan haram yang lain disekat,

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Kementerian saya telah difahamkan bahawa tiada bukti-bukti setakat ini yang menunjukkan adanya "pertubuhan haram" yang berlandaskan semangat kepartian bergerak menjalankan kegiatan-kegiatannya sepertimana dakwaan Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya ada bukti-bukti yang boleh disabitkan maka Kerajaan tidak teragak-agak akan mengambil tindakan undang-undang dengan tegas ke atas mereka.

Oleh itu soalan sama ada Kerajaan masih ingin membenarkan supaya permit diluluskan kepada kumpulan tersebut untuk mengadakan rapat-rapat umum dan sejauh mana rasionalnya jika kebenaran diberi tidaklah lagi timbul.

#### PEMERIKSAAN ATAS SECURITY EQUIPMENT

**44. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bentuk pemeriksaan yang dibuat ke atas perkakas (security equipment) termasuk senjata, dan kenderaan pengangkutan kegunaan polis (termasuk kapalterbang) yang baru diterima daripada pembekal luar negeri. Siapakah yang bertanggungjawab membuat pemeriksaan. Berapa kerapkah berbagai bentuk perkakas keselamatan dan kenderaan pengangkutan polis diperiksa secara keselamatan dan kenderaan pengangkutan polis diperiksa secara "overhaul" dalam masa setahun. Sila huraikan satu persatu. Biasanya apakah bentuk pemeriksaan yang dibuat untuk mengesyorkan semua dalam keadaan baik-baik belaka dan selamat digunakan.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Kesemua peralatan PDRM seperti senjata, kenderaan dan kapalterbang akan menjalani pemeriksaan sebelum penghantaran peralatan itu dan selepas peralatan itu diterima. Pemeriksaan tersebut adalah untuk memastikan agar perbuatan peralatan itu menepati spesifikasi yang ditetapkan dan juga untuk menjalani ujian fungsi dan ujian teknikal.

Pemeriksaan dan ujian itu dilakukan oleh Pegawai Teknikal PDRM yang pakar dalam bidang berkaitan. Bagi kapalterbang, pemeriksaan dan ujian tersebut dilakukan oleh Pegawai Jabatan Penerbangan Awam yang akan mengeluarkan Sijil "Certificate of Acceptance" dan "Certificate of Airworthiness" sebelum sesuatu penerbangan dibenarkan.

Kesemua peralatan itu akan menjalani pemeriksaan dan penyelenggaraan dari masa ke semasa termasuk kerja-kerja baikpulih selaras dengan perakuan penyelenggaraan yang ditetapkan oleh pembuat peralatan itu. Pemeriksaan rapi sentiasa diadakan untuk memastikan bahawa kesemua peralatan yang digunakan adalah di dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

#### MAS—PENERBANGAN TAMBAHAN KE LONDON

**45. Tuan P. Patto** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar bahawa bayaran gantirugi sebanyak £1 juta telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia melalui seorang "agent"nya kepada British Airways kerana MAS diberi hak pendaratan tambahan di London, jika ya, siapakah "agent" itu dan tidakkah amalan ini satu-satunya yang memalukan Kerajaan yang sering menuntut ianya "bersih" dan "beramanah".

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail Perjanjian yang telah tercapai

baru-baru ini di antara Kerajaan Malaysia dan United Kingdom mengenai hak penerbangan tambahan MAS ke London adalah berasaskan kepada pertukaran hak trafik dan peraturan perdagangan (commercial arrangement) di antara MAS dan BA. Pada masa ini butir-butir atau bentuk "commercial arrangement" yang akan diadakan di antara kedua syarikat penerbangan itu belum lagi ditetapkan.

Syarat mengadakan "commercial arrangement" di antara syarikat penerbangan merupakan di antara syarat-syarat biasa yang diadakan oleh kebanyakan negara apabila mengadakan perjanjian udara.

#### **SKIM PINJAMAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL**

**46. Tuan Tan Kok Wai** meminta Perdana Menteri menyatakan kemajuan skim pinjaman khas untuk peniaga-peniaga kecil, pengusaha-pengusaha kecil dan penjaja-penjaja sejak skim mula dilancarkan dengan memberi butir-butir bilangan permohonan, bilangan yang berjaya dan jumlah amaun pinjaman yang telah diluluskan bagi kedua-dua skim itu sehingga 31 Mei 1989.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Semenjak Skim Pinjaman Untuk Penjaja dan Peniaga Kecil dimulakan dalam tahun 1986, sehingga 31 Mei 1989 seramai 10,516 penjaja dan peniaga kecil telah menerima kemudahan pinjaman dari skim ini yang melibatkan pinjaman bernilai \$20,917,966.

Mengenai Program Khas Pembangunan Industri Kecil di bawah biayaan Bank Dunia dan Kerajaan Malaysia untuk pengusaha-pengusaha kecil pula, sehingga bulan April, 1989 seramai 1,078 pengusaha telah memperoleh pinjaman melalui program ini dan melibatkan peruntukan bernilai \$214,636,300.

#### **PENGUNDI BERDAFTAR**

**47. Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Suruhanjaya Pilihanraya tidak mendaftarpendudukyangberumur21 tahun. Apakah langkah yang diambil untuk menjamin nama-nama pengundi berdaftar tidak dibatalkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya terutama pengundi berdaftar di dalam bandar.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:**

- (a) Soalan ini tidak berapa jelas. Suruhanjaya Pilihanraya mendaftarkan warganegara yang berumur 21 tahun ke atas. Apa yang tidak dilakukan ialah mewajibkan pendaftaran pemilih kepada mereka yang layak kerana ianya bercanggah dengan kebebasan individu di dalam negara demokrasi.
- (b) Mengenai dengan pembatalan nama pemilih, Suruhanjaya Pilihanraya tidak pernah membatalkan sebarang nama pemilih dalam daftar pemilih kecuali nama mereka yang telah hilang kelayakan.

#### **TAHANAN ISA DENGAN BERSYARAT**

**48. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa 2 orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dibebaskan dengan syarat ditindas dengan cara berikut;

- (a) Encik Sim Mow Yu. 76 tahun, dilarang melawat Taiwan untuk menerima rawatan perubatan sungguhpun beliau uzur dari penyakit-penyakit beliau;
- (b) Encik Sebil John Joseet dilarang melawat keluarga beliau di England; dan
- (c) menyatakan apakah ancaman kepada negara kita kalau kedua-dua mereka dibenarkan ke luar negeri.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Adalah tidak benar bahawa 2 orang tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dibebaskan dengan bersyarat adalah ditindas sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Syarat-syarat yang dikenakan itu adalah kerana mereka masih lagi perlu diawasi dari segi keselamatan.

- (a) Bagi Encik Sim Mow Yu permohonan beliau untuk melawat Taiwan untuk menerima rawatan tidak dapat dipertimbangkan kerana permohonannya telah tidak mengemukakan apa-apa laporan perubahan yang secara khusus menyokong keperluan rawatan berkenaan bagi beliau.
- (b) Syarat-syarat yang dikenakan ke atas Encik Sebil John Joseet yang mana, antara lainnya, melarang beliau melawat keluar Malaysia adalah syarat-syarat yang biasa dikenakan apabila seseorang itu dibebaskan di bawah Penggantungan Perintah Tahanan. Larangan-larangan yang dikenakan itu adalah supaya syarat-syarat pembebasannya itu tidak dipandang ringan.
- (c) Sekiranya kedua-dua mereka berkenaan di atas dibenarkan keluar negeri mengikut sesuka hati mereka, maka tidak ada makna langsung syarat-syarat pembebasan yang dikenakan atas mereka.

#### BANDUAN LARI DARI PENJARA

**49. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa orang banduan yang telah lari daripada berbagai institusi penjara dan lokap polis di negara ini sejak 1986 hingga Mei 1989, dan nyatakan berapa daripada mereka yang masih bebas, dan apakah langkah-langkah yang

diambil untuk mencegah banduan-banduan daripada cabut lari pada masa-masa akan datang.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah banduan yang telah lari daripada berbagai-bagai institusi penjara, jumlah banduan yang dapat ditangkap semula dan jumlah banduan yang masih bebas dalam tempoh mulai 1 Januari 1986 sehingga 31 Mei 1989 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Banduan Lari</i>	<i>Jumlah Banduan yang ditangkap semula</i>	<i>Jumlah Banduan yang masih Bebas</i>
1986	30	16	14
1987	43	29	14
1988	13	8	5
1989	16	3	13
Jumlah ..	102	56	46

Langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan bagi mencegah banduan-banduan melarikan diri daripada penjara-penjara adalah seperti berikut:

- (1) Mengenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja ke atas pegawai/kakitangan penjara yang didapati cuai sehingga menyebabkan banduan dapat melarikan diri.
- (2) Menggiatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara bagi memastikan tiada cubaan banduan untuk melarikan diri.
- (3) Menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- (4) Jabatan Penjara bercadang untuk membina lebih banyak menara-menara kawalan di penjara-penjara.

- (5) Menambahkan pemasangan "sport light" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara bagi kegunaan pengawasan keselamatan di waktu malam.
- (6) Menambahkan pemasangan wire kecemasan di sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara. (Wire ini apabila disentuh oleh sesuatu objek loceng kecemasan akan berbunyi secara automatik).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah banduan yang lari daripada lokap-lokap polis, jumlah banduan yang dapat ditangkap semula dan jumlah banduan yang masih bebas adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Banduan Lari	Jumlah Banduan yang ditangkap semula	Jumlah Banduan yang masih Bebas
1986	98	72	26
1987	64	48	16
1988	38	16	22
1989	23	5	18
Jumlah	223	141	82

Manakala langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan bagi mencegah banduan-banduan melarikan diri daripada lokap-lokap polis adalah seperti berikut:

- (1) Anggota yang bertugas diarah mematuhi segala peraturan lokap dengan sempurna.
- (2) Mengukuhkan lokap-lokap polis.
- (3) Mengadakan kawalan yang lebih ketat ke atas banduan dengan menggunakan anggota yang mencukupi.
- (4) Menggiatkan rondaan di kawasan lokap-lokap polis.

- (5) Mengenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja ke atas pegawai yang didapati cuai sehingga menyebabkan banduan dapat melarikan diri.

#### ROMBONGAN AHLI PARLIMEN ROMANIA MELAWAT MALAYSIA

**50. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil perbincangan beliau dengan rombongan ahli-ahli Parlimen Romania yang melawat Malaysia baru-baru ini:

- (a) apakah bentuk kerjasama yang telah dipersetujui;
- (b) sejauh manakah seriusnya Romania berminat mengimpot petroleum dari Malaysia; dan
- (c) apakah tindakan susulan akan dibuat bagi perbincangan kerjasama yang berterusan dalam bidang teknikal, saintifik dan kebudayaan.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:**

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat rombongan ahli-ahli Parlimen Romania telah membuat lawatan rasmi ke Malaysia pada 9hb-14hb Mei, 1989 dengan tujuan untuk mengeratkan perhubungan di antara kedua-dua negara. Lawatan tersebut adalah lawatan balas yang dibuat oleh Y.B. Yang Di-Pertua Dewan Rakyat pada tahun 1984. Ahli-ahli Parlimen Romania telah bertukar-tukar pendapat dengan pemimpin Kerajaan mengenai isu-isu duahala untuk meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua negara. Malaysia menggalakkan Romania lebih agresif dan mengalu-alukan penyertaan Romania di dalam projek pembangunan Malaysia. Kerjasama yang demikian dapat

ditingkatkan melalui Suruhanjaya Bersama di antara Malaysia dan Romania.

- (b) Sukacita saya maklumkan bahawa Romania mempunyai industri petroleum yang lebih maju dari Malaysia. Mereka lebih berminat untuk mengambil bahagian di dalam sektor penapisan minyak di Malaysia daripada mengimpot petroleum.
- (c) Semasa lawatan ini ahli-ahli Parlimen tersebut, telah berkesempatan melawat 2 buah institusi penyelidikan di Malaysia iaitu RRI dan PORIM. Mereka telah menyatakan minat untuk mengadakan satu program pertukaran pakar-pakar kaji selidik di antara kedua-dua negara. Tindakan susulan akan diambil untuk mengenalpasti bidang penyelidikan dan juga institusi-institusi dari Romania di dalam pertukaran program tersebut.

#### KAMPUCHEA—PENGUNDURAN TENTERA VIETNAM

**51. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkembangan semasa berhubung dengan cadangan pengunduran tentera-tentera Vietnam dari Kampuchea seperti yang dihebohkan oleh Hanoi akhir-akhir ini dan adakah pengunduran tersebut akan membuka jalan ke arah perubahan Kerajaan baru di Phnom Penh. Apakah implikasinya terhadap keamanan dan kestabilan di rantau ASEAN.

**Dato' Dr Abdullah Fadil bin Che Wan:** Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, bahawa Vietnam telah mengumumkan pada 5hb April untuk mengundur tenteranya dari Kampuchea pada 30hb September 1989. Malaysia dan negara ASEAN yang lain, walaupun telah menyambut

baik hasrat Vietnam ini, tetapi telah menekankan bahawa pengunduran tentera-tenteranya Vietnam di Kampuchea itu hendaklah dijalankan sejajar dengan penyelesaian politik yang menyeluruh mengenai Kampuchea. Penguatkuasa antarabangsa (International Control Mechanism) seboleh-bolehnya di bawah kelolaan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pendirian Malaysia dan negara-negara ASEAN mengenai perkara ini adalah consistent dengan pendirian dan usaha negara-negara ASEAN untuk mencari penyelesaian politik yang menyeluruh mengenai soal Kampuchea. Objektif ASEAN ialah untuk menegakkan Kampuchea sebagai sebuah negara yang merdeka, bebas dan berkecuali tanpa campurtangan kuasa asing serta tidak mengancam keamanan dan kestabilan negara-negara jiran dan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pendirian ASEAN ini disokong sepenuhnya oleh masyarakat antarabangsa melalui resolusi-resolusi Persidangan Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai perkara ini sejak tahun 1979 lagi.

Selanjutnya, inisiatif ASEAN ini telah juga berhasil mendorong proses perbincangan di antara pihak-pihak yang terlibat, dan negara-negara yang berkenaan melalui Mesyuarat Tidak Rasmi atau Jakarta Informal Meeting (JIM). Mesyuarat tersebut telah mencapai persefahaman semua pihak yang terlibat untuk meningkatkan usaha ke matlamat penyelesaian politik yang menyeluruh berlandaskan prinsip-prinsip persefahaman JIM.

1. *Pengunduran semua tentera Vietnam dari Kampuchea melalui proses penyelesaian politik yang menyeluruh*

—Perletakan senjata (ceasefire) yang akan dimulakan setelah perjanjian mengenai penyelesaian berkuatkuasa.

- Setelah perletakan senjata, pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea sebelum 30hb September 1989.
- Pengunduran tentera Vietnam adalah di bawah pengawasan International Control Mechanism (ICM).
2. Mengelak kemungkinan tercetus kembali "regime genocidal" Pol Pot di Kampuchea. (Non return of Genocidal Policies of Pol Pot's regime in Kampuchea).
  3. *Penamatan bantuan ketenteraan dari negara asing kepada puak-puak Khmer yang berbalah*  
—Menamatkan semua bantuan asing kepada puak-puak Khmer yang berbalah.  
—Mengadakan jadual untuk pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea serentak dengan jadual untuk penamatan bantuan asing kepada semua pihak yang berbalah.
  4. *International Control Mechanism—pengawasan antarabangsa*  
—Pengawasan Antarabangsa yang berkesan dihantar ke Kampuchea.  
—Tugas-tugas Unit Pengawasan Antarabangsa ini adalah untuk mengawas, menyelia dan menentukan pengunduran tentera Vietnam dari Kampuchea dan untuk mengelak terjadinya peperangan saudara.
  5. *Pergabungan semula puak-puak Khmer-national reconciliation*  
—Pergabungan semula puak-puak Khmer di bawah pimpinan Putera Sihanouk. Penubuhan kerajaan sementara yang terdiri dari keempat puak Khmer tersebut.  
—Hak rakyat Kampuchea untuk menentukan kerajaan sendiri melalui pilihanraya yang di bawah pengawasan badan Pengawasan Antarabangsa.

#### 6. *Keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara*

—Penyelesaian politik yang menyeluruh yang merangkumi semua aspek-aspek tersebut akan menjadikan kawasan rantau Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali. Ia juga akan mempercepatkan proses terhadap pencapaian ZOPFAN.

#### 7. *Persidangan Antarabangsa*

Setelah persetujuan dicapai mengenai aspek-aspek yang telah disebutkan, Persidangan Antarabangsa perlu diadakan. Tugas Persidangan ini antara lain:

—Memberi jaminan terhadap semua perjanjian yang telah dicapai mengenai penyelesaian masalah Kampuchea.

—Pengiktirafan antarabangsa mengenai status Karapuchea sebagai negara aman, merdeka, bebas dan berkecuali.

—Program untuk membangunkan semula ekonomi Kampuchea.

—Pembiayaan (funding).

Malaysia berserta negara ASEAN yang lain akan terus menekankan bahawa hasrat Vietnam untuk mengundurkan tenteranya mestilah berpandukan kepada prinsip-prinsip yang dipersetujui melalui per-sefahaman JIM yang tersebut di atas.

Soal penubuhan kerajaan baru di Phnom Penh adalah berkisar kepada prinsip "national reconciliation" di antara kesemua puak di Kampuchea dan pendirian ASEAN ialah supaya keempat-empat puak terlibat iaitu Funcinpec (puak Sihanouk), KPRLF, Khmer Rouge dan puak Hun Sen—bergabung semula. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rundingan di antara mereka akan diadakan di Paris pada 24hb Julai dan adalah diharapkan rundingan ini mencapai kejayaan.

Penyelesaian politik yang menyeluruh seperti yang digariskan di

atas adalah sejajar dengan pendirian ASEAN dan akan dapat menjamin keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara. Pengunduran tentera seperti yang diumumkan oleh Vietnam pada 5hb April tanpa mengambil kira isu-isu lain yang bersangkutan, dipercayai tidak akan menjamin objektif' keamanan dan kestabilan di rantau ini seperti yang diusahakan oleh ASEAN.

#### PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA—TUDUHAN DI FORUM ANTARABANGSA

**52. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Buruh menyatakan apakah sebenarnya tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh sebilangan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja terhadap Kerajaan mengenai dasar-dasar buruh di forum-forum antarabangsa; adakah Kerajaan berpuas hati dengan perakuan-perakuan positif yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerajaan Amerika Syarikat mengenai dasar-dasar perburuhan di Malaysia.

**Tuan Kalakau Untol:** Di antara tuduhan-tuduhan yang kerap dilemparkan oleh sebilangan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja terhadap Kerajaan di forum-forum antarabangsa mengenai dasar-dasar buruh kita adalah Kerajaan mengamalkan sikap anti pekerja di mana dasar-dasar dan undang-undang yang sedia ada tidak memberi kebebasan kepada pekerja-pekerja untuk menubuh atau menganggotai kesatuan-kesatuan mengikut pilihan mereka. Kerajaan juga dituduh menyekat hak-hak pekerja untuk memperjuangkan nasib mereka dengan seluas-seluasnya. Mengenai tuduhan-tuduhan tersebut, Kerajaan menganggap ianya adalah tidak berasas dan dibuat oleh golongan-golongan tertentu semata-mata untuk kepentingan peribadi.

Kerajaan juga adalah berpuas hati dengan perakuan-perakuan positif

yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerajaan Amerika Syarikat mengenai dasar-dasar perburuhan di Malaysia. Walaupun ada beberapa komen yang menyentuh isu-isu tertentu dibangkitkan olehnya, namun Kerajaan berpendapat ianya boleh diatasi. Kerajaan dari masa ke semasa akan mengkaji perkara-perkara tersebut dan tidakan yang sesuai akan diambil.

#### INSPEKTOR MUIN TAPOUNG— PERTUKARAN

**53. Tuan Maidom P. Pansai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa seorang bekas pegawai polis yang bernama Encik Muin Tapoung telah meletakkan jawatan tersebut kerana merasakan dirinya tertindas bila ia ditukarkan daripada Balai Polis Kudat ke Ibu Pejabat Polis Kepayan meskipun ia baru sahaja (tiga bulan) berada di Kudat atas sebab menahan dengan tujuan untuk menyoal siasat warganegara asing (Pakistan) yang berada di Sabah atas pas pelawat—tetapi didapati menjalankan perniagaan di negara ini (Sabah).

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertukaran yang dibuat ke atas Inspektor Muin Tapoung adalah semata-mata atas kepentingan perkhidmatan serta kemajuan kerjayanya. Bagaimanapun beliau telah meletakkan jawatannya dari Polis Diraja Malaysia pada 10-5-1989. Perletakan jawatannya ini adalah dipercayai kerana beliau mendapat tawaran perkhidmatan dan gaji yang lebih baik sebagai "Area Manager" (*dengan izin*) di Yayasan Sabah. Gaji permulaan yang diterima di Yayasan Sabah ialah sebanyak \$2,000 sebulan berbanding dengan gajinya di Polis Diraja Malaysia pada masa itu berjumlah \$1,365.00 sebulan. Berasaskan keadaan itu sukalah saya menegaskan bahawa dakwaan Ahli

Yang Berhormat itu tidak menampakkannya.

### HARGA KOKO, LADA HITAM DAN GETAH

**54. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sebab-sebab harga koko, lada hitam dan getah telah jatuh akhir-akhir ini; dan
- (b) apakah bentuk bantuan yang dijalankan oleh Kerajaan supaya dapat membantu para petani semasa mengalami kesusahan akibat daripada kejatuhan harga barang-barang tersebut.

**Tuan Mohd Kassim bin Ahmed:**

- (a) Koko dan lada hitam sebagai koraoditi yang di perdagangan di dalam pasaran antarabangsa, turun naik harganya adalah bergantung kepada keadaan permintaan dan pengeluaran di dunia. Kejatuhan harga koko yang bermula semenjak daripada tahun 1985 lagi adalah disebabkan oleh lebih bekalan koko dunia berbanding dengan permintaan yang ada. Keadaan ini mengakibatkan peningkatan stok koko dunia kepada anggaran 896,000 tan pada akhir bulan September 1989 yang merupakan paras yang paling tinggi dalam sejarah. Keadaan bertambah buruk apabila stok penimbal di bawah Perjanjian Koko Antarabangsa telah menghentikan belian koko pada 25 Februari 1988 setelah mencapai tahap maksimum 250,000 tan yang dibenarkan. Langkah-langkah sokongan tambahan seperti penyimpanan stok tidak dapat menuju matlamat ini menyebabkan harga koko dunia jatuh ke paras 720 setan pada bulan Mei 1989.

Kejatuhan harga ini mengakibatkan harga biji koko kering tempatan turut merosot kepada 2,400 tan metnk sementara bagi biji koko basah jatuh kepada 70 sen/kg.

Bagi komoditi lada hitam, kejatuhan harga baru-baru ini adalah disebabkan oleh 3 faktor utama iaitu:

- (i) pembelian yang kurang oleh negara-negara pengguna;
  - (ii) ramalan perdagangan yang membuat jangkaan bahawa bekalan dunia akan meningkat dengan banyaknya melebihi permintaan telah mencetuskan sentimen pasaran yang negatif; dan
  - (iii) disebabkan oleh perkara-perkara di atas telah mengakibatkan saingan di antara Indonesia, Brazil dan Malaysia untuk mendesak jualan.
- (b) Bentuk bantuan yang dijalankan oleh Kerajaan bagi membantu kesusahan petani-petani akibat daripada kejatuhan harga kedua-dua komoditi di atas adalah melalui pendekatan mengawal dan memperatur amalan pemasaran dalam negeri supaya dapat memberi pulangan yang sebaik-baiknya kepada para pekebun kecil serta menjalankan aktiviti menggalakkan secara aktif eksport koko dan lada yang bermutu. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan pada masa ini ialah melalui pendekatan seperti berikut:
- (i) meningkatkan mutu koko dan lada hitam melalui pengenalan klon-klon baru seperti yang diperkenalkan oleh MARDI

- bagi koko baru-baru ini, menjalankan pendidikan pasaran di atas amalan pemprosesan koko dan lada hitam bagi menghasilkan koko dan lada yang bermutu dan menjalankan skim pengedaran bagi memastikan mutu koko dan lada hitam diiktiraf di pasaran antarabangsa;
- (ii) mempelbagaikan tanaman pertanian dengan tanaman-tanaman lain bagi membolehkan petani memperolehi pendapatan tambahan seperti selingan dengan tanaman saka, tanaman jangka pendek dan ternakan, di samping memperkenalkan cara baru penanaman koko;
  - (iii) menjalankan kegiatan pembelian terus di peringkat ladang dengan tujuan bagi mewujudkan persekitaran pasaran yang lebih aktif dan mendorong pihak pembeli swasta turut bersaing untuk memperolehi bekalan; dan
  - (iv) menerokai pasaran-pasaran baru di luar negeri melalui kegiatan promosi bagi memperkenalkan kedua-dua hasil pertanian ini di pasaran-pasaran baru yang belum diterokai.

Mengenai getah asli sebab-sebab harga getah asli telah jatuh sedikit akhir-akhir ini adalah seperti berikut:

- (i) Pelepasan stok penimbal organisasi Getah Asli Antarabangsa (INRO) telah melemahkan permintaan getah asli di pasaran getah;

- (ii) Sekatan yang lebih ketat dikenakan di bawah dasar kewangan di negara-negara barat untuk mencegah inflasi juga menjejaskan pasaran getah; dan
- (iii) Tanda-tanda penunjuk juga menggambarkan bahawa ekonomi negara-negara barat bergerak dengan lebih perlahan.

Bagi getah asli Kerajaan sentiasa berusaha untuk menstabilkan harga ini menerusi Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRO). Harga getah asli adalah distabilkan melalui operasi stok penimbal INRO. Pada masa ini harga getah RSS 1 adalah sebanyak 257 sen sekilo iaitu lebih tinggi daripada harga yang memastikan pihak INRO membeli getah asli di pasaran iaitu sebanyak 174 sen Malaysia/Singapura sekilo.

Di peringkat dalam negeri pula, Kerajaan melalui agensi-agensinya seperti MARDEC dan RISDA akan terus menjamin pasaran bagi getah pekebun-pekebun kecil dengan menyediakan saluran pasaran yang diperlukan. Menerusi agensi penyelidikannya iaitu RRIM, usaha-usaha penyelidikan terus dipergiatkan untuk mengurangkan kos dan memperbaiki mutu supaya dapat bersaing di pasaran dunia.

#### KWSP—AMAUN CARUMAN

**55. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan amaun caruman dalam KWSP sehingga akhir Mac 1989 dan jumlah pengeluaran KWSP sehingga akhir Mac 1989 berkaitan perkara-perkara berikut:

- (a) mencapai umur 55 tahun;
- (b) mencapai umur 50 tahun;

- (c) berhijrah keluar Malaysia;
- (d) kematian;
- (e) perumahan kos rendah;
- (f) dividen tahunan.

**Dato' Loke Yuen Yow;** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah caruman ke dalam KWSP bagi tempoh Januari sehingga akhir Mac 1989 adalah \$858,683, 272.

Jumlah pengeluaran caruman KWSP bagi tempoh yang sama ialah \$418,887,484. Jumlah pengeluaran mengikut klasifikasi jenis pengeluaran sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

(1) Umur 55 tahun	sebanyak	\$137,341,165
(2) Umur 50 tahun	sebanyak	\$64,192,526
(3) Meninggalkan Malaysia	sebanyak	\$ 34,061,444
(4) Kematian	sebanyak	\$ 12,014,326
(5) Perumahan Kos Rendah	sebanyak	\$ 63,386,138
(6) Dividen Tahunan	sebanyak	\$ 1,732,790
Jumlah		<hr/> \$312,728,389 <hr/>

#### BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN

**56. Dr V. David** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah bancian bilangan penduduk yang akhir telah diadakan, dan juga berikan keterangan ringkas atas cara pentadbiran bancian ini. Sila beri pecahan bilangan penduduk menurut kaum dan jantina.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Ting Chew Peh):** Bancian bilangan penduduk melalui Banci Penduduk dan Perumahan yang akhir telah dijalankan pada tahun 1980. Banci ini telah dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri. Penghitungan telah dibuat oleh kira-kira 27,000 orang penghitung yang diambil dari kawasan-kawasan penghitungan. Penyiasatan Selepas

Banci juga telah dijalankan. Laporan Banci telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan.

Bilangan penduduk pada tahun 1980 ialah 13.7 juta di mana 6.9 juta ialah lelaki dan 6.8 juta perempuan. Mengikut kaum bilangan Bumiputera adalah seramai 8.1 juta, kaum Cina 4.4 juta, Indja 1.2 juta dan golongan lain 74 ribu orang.

(Soalan No. 57. Sila lihat jawapan No.1 pada 20-6-89),

#### BIASISWA PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI—KENAIKAN

**58. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengenai dasar Kenaikan Biasiswa pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri. Sila nyatakan setakat ini negara manakah yang telah diluluskan kenaikan biasiswa itu dan berapakah jumlah kenaikannya; dan
- (b) berapakah jumlah pelajar-pelajar Malaysia tajaan Kerajaan di dalam bidang-bidang perubatan kejuruteraan dan sains di negara-negara berikut:
  - (i) United Kingdom
  - (ii) Republik Ireland
  - (iii) Belgium
  - (iv) Perancis
  - (v) Itali
  - (vi) Turkey

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:**

- (a) Kerajaan sememangnya dari masa ke semasa, mengkaji kadar Biasiswa Persekutuan di luar negeri untuk memastikan bahawa biasiswa itu dapat menampung sara hidup dan perbelanjaan pengajian pelajar-pelajar, Kerajaan sentiasa berusaha mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kos

sara hidup dan kos perbelanjaan pengajian daripada Jabatan Penuntut Malaysia atau Kedutaan Besar Malaysia di negara-negara yang terdapat pelajar-pelajar tajaan Kerajaan.

Sekiranya didapati kadar Biasiswa yang sedang berkuatkuasa tidak lagi mencukupi, Kerajaan akan mempertimbangkan kenaikan yang bersesuaian bergantung kepada keperluan dan kemampuan di pihak Kerajaan.

Setakat ini Kerajaan telah pun meluluskan kenaikan Biasiswa di United Kingdom sebanyak 20% hingga 27% dan di New Zealand sebanyak 31% hingga 37% mengikut peringkat pengajian iaitu sama ada di peringkat Ijazah Pertama atau di peringkat Ijazah Lanjutan.

- (b) Bilangan pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam dengan Biasiswa Persekutuan dalam bidang Perubatan, Kejuruteraan dan Sains yang masih menuntut di 6 buah negara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah seramai 914 orang. Pecahannya mengikut bidang kursus dan negara adalah seperti berikut:

Negara	Perubatan	Kejuruteraan	Sains	Jumlah
United Kingdom termasuk Ireland	112	530	130	772
Belgium	62	5	- -	67
Perancis	17	29	19	65
Itali			- - - -	
Turkey	10	-	-	10
JUMLAH	201	564	149	914

#### PROGRAM PERTUKARAN BERITA ASEAN

59. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Penerangan menyatakan apakah yang telah diputuskan

oleh Persidangan Menteri-menteri Penerangan ASEAN yang berlangsung di Bandar Seri Begawan baru-baru ini. Apakah cadangan-cadangan Malaysia yang diterima oleh Persidangan tersebut dan mengapakah Malaysia mengemukakan cadangan-cadangan tersebut. Apakah manfaat-manfaat yang Malaysia perolehi dari Persidangan tersebut dan bagaimana-cara-cara keputus-keputusan itu dilaksanakan.

**Tuan Railey bin Jaffrey:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persidangan Menteri-menteri Penerangan ASEAN telah berlangsung di Jakarta pada 24-25 Mei 1989 dan bukannya di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Malaysia telah mengemukakan beberapa cadangan termasuk memperbaiki Program Pertukaran Berita ASEAN (ASEAN News Exchange Programme), kerjasama yang lebih erat di dalam bidang penerangan di kalangan Negara-negara ASEAN, pertukaran berita yang lebih cepat dan berkesan ke arah penyiaran berita yang lebih seimbang dan mempereratkan kerjasama di dalam bidang Televisyen, Radio, Filem dan Video.

Cadangan-cadangan yang dinyatakan tadi telah diterima oleh Persidangan tersebut dan akan dijadikan sebagai panduan di dalam kerjasama di bidang penerangan.

Melalui kerjasama ini keupayaan kita di dalam bidang-bidang berkenaan dapat dipertimbangkan lagi. Keputusan-keputusan yang telah dicapai di Persidangan Menteri-menteri Penerangan ASEAN itu akan dikemukakan kepada Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN Committee on Cultural and Information — COCI) untuk dilaksanakan.

**PENGGALAN FERI DI  
PULAU PINANG—  
LAPORAN TRAGEDI**

**60. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) selepas runtuhnya pengkalan feri pada 31-7-88, telah membuat satu kajian komprehensif ke atas jeti pengkalan feri di bahagian pulau (Georgetown) dan di bahagian tanah besar (Butterworth) dan telah mengemukakan syor-syornya kepada Kementerian ini. Jika ia, bolehkah Y.B. Menteri memberitahu Dewan ini butir-butir laporan termasuk juga syor-syor tersebut yang dibuat oleh SPPP; dan
- (b) berapakah bilangan kemalangan-kemalangan yang berlaku di jeti tersebut sejak 31-7-88, dengan memberi tarikh-tarikh dan butir-butir sebabnya berlaku kemalangan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan pengguna-pengguna.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:**

- (a) Pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang telah membuat satu kajian rancangan kerja-kerja membaikpulih dan mempertingkatkan struktur pengkalan penumpang di Pengkalan Sultan Abdul Halim dan juga di Pengkalan Raja Tun Uda. Kementerian Pengangkutan telah memberi kelulusan bagi kerja-kerja berkenaan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.
- (b) Sejak tragedi pada 31 Julai 1988, hanya 2 kemalangan telah

berlaku berhubung dengan perkhidmatan feri. Kejadian-kejadian itu adalah seperti berikut:

- (i) Pada 19 Mac 1989, kira-kira jam 7.30 malam, feri "Pulau Angsa" telah merapat di dermaga No. 3, Pengkalan Raja Tun Uda. Semasa ramp-ramp sedang dalam proses diturunkan, tiba-tiba ramp bawah untuk kenderaan jatuh terhempas ke atas dek feri. Tiada sebarang kecederaan berlaku kepada penumpang-penumpang dan juga tiada kerosakan yang berlaku kepada feri.

Siasatan-siasatan yang dibuat menunjukkan bahawa sambungan pin di sebelah selatan di antara ramp bawah dan "draw-bridge" utama telah tidak dapat bertahan lagi disebabkan "bracket" pecah. Sejak kejadian ini, pemeriksaan-pemeriksaan tambahan telah dibuat pada semua sambungan-sambungan pin yang terdapat pada titi angkat dan ramp-ramp di pengkalan feri. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sambungan-sambungan pin di dermaga No. 3 Pengkalan Sultan Abdul Halim dan Pengkalan Raja Tun Uda telah digantikan dengan yang baru untuk menjamin pengendalian feri yang selamat;

- (ii) Kemalangan yang kedua pula berlaku pada 23 Mac 1989 lebih kurang pukul 6.30 pagi semasa feri "Pulau Rimau" (yang telah diikat di dermaga No. 4 Pengkalan Sultan Abdul

Halim pada malam sebelumnya) sedang digerakkan ke arah ramp untuk memulakan perkhidmatan untuk hari itu, ianya telah terpukul kepada rangka "bumper" dolphin utara yang menyebabkan rangka "bumper" itu terkopak dan jatuh ke laut. Tiada sebarang kerosakan kepada feri.

Siasatan-siasatan yang dibuat menunjukkan bahawa semasa feri itu menghampiri ramp, ianya telah terhanyut keluar sedikit dari dolphin utama dan apabila ianya dikedudukan masuk, ianya telah terpukul rangka "bumper" pada sudut yang agak ganjil. Sekiranya feri itu terpukul rangka "bumper" itu pada sudut yang lain, kerosakan tidak akan berlaku oleh kerana fender-fender itu dibina supaya dapat menahan hantukan dan pukutan secara langsung.

#### SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN PULAU BUM-BUM— PEMBINAAN

**61. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah pencapaian pekerjaan dan pembinaan projek SMK Pulau Bum-bum Daerah Semporna hingga hari ini:

- (a) bilakah sekolah tersebut siap dan dimulakan;
- (b) berapa ramaiakah murid yang boleh belajar di sekolah berkenaan; dan
- (c) benarkah kerja-kerja projek sekolah tersebut telah terbengkalai.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek SMK Pulau Bum-bum telah dimulakan pelaksanaannya pada 1 hb Jun 1987 dan dijangka siap pada 31hb Disember 1989 setelah diberi lanjutan masa. Sekolah ini yang mempunyai kemudahan 25 bilik darjah dan lain-lain kemudahan akan dapat menampung seramai 1,000 orang pelajar. Pelaksanaan projek sekolah ini agak kelewatan oleh kerana masalah cerucuk (tanah berbatu karang) dan bekalan bahan-bahan binaan ke tapak projek.

#### HARI KELAHIRAN UMNO KE 43—PERBELANJAAN

**62. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kementerian kerana menyambut Hari Kelahiran UMNO Ke 43 pada 11 Mei 1989 lalu, dan sila turunkan secara terperinci kegiatan yang dilibati oleh Kementerian;
- (b) atas pertimbangan apakah maka perayaan itu mendapat liputan TV secara siaran langsung dan berapa lama masa siaran dikhaskan untuk peristiwa itu; dan
- (c) adakah pihak RTM mendapat apa-apa bayaran dari UMNO atau mana-mana pihak yang menyokong UMNO kerana liputan itu.

**Tuan Railey bin Jaffrey:**

- (a) Perbelanjaan untuk membuat liputan menyambut Hari Kelahiran UMNO Ke-43 pada 11 Mei 1989 adalah berjumlah \$68,252.00. Selain dari membuat liputan tersebut, Kementerian Penerangan tidaklah terlibat dengan lain-lain kegiatan.
- (b) Berhubung dengan liputan TV secara langsung pada hari

tersebut di samping ianya merupakan aktiviti masyarakat yang perlu diberi liputan, ia juga memperingati generasi muda tentang perjuangan bersejarah rakyat menentang penjajah untuk mencapai kemerdekaan negara. Masa liputan yang dibuat adalah selama 3 jam.

- (c) RTM tidak mendapat apa-apa bayaran daripada mana-mana pihak.

#### **TUGAS PERDANA MENTERI— Y.A.B. ENCIK GHAFAR BABA**

**63. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan semasa beliau dimasukkan di Hospital Besar untuk rawatan pembedahan pintasan jantung sama ada Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba telah pun diperturunkan kuasa sebagai Pemangku Perdana Menteri mengikut undang-undang. Jika tidak, mengapa. Sama ada tugas-tugas yang telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba mempunyai entiti yang sah. Sila juga mengatakan mengapa Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba tidak diperturunkan kuasa dan pangkat Pemangku Perdana Menteri.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tiada peruntukan undang-undang bagi penurunan kuasa atau perlantikan sebagai Pemangku Perdana Menteri.

Bagaimanapun, perjalanan tugas-tugas Perdana Menteri oleh Y.A.B. Encik A. Ghafar bin Baba dalam tempoh yang berkenaan itu adalah sah disisi undang-undang kerana menurut kuasa yang diberikan kepada Baginda di bawah seksyen 51 Akta Tafsiran 1971, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengarahkan supaya tugas-tugas Perdana Menteri dijalankan oleh Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B. Encik A. Ghafar bin Baba dalam tempoh mulai dari 18

Januari 1989 sehingga Y.A.B. Perdana Menteri kembali bertugas semula selepas pembedahan pintasan koronari.

Pemberitahuan tentang arahan ini telah disiarkan dalam *Warta* bertarikh 23 Februari 1989 sebagai P.U.(B) 112/1989.

#### **PENANAM SAYUR DI CAMERON HIGHLANDS**

**64. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah usaha-usaha bagi penanam-penanam sayur beracun telah membaiki keadaan setelah Kementerian campur tangan dan berdalilog dengan penanam-penanam sayur khususnya di Cameron Highlands.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian dan Kementerian Kesihatan telah memberi kesan yang positif dan dapat mengurangkan paras sisabaki yang terlalu tinggi di dalam sayur-sayuran dari Cameron Highlands, walaupun masih lagi terdapat para petani yang membekalkan sayur-sayuran yang mempunyai paras sisabaki yang melebihi had yang dibenarkan.

Dari keputusan pengesanan yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian, didapati bahawa jumlah sayur-sayuran yang telah dikesan mengandungi sisabaki racun kulat yang tinggi telah berkurangan. Dalam tempoh bulan Januari—Mei 1989 didapati 35% contoh sayur-sayuran melebihi paras yang dibenarkan (5mg/kg) sedangkan pada tempoh yang sama pada tahun 1988 adalah 41%.

Laporan dari Kementerian Alam Sekitar, Republik Singapura juga menunjukkan bahawa sayur-sayuran yang dieksport ke negara tersebut yang telah tercemar dengan racun perosak telah berkurang. Dalam tempoh bulan Januari—Mei 1989 terdapat 141

konsaimen telah ditolak sedangkan dalam tempoh yang sama pada tahun 1988 bilangan konsaimen yang ditolak adalah 426.

Jabatan Pertanian telah meningkatkan usaha untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan petani yang masih menggunakan racun perosak dengan cara yang tidak betul. Petani-petani ini telah dapat dikenalpasti dengan adanya sistem menanda bakul sayur yang telah diperkenalkan dan mereka telah diberi amaran dan nasihat oleh Jabatan Pertanian supaya menggunakan racun perosak secara betul dan mengikut tempoh menunggu yang dinyatakan dilabel racun perosak.

Bilangan jenis sayur-sayuran yang selalu tercemar oleh racun perosak juga telah berkurang; daripada 7 jenis kepada 2 sahaja iaitu sawi pahit dan daun bawang.

Untuk mengatasi masalah ini dengan lebih berkesan, Jabatan Pertanian juga telah menjalankan satu kajian pada tahun 1988 bertujuan untuk menilai pengetahuan, sikap dan amalan pertanian para petani di Cameron Highlands. Hasil-hasil kajian tersebut masih lagi dalam peringkat penganalisan.

#### **JALAN RAYA DI SABAH— PENYENGGARAAN**

**65. Tuan Gerard Math Lee Min** bertanya kepada Menteri Kerjaraya sama ada Kementerian beliau telah mencadangkan dan mengimplemen-tasikan sebatang rancangan jalan raya untuk mengatasi masalah pembinaan jalan raya dan penyenggaraan jalan raya di Sabah dan lain bahagian di Malaysia.

**Tuan Luhut Wan:** Kementerian Kerja Raya sememangnya mempunyai cadangan dan rancangan jangka panjang dan jangka pendek di dalam pembinaan, meningkatkan taraf jalan raya dan membaikpilih jalan-jalan

raya yang mengalami kerosakan. Perlu dimaklumkan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melaksana kesemua projek-projek yang dirancangkan di seluruh negara mengikut keutamaan, keadaan kewangan negara semasa dan juga keupayaan jentera Kerajaan untuk melaksanakannya.

Oleh kerana pelaksanaan satu-satu projek jalan raya adalah memerlukan perbealajaan yang besar dan masa yang panjang diperlukan bagi pelaksanaan projek yang besar, oleh itu perlaksanaannya dijalankan peringkat demi peringkat.

Biasanya projek-projek jangka pendek yang difikirkan mendesak diberikan keutamaan dari segi pelaksanaan. Akan tetapi projek-projek jangka panjang yang memerlukan peruntukan yang banyak juga dijalankan peringkat demi peringkat mengikut perancangan yang telah dibuat.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meningkatkan keupayaan para kontraktor terutama kepada kontraktor yang baru menceburi diri dalam kontrak pembinaan jalan raya, Kementerian Kerjaraya telah mengadakan latihan dari masa ke semasa bagi meningkatkan keupayaan mereka.

Untuk meningkatkan keupayaan kontraktor-kontraktor tempatan dan juga mempercepatkan pelaksanaan bagi projek-projek besar, Kementerian Kerjaraya menggalakkan kontraktor tempatan bergabung tenaga bersama mereka atau dengan kontraktor-kontraktor asing secara usahasama. Langkah ini diharap dapat meningkatkan pengalaman dan kemampuan kontraktor-kontraktor tempatan dan seterusnya mempercepatkan kerja-kerja pembinaan di samping menggalakkan pemindahan teknologi pembinaan ke negara ini.

Bagi meningkatkan pelaksanaan jalan raya khususnya di Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih laluan-laluan utama dan dijadikan jalan Persekutuan.

Adalah diharap langkah-langkah positif yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kerjaraya dapat meningkatkan tahap pelaksanaan pembinaan jalan raya di seluruh negara khususnya di Sabah dan Sarawak.

### SKIM PAYUNG AYAM

**66. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Meteri Kewangan menyatakan sejauh mana keberkesanan dan faedah skim Payung ayam telur dan daging yang diberikan kepada NAFAS:

- (a) apakah langkah-langkah Kementerian Kewangan menyelesaikan masalah penternak ayam telur di bawah skim Payung ini daripada berterusan menghadapi kerugian disebabkan oleh kenaikan harga bahan makanan ayam;
- (b) apakah Kementerian Kewangan sedar di samping telah memberikan tawaran bekalan secara Central Contract di bawah skim Payung ayam daging kepada NAFAS, terdapat juga agensi, institusi dan Jabatan Kerajaan mengeluarkan tender bekalan sendiri;
- (c) apakah tidak ada arahan dan pekeliling tertentu daripada Kementerian Kewangan yang mesti dipatuhi oleh agensi, institusi dan jabatan berkenaan; dan
- (d) untuk mengelakkan bahan-bahan makanan ayam yang kebanyakannya diimport terus melambung naik dan penternak-penternak akan terus menjadi sasaran, apakah Kerajaan akan sedia memikirkan untuk memberikan taraf perintis

kepada syarikat penternak ayam Bumiputera di bawah naungan NAFAS.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Pada umumnya kontrak di bawah skim Payung dengan NAFAS telah memberi kesan dan faedah yang baik kepada penternak-penternak Bumiputera. Semenjak skim ini dilaksanakan iaitu mulai 1 Mei 1985 bagi kontrak bekalan telur ayam dan 1 November 1987 bagi kontrak bekalan ayam daging, bilangan penternak-penternak Bumiputera telah bertambah. Bilangan penternak ayam telur telah bertambah dari sebelas (11) orang kepada enam puluh dua (62) orang dan bagi penternak ayam daging bilangannya telah bertambah dari 107 orang kepada 119 orang. Penternak-penternak ini telah berjaya menjual hasil ternakan dengan harga yang munasabah dan memperolehi pendapatan yang lebih terjamin. Dengan bertambahnya bilangan penternak dan bertambahnya hasil pendapatan mereka, maka skim ini didapati telah memberi sumbangan yang positif bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan matlamat program membasmi kemiskinan.

- (a) Kementerian Kewangan sedar bahawa penternak-penternak ayam menghadapi masalah disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan makanan ayam. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Kewangan sedang mengkaji harga kontrak yang ditetapkan itu dari masa ke semasa berdasarkan harga makanan ayam, kos pengangkutan dan perkhidmatan. Sekiranya terbukti elemen-elemen itu mengalami kenaikan harga, maka harga yang terdapat dalam kontrak semasa akan dikaji dan dipertimbang semula.
- (b) Kementerian Kewangan sedar ada Kementerian atau Agensi

Kerajaan menguruskan perolehan sendiri walaupun bekaJan tersebut terdapat dalam senarai Kontrak Pusat, Kementerian Kewangan. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana Kementerian dan Agensi berkenaan telah memproses sebelum bekalan tersebut dimasukkan di dalam senarai Kontrak Pusat.

- (c) Kontrak Pusat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan sepatutnya dipatuhi oleh semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas dalam Pekeliling Kontrak yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari masa ke semasa. Pembelian di luar kontrak hanya boleh dibuat oleh Kementerian atau Jabatan berkenaan setelah mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan.
- (d) Industri membuat makanan haiwan termasuk makanan ayam dan juga kegiatan penternakan ayam telah lama wujud dan dianggap telah tertubuh di negara ini. Oleh itu syarikat-syarikat yang menjalankan operasi seperti ini tidak layak dipertimbangkan galakan taraf perintis mengikut peruntukan di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986. Walau bagaimanapun bagi syarikat-syarikat yang menjalankan penternakan ayam *se-cara bersepadu* iaitu merangkumi aktiviti penetasan, penternakan dan pemerosehan ayam bagi *pasaran eksport* ianya masih layak dipertimbangkan dengan galakan taraf perintis.

#### TAHANAN ISA

67. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis  
minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan:

- (a) berapakah jumlah tahanan yang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada masa ini setakat ini;
- (b) berapakah dari mereka itu tahanan dari Sarawak;
- (c) berikan "breakdown" di bawah seksyen 8 ISA dan seksyen 73 ISA;
- (d) adakah Kerajaan bercadang hendak membebaskan tahanan dari Sarawak itu sempena semangat Hari Raya Idilfitri ini; dan nanti akan menghadapkan mereka di mahkamah keadilan untuk dibicarakan secara adil dan saksama; dalam sesi Parlimen bulan Mac yang lepas (1989) Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah mendedahkan di Dewan yang mulia ini akan kekejaman "interogasi" yang dilakukan ke atas Encik Abdul Rahman Hamzah oleh Pihak Polis; adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan "commission of Inquiry" untuk menyiasat kes ini.

#### Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Jumlah orang yang masih ditahan di bawah AKDN (ISA) 1960 pada masa ini adalah 68 orang.
- (b) Seramai 7 orang adalah dari SARAWAK.
- (c) Senarai "breakdown" mengikut seksyen 73 (1) AKDN, 1960 dan seksyen 3 AKDN, 1960 bagi kes-kes dari Sarawak ini adalah seperti berikut:
- |                          |    |
|--------------------------|----|
| (i) Tangkapan di bawah — | 11 |
| Sek. 73(1)               |    |
| (ii) Tahanan di bawah —  | 9  |
| Perintah Tahanan         |    |
| Sek. 8(1)AKDN            |    |

- (iii) Pembebasan tanpa syarat (Unconditional Release) — 2
- (iv) Behas di bawah Penggantungan Pemerintah Tahanan (PPT) — 2
- (v) Bilangan kes Sarawak yang masih ditahan sekarang — 7
- (d) Soal pembebasan mana-mana kes tahanan adalah bergantung kepada sejauh mana mereka tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan. Selain dari itu kedudukan mereka dalam tahanan adalah sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa oleh Lembaga Penasihat mengikut peruntukan undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Oleh kerana mereka ditahan mengikut peruntukan pencegahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, soal menghadapkan mereka yang ditahan ke Mahkamah adalah tidak timbul memandangkan tidak adalah keperluan dari segi peruntukan undang-undang berkenaan. Mengenai dakwaan kekejaman yang dilakukan ke atas Encik ABD. RAHMAN HAMZAH, salah seorang tahanan dari Sarawak semasa disoalsiasat, Pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan rapi mengenai perkara ini dan oleh kerana itu Kerajaan mendapati tidak perlu untuk menubuhkan "Commission of Inquiry" mengenai perkara ini,

#### PEKERJA YANG DIBERHENTIKAN

68. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) setakat ini berapakah bilangan

orang yang diberhentikan dari pekerjaan mereka baik di Jabatan Kerajaan dan pihak swasta di seluruh negara; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang berkesan yang telah diambil dan yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Kalakau Untol:

- (a) Pertanyaan yang dikemukakan ini adalah kurang jelas, walau bagaimanapun adakah dipercayai pemberhentian kerja yang dimaksudkan ini adalah pemberhentian kerja dalam tempoh kemelesetan ekonomi. Mengikut data yang dikumpul oleh Kementerian Buruh bilangan pekerja swasta yang telah diberhentikan kerja oleh majikan akibat keadaan kemelesetan ekonomi negara daripada tahun 1983 hingga bulan April 1989 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pekerja Diberhentikan</i>
1983	16,668
1984	9,269
1985	43,844
1986	20,212
1987	13,732
1988	3,172
1989	159
(hingga April)	<hr/> 107,056 <hr/>

Di Sektor awam atau dalam perkhidmatan Kerajaan tidak berlaku pemberhentian kerja kakitangan atas sebab kemelesetan ekonomi.

- (b) Dengan keadaan ekonomi negara dan ekonomi dunia keseluruhannya kian beransur pulih Kerajaan sedang giat

berusaha untuk menarik pelaburan sama ada dari dalam dan luar negeri dengan menawarkan berbagai-bagai intensif dan kemudahan demi untuk mengembangkan perusahaan dan perindustrian yang dapat menampung serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Salah satu hasil daripada usaha ini ialah jumlah pekerja yang diberhentikan telah berkurangan dengan banyaknya dalam tahun 1987 dan 1988. Sementara itu dalam tempoh yang sama peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat swasta telah meningkat dengan banyaknya. Dengan suasana ekonomi yang bertambah baik ini Kerajaan sentiasa menyeru sektor swasta supaya terus meningkatkan perusahaan masing-masing dan sedaya upaya hendaklah mengelakkan daripada diberhentikan pekerja-pekerja.

#### LEMBAGA PENASIHAT— SYOR MEMINDA PERLEMBAGAAN

**69. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia meminda Article 151 (i) (b) Perlembagaan Persekutuan bagi memberi peruntukan kepada syor-syor Lembaga Penasihat diambil kira oleh Kerajaan.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Apabila Perkara 151(i)(b) Perlembagaan Persekutuan mewajibkan Lembaga Penasihat membuat syor-syor kepada Yang di-Pertuan Agong atas representasi seseorang yang ditahan itu, sememangnya hasrat peruntukan itu, sebagai kehendak undang-undang yang tersirat dan tak semestinya dinyatakan, bahawa Yang

di-Pertuan Agong hendaklah mengambil kira syor-syor itu. Bahkan kehendak itu telah pun diperuntukkan dengan nyata dalam beberapa undang-undang yang berkenaan dengan penahanan pencegahan, misalnya seksyen 12 (2) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, yang mensyaratkan Yang di-Pertuan Agong menimbangkan syor-syor Lembaga Penasihat sebelum memberi apa-apa arahan kepada Menteri tentang penahanan orang yang berkenaan. Oleh yang demikian Perkara 151(i)(b) itu tidaklah perlu dipinda sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### TANAH RUNTUH DI KAMPUNG BARU BUKIT MERAH, IPOH

**70. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan punca yang mengakibatkan tanah runtuh yang berterusan di Kampung Baru Bukit Merah, Ipoh baru-baru ini dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan demi keselamatan penghuni-penghuni kampung ini.

26-6-59

**5. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejak bulan Februari, 1989 hingga hari ini mengapa punca-punca keruntuhan tanah di Bukit Merah dan Lahat, Perak Darul Ridzuan masih belum dapat dikenalpastikan; dan

(a) terangkan cara-cara telah dan akan dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi;

(b) bilakah laporan penyiasatan tersebut dapat diumumkan supaya langkah-langkah positif dapat diambil untuk mengelak kejadian tersebut.

30-6-89

**64. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perusahaan Utama

menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian ingin mengeluarkan Laporan Kaji-bumi 1982, supaya penduduk-penduduk di Bukit Merah, Kampung Baru dan Kampung Baru Lahat, Ipoh yang nya-wa-nyawa mereka sentiasa terancam oleh pasir jerlus (sink holes) untuk menda-pat tahu isi kandungan la-porannya. Nyatakan sama ada kegiatan-kegiatan per-lombongan bijih timah dari Syarikat Tin Mines Sdn. Bhd. ada bersangkutan de-ngan kejadian pasir jerlus (sink holes); dan
- (b) nyatakan juga sama ada kawasan yang diakibatkan oleh pasir jerlus (sink holes) adalah kaya dengan bijih timah.

**Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik:** Saya mohon izin, untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Y.B. Tuan Lau Dak Kee pada 26 Jun 1989 dan soalan daripada Y.B. Tuan Ting Chek Ming pada 30 Jun 1989 oleh kerana ketiga-tiga soalan berkenaan menyentuh perkara yang sama.

Kejadian lubang benam (sink holes) di kawasan-kawasan yang batuan dasarnya adalah batu kapur (limestone) merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan ataupun dijangkakan. Ianya boleh berlaku disebabkan oleh berbagai proses. Hasil kajian dan pengamatan yang dijalankan menunjukkan bahawa kejadian lubang benam di kawasan Lembah Kinta adalah merupakan hasil daripada proses pelarutan batu kapur (batuan dasar). Proses ini merupakan sebahagian daripada proses pengi-luhawaan (weathering) semulajadi yang memakan masa yang panjang.

Kajian yang dijalankan ke atas kawasan sekitar Kampung Baru Bukit Merah dalam tahun 1982 menggunakan kaedah lubang gerudi

dan teknik air kimia untuk mengetahui tentang sifat-sifat tanah penutup, batuan dasar, paras, lakuan serta aliran air tanah. Laporan hasil kajian ini telah pun diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak. Manakala kajian yang sedang dijalankan sekarang akan meliputi kawasan yang lebih luas serta menggunakan kaedah "Tracer" untuk mengesan aliran air tanah. Ianya dijangka akan memakan masa 7 bulan untuk membolehkan pengesanan lakuan air tanah dibuat secara berterusan.

Laporan hasil kajian ini dijangka akan disiapkan dalam bulan Disember 1989 dan akan diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak untuk tindakan susulan, memandangkan perkara tersebut adalah termasuk di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun Laporan Kajian 1982 tersebut boleh didapati untuk rujukan di pejabat-pejabat Penyia-satan Kajibumi di Kuala Lumpur dan Ipoh.

Memandangkan perkara berhubung dengan tanah adalah terletak di bawah kuasa pihak Kerajaan Negeri, maka terpulanglah kepada pihak berkuasa berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Kementerian ini difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Perak, sebagai langkah keselamatan, telah berusaha menempatkan semula mereka yang terhbab ke kawa-san-kawasan yang lebih selamat. Waiuu bagaimanapun usaha ini difahamkan telah tidak mendapat sambutan yang sewajarnya.

Menyentuh tentang soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah mengenai perkaitan di antara kegiaian perlombongan bijih timah oleh Syarikat Tin Mines Sdn. Bhd. dengan kejadian lubang benam, hasil kajian yang lepas tidak menunjukkan terdapatnya sebarang kaitan yang nyata. Ini memandangkan pembentukan lubang benam di kawasan batu kapur ini adalah dikawal oleh beberapa faktor utama seperti

ketebalan tanah penutup yang nipis hingga sederhana, jasad batuan dasar yang masif tetapi mengalami keretakan, paras air tahan yang rendah serta tidak stabil dan sebagainya.

Dari rekod penyiasatan yang lepas, kawasan Kampung Baru Bukit Merah didapati mempunyai nilai bijih timah yang sut (marginal), manakala kawasan Lahat pula adalah merupakan kawasan bekas lombong.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 1988 dan 1989 itu telah selesai dipertimbangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua;** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul berbunyi ia itu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan 1988 dan 1989 telah selesai dipertimbangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 1988 dan 1989 itu telah selesai dipertimbangkan.

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988 Dan 1989)

#### DAN USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 4) 1988

#### DAN

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1989

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989)" dan "Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1988 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1989" dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis. (*Hari Kedua*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hanya ada satu hari, hari ini sahaja lagi untuk menghabiskan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Usul yang bersangkutan dengannya. Oleh yang demikian saya

haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat memendekkan ucapan masing-masing dan berjaga-jagalah jangan berucap di atas dasar hanya di atas butir-butir yang dikehendaki sahaja. Saya mintalah kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat dari Kepong.

*Maksud B. 7 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P. 7 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bit. 1) 1989—*

3.39 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya akan memendekkan. cuma saya hendak membangkitkan mengenai Kod 05600, Perparitan dan Saluran Najis. Semalam saya mengatakan bahawa sistem perparitan dan saluran najis yang sekarang ada di Wilayah Persekutuan dan juga di seluruh negara tidak begitu sempurna.

Di Wilayah Persekutuan ada banyak itu sistem najis jenis hoptank yang mengalami kesusahan kerana ada kesalahfahaman di antara pihak Dewan Bandaraya dengan pihak pemaju perumahan sehingga kalau ada berlaku kerosakan tidak ada pihak yang tertentu untuk memperbaiki dan untuk mewujudkan sistem yang lebih sempurna.

Ini sememangnya tidak adil terhadap penghuni kawasan-kawasan perumahan. Oleh itu walaupun Wilayah Persekutuan mungkin mempunyai sistem pembentungan bernilai \$3.5 juta ianya tidak bererti jika masalah pihak yang manakah bertanggungjawab bagi pengendalian sistem pembentungan tidak diselesaikan.

Begitu juga dengan Labuan di mana sistem \$3.5 juta ini akan disediakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Arau.

3.40 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong di bawah Maksud P.7. Yang Pertama, saya hendak sebut fasal PERNAS iaitu berhubung dengan pemberian sebanyak \$6.8 juta untuk membina Hotel Seri Pelangi di Langkawi. Dalam masa yang sama PERNAS juga akan membina sebuah lagi hotel yang bernama Hotel Istana di Kuala Lumpur yang saya percaya akan dimasukkan dalam perkara yang sama bila hotel itu dibina nanti. Cuma saya hendak sentuh satu—penyelewengan, bukan penyelewengan—tetapi cara ketidak mengikut peraturan berlaku dalam cara-cara. PERNAS mengendalikan projek mereka. Timbalan Pengerusi PERNAS tidak hadir hari ini. Saya harap dia tidak tidur untuk mendengar apa yang saya hendak komen.

Baru-bari ini, termasuk projek Pelangi ini, PERNAS telah mengeluarkan tender—ini bukan dasar tetapi ini mengenai perkara ini, PERNAS telah mengeluarkan satu tender untuk membina hotel. Wang ini adalah wang Kerajaan. Ianya dimasuki oleh PERNAS CON, iaitu anak syarikat PERNAS dan juga syarikat Fletcher dari New Zealand, PERNAS CON harganya lebih kurang \$120 juta dan syarikat Fletcher iaitu syarikat yang 79%nya dipunyai oleh New Zealand dan juga Island Peninsular, projek ini berharga \$132 juta. Baru-baru ini saya telah dimaklumkan bahawa Letter of Intent, dengan izin, telah dikeluarkan kepada Syarikat Fletcher.

Saya hendak bertanya kepada PERNAS dan juga lain-lain orang yang terlibat. Perkara ini telah dibincang dengan hangat dalam Majlis Perunding Ekonomi Negara tetapi oleh kerana tidak dapat disebut, maka saya tidak akan sebut di sini kecuali wakil DAP, dia tidak erti bahasa, dia sebut juga mengenai Majlis Perunding di sini

walaupun ini hanya dibincang dalam Majlis Perunding. Kalau hendak cerita di sini boleh, tetapi saya tidak mahu bawa pergaduhan selain daripada di sana. Sekarang Timbalan Pengerusi PERNAS sudah datang, saya minta dia dengar dan tidak tidur.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya apakah bentuk pemilihan yang dibuat? PERNAS CON dan juga yang joint venture YTL, semua orang sudah kenal yang mereka ini boleh buat projek apa sahaja. Projek hotel di Malaysia ini banyak dibuat oleh PERNAS CON dan YTL yang harganya \$12 juta lebih rendah daripada syarikat New Zealand. Kalau ini terjadi, kita hendak kata apa? Keadilankah, penyelewengankah, ataupun tuan duduk tidur? Sesuatu harus dibuat untuk memastikan supaya syarikat tempatan diberi keutamaan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Nanti, saya belum habis lagi. Kalau sekiranya syarikat tempatan tidak diberi keutamaan dan kita tahu syarikat ini memang berkeupayaan untuk menjalankan projek yang berkenaan, ini bermakna sesuatu yang tidak manis telah berlaku. Saya hendak kata apa tidak manis ini, saya harap Biro Siasatan Negara ada di sini dan dengar apa yang saya hendak cakapkan ini, kalau bukan penyelewengan, bukan rasuah, apa lagi? \$12 juta. Kelmarin kawan saya ada sebut mengenai sebuah projek dam di sebuah negeri, harganya difference sampai \$30 juta .....

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat dari Batu Berendam.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Pengerusi, oleh kerana saya telah disebut di dalam apa yang

diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Arau berkenaan dengan masalah PERNAS, saya ingin bertanya sama ada saya boleh membuat penjelasan tentang perkara ini kerana kalau tidak nanti dari segi pandangan umum kurang sihat. Bolehkah Tuan Pengerusi benarkan? Saya bukan minta penjelasan, hanya untuk hendak menjelaskan kedudukan sebenar supaya rekod itu biar .....

**Tuan Pengerusi:** Bukankah hak penjelasan itu selalunya dibuat oleh Menteri?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya faham perkara itu tetapi ini merupakan satu—mungkin tuduhan juga, jadi .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat akan boleh berucap jika sekiranya diberi peluang sebagai seorang Ahli.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Arau, saya rasa Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan dasar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak, Tuan Pengerusi, ini mengenai projek hotel—Hotel Seri Pelangi dan Hotel Istana (Palace Hotel) dekat Kuala Lumpur—samalah, PERNAS juga buat. Yang saya hendak sebut ini sebab saya sudah tidak tahan lagi perkara-perkara seperti ini berlaku, orang asyik kata penyelewengan itu dan ini. Kita hendak supaya sesuatu dibuat dengan secara adil, bukan kerana apa, saya pun bukan berminat sangat hendak masuk kontrak, tetapi cuma hendak lihat projek ini dibuat dengan adil. Kita menjunjung mereka ini naik, mereka pula buat tahi di sana. Bagaimana kedudukan kita di sini, teruk kita hendak fikirkan.

Sekejap lagi Yang Berhormat dari Batu Berendam boleh bangun dan jawab dan beri penjelasan. Tuan

Pengerusi, saya minta supaya diberi peluang kepadanya untuk menjawab sekejap lagi.

Saya hendak bertanya mengapa jadi begini? Ini satu, bukan satu ini sahaja tetapi banyak lagi yang perkara-perkara sebegini terjadi. Kalau perbezaan \$1 juta, \$2 juta tidak berat sangat mata memandang, kalau sampai \$20 juta—wang ini wang siapa? Wang di sini juga, kita luluskan di sini, Tuan Pengerusi. Kalau wang sendiri—buatlah, hendak bangun di negeri Chinakah, di negeri manakah, sila. Tetapi ini wang Kerajaan, wang rakyat, kita bertanggungjawab. Kalau macam ini terjadi, Lembaga Pengarah pula seperti saya katakan kelmarin fasal JKR—Lembaga Pengarah tidak dapat panduan yang JKR letakkan 15% harga, Lembaga Pengarah dia ikut kebijaksanaan dan keahfannya. Arif macam mana, bijak macam mana, kita pun kurang pasti. Yang kita tahu sekejap dapat nombor 15, sekejap dapat nombor 30. Ini cerita apa? Kadang-kadang menggunakan nama orang-orang tertentu. Ini kuasa Menteri Besar, ini kuasa Perdana Menteri. Yang Hamba Allah itu tidak tahu apa-apa pun—terpaksa buat, kerana dia orang Perdana Menteri, dia orang Menteri Besar. Hamba Allah itu tidak tahupun penggunaan nama itu dibuat berleluasa.

Sekarang ini orang sudah cuba untuk mengaitkan kita dengan sesuatu character tertentu. Kita kena ingat, Tuan Pengerusi, kebanyakan kejatuhan empire-empire di dunia, apabila terjadi. ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap dasar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ya, dasar, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Keduanya, saya minta supaya pihak PERNAS, saya minta Timbalan Pengerusinya, iaitu kawan saya di sini untuk menjawab, sebab dahulu Reporter ada tuduh, bila saya cakap

fasal "Grand Design", dia kata Tamrin beri note. Ini note, saya cakap memang pakai note, tetapi Tamrin tidak campur dengan saya, sebab Allah beri dekat saya ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, jangan gunakan nama.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tetapi cerita lama saya akan sebut minggu depan tentang apa yang saya sebut minggu lepas. Itu sebab saya hendak sebutkan kepada mereka yang berada di sini dan dengar sebab saya bercakap pakai note dan Tuhan beri saya keistimewaan bila saya baca, lekat di sini dan boleh bercakap di sini. Kalau tidak boleh bercakap di sini, saya pakai ini, Tuan Pengerusi—(*menunjukkan lengan*) kalau tidak boleh ini, saya pakai yang ini, makna kata semua boleh. Itu keistimewaan yang ada pada saya. Jangan ingat orang itu pass note, orang ini pass note, saya hendak takut kepada mereka. Tidak. Saya bercakap daripada dahulu sampai sekarang pun tidak ada siapa yang pass note. Sekarang ini mana ada note, saya bercakap dengan cara terbuka, ternyata, tidak sembunyi-sembunyi, tidak puas hati cakap. Jangan cakap di belakang, siapa cakap di belakang, saya tidak boleh guna yang ini, saya guna yang ini. Saya cakap betul siang-siang.

Tuan Pengerusi, keduanya, di bawah Butiran 03200—Jabatan Perdana Menteri—Hakisan Pantai Negara. Yang diberi \$9 juta. Dia tidak sebut di mana, dia sebut pantai di seluruh negara di luar kawasan Jabatan Perparitan dan Saliran, Saya hendak sebut satu, kalau hendak minta \$100 juta pun elok. Apa sebab minta \$9 juta? Perkara-perkara seperti ini, seperti kata peribahasa Melayu, "Macam anjing menjilat air didih", lebih kurang macam itulah, membuat sesuatu itu tidak dengan sungguh-sungguh. Kalau hendak minta, minta betul-betul, CHOGLM boleh minta \$32 juta, walaupun bandaraya minta untuk

buat parit tetapi dia buat yang lain, itu kita tahu, dia buat untuk buat perparitan tetapi parit tidak dicuci pun tetapi dia cuci tempat lain, kita tahu. Yang ini hendak diperbetulkan hakisan pantai negara meminta \$9 juta.

Saya beri contoh. Yang dikatakan hakisan, sekali dia dapat lubang untuk menghakis, dia akan hakis habis-habisan, itu perangai air. Jangan kita lupa, perangai air yang banyak mendatangkan makna kepada manusia, air boleh jadi macam-macam dan sekali ia dapat lubang hakis, ia akan hakis habis-habisan.

Di kawasan MADA, dia buat sampai ke Perlis, Tuan Pengerusi. Dia buat daripada Sungai Padang sampai Kuala Perhs, dia tinggal sedikit, dia beri ruang sedikit lebih kurang dari sini sampai ke Tuan Pengerusi, dia beri ruang sedikit. Ruang ini akan dimasuki oleh air laut dan lingkup semua sekali tembok yang dibina termasuk di kawasan Yan, yang demikian rupa, ada sedikit ruang yang membolehkan air masuk.

Yang dikatakan hakisan ini jangan ingat benda yang paling senang. Kalau hendak buat, buat, jadikan seluruh negara satu pblisi. Ini bila hakis esok, kita pula buat swasta, tambakkan tanah. Yang hakisnya tidak terkira, kira hendak tambak, sekarang ini buat sekalilah, buat dengan elok. Jangan beri saya kata di sini, jangan beri kawan-kawan saya tegur di sini. Kalau hendak minta \$100 juta pun saya akan lawan habis-habisan. DAP tidak setuju, kita semua setuju, mereka akan kalah undi, jangan bimbang. Kecuali lepas pukul 6.00 petang, kami semua balik, dia orang tunggu di sini tetapi tidak boleh undi.

Tuan Pengerusi, jadi saya mintalah kalau boleh supaya kita buat bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa negara kita tidak dihakis. Kena ingat bahawa Tuhan, tidak beri kecuali dua, tiga tempat sahaja dalam dunia ini yang Tuhan

tolong tambah pantai macam di Perlis, negeri kecil, Tuhan tambah lebih kurang 300 ekar, Tuhan tambah laut, tambahkan tanah tetapi Tuhan hakiskan tempat lain. Tetapi tidak banyak dibandingkan jumlah penduduk. Orang beranak lebih banyak daripada pantai menghakis kita. Jadi lama-lama tidak ada tanah hari pun kiamatlah, tetapi macam mana pun, sebelum kita menanti hari kiamat, buat sesuatu, hendak pastikan supaya negara kita yang duduk macam itu, di Sabah dan Sarawak memang dikelilingi laut, kita ini duduk di Segenting Kra sahaja tidak dikelilingi laut, yang lain semua laut. Pastikan ini menjadi satu masalah negara dan kita minta peruntukan bukan \$9 juta, ini saya special sedikit. Saya tidak setuju \$9 juta, minta \$90 jutakah ataupun \$900 juta, Tuan Pengerusi.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, fasal Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang. Bukan akhir sekali, yang kedua terakhir.

Tuan Pengerusi, dengan rendah dirilah saya hendak sebut. Kalau angka di sini terpampang, kita dalam Majlis Perundangan ini, dia bukan kira apa. Dia bercakap bukan ada peraturan, Parlimen tidak ada, jadi tidak ada peraturan. Semua pakai ikut sedap sahaja, hati panas mendengar, Ini macam disebut "penyertaan Bumiputera". Sebut sahaja Bumiputera bukan orang kira berapa banyak duit yang ada hari ini, orang kira ada skim untuk Bumiputera tetapi \$14 juta, Skim apa? Lepas itu skim ini pula, "membina rumah murah". Ada pula membina rumah murah, "Skim Penyertaan Bumiputera". Saya ingat ini satu perkara yang saya tidak dapat fikir. Adakah kita hendak bina rumah murah, hendak dapat kepada Bumiputera itu, "Skim Penyertaan Bumiputera" yang dibuat oleh yang lain ataupun \$14 juta yang untuk memberi Bumiputera peluang untuk hendak bina rumah? Yang mana satu? Tidak faham cerita ini. Jangan tulis

perkataan Bumiputera, merugikan. Sana penyertaan Bumiputera, sini penyertaan Bumiputera.

Dalam keadaan sebenarnya, ada nama sahaja. Nama sahaja, rugi, rugi, saya! Saya pun Bumiputera. Kadang-kadang syarikat sana Bumiputeralah, bohong semua cerita ini. Pengerusi ya, Pengerusi dapat elaun \$1,000 kalau ada untung, kalau tidak ada untung tidak ada langsung. Yang rugi siapa? Yang rugi pegawai-pegawai Kerajaan inilah. Pandai-pandai tulis "Penyertaan Bumiputera". Jangan tulis ini. Siapa tulis sini? Tulis buat apa benda ini. Seolah-olah kita mewakili Bumiputera semua terpaksa masuk nama di sini. Awak tidak bolehkah tulis "Penyertaan Orang Susah di Pulau Pinang?". Senang cerita. Bumiputera ini semua ke Perlis, sampai seluruh Malaysia. Ini fasal masuk nama ini. Maknanya secara tidak langsung kita telah rugi dari segi nama.

Cukuplah. Tuan Pengerusi, terima kasih. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Tampin, Kota Melaka, Bagan, Kampar, Nibong Tebal, Kepong dan Arau yang telah turut membahaskan Kertas Perintah 21A Tahun 1989 bagi Maksud P.7, Jabatan Perdana Menteri.

Saya suka memberi keyakinan pada Dewan yang mulia ini bahawa pandangan, pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil kira dengan penuh teliti oleh Kerajaan kerana Kerajaan sentiasa memandang serius bagi kepentingan awam.

Ahli Yang Berhormat daripada Kepong dan Bukit Bintang telah menanyakan berkaitan pengawalan penempatan setinggian di Wilayah Persekutuan, Butiran 03600. Sukalah saya nyatakan bahawa waran \$3 juta telah dikeluarkan bagi melaksanakan projek yang terlibat untuk tempoh Januari hingga ke Jun 1989. Manakala tambahan \$1 juta ini adalah diperlukan bagi tempoh bulan Julai hingga Disember untuk melaksanakan projek pengawalan penempatan setinggian di Wilayah Persekutuan.

Projek-projek yang terlibat peringkat perlaksanaannya adalah seperti berikut:

- Rumah panjang Cheras A1—48 unit; di mana kontraknya sudah pun dilantik.
- Rumah panjang Cheras Jalan Ouarry—100 unit; tender telah dipanggil pada bulan Mei 1989 lalu.
- Rumah panjang Cheras Ikan Mas Tambahan—114 unit; tender dipanggil pada bulan Mei 1989 yang lalu.
- Rumah panjang Air Madu 2—iaitu sebanyak 200 unit; tender dipanggil pada bulan Mei 1989 yang lalu.

Pandangan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang untuk menyediakan pusat transit dan penempatan mangsa bencana alam, kebakaran atau banjir, sukalah saya menyatakan bahawa memang hasrat Kerajaan untuk membina pusat seperti ini. Saya ingin memberitahu bahawa satu peruntukan sebanyak \$200,000 telah pun diluluskan oleh Kerajaan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membina pusat transit penempatan mangsa bencana alam sama ada banjir atau kebakaran di Kampung Pindah. Pusat ini mempunyai segala kelengkapan yang boleh menampung mangsa-mangsa bencana alam. Apabila berlaku kebakaran atau banjir di sekitar Kuala

Lumpur, Wilayah Persekutuan, mangsa-mangsa ini akan ditempatkan di pusat ini. Projek ini belum dapat dilaksanakan kerana terdapat 7 rumah setinggan dan hanya boleh dibina setelah setinggan-setinggan ini dipindahkan ke rumah panjang yang akan dibina di Kampung Air Madu 2.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan NADI, ia adalah satu projek yang dikenatkan oleh Kerajaan dengan matlamat untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan dan saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa projek NADI bukan hanya bertumpu kepada kampung-kampung tradisional, tetapi hasrat Kerajaan adalah nyata untuk memperluaskan keseluruhan projek ini termasuk kawasan bandar dan kampung-kampung baru. Projek-projek di bawah NADI adalah seperti berikut:

- bekalan elektrik.
- dan kursus IAC, iaitu kursus kepada ketua masyarakat, ketua kampung termasuk kampung-kampung baru.
- Paip umum, pemasangan main pipe di Kampung Segambut.
- Pembinaan am kampung iaitu menyediakan jalan-jalan di kampung tradisional, kampung-kampung baru dan kawasan setinggan di seluruh Wilayah Persekutuan.
- Projek Sang Kancil iaitu membina satu lagi pusat perkhidmatan di Cheras, Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak \$300,000 adalah untuk perkhidmatan di bawah Program Nadi dan Sang Kancil seperti menyediakan kursus seperti yang disebut, pemasangan paip dan jalan-jalan di kampung tradisional dan setinggan di Kuala Lumpur.

Untuk menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tampin dan Bukit Bintang mengenai pembersihan sungai di Wilayah Persekutuan, sukalah saya memberitahu bahawa projek ini sedang dalam peringkat pelaksanaan. Peruntukan sebanyak \$5,000,000 ialah untuk kerja-kerja membersihkan sungai di Kuala Lumpur yang perlu siap sebelum menjelang persidangan CHOGM pada bulan Oktober 1989 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memasang perangkap sampah untuk mengatasi masalah ini seperti di Sungai Gombak, Sungai Kelang dan Sungai Bunus. Dari segi penguatkuasaan undang-undang, ia telah dan sedang dilaksanakan. Mesyuarat akan terus dan sedang dibuat dari semasa ke semasa dan Kerajaan sebenarnya berharap untuk menukar wajah bahu-bahu sungai daripada backyard straits dan setinggan kepada riverside walk-ways serta landscape park. Kita juga berharap bahawa kehidupan aquatic dapat segera kembali hidup di sungai-sungai di Kuala Lumpur dan kita terlepas dari keadaan polluted dan bau-bau yang offensive.

Masalah perparitan dan saluran najis yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sukalah saya jelaskan bahawa projek yang dimaksudkan ialah mengubah laluan saluran najis dan menyambung loji pembersihan najis dengan saluran najis yang sudah ada di bandar Labuan. Tambahan sebanyak \$500,000 untuk membayar juruperunding bagi menjalankan kerja-kerja rekabentuk dan sebahagian kos projek yang bernilai \$3.5 juta baki sepenuhnya diperlukan bagi tahun 1990.

Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak \$21.2 juta bagi Program Perparitan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk Mesyuarat CHOGM yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sukalah saya tegaskan bahawa ianya adalah

untuk membaikpulih sungai/parit Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Program Membaikpulih Sistem Perparitan di Bandaraya Kuala Lumpur untuk membersihkan masalah banjir di kawasan Kuala Lumpur. Peruntukan yang diperlukan ialah \$9.2 juta. Rancangan ini perlu disiapkan sebelum bulan Oktober 1989 iaitu Mesyuarat CHOGM.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa kalau tiada Mesyuarat CHOGM, program ini tidak dilaksanakan, sukalah saya tegaskan bahawa pembangunan di Wilayah Persekutuan khususnya Program Perparitan adalah satu projek yang necessity, dengan izin, dan adalah "on-going process", dengan izin. Tambahan \$2 juta lagi diperlukan untuk mengindahkan sungai/parit Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di bawah Program Mengindahkan Bandaraya Kuala Lumpur yang mesti juga disiapkan sebelum bulan Oktober bagi Mesyuarat CHOGM.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan soal jalan-jalan dan jambatan-jambatan. Di bawah Butiran 04600 keperluan tambahan peruntukan \$5.4 juta adalah bagi membiayai pelaksanaan 3 projek jalan iaitu jalan sambung dari Sri Hartamas. Projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor yang telah dilantik. Persimpangan bertingkat Sungai Besi/Kuala Lumpur dan Seremban yang merupakan projek penswastan dan jalan sambung Segambut Dalam, Sungai Pencala di mana kajian dibuat oleh juru-perunding.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya tentang kos projek pengubahsuaian dan memperbaiki semula Masjid Negara di bawah Butiran 02700. Saya ingin menerangkan bahawa kos kontrak asal bagi projek ini ialah sebanyak

\$12,868,255. Bagaimanapun jumlah peruntukan sebanyak \$15,035,350 diperlukan setelah mengambil kira bayaran perunding kerja-kerja piling dan keperluan kontingensi. Kontrak ini ditawarkan pada bulan November 1987 dan pihak kontraktor telah diberi tempoh selama 18 bulan untuk menyiapkan projek ini pada bulan Mei 1989. Oleh sebab pelaksanaannya tidak berjalan mengikut jadual, maka kontrak ini telah ditamatkan pada pertengahan bulan Januari tahun ini dan projek ini ditenderkan semula. Kontrak baru ditawarkan pada 14 Mac, 1989. Kos kontrak baru ialah sebanyak \$16,996,284 termasuk kos kerja-kerja tambahan yang bernilai \$2,281,100. Jumlah peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$21,107,000 setelah mengambil kira bayaran perunding, bayaran yang sudah dijelaskan, kontingensi dan sebagainya. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada pertengahan bulan Oktober 1989.

Mengikut peruntukan biasa. . . .

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah jumlah kerugian pihak Kerajaan apabila ditukar kepada kontraktor yang baru? Adakah kerugian itu ditanggung oleh Kerajaan atau ditanggung oleh kontraktor yang lama? Terima kasih.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani. Mengikut peruntukan biasa dalam kontrak, pihak Kerajaan berhak menuntut daripada kontraktor asal kos tambahan yang timbul dalam urusan

menender semula tersebut. Jadi tidak ada timbul sama ada Kerajaan rugi atau tidak.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kampar mendakwa bahawa Pusat Unit Tenaga Nuklear ataupun PUSPATI adalah satu "gajah putih". Saya suka hendak menegaskan bahawa dakwaan itu adalah tidak betul dan eloklah saya nyatakan bahawa banyak perkara telah dibuat oleh Unit ini dan sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab bagi menggalakkan penggunaan sains dan teknologi nuklear untuk pembangunan sosio-ekonomi dan dahulunya adalah PUSPATI tetapi sekarang dikenan sebagai Unit Tenaga Nuklear di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, pelaksanaan aktiviti Unit ini adalah dalam dua bidang, iaitu: pertama, bidang penggunaan tenaga atom berhubung dengan penyelidikan dan pembangunan serta penggunaan tenaga nuklear; dan kedua, bidang keselamatan nuklear memastikan keselamatan awam dan kemurniaan alam sekitar tidak terjejas akibat aktiviti teknologi nuklear.

Soal pelesenan adalah terletak di bawah bidangkuasa Lembaga Pelesenan Tenaga Atom, sebuah institusi terasing daripada Unit Tenaga Nuklear.

Tumpuan yang diberikan kepada bidang penggunaan tenaga atom adalah bagi mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan iaitu:

- (1) mengkaji serta menganalisis segala aspek berhubung dengan penggunaan tenaga atom;
- (2) merancang, menyediakan program-program serta menggalakkan penggunaan tenaga atom dalam bidang perindustrian, kesihatan atau perubatan, pertanian dan aktiviti-aktiviti lain dan menggalakkan penggunaan sinaran "radio-isotope".

Dalam bidang keselamatan pula bidang-bidangnya adalah keselamatan radiology dan nuklear, langkah-langkah keselamatan. langkah-langkah pencegah bahaya sinaran termasuk pengurusan radioaktif. Selain daripada itu, UTN merancang menyediakan program serta melaksanakan polisi-polisi asas teknologi nuklear. UTN menyelaraskan aktiviti-aktiviti dengan berbagai Kementerian dan institusi di dalam negeri. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti ini, UTN di bahagikan antara lain kepada bidang penyelidikan dan kendalian. UTN telah pun mengeluarkan radio-isotope dan radio-pharmaceutical, antaranya Technicium-99, Iodine-131 dan "Ria Kit". Dalam bidang kawalan sinaran dan kesihatan pekerja, orang awam dan alam sekitar Unit ini memastikan kegiatan-kegiatan ini dilaksanakan berpandu kepada peraturan-peraturan keselamatan serta undang-undang negara dan amarabangsa. Unit ini juga memberi khidmat tentukuran alat-alat, rencana filem pengurusan sisa dan sebagainya yang berkaitan dengan dedahan sinaran dalam program penggunaan isotope dan sinaran dalam industri, termasuklah dalam teknik penyurehan dan tolok nuklear seperti industri hydrology, sedimentology dan alam sekitar. Dalam program penggunaan isotope dan sinaran dalam biology dan pertanian beberapa jenis padi telah dapat diwujudkan. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah reactor Cobalt-60 dan kemudahan-kemudahan lain.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, UTN terlibat bagi mengemaskinkan kemahiran satu-satu profesion seperti profesion ujian tanpa musnah di mana ujian-ujian kemahiran diwujudkan bagi menjaga mutu profesion. Dari perkara-perkara yang saya sebut tadi, sukalah saya tegaskan bahawa tidak benar sama sekali dakwaan bahawa Unit Tenaga Nuklear ini adalah "gajah putih" seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan soal Sistem Maklumat dan Pengurusan Ketua Eksekutif yang merupakan satu pembaziran dengan pertambahan peruntukan sebanyak \$1 juta. Saya hendak memberitahu bahawa SMPKE (Sistem Maklumat dan Pengurusan Ketua Eksekutif) di Pejabat Perdana Menteri telah ditubuhkan dalam tahun 1984 dengan tujuan membekalkan maklumat-maklumat penting kepada pengguna-pengguna melalui komputer. Pengguna-pengguna utama SMPKE terdiri daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Pegawai-pegawai Tertinggi dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan. Di samping membuat rujukan kepada berbagai maklumat penting, pengguna SMPKE juga boleh berhubung antara satu sama lain melalui terminal komputer.

Dari segi konsepnya, SMPKE adalah satu sistem membuat keputusan berkomputer untuk pengurusan atasan atau dengan izin, a computerised decision support system for strategic management. Ianya berlainan dengan penggunaan sistem komputer di Jabatan Perangkaan, Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Lembaga Peperiksaan di mana komputer digunakan sebagai alat memproses data semata-mata. Jelaslah SMPKE merupakan satu pembaharuan, satu innovation, dengan izin, dari segi penggunaan komputer di peringkat pengurusan tertinggi di dalam sektor awam di negara ini. Sebagai satu pembaharuan yang unik adalah tidak berpatutan dikatakan SMPKE sebagai membazir malah peningkatan di dalam pengurusan akan lebih berkesan dan berjalan dengan lancar.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan sedikit. Tuan Pengerusi, apakah yang dimaksudkan sebagai strategik ini ada kena-mengena dengan Kementerian Pertahanan ataupun semata-mata untuk ekonomi. Kedua, adakah mesin ini daripada IBM ataupun syarikat yang lain?

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, secara keseluruhannya adalah peningkatan di dalam pengurusan pentadbiran supaya ia berjalan dengan baik dan lebih moden dan sukalah saya jelaskan bahawa SMPKE ini diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan Jun, 1984 di mana peruntukannya adalah sebanyak \$22.5 juta dan jumlah ini dikaji semula dan dikurangkan kepada \$18.5 juta dan pada masa ini kemudahan-kemudahan komputer SMPKE ini telah disambung kepada 17 Kementerian termasuk Jabatan-jabatan di bawahnya, dan jumlah kakitangan adalah 43. Jadi, Yang Berhormat tidaklah perlu khuatir dan patut memberi pujian supaya penggunaan ini akan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah membangkitkan soal peruntukan yang diperlukan bagi pendatang haram. Sukalah saya jelaskan bahawa peruntukan ini adalah diperlukan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur atau prasarana seperti pembelian bas dan van, menyediakan pusat-pusat perlindungan sementara dan juga menyediakan makanan kepada pendatang haram Vietnam yang ditempatkan secara sementara di negara ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sebelum ini Kerajaan belum mempunyai kemudahan-kemudahan berkenaan

kerana ianya disediakan dan ditanggung oleh pihak UNHCR. Peruntukan \$17.8 juta tersebut akan ditanggung oleh Kerajaan. Hanya untuk makluman, pihak UNHCR tidak akan terlibat dalam projek Kerajaan mencegah kehadiran pendatang haratn Vietnam di negara ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tampin juga telah membangkitkan soal Butiran 00100—Kajian Kemungkinan, yang berjumlah \$6,860,000. Jumlah peruntukan sebanyak \$6.86 juta itu adaiiah bagi 22 buah projek kajian kemungkinan.

Berkenaan dengan penggunaan khidmat perunding luar negeri bagi membuat kajian kemungkinan, kebanyakannya adalah bagi projek kajian di bawah bantuan agensi luar negeri di mana kita dikehendaki mematuhi syarat-syarat penggunaan khidmat perunding asing. Bagi projek kajian kemungkinan yang dibiayai dari sumber Kerajaan sendiri, sememangnya kita menggunakan khidmat pakar perunding tempatan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau telah menanyakan peruntukan \$9 juta untuk hakisan pantai. Semasa Program Hakisan Pantai ditimbangkan, keadaan ekonomi adalah meleset dan tidak mampu untuk kita membelanjakan dengan jumlah yang besar untuk hakisan pantai kerana kita tentulah mempunyai priority yang lain. Program itu menekankan penekanan diberi kepada kawasan-kawasan yang kritikal. Jika keadaan ekonomi berubah dan baik tentulah peruntukan yang besar akan diberikan dan kita harap dapat terus diperjuangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau supaya Kerajaan mendapat wang yang lebih besar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang

Berhormat, sekejap! Yang Berhormat dari Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, daripada jawapan tadi dengan rendah diri saya hendak tanya Yang Berhormat. Saya tahu pegawai yang tulis, dia kata beri keutamaan kepada yang lain, keutamaan kepada apa? Itu soalan saya. Kalau kita boleh beri SEA Games sebagai contoh, boleh beri sekian banyak, ini \$9 juta, ini cerita berat, Yang Berhormat. Kalau sekiranya air laut masuk di tempat saya itu makna kata 40,000 petani akan lingkup, habis sawah mereka. Itu yang saya hendak tanya "keutamaan" ini macam mana, tentang mana? Pegawai ini pun tidak tahu, jangan jawab soalan macam itu, tidak elok. Saya minta jawab jangan sebut perkataan "yang lain lebih utama daripada hakisan". Hakisan ini lebih utama, malah saya anggap kalau hendak isytihar darurat kerana hakisan pun boleh. Jadi, saya ingin bertanya apa yang dimaksudkan "utama", Yang Berhormat.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Arau. Saya hendak beritahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengambil hakisan ini sebagai satu priority, malah arahan telah dikeluarkan supaya bahagian pantai di barat Semenanjung Malaysia adalah diarah supaya dikaji supaya kita lakukan "reclamation", terutama sekali di Arau. Di pantai Perlis 30 batu terdapat "marine clay", dengan izin, yang dangkal. Ini membolehkan kita untuk reclaim tanah . . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Minta penjelasan sedikit. Saya rasa, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tersilap, bukan 30 batu jarak panjang pantai Perlis ini, dia 3 batu sahaja. Hendak betulkan itu.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Pendek lagilah.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Maksud Ahli Yang Berhormat jarak negeri Perlis 3 batu? Memang 3 batu yang mana kita boleh membuat "reclamation". Jadi saya suka hendak beritahu dengan penjelasan itu bererti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah melihat kemungkinan bahawa pantai-pantai di sebelah barat Semenanjung Malaysia boleh di "reclaim" dalam satu-satu "pocket-area" untuk pembangunan, terutama lagi bagi kawasan . . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Penjelasan. Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan sama ada yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu untuk "reclaim", apa perkataan Bahasa Malaysia, kadang-kadang saya pun hairan Yang Berhormat dari Arau tidak minta penjelasan kenapa menggunakan perkataan "reclaim" itu. Sama ada peruntukan dan keutamaan untuk "reclaim" ini, dengan izin, adakah dipanjangkan ke Sarawak seperti di kawasan saya Simunjan itu memang teruk hakisan di Sungai Simunjan. Selama ratusan tahun sudah kampung di sana terpaksa dipindah ke kawasan pendalaman untuk mengelakkan daripada rumah itu dimakan oleh hakisan. Jadi, adakah peruntukan dan keutamaan yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri juga diberi kepada kawasan saya Simunjan. Terima kasih.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Ahli Yang Berhormat dari Simunjan silap, belum ada peruntukan lagi tetapi kemungkinan ini memang arahan sudah dikeluarkan supaya kita kaji sama ada kecenderungan boleh atau tidak. Dan saya hendak tegaskan kalau kita hendak buat tambak pun maka kita berdasarkan kepada priority.

Kalau banyak rakyat Simunjan terpaksa pindah jauh ke darat, kalau kita dapat peruntukan, insya Allah, kita pindahkan semula ke laut. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Saya fikir kalau pindah ke laut bermakna masuk ke sungailah. Pindah ke laut ertinya kalau kawasan ini dapat di "reclaim" balik. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana sokongan dan memberi harapan kepada saya ini supaya apabila saya balik ke Simunjan nanti orang Simunjan akan undi saya kerana saya sudah diberitahu oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa beliau akan berusaha untuk menentukan kawasan Simunjan itu tidak dihalang daripada hakisan yang dirasai oleh rakyat selama ini. Terima kasih.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Insya Allah, tentulah Kerajaan akan memikirkan, akan timbang soal itu dan ambilkira cadangan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada lagi. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ada. Tuan Pengerusi. Saya hendak minta jawab fasal PERNAS, sebab saya sudah dituduh "tidur" tadi, tetapi saya rasa ia ada jawapan. Saya hendak bertanya bagaimana tentang soalan saya mengenai PERNAS tadi, sebab saya ingat perkara ini serius—PERNAS dan juga ada dua soalan lagi.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau membahaskan soal dasar, jadi membawa cerita Pelangi Beach kepada Hotel Istana di Kuala Lumpur. Jadi saya. . . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Pengerusi, saya rasa walaupun Ahli Yang Berhormat dari Arau membawa masalah Butiran 00600

mengenai Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) yang mana peruntukannya untuk Pelangi Beach Resort, tetapi suka tak suka perkara masalah penyelewengan dalam PERNAS telah ditimbulkan, saya rasa ini ada kaitannya.

Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ataupun tidak perkara yang sebenarnya yang disebut oleh Yang Berhormat dari Arau, iaitu penyelewengan yang berlaku dalam PERNAS di mana perkara yang sebenarnya iaitu Hotel Istana ini didirikan oleh PERNAS melalui anak syarikatnya, iaitu PERNAS-OUE Joint-Venture di mana PERNAS mempunyai 70% dan Mandarin Hotel Singapore melalui OUE (Overseas Union Enterprise) mempunyai 30%. Dan sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau yang mana ada kebenarannya iaitu pihak pengurusan ataupun pihak Lembaga Pengarah PERNAS-OUE, anak syarikat PERNAS yang mana Pengerusinya ialah Presiden PERNAS sendiri telah memberi "letter of intent" kepada Syarikat I&P Fletcher di mana 30% dipunyai oleh I&P dan 70% dipunyai oleh Fletcher Construction daripada New Zealand dengan harga \$135 juta, iaitu lebih kurang \$11 juta lebih tinggi daripada harga tawaran yang dibuat oleh Yeoh Tiong Lay/PERCON yang mana Yeoh Tiong Lay mempunyai 50% dan PERCON mempunyai 50% dan sama ada Yang Berhormat sedar bahawa di dalam PERCON itu sendiri PERNAS mempunyai 30% dan PNB mempunyai 70%.

Dan saya ingin tahu juga sama ada Yang Berhormat sedar bahawa saya selaku Timbalan Pengerusi PERNAS telah menulis surat kepada Lembaga Pengarah PERNAS-OUE supaya, pertamanya membawa perkara ini ke pengetahuan Lembaga Pengarah PERNAS Berhad dan keduanya, saya baru-baru ini telah sekali lagi menulis surat kepada Ahli Lembaga Pengarah

dan pengurusan PERNAS-OUE supaya memberhentikan daripada terus memberikan projek ini kepada I&P Fletcher yang mana sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi memang betul, iaitu \$11 juta lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan oleh Yeoh Tiong Lay PERNAS Construction.

Kalau boleh saya ingin sebut di sini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini saya selaku Timbalan Pengerusi PERNAS bertanggungjawab dan jika sekiranya terdapat penyelewengan dan jika sekiranya Lembaga Pengarah PERNAS—OUE terus memberi tender ini kepada syarikat I & P/Fletcher saya akan melaporkan perkara ini kepada pihak tertentu khususnya kepada BPR. Terima kasih.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, Kerajaan sokong, kalau berlaku sebarang penyelewengan dalam projek yang disebutkan kita sokong supaya ianya dibawa kemuka pengadilan. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya tanya berkenaan penyertaan bumiputera tadi, saya ingat Yang Berhormat terlupa dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat ini dan saya ucap tahniah kerana dia sanggup membuat laporan dan saya minta maaf sebut dia tidur tadilah, jadi makna sekarang dia tidak tidur, dan kita harap dia ambil tindakan.

Jadi, Yang Berhormat saya hendak minta tolong jawab berkenaan penyertaan bumiputera kalau boleh jangan masukkan perkataan itu sebab ini merugikan dari segi penyertaan bumiputera secara keseluruhan sebab membina rumah kos rendah, bukan semestinya diberi kepada bumiputera.

**Drs Suleiman bin Mohamed:** Saya rasa saya telah jawab tadi mengenai penyertaan bumiputera. Tetapi bagaimanapun sukalah saya tegaskan bahawa ini adalah untuk membantu

mereka yang berpendapatan rendah supaya berpeluang untuk mendapat perumahan unit-unit kos rendah bagi bumiputera di kawasan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Oaud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$19,325,200 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$19,325,200 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$242,339,000 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 hendak diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$242,339,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud B.14 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.14 dan P.16 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Maksud Bekalan B.14, dan Maksud Pembangunan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.34 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Maksud B.14, Kod 40000 Kemajuan Perkampungan (Baru).

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kertas Perintah berapa Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** B.14 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Kertas Perintah yang ke berapa?

**Dr Tan Seng Giaw:** 19A.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** 19A?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kod 40000?

**Dr Tan Seng Giaw:** 40000 Kemajuan Perkampungan (Baru).

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Okay.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini berupa butiran yang baru di bawah Kementerian ini selepas program dipindah dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1hb Mac, 1989. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, program ini akan menyelaraskan perkembangan kampung-kampung tradisional dan kampung-kampung baru di sekitar Malaysia khususnya dalam urusan perindustrian kecil dan kampung. Setahu kita terdapat kira-kira lebih 8,000 kampung tradisional dan 498 kampung baru di seluruh Malaysia. Sesungguhnya bilangan kampung di bawah kelolaan program ini besar sekali maka kami berharap faktor ini tidak dijadikan alasan bagi melengahkan kajian mahupun proses kelulusan rancangan-rancangan pembangunan bagi kampung-kampung tersebut. Kebanyakan daripada kampung-kampung ini amat memerlukan pembangunan khususnya di segi kemajuan perindustrian bagi meningkat taraf hidup penduduk, jadi

perkembangan dan pembangunan untuk sama ada tradisional ataupun kampung baru hendaklah diutamakan bukan setakat ini ada setengah-setengah kampung termasuk kampung baru yang tidak diberi peruntukan yang cukup untuk pembangunan.

Tuan Pengerusi, Maksud P.14 Kod 00100 Projek-projek Kawasan Penguasa-penguasa Tempatan. Sebanyak \$10 juta disediakan bagi membiayai 301 buah projek yang dikenalpasti bagi tahun 1989. Bolehkah Kerajaan menyenaraikan bilangan projek dalam setiap negeri, bahagian peruntukan yang diterima oleh negeri-negeri yang berkenaan serta kandungan umum projek-projek yang terlibat bagi setiap negeri. Sila sebutkan bilangan keluarga yang akan menerima faedah daripada projek-projek tersebut, berapakah jumlah wang daripada peruntukan ini disediakan bagi kawasan-kawasan pilihanraya Parit Raja, Ampang Jaya dan Bentung. Ini penting kerana pihak Barisan Nasional buat janji hendak buat projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan yang tertentu termasuk Parit Raja, Ampang Jaya dan Bentung. Saya tidak tahulah sama ada projek-projek ini dapat dilaksanakan yang dijanjikan.

Tuan Pengerusi, Kod 00200 Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Di antara perbelanjaan yang dibuat daripada wang \$12 juta itu disebut tentang pembelian alat-alat komputer bagi 12 buah pihak berkuasa tempatan. Saya berharap dapat satu senarai nama-nama setiap satu daripada 12 buah pihak berkuasa tempatan yang terlibat kerana sekarang ini kita tidak nampaklah mana pihak berkuasa yang disebutkannya apakah kegunaan utama alat-alat komputer dalam setiap satu daripada pihak berkuasa tempatan ini.

Kod 03100 Kemajuan Perkampungan (Baru). Sepertimana yang saya sebutkan semasa perbahasan Maksud B.14, Kod 40000 Kemajuan Perkampungan, projek baru ini ditugas mengelolakan lebih daripada 8,000 buah kampung tradisional dan 498 kampung baru di seluruh Malaysia. Maka dengan wang pembangunan sebanyak \$970,000 bagaimanakah wang ini akan diagihkan di antara kampung-kampung ini, pada anggaran Kerajaan berapa banyakkah jumlah wang pembangunan yang akan diperlukan setahun untuk menampung bilangan projek yang mencukupi bagi menggalakkan pembangunan dalam kesemua jenis kampung ini. Berapa projeklah yang dapat dibiayai dengan wang \$970,000 sahaja, apakah taktor-taktor yang dapat menentukan projek serta di kampung manakah yang harus dibangunkan terlebih dahulu dengan wang begitu kecil? Setelah dipindahkan daripada, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adakah ini bermakna peruntukan yang diberi kepada program ini untuk Kementerian asal juga akan dipinda masuk kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jika tidak mengapa? Bagaimanakah wang peruntukan yang dikhasakan bagi program ini akan diselaraskan dalam akaun Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar?

Tuan Pengerusi, P.16, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Kod 00100—Balai Bomba dan Bangunan.

Wang ini akan dibahagi di antara 12 buah Balai Bomba termasuk sebuah Balai Bomba di Seksyen 7 Petaling Jaya, Taman Tun Dr Ismail dan Bangi. Kami berharap pihak Kerajaan akan menimbang semula keputusan membina sebuah Balai Bomba di kawasan Kepong. Kawasan Kepong mempunyai banyak kawasan perumahan dengan pusat bandar yang kian maju, tambahan pula laluan trafik masuk dan keluar ke kawasan ini agak

padat. Memandangkan faktor-faktor ini, kawasan Kepong seharusnya mempunyai Balai Bombanya yang sendiri supaya segala kecemasan kebakaran boleh diatasi dengan lebih cepat dan penjagaan pili-pili Bomba untuk menentukan tekanan air adalah sentiasa cukup tinggi dan pili di dalam keadaan baik boleh dikendalikan dengan lebih cekap. Sudah bertahun-tahun lamanya kawasan-kawasan seperti Kepong memohon supaya sebuah Balai Bomba dibina di kawasan tersebut, akan tetapi tidak diberi pertimbangan oleh Kerajaan. Maka kami berharap perkara seperti ini dapat dipertimbangkan dengan lebih serius. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Hajj Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.42 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang untuk memberi ucapan panjang terhadap Maksud Pembangunan 14, di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan beberapa soalan untuk dijawab oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Yang pertama saya ingin merujuk kepada Butiran Projek 03100 mengenai Kemajuan Perkampungan. Yang sebenarnya dalam perbahasan atas Akta Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, saya telah pun berucap panjang lebar mengenai pembangunan sosio-ekonomi untuk 452 Kampung-kampung Baru dalam negara kita. Saya diberitahu bahawa salah satu langkah yang diambil oleh Kementerian yang berkenaan dalam pembangunan sosio-ekonomi Kampung-kampung Baru ialah untuk memberikan bantuan yang diperlukan bergantung kepada peruntukan yang ada untuk membangunkan Kampung-kampung Baru terutamanya kampung-kampung yang masih mundur serta

membantu dalam memajukan aktiviti-aktivitinya. Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada pihak berkuasa yang berkenaan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan telah mengenalpasti dalam 452 Kampung-kampung Baru ini, berapa banyak yang disifatkan sebagai kampung-kampung yang masih mundur dan sama ada Kementerian yang berkenaan dapat mengumumkan senarai Kampung-kampung Baru yang telah disifatkan sebagai mundur, oleh kerana ini adalah demi kepentingan orang ramai dan khususnya haruslah difahamkan oleh penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru. Di samping itu juga, saya suka mendapat tahu daripada Kementerian yang berkenaan tentang apakah blueprint yang akan digariskan oleh Kementerian bagi tujuan untuk membangunkan Kampung-kampung Baru yang mundur ini?

Satu perkara yang lain yang saya ingin menyentuh di sini ialah mengenai masalah tentang Maksud Pembangunan 16, Jabatan Perkhidmatan Bomba. Saya memerhatikan dari Kertas Perintah 21A Tahun 1989 bahawa ada banyak projek yang telah disenaraikan di mana peruntukan dipinta untuk membangunkan berbagai-bagai Balai Bomba di kawasan-kawasan tertentu. Sungguhpun saya mengalu-alukan peruntukan yang dikehendaki atau yang diberikan untuk membina berbagai-bagai Balai Bomba ini, akan tetapi saya ingin juga mengambil kesempatan mengulangi untuk perhatian Kementerian yang berkenaan tentang satu masalah yang sentiasa berlaku, yang sentiasa dihadapi oleh anggota-anggota Bomba apabila mereka ditugaskan untuk memadam kebakaran dan itu ialah mengenai tekanan air ataupun water pressure, dengan izin, daripada pili-pili bomba. Masalah ini adalah sangat teruk dalam Kuala Lumpur ini oleh

kerana setiap kali apabila berlaku kebakaran, anggota-anggota Bomba ini nampaknya menghadapi kesukaran untuk menjalankan tugas mereka oleh kerana terdapat masalah water pressure ini iaitu tekanan air yang tidak cukup kuat untuk membantu mereka.

Saya ingin mendapat tahu sama ada Kementerian yang berkenaan ataupun Balai-balai Bomba ataupun Jabatan Perkhidmatan Bomba telah dapat menyelaraskan perkara ini dengan Jabatan Kerja Air untuk memastikan bahawa masalah ini tidak sentiasa timbul dan apabila sesuatu kebakaran berlaku maka kedua-dua Jabatan yang berkenaan dapat menjalankan tugas masing-masing untuk mengatasi masalah water pressure ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Arau.

4.40 *ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyertai bersama dalam perbincangan dan menyokong Maksud P.14.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh fasal Kemajuan Perkampungan—Butiran 03100. Dahulu kita telah bersetuju pada dasarnya bahawa bila kita sebut kampung ini, kita janganlah adakan "Baru" di sini, tetapi kali ini dalam bracket pula ada sebut "Baru" itu. Kalau sekiranya perbezaan identiti ini diteruskan maka kita akan menghadapi masalah, Tuan Pengerusi. Saya minta daripada siang-siang lagi supaya perkara ini tidak dibuat dalam bentuk yang demikian rupa. Sebab kampung-kampung tradisional, kampung-kampung lama tidak ada peruntukan khas untuk membantu mereka dan tidak ada pula di antara kita yang membuatnya secara terbuka supaya diberi peruntukan khas dan

sebagainya. Yang kita minta secara umum, tiap-tiap Wakil Rakyat di sini minta secara umum supaya kampung-kampung ini dibangunkan dan sebagainya. Tetapi yang ini kita hendak teruskan identiti ini. Kalau kita hendak teruskan identiti ini, makna kata kita akan terlibat dengan faktor sejarah, faktor sejarah bagaimana kampung-kampung ini dibina oleh Sir Henry Gurney dahulu yang tujuannya ialah untuk tujuan keselamatan. Apakah kita hendak teruskan perkara ini?

Kita tahu bahawa kedudukan Kampung-kampung Baru adalah lebih terjamin, lebih moden, dibandingkan dengan kampung-kampung tradisional sebab letaknya ialah di pinggir-pinggir bandar dan kita dapati bahawa tanah-tanah mereka sekarang ini telah pun mahal dan mereka boleh dikatakan dahulu dalam kawasan bandar. Daripada sebelum Merdeka lagi mereka telah mempunyai kemudahan. Tetapi kampung-kampung tradisional ini, lepas Merdeka pun, ada lagi kampung-kampung yang tidak dapat kemudahan elektrik dan air. Tolong sebut pada saya kalau ada kampung baru yang tidak dapat kemudahan elektrik dan air ataupun jalan. Yang saya tidak mahu sebutkan dahulu, saya sudah tanya Timbalan Menteri dahulu. Kalau disebut projek khas di Kampung-kampung Baru itu, makna kata Kampung-kampung Baru ini dia berjiran dengan kampung lama, tidak ada garis-pemisah ataupun no man's land, tidak, dia berjiran.

Kadang-kadang projek pembentangan dibuat daripada kampung baru itu masuk sampai kampung lama berhenti sebab peruntukan tidak ada, kita hendak sambung macam mana. Jadi semua sekali longkang-longkang, hmbah-timbah air kotor dan sebagainya disalurkan ke kampung tradisional, walaupun kampung baru

yang mendapat bekalan. Jadi, ini kalau sekiranya ada perbezaan, tetapi kalau tak ada perbezaan dalam brackct (baru) pun di buang ketepi semua kemajuan perkampungan, jadi dapatlah dilajakkan sedikit supaya bila sampai ke rumah Pak Awang, Pak Mat, Pak Darus, Pak Affifuddin semua ini, sudah itu air itu boleh berjalan dengan elok, jangan sampai ke rumah sampai ke rumah Pak Awang, Pak Mat, Pak Darus, Pak Affifuddin dan Pak Hadi semua ini, jadi benda ini air terhenti begitu sahaja. Kita tidak mahu dan ini ternyata terjadi di tiap-tiap kawasan perkampungan baru sebab pengundi saya juga ramai di dalam kawasan perkampungan baru.

Kita juga amat bersimpati kalau sekiranya mereka mempunyai masalah yang sama seperti di kampung-kampung tradisional tetapi yang menjadi masalah saya sekarang ini, di Perlis ada dua kampung baru, jadi kampung tradisional di kawasan saya ada 150 saya tengok mana ada peruntukan khas kawasan ini, dia kata. Susah saya hendak jawab. Ini Kerajaan sudah buat polisi, polisi apa dia kata, yang pergi sana duduk tidurkan tidak cakap. Hari ini saya hendak cakap dan dengarlah supaya perbetulkan balik perkara ini. Kalau hendak bagi peruntukan bagi . . . .

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat nanti sekejap, Ahli dari Pengkalan Chepa hendak bercakap.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya ingat biarlah Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya hendak minta penjelasan sedikit dengan Yang Berhormat itu. Maksud Yang Berhormat tak mahu perkataan "Kampung Baru" ataupun perkataan "Baru" tak mahu digunakan

adakah dalam peruntukan ini sahaja ataupun dalam semua-kalimah seperti dalam "UMNO (Baru)"?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Barangkali dia suka yang lama tak? Baiklah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, yang lain banyak yang baru itu bagus, tetapi yang baru ini kurang bagus, sebab orang yang baru kahwin bagus, tetapi yang "baru" ini kurang bagus. Jadi tak patut bubuh perkataan baru termasuk juga UMNO (Baru), bukan UMNO (Baru), UMNO tetap UMNO kita punya yang bagus itu. Jadi, yang saya maksudkan yang baru di sini ialah baru yang patut ditukar sebab UMNO (Baru) kita bukan baru, UMNO sahaja, yang baru orang lain pakai, kita tak pakai (Baru). Itu politik sedikitlah. Jadi, saya mintalah, Tuan Pengerusi, supaya pihak-pihak yang berkenaan melihatkan perkara ini supaya saya jangan jadi susah kepala. Sebab, orang PAS sekarang ini ambil kesempatan, di kawasan saya orang PAS ambil kesempatan, sebab orang PAS ini kadang-kadang dia bukan kira ini, terjemah lain, Quran pun dia terjemah lain. Jadi dia terjemah ikut dia punya cara, ini baru, Kerajaan sudah pilih kasih dan sebagainya, rosaklah kita. Kalau Pak Nik pergi ke tempat saya, dia teruk. Sebab dia sudah bercakap dengan saya hari ini.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, ini pasal Kod 00100, 00200 Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Saya hendak cakap perkara ini bukan dasar, tetapi inilah yang dilaksanakan sekarang. Tuan Pengerusi, saya rasa sudah sampai masanya saya hendak lihat supaya Penguasa Tempatan ini memainkan peranan yang penting dari segi perpaduan. Sebab hendak berpadu ini susah, amat susah hendak berkawan dengan Ahli dari Bukit Bintang, sebab apabila kita berkawan dengannya, banyak orang lain hendak pecah-belahkan. Amat susah hendak

berkawan dengan Ahli dari Pengkalan Chepa sebab banyak boleh dipecahkan.

Jadi, Penguasa Tempatan ini boleh memainkan peranan untuk menunjukkan satu bentuk perpaduan ras-ras di Malaysia ini melalui Penguasa Tempatan. Yang saya jadi pening kepala berfikir ini, Tuan Pengerusi, Penguasa Tempatan ini dia berbeza-beza di antara satu tempat dengan satu tempat. Saya tak mahu, apabila saya mari ke Alor Setar seolah-olah saya berada di Hong Kong. Itu yang saya hendak cakap, seolah-olah saya berada di negeri lain daripada Malaysia. Ahli-ahli Yang Berhormat yang pernah pergi ke Brunei, sebagai contoh Brunei namanya, tetapi Malaysia sudah jadi fesyen lain. Kalau Malaysia ini betul-betul dia bukan macam itu. Biarlah tulisan-tulisan ini menggambarkan kita ini berada di Malaysia. Ini saya hendak tekankan berkenaan tulisan Jawi.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat membahaskan perkara dasar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bukan dasar, ini hendak suruh, bila bagi duit hendak suruh dia buat, bukan dasar.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat boleh tumpukan kepada projek-projek berkenaan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan, dia sebut 301 buah projek yang telah dikenalpasti. Apakah dia projeknya. Bagi buku macam ini, mana kita hendak tahu, hendak baca di mana lagi, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat boleh buat soalan kepada Timbalan Menteri berkenaan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Jadi, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Apa dia?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Mengapakah pihak Penguasa Tempatan tidak menjalankan suatu skim atau program yang menggambarkan bahawa Penguasa Tempatan ini adalah Penguasa Tempatan di Malaysia, bukan di Hong Kong, bukan di Taiwan tetapi di Malaysia. Tulisan-tulisan itu mesti menggambarkan ciri-ciri keMalaysiaan. Tuan Pengerusi setuju dengan saya, kita pernah berbual di luar Dewan.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya tidak ingat.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya peringatkan hari ini, supaya satu ciri keMalaysiaan diadakan dalam Penguasa Tempatan. Kalau tidak, pada tahun hadapan, walaupun diminta untuk diluluskan, saya tidak akan setuju, biar pun saya berada di tempat ini. Pak Nik tentu setuju dengan saya, saya takkan setuju kalau sekiranya kita terus membangun tetapi pembangunan itu boleh menjejaskan perpaduan, boleh menjejaskan pengwujudan satu rupa bangsa Malaysia di masa akan datang. Kita tak mahu semua pihak yang mempertahankan ciri-ciri masing-masing akhirnya dia jadi masyarakat Lebanon. Itu kita tak mahu, kita tak mahu jadi Lebanon, kita mahu Malaysia sampai hari kiamat. Kalau siapa hendak rasa duduk di Malaysia sampai hari kiamat aman dan damai, ikutlah cadangan saya. Kalau tidak, sampai tahun 2000, maknanya kita ....

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Ahli Yang Berhormat tadi sebutkan ikutlah cadangan Yang Berhormat. Jadi, saya pun ada mengikut ucapan Yang Berhormat itu yang mengatakan kalau

apabila dia bercakap dan boleh dapat didengar, tetapi kalau dia cakap orang tak mahu dengar dia gunakan ini, kalau ini tak boleh gunakan, dia gunakan ini. Adakah maksudnya begitu?

**Tuan Shahidan Kassim:** Tuan Pengerusi, saya beri tahu kepada dia, Tuhan beri kepada saya satu keistimewaan yang saya cukup bersyukur, kuasa Allah, diberi komputer saya boleh mengeluarkan ucapan melalui mulut saya, saya bercakap, walaupun tidak petah seperti orang-orang dahulu, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri kawan-kawan saya, saya paling lekeh sedikitlah, tetapi saya boleh bercakap walau tanpa teks.

Yang kedua, kalau orang-orang—saya tak pernah bertumbuh, saya rasa daripada kecil mengikut yang saya teringat, tetapi saya berdoa kalau saya bagi sebiji biarlah sampai ke alam baqa. Yang keduanya, bila saya tampar, dia jadi bisu. Jadi saya kata Tuhan beri keistimewaan yang saya tak gunakan lagi. Yang ini saya sudah guna, yang ini, yang ini belum lagi. Jadi, saya berdoa janganlah guna, kalau guna biarlah betul-betul fmal. Saya kata Tuhan beri keistimewaan kepada saya, bukan saya hendak takut-takutkan Ahli Yang Berhormat. Tidak, saya pun tak pernah tumbuk Ahli Yang Berhormat lagi. Itu kemudian kelak kita boleh bincang perkara itu, tetapi keistimewaan yang ada pada saya yang belum saya guna yang ini, yang ini, tetapi yang ini sudah gunakan setiap hari tak berhenti-henti. Itu keistimewaan Allah beri kepada saya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat itu selalu sebutkan mulut, kalau bukan mulut itu, kalau bukan ini dan itu, saya minta pihak yang berkuasa itu selalu berjaga-jaga.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebenarnya kami ini keluarga, kalau orang luar hendak mari cucuk tak jalanlah. Saya kata apa pun mereka adalah dalam Barisan Nasional, tidak berlagu. Kita bertukar ganti, kadang-kadang mungkin takkan duduk lama di sini, mungkin duduk di sana pula kedepan-kedepan ini, tidak ada masalah bagi kami. Kalau Ahli di sana pun kadang-kadang kena mari sini balik, banyak telah terjadi perkara ini, tidak jadi masalah. Orang luar tak perlu cucuk, tetapi saya belum teringin lagi, mungkin ke depanlah, kalau saya sudah berpengalaman, sudah cerdik dan pandai baru saya pergi ke sana, saya tak mahu pergi ke sana turun balik tak sedaplah.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan supaya mengapakah tidak dibuat supaya Penguasa Tempatan itu diberikan arahan, kalau susah sangat hendak buat arahan, saya boleh bayar tambang untuk tiga orang, kalau banyak saya tak ada duit. Menteri dan Timbalannya, kita pergi ke Brunei, kita boleh melawan dan saya pernah berjumpa Pehin di sana. Kita lihat sendiri, itu ciri-ciri Brunei yang cukup bagus. Menteri itu saya percaya memang ada duit, bukan saya perli, kalau hendak sungguh-sungguh, saya boleh simpan dua tiga boleh, saya boleh belanja Menteri, kita boleh pergi sana tengok ciri-ciri Brunei, kita pergi Indonesia boleh tengok, kita pergi ke Thailand tengok orang-orang bangsa lain seperti di Thailand mereka Thai, di Indonesia tengok ciri-ciri orang Indonesia, tetapi di Malaysia kelam-kabut kita dibuatnya. Adakah kita Malaysia ini satu masyarakat yang kelam-kabut?

**Tuan Lau Dak Kee:** Kita ini orang Malaysian.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ataupun macam Ahli dari Pasir Pinji. Apa dia?

**Tuan Lau Dak Kee:** Minta jalan, penjelasan. Malaysian tak adakah? Saya hendak betulkan, kita ini Malaysians, bukan tak ada. Ada.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Yalah, Malaysian macam inilah. Macam inilah Malaysian kita ini, lawan kata mengata, sini; pergi sana, yang sana duduk di kantin sana, yang DAP lepas sana, yang kami duduk sebelah sini. Malaysian apa macam itu. Kalau Malaysian mari duduk sekalilah. Ini takut berbisik. . .

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya ini, tidak mampu duduk sana. Yang Berhormat itu mampu sangat, kalau ada duit saya pun boleh duduk dan minum sana. Tetapi kita ini tidak mampu, orang yang miskin, haruslah duduk sana.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, kami duduk sana kami jarang belanja, Menteri-menteri belanja kami. Kalau Yang Berhormat hendak pergi sana, sila; saya pun boleh tolong belanja. Tetapi hendak tunjukkan yang mereka tidak mahu berpadu, berpuak-puak, duduk hujung sana, duduk "hujung sini. Adakah Malaysian dalam bentuk yang macam itu kita mahu? Kita mahu Malaysian duduk bersama-sama, dengan Tuan Pengerusi, dengan saya, dengan semua kawan-kawan. . .

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Arau, sila teruskan kepada tajuk kita itu, Kita ada banyak Kementerian lagi ini, saya rasa pukul 10.00 malam belum tentu habis.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Sekarang saya hendak sentuh dua. Pertama perkampungan, yang keduanya perkara Penguasa Tempatan. Saya mintalah ciri-ciri ke Malaysian, yang cuba kita lihat gambar 1957. Cuba tolong tengok gambar. Saya ada bukti sekarang. Professor history saya dari Nibong Tebal dia tahu. Cuba balik tengok gambar pada

tahun 1957 semasa orang merdeka, orang-orang pakai songkok, gambar-gambar tulisan jawi di semua kedai, Chop Hong Seng pun tulis dalam tulisan jawi. Sekarang sudah kelim kabut, jadi Hong Kong, Taiwan dan sebagainya. Nibong Tebal setuju dengan saya.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat sudah tiga empat kali dah. . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Akhir sekali Jabatan Bomba. Dia beri peruntukan \$3.25 juta untuk membiayai kesemuanya seperti Balai Bomba dan sebagainya. Saya hendak buat cadangan kerana ini satu cadangan membina. Saya hendak minta supaya diminta lebih sedikit di tahun hadapan ini supaya membeli peralatan yang sesuai dengan kehendak pembangunan.

Saya berani tanya sekarang Jabatan Bomba, dia ada atau tidak peralatan kalau sekiranya bangunan KOMTAR di Pulau Pinang itu terbakar. Ada atau tidak alat yang boleh naik sampai setinggi itu. Tidak ada. Jadi, sekarang ini sesuaikan dengan kehendak pembangunan.

Kita tidak mahu kalau orang hendak bina bangunan di Kuala Lumpur dia rujuk kepada semua jabatan. Sampai ke Jabatan Bomba, "minta maaf, kami tidak ada peralatan," Jadi bangunan itu tidak boleh tinggi itu, tinggi ini sahaja boleh. Jadi, macam-macam cerita. Sekarang ini belilah peralatan sesuai dengan pembangunan bukan pembangunan sesuai dengan kehendak bomba. Bomba sesuai dengan kehendak pembangunan. Ini saya hendak tolong DAP yang banyak berniaga. Demikian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.03 *ptg.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):**

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud P.14 Butiran 03100, Kemajuan Perkampungan (Baru).

Saya hendak meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk memberitahu Dewan yang mulia ini tambahan sebanyak \$970,000, ini berapa banyakkah kampung-kampung baru yang diberikan peruntukan tambahan.

Memandangkan bahawa ada 452 buah kampung-kampung baru di seluruh Malaysia, saya rasa sudah tentu bukan semua kampung-kampung baru disempurnakan- Saya hendak Yang Berhormat Menteri memberitahu jumlah yang terbanyak sekali yang diberikan kepada sebuah kampung baru dan berapakah kampung baru yang tidak diberikan peruntukan langsung.

Dari segi ini saya harap pihak Kerajaan boleh menambahkan peruntukan wang pembangunan kampung-kampung baru selaras dengan peruntukan yang diberikan oleh kampung-kampung tradisional.

Mungkin Yang Berhormat dari Arau tidak menghadiri persidangan UMNO yang dianjurkan pada tahun lalu di mana Menteri Kewangan sendiri mengumumkan bahawa peruntukan sebanyak \$1,781 juta dari peruntukan untuk kampung-kampung tradisional. Dan saya rasa kalau dibandingkan dengan \$140 juta yang diberikan kepada kampung-kampung baru setiap tahun itu adalah satu perbandingan yang sangat besar dan amat menghinakan kepada penduduk-penduduk kampung-kampung baru. Dari segi ini saya harap, terutama sekali parti MCA dan Kabinet boleh membuatkan sesuatu.

Saya rasa \$140 juta yang diperuntukkan kepada kampung-kampung baru telah dibahagikan dari segi

penduduk. Purata seorang penghuni di kampung baru ialah 70 sen. Saya rasa itu sangat menghinakan kerana seorang penduduk di kampung baru membayar sekurang-kurangnya beberapa ratus ringgit dari segi cukai. Dan Kerajaan hanya memulangkan 70 sen setiap penghuni kampung baru. Oleh itu, saya hendak menegaskan sekali lagi, terutamanya kepada Menteri-menteri MCA dan Kabinet janganlah buat omong-omong kosong. Kalau boleh tambahkan peruntukan, berikanlah jaminan sekarang. Janganlah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa mereka tidak ingat apakah peruntukan yang telah ditetapkan untuk pembangunan atau peruntukan untuk pembangunan kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud P.14 Butiran 00100, Projek-projek di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan di mana tambahan sebanyak \$10 juta diminta.

Dari segi ini saya harap, Penguasa-penguasa Tempatan apabila melaksanakan projek-projek yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan boleh melaksanakannya dalam sikap yang baik, kalau boleh dikatakan dalam sikap yang berperikemanusiaan. Kerana banyak pegawai-pegawai di Kerajaan-kerajaan tempatan mempunyai sifat yang tidak halus, mungkin mereka tidak dipilih oleh penghuni-penghuni di kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan atau mungkin mereka berasa angkuh kerana mereka mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada hendak memberi wang untuk melaksanakan sesuatu projek. Tetapi di sini saya harap bahawa Kementerian berkenaan dapat mengingatkan Penguasa-penguasa Tempatan bahawa apabila melaksanakan projek-projek tersebut harus mengambil kira pandangan-pandangan penghuni-penghuni yang terlibat.

Saya berikan satu contoh seperti satu projek yang dilaksanakan di Melaka. Projek untuk membina sebuah pasar sementara di Jalan Kilang. Pasar ini boleh dikatakan pasar baru yang sementara tetapi saya rasa itu akan menjadikan satu pasar tetap kerana projek membina satu pasar yang agak moden dan lengkap di Melaka sekarang telah terbengkalai kerana kekurangan wang. Mungkin ada penyelewengan di situ, saya tidak tahu, tetapi apa yang terjadi dalam pasar sementara di Jalan Kilang, Melaka ialah bahawa terdapat sebilangan penjual-penjual yang dianak-tirikan, terutama sekali penjual-penjual daging babi. Mereka ditempatkan di satu tapak di mana kesemua bahagian menjual babi itu ditutup sama sekali. Kalau satu kawasan itu ditutup, terutama pada hari siang, tengah hah, suhu akan meningkat sehingga 90°F atau ada kadangkala 100°F.

Kalau seseorang pergi ke tempat untuk membeli daging babi, dia akan rasa seperti dalam sebuah penjara. Saya rasa kawasan menjual daging babi tidak berlainan dengan kawasan satu tempat tahanan atau penjara Pudu. Semua kawasan ini ditutup dengan dinding. Untuk masuk ke kawasan menjual daging babi mesti melalui banyak rintangan. Saya rasa ini merupakan satu projek untuk menyusahkan penjual-penjual di situ dan juga untuk mengarahkan penjuai-penjual yang berniaga di situ untuk menghabiskan perniagaan mereka dengan cara kerana tidak dapat menampung kerugian, kerana tidak ramai orang untuk membeli daging itu.

Oleh itu saya harap Kementerian yang berkenaan terutama, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baru dapat memberikan satu arahan supaya benteng-benteng atau rintangan-rintangan yang terdapat dalam pasar sementara di Jalan Kilang, Melaka dapat diruntuhkan. Dan juga supaya kawasan itu tidak dijadikan sebagai

sebuah penjara dan di sana terdapat penjual-penjual daging babi itu mendapat banyak kesusahan untuk menjual dan berniaga dan juga untuk orang yang hendak membeli. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.10 *ptg.*

**Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal):** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak mengambil sedikit masa sahaja untuk menyentuh satu dua perkara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi sebelum itu saya hendak memberi sedikit ulasan tentang kenyataan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Saya memang menyokong cadangan beliau atau pandangan beliau bahawa peruntukan-peruntukan untuk kampung-kampung baru dinaikkan. Sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan bertambah baik saya percaya Kementerian akan mengeluarkan peruntukan tambahan. Tetapi di samping itu saya juga menyokong dan saya mempertahankan peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk kampung-kampung tradisional kerana kedua-dua kategori kampung itu, iaitu kampung baru, kampung lama diduduki oleh kebanyakannya oleh penduduk-penduduk miskin dan selaras dengan dasar Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, apa peruntukan yang kami mampu belanja untuk orang miskin, saya sokong sepenuhnya.

Di samping itu juga saya hendak memperingatkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa 100% kampung-kampung tradisional diduduki oleh penduduk-penduduk Melayu dan bumiputera. Terdapat juga kampung-kampung tradisional diduduki oleh penduduk-penduduk yang lain dan saya haraplah perkara ini tidak diperkaumkan kerana isu

kemiskinan ini haruslah dipandang dari segi objektif dan dari segi yang sihat demi perpaduan negara.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Maksud P.14, Butiran 00100 dan Butiran 00200.

Saya merasa bangga kerana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memohon peruntukan untuk Kerajaan Tempatan. Tetapi saya rasa dukacita sedikit kerana jumlah yang dipohonkan cuma \$10 juta untuk 301 buah projek. Setahu saya kawasan-kawasan Penguasa-penguasa Tempatan memerlukan perbelanjaan yang sepuluh kali ganda atau seratus kali ganda kerana tempat-tempat di situ memang memerlukan kemudahan-kemudahan yang baik. Misalnya di Simpang Empat daerah Nibong Tebal terdapat sebuah kampung yang dinamakan Kampung Baru. Kebanyakan penduduk di Kampung Baru ini orang bumiputera tetapi di situ timbul satu masalah iaitu tanah yang mereka membina rumah bukanlah tanah Kerajaan tetapi tanah swasta. Oleh yang demikian, sehingga sekarang sistem perparitan di situ sangatlah buruk dan saya mengambil ini sebagai satu contoh untuk menunjukkan bahawa kawasan-kawasan Penguasa-penguasa Tempatan memerlukan lebih peruntukan untuk parit, pasar dan kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Saya lihat, sekiranya Kerajaan Tempatan tidak mendapat peruntukan yang mencukupi daripada punca-punca Persekutuan, mereka terpaksa mengutip cukai penduduk-penduduk tempatan. Misalnya, Majlis Perbandaran Seberang Perai selalu menaikkan cukai pintu dan penduduk-penduduk sentiasa mengadu kepada saya sebagai seorang Wakil Rakyat bahawa mereka sudah membayar

banyak cukai. Betul, kebanyakan cukai ini dibayar kepada Kerajaan Persekutuan tetapi bagi warganegara Malaysia, Kerajaan cuma satu, tidak kira Tempatan, tidak kira Negeri, tidak kira Persekutuan dan mereka mengadu bahawa mereka sudah membayar banyak cukai dan Penguasa-penguasa Tempatan suka menaikkan cukai. Tetapi saya pun faham dilemma Penguasa-penguasa Tempatan, misalnya MPSP, daripada cukai yang dipungut tidak cukup pun untuk membayar gaji. Saya hendak mengambil satu peluang hari ini untuk mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbang dengan izin, satu Capitation Grant untuk Kerajaan Tempatan dan dengan ini Penguasa-penguasa Tempatan dapat punca kewangan yang tetap dan yang cukup supaya boleh menjalankan projek-projek yang diperlukan dan diminta oleh penduduk.

Saya menyokong sekuat-kuatnya peruntukan yang dipohonkan di bawah Butiran 00100 dan 00200, cuma saya rasa dukacita bahawa jumlah ini tidak mencukupi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk sekejap. Saya ingin membuat satu pengumuman, mulai sekarang kita hanya membenarkan 4 Ahli-ahli Yang Berhormat berucap atas satu-satu tajuk ataupun Kementerian dan tiap-tiap Ahli-ahli Yang Berhormat hanya boleh berucap selama 5 minit.

Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.18 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 21/1989 muka surat 14 dan 15 Maksud B.14 Butiran 01800 di bawah tajuk Majlis Perbandaran Alor Setar.

Tuan Pengerusi, walaupun saya merasa sukacita melihat bahawa ada peruntukan untuk memajukan perparitan dan pembentungan di kawasan Majlis Perbandaran Alor Setar yang berjumlah \$11 juta untuk pembentungan najis dan \$15 juta untuk pamaritan Majlis Perbandaran Alor Setar untuk tahun 1986 hingga 1990.

Saya rasa jumlah wang yang diperuntukkan itu tidaklah mencukupi oleh kerana memandangkan keadaan di kawasan Majlis Perbandaran Alor Setar sekarang ini menghadapi berbagai-bagai masalah khususnya dari segi paras tanah yang sedang menurun di kawasan Alor Setar dan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor di antaranya ialah mungkin kerana bangunan perumahan yang terlalu banyak di sekitar Alor Setar yang telah membebaskan tanah secara keseluruhannya di kawasan tersebut dan mungkin satu kajian hendaklah dibuat untuk menentukan kenapa paras tanah di kawasan Alor Setar sudah menurun yang juga mengakibatkan berbagai-bagai masalah khususnya dari segi banjir apabila turunnya hujan ataupun di musim hujan. Oleh kerana tanah menurun maka air pun terkumpul begitu banyak dan juga ditahan di setengah-setengah tempat oleh kawasan-kawasan perumahan, air ini terus mengalir dan bertakung di tempat-tempat yang tidak sewajarnya. Oleh itu menimbulkan masalah banjir dan masalah kekotoran di kawasan Majlis Perbandaran Alor Setar.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperuntukkan kewangan yang lebih bagi mengatasi masalah yang sedang dihadapi di kawasan perbandaran Alor Setar.

Saya juga ingin menyarankan supaya pihak Kementerian menguatkuasakan beberapa peruntukan undang-undang

berkenaan dengan pemaju-pemaju perumahan di mana kemungkinan mereka itu tidak dibenarkan membina umpamanya bangunan-bangunan yang lebih daripada 10 tingkat dan juga untuk memastikan bahawa setiap perumahan ataupun kawasan perumahan yang dibina adalah dilengkapi dengan perparitan bukan sahaja di sekitar kawasan perumahan tersebut tetapi juga yang terus mengalir ke sungai-sungai dan ke laut supaya air tidak bertakung di kawasan perbandaran Alor Setar dan supaya orang ramai tidak tergendala olehnya dan supaya penyakit-penyakit yang datang daripada banjir dan perparitan yang kurang baik itu dapat dielakkan.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kalau boleh pada masa hadapan peruntukan untuk Majlis Perbandaran Alor Setar ini ditambah bukan sahaja ke tahap yang telah diperuntukkan tetapi mungkin 5 atau 10 kali ganda bagi menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh Majlis Perbandaran tersebut secara menyeluruh dan bukan secara peringkat demi satu peringkat ke satu peringkat, yang sebenarnya tidak menyelesaikan masalah yang sebenar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Satu minit, Yang Berhormat.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Oleh kerana masa tidak mencukupi maka saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Lembah Pantai.

5.23 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya hendak mengambil sedikit membahaskan dengan Maksud P.16, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Muka 11 yang

Butiran Projek 00100, Balai Bomba dan Bangunan.

Tambahan sebanyak \$3.25 juta adalah dikehendaki untuk membina balai-balai bomba dan kemudahan-kemudahan seperti berikut yang dikatakan iaitu sebanyak 12 balai bomba akan digunakan pembiayaan ini. Saya hanya dalam soal ini mengharapkan sungguhpun ini hanya untuk balai bomba, kemudahan-kemudahan yang lain tidak disebut.

Yang saya maksudkan di sini adalah bomba di Kuala Lumpur ini. Apabila kebakaran berlaku, kita masih lagi pihak-pihak Bomba, pihak polis dan sebagainya, pihak orang ramai, masih merungut sebab pili-pili bomba yang ada pada masa ini tidak dikawal dengan rapi. Banyak pili-pili bomba yang sudah tertimbus, yang tidak nampak di mana hendak cari sehingga kebakaran berlaku dengan serta-merta. Jikalau sekiranya pili-pili ini dapat diadakan, dijaga dengan rapi, pihak bomba sendiripun mengakui, pegawai-pegawai yang berkenaan kalau lekas dapat kemungkinan kebakaran ini tidak merebak dengan begitu banyak. Itulah masalahnya saya harapkan kepada pihak Kerajaan supaya memberi peruntukan yang lebih sedikit memperbaiki pili-pili bomba yang ada, bukan di Kuala Lumpur sahaja, kemungkinan seluruh negara. Tetapi yang saya sebut ini, Kuala Lumpur yang mana sentiasa saya mengalami apabila kebakaran-kebakaran berlaku yang mana di kawasan saya, kerap kali berlaku. Dalam setahun tiga empat kali berlaku.

Masalah-masalah yang dihadapi adalah sebagai yang saya sebutkan tadi dan soal yang lain ialah pressure ataupun tekanan air yang begitu kurang. Ini kadangkala tidak dapat hendak memadamkan api itu kerana air tidak ada terpaksa mencari air longkang dan sebagainya, kalau ada. Tetapi di kawasan-kawasan yang tinggi-tinggi macam di kawasan-kawasan yang perumahan-perumahan

setingan dan seterusnya, ini menjadi masalah. Oleh itu, saya mencadangkan juga di kawasan-kawasan setingan yang ada, disediakan pili-pili bomba ini. Ini amat mustahak, kalau kita, pandangan kemungkinan ini akan memberi belanja yang banyak. Tetapi kalau kita fikir semula jikalau kebakaran berlaku, kalau terjadi 10 atau 15 rumah sekali terbakar, berapakah kerugian kepada penghuni-penghuni flet berkenaan dan di samping itu juga pihak Kebajikan Masyarakat juga akan mengeluarkan wang yang begitu banyak dan begitu juga pihak-pihak yang lain dan seterusnya akan bertugas umpama polis, Dewan Bandaraya. Ini juga menggunakan kewangan. Lebih baik kita adakan kawasan-kawasan ini disediakan dengan pili-pili yang saya sebutkan tadi bagi kemudahan jikalau ada kebakaran-kebakaran yang berlaku supaya dapat diselesaikan seberapa segera.

Dalam soal yang lain di Kuala Lumpur, bangunan-bangunan begitu tinggi, yang kadangkala kita melihatkan kebakaran itu tidak dapat disambung oleh tangga-tangga yang ada oleh pihak bomba. Kita pun tahu hanya setakat 10 atau 15 tingkat itu mungkin. Bagaimana keadaan yang tinggi umpamanya Malayan Banking yang begitu tinggi bagaimana akan jadi kalau kebakaran berlaku. Apakah persediaan-persediaan yang telah dibuat oleh pihak bomba.

Di sini saya mahu tahu sama ada telah ada, adakah pihak bomba telah menyediakan helikopter yang mana helikopter ini khas supaya apabila kebakaran berlaku yang tidak boleh dikawal oleh pihak bomba, kemungkinan di bawah, helikopter ini akan dapat menyembur bahan-bahan buih dan sebagainya ke bangunan-bangunan ini bagi mengelakkan kebakaran. Saya beium dengar lagi helikopter yang disediakan oleh pihak bomba untuk menjaga keselamatan bangunan-bangunan tinggi di Kuala

Lumpur. Kerana di samping bangunan-bangunan tinggi, pejabat-pejabat di sini juga, flet-flet yang begitu tinggi, penghuni-penghuni yang begitu ramai.

Kita tidak mahu berlaku umpamanya di Hong Kong dan sebagainya yang berlaku kebakaran flet-flet begitu banyak penghuni-penghuni atau manusia yang meninggal dunia oleh kebakaran ini. Oleh itu sebelum terjadi apa-apa kita harap pihak Kerajaan khususnya pihak Majlis Tempatan atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan ini dan juga di Kuala Lumpur ini kita mengharapkan sekali lagi di kawasan-kawasan perumahan, di kawasan-kawasan yang sentiasa dikorek oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya pili-pili bomba atau tanda-tanda pili bomba ini dijaga atau disapu cat yang khas merah, kuning dan sebagainya supaya dapat dikesan pili-pili ini apabila berlaku kebakaran akan dapat diselesaikan.

Itu sahajalah pandangan saya dan saya menyokong. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab secara ringkas.

*5.30ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun mengemukakan pandangan-pandangan mereka terhadap Maksud B.14, P.14 dan P.16.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh lebih kurang tentang perkara yang sama dan saya tidaklah bertujuan untuk memberi jawapan satu persatu tentang

saranan-saranan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, inginlah saya nyatakan di sini bahawa bantuan yang diberikan kepada Penguasa-penguasa Tempatan khususnya bagi kemajuan perkampungan baru adalah satu proses yang berterusan dan ianya bukan sahaja dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi juga dibantu oleh Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Pendidikan, Kerjaraya, Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan harapan agar pemindahan semula kemajuan perkampungan daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membawa satu perubahan kepada kampung-kampung baru. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa sebenarnya pindaan ini kita harap akan dapat memantapkan lagi usaha-usaha dan program-program kemajuan perkampungan bersesuaian dengan perkembangan terbaru dan inginlah saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan akan sentiasa terus menumpukan perhatian kepada perkembangan-perkembangan di kawasan kampung-kampung baru.

Juga, Ahli Yang Berhormat mahu mengetahui tentang projek-projek yang dilaksanakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan. Saya tidaklah dapat untuk menyenaraikan setiap projek yang dijalankan oleh Penguasa-penguasa Tempatan tetapi memadai jika saya nyatakan di sini bahawa daripada peruntukan sebanyak \$10 juta yang dikehendaki itu, ianya adalah merupakan projek-projek sosio-ekonomi yang kebanyakannya bermaksud untuk membina, memperbaiki gerai, pasar, pengindahan, kebersihan, memperbaiki jalan, lorong, longkang di dalam

kawasan-kawasan Majlis Daerah, dan juga untuk membina, memperbaiki sistem perhentian bas, teksi dan lain-lainnya.

Bagi bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan pula, selain daripada membeli lori-lori sampah, kita juga telah membuat perakuan dan akan membeli komputer kepada 12 Majlis-majlis Daerah di dalam negeri Johor, Kedah dan Perak. Kita berharap dengan adanya pembelian komputer itu nanti, maka semua usaha-usaha Kerajaan Tempatan untuk mengemaskinikan jentera-jentera perkhidmatan mereka yang ada hubungkaitnya dengan masyarakat akan dapat diperingkatkan dan dipercepatkan.

Tuan Pengerusi, juga pada keseluruhannya, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyarankan tentang masalah Balai Bomba dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyatakan dan meminta supaya Kerajaan membina sebuah Balai Bomba di Kepong. Kita sedar akan pentingnya mengadakan sebuah Balai Bomba di Kepong dan kita harap permohonan ini akan dapat kita senaraikan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Walau bagaimanapun, pada masa ini Balai Bomba di Jinjang yang berhampiran dengan kawasan Kepong dapatlah membantu, jika sekiranya berlaku kebakaran di kawasan tersebut. Begitu juga kita ada mempunyai beberapa Balai-balai Bomba di sekeliling Wilayah Persekutuan untuk membantu jika sekiranya terdapat sebarang kebakaran di kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mengemukakan saranan tentang kampung-kampung baru yang masih mundur dan meminta apakah sama ada kita ada mempunyai "blueprint" untuk meningkatkan lagi perkhidmatan terhadap kampung-kampung baru ini. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa di dalam satu

kajian yang telah diadakan dalam tahun 1985 untuk mengklasifikasikan kampung-kampung baru menurut tahap kemajuannya dan senarai ini tidak statik. ....

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tidak ada perkataan Bahasa Malaysia yang betul untuk "klasifikasi" itu. Jtu sahaja, tidak ada Bahasa Malaysia yang asal untuk perkataan klasifikasi, kerana klasifikasi itu bahasa Inggeris.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ini bukan kelas Bahasa Malaysia. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kalau boleh saya menggunakan perkataan menyenaraikan kampung-kampung baru mengikut tahap kemajuan dan senarai tersebut akan diubah mengikut kemajuan yang dicapai oleh sesebuah kampung dari masa ke semasa. Pada masa ini Kementerian telah mengenalpasti sebanyak 48 buah kampung baru yang sesuai untuk dijadikan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi atau sebagai bandar kecil dan pada amnya kajian menunjukkan bahawa kampung-kampung yang masih kurang maju yang terletak di luar sempadan penguasa-penguasa tempatan iaitu lebih kurang 35 dan peruntukan yang sewajarnya akan diberikan untuk menukarkan supaya ianya dapat mencapai tahap perkembangan yang sama dengan kampung-kampung baru yang lain.

Mengenai dengan tekanan air yang tidak kuat apabila berlaku kebakaran, khususnya di kawasan Wilayah Persekutuan, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Jabatan Bomba sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Bekalan Air untuk memastikan tekanan air tinggi apabila

berlaku kebakaran. Walau bagaimanapun masalah ini sukar diatasi apabila berlaku kebakaran semasa peak hours, dengan izin. Jabatan Bekalan Air akan dihubungi apabila berlaku kebakaran untuk memastikan bahawa tekanan air mencukupi dengan menutup bekalan air di kawasan-kawasan yang terlibat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau telah juga menyatakan tentang penggunaan perkataan "baru" dalam perkampungan-perkampungan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kampung-kampung baru ini bukan sahaja baru diwujudkan tetapi telah diwujudkan sejak zaman darurat lagi untuk maksud-maksud yang tertentu. Memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk menukarkan perkembangan kampung-kampung baru ini supaya dapat diintegrasikan ke dalam arus pembangunan negara. Adalah diharapkan bahawa Kerajaan secara berperingkat-peringkat akan dapat memasukkan kampung-kampung baru ini di rangkaian pembangunan negara secara berperingkat-peringkat supaya ianya tidak lagi akan menjadi kampung baru tetapi satu perkampungan di mana kampung baru dan kampung tradisional itu akan dapat ditubuhkan menjadi satu rangkaian perkampungan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau juga telah mengharap penguasa-penguasa tempatan menunjukkan ciri-ciri tempatan di dalam iklan-iklan yang terdapat di dalam kawasan penguasa-penguasa tempatan. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, Undang-undang Kecil pengiklanan di mana telah ditetapkan perkataan Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar daripada bahasa-bahasa yang lain yang digunakan dan Undang-undang Kecil Iklan ini telah dan sedang dikuatkuasakan oleh penguasa-penguasa tempatan dan pada masa ini beberapa tindakan undang-undang

telah dan akan diambil bagi mereka yang tidak mematuhi Peraturan Undang-undang Kecil ini.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa tindakan-tindakan telah pun diambil. Saya hendak tahu berapakah jumlah kes-kes yang telah diambil tindakan tentang masalah papan tanda dan sebagainya dan saya hendak tahu dari segi jumlah tindakan yang diambil itu sama ada mereka telah membayar saman ataupun tidak. Kalau telah dibayar, berapa jumlah kutipan yang telah diambil. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai butir-butir sebagaimana yang saya pohon ini.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa setiap tindakan yang kita ambil, pada masa ini memanglah jumlahnya tidak ada pada saya, tetapi memadailah saya menyatakan di sini bahawa kita telah dan akan mengambil tindakan manamana pihak yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil Iklan ini.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa "by" penghujung tahun hadapan, segala masalah-masalah berkaitan dengan papan tanda ini dapat diselesaikan, maknanya tidak lagi berbangkit perkara ini dalam Dewan ini selepas hujung tahun hadapan. Saya katakan hujung tahun hadapan ini kerana hendak berlaku adil kepada mereka yang belum lagi mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis-majlis Tempatan, Terima kasih.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Insya Allah, Yang Berhormat, cuma inginlah saya nyatakan di sini sebarang proses perundangan yang diambil itu mengambil masa juga. Jadi, tidaklah boleh kita meyakinkan di sini supaya akhir tahun ini dapatlah kita menyelesaikan semua masalah yang dibangkitkan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin silap, iaitu saya minta kalau boleh Timbalan Menteri memberi jaminan kepada kita ini bahawa masalah-masalah seperti papan-papan tanda yang kita bincangkan ini tidak akan berlaku lagi dan kalau boleh diselesaikan sebelum penghujung tahun hadapan, kerana kita pun faham, kita mesti bersikap adil kepada penjaja-penjaja dan tuannya-tuannya kedai dan sebagainya. Jadi, maknanya, sampai akhir tahun hadapan, iaitu tahun 1990 perkara ini selesai. Jadi, tahun 1991 tidak payahlah kita hendak bincangkan lagi perkara ini dalam Dewan ini. Kalau sekiranya pada masa yang lepas saya bertanyakan kepada bekas Timbalan Menteri Kehakiman, ia memberi jaminan bahawa penggunaan Bahasa Malaysia di dalam Mahkamah akan dapat diadakan pada tahun ini. Jaminan telah diberi dan Alhamdulillah ia berjalan. Jadi, saya minta penjelasan dengan terang kepada Yang Berhormat sama ada Kerajaan boleh memberi jaminan kepada kita semua bahawa perkara ini boleh diselesaikan sehingga tahun hadapan. Terima kasih.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Pengerusi, saya mengatakan insya Allah, jadi bererti kita akan berusaha. Jadi, bolehlah saya mengatakan kita akan mengambil tindakan dan kita harap perkara ini akan dapat kita atasi sepertimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau juga telah menimbulkan masalah jentera bomba yang tidak mengikuti perkembangan teknologi. Kementerian dan Jabatan Bomba sedar akan perkembangan teknologi dengan kelengkapan alat kebombaannya. Bagi pemadaman kebakaran atau pencegah kebakaran di bangunan-bangunan tinggi, Jabatan Bomba kini mengenakan syarat seperti "internal fire fighting", mengenakan seperti sistem sprinkler, "wet dry-riser" dan sebagainya. Bagi kelengkapan "kebombaannya yang lain, kereta bertangki tangga "skylift, rescue tenderer" dan sebagainya juga disediakan. Jabatan Bomba dari masa ke semasa meneliti agar setiap kelengkapan yang dibeli mengikut spesifikasi yang terbaru.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila cuba gulungkan.

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya apa yang telah disarankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan senantiasa diambil perhatian oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bagi saranan-saranan yang telah tidak dapat saya beri jawapan satu persatu, inginlah saya meyakinkan kepada mereka bahawa semua saranan-saranan tersebut telah diambil perhatian dan akan diambil tindakan.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya, ialah bahawa wang sejumlah \$887,700 untuk Maksud B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$887,700 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30,808,010 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dan \$3,250,000 dalam Maksud P.16 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30,808,010 untuk Maksud P.14 dan \$3,250,000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Arau, selama 5 minit.

5.55 *ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Berapa minit?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 5 minit.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tidak mahu ikut peraturan, hendak mukadimah pun dekat 3 minit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh Maksud P.17, Kementerian Belia dan Sukan. Tadi semasa soalan tambahan saya sudah sebut bahawa seolah-olahnya Kementerian ini memberi perhatian yang lebih, ini fasal membina ahli sukan negara ini kepada sukan, dan seolah-olahnya tidak nampak peranannya yang lagi satu itu untuk membangunkan belia. Saya seorang ahli sukan, ahli sukan rekreasilah, bukan sukan betul sebab saya seorang pemanjat gunung. Saya sudah memanjat 23 tahun. Dua hari yang

lepas saya sudah panjat Gunung Tapis. Jadi soal sukan ini tidak payah sebut, saya memang sokong seratus peratus dan saya memang peminat sukan, malah di kalangan Ahli-ahli Parlimen ini siapa pun tidak boleh lawan saya dari segi memanjat gunung. Jadi saya berhak bercakap fasal Kementerian ini.

Sekarang ini kalau fasal SEA Games, apa-apa sukan pun kita lihat terlampau ketara sangat. Dalam "vision four" kita duduk di hotel semua kita nampak dalam "vision four" pun ada gambar Menteri, dalam MAS pun ada gambar Menteri, tengok tak mana gambar Menteri dan sebagainya fasal sukan, tetapi fasal beliau menagih dadah dan sebagainya yang harus kita beri bantuan kenalah beri imej Menteri sedikit ataupun kalau gambar susah, kita bubuh Kementerian Sukan satu, Kementerian Belia hendak tolong belia, satu. Jadi yang susahnya ini saya tengok satu bentuk keimbangan. Kita hendak promote sukan sahajakah ataupun kita hendak promote juga belia-belia di dalam bidang ekonomi. Sukan sahaja kalau sekiranya tidak ada backing daripada ekonomi tidak boleh hidup. Pemuda-pemuda kita di kampung ini mereka minta duit sukan kita beri, tetapi masalahnya lepas itu dia terpaksa hidup, pengangguran berleluasa. Kita perlu beri perut mereka ini isi dahulu, lepas itu baru kita beri sepak bola. Kalau perut tidak boleh isi, makna kata hendak sepak bola pun susah.

Jadi dalam hal ini, Tuan Pengerusi, sukan ini sebagaimana kita maklum boleh memberi kesihatan yang baik, dalam masa yang sama boleh memberi kegembiraan tetapi kena ingat bahawa generasi ini juga akan merupakan generasi hari muka yang akan menentukan bakal-bakal rakyat Malaysia. Saya rasa-rasa, saya generasi yang sudah dekat hendak masuk hari senja. Ini yang hari tengahari, budak-budak muda ini, kalau dia sampai ke

zaman saya, saya rasa dia tidak boleh sihat macam saya. Walaupun berat saya 210 paun tetapi saya mempunyai kekuatan sama seperti yang berat 140 paun. Saya boleh panjat gunung, saya boleh menyelam di laut, saya boleh bermain kapal layar dan macam-macam lagi. Tetapi kalau pemuda-pemuda yang menagih dadah 400,000 orang mi dia sampai berumur macam saya, belum 40 lagi, saya rasa dia sudah jadi bangkai bernyawa, berjalan bongkok, tidak ada program. Kena beri program supaya mereka ini boleh makan nasi, makan benda yang sihat, bukan dadah. Kementerian ini penting. Tiap-tiap kali minta tambahan, Tuan Pengerusi, sukan, sukan. Tidak minta tambahan, belia peladangkah, belia berniakakah. Pusat latihan tidak cukup. Kita beri latihan pertanian dan sebagainya, balik, dia sepak kertas itulah. Dia perlukan bimbingan lain, bimbingan dalam bentuk macam Institut Kemahiran MARA buat itu.

Cuba tengok, dahulu tukang kasut tidak ramal, sekarang ini kita tengok tukang kasut merata-rata, budak-budak ini diajar supaya tidak malu untuk berniaga di tepi-tepi jalan. Macam itu kita mahu belia buat supaya budak-budak ini tidak malu dan berani menghadapi cabaran. Ini peranan Kementerian Belia. Tetapi sekarang kalau kita sebut belia, sukan sahaja, sudah tidak timbul sekarang ini belia berniaga, belia peladang. Sebab hendak beri publisiti supaya sukan ini bagus semua, mereka guna gambar Menteri untuk buhuh dalam "vision four", saya tengok wrestling pun ada gambar Menteri beri ucapan tentang SEA Games dan sebagainya. Apakah imej yang sama boleh diketengahkan untuk belia-belie supaya menceburi dalam bidang yang saya sebutkan tadi, dalam bidang bertani, dalam bidang berniaga dan sebagainya untuk menjamin masa depan mereka. Apabila mereka sudah terjamin masa depan mereka, hendak bersukan, bersukanlah, hendak dirikan 10 mini

stadium pun kita akan sokong, tetapi yang lain-lain ini harus diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Yijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

*5.59 ptg.*

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau yang telah sebut tadi kita tidak patut promote sukan ini. Ini saya rasa tidak patut sebab pada bulan Ogos tahun ini kita akan adakan SEA Games. Sebab itu kita promote sukan tetapi yang . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penjelasan.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Beri saya habis dahulu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak, penjelasan dahulu, sebab your first statement itu sudah tidak betul. Saya tidak kata, kita tidak promote sukan, saya kata saya seorang ahli sukan, bandingkan Ahli Parlimen ini siapa pun tidak boleh lawan saya panjat gunung. Saya orang yang pertama panjat Gunung Tahan, orang yang pertama Dr Mahathir dengan Encik Ghafar, tetapi naik dengan helikopter, saya berjalan kaki lima hari lima malam naik dan tiga hari tiga malam turun. Saya seorang ahli sukan yang angkat berat pun saya terlibat, semua saya terlibat, saya memang menyokong SEA Games, yang saya sebutkan tadi SEA Games ini memang saya tunggu-tunggu sebab kalau bola ada, wrestling ada, bertumbuk, saya tunggu sampai pukul 12.00kah, pukut 2.00kah, pukul 3.00 pagi saya tidak peduli, saya memang menyokong. Tetapi yang saya hendak kata beri keseimbangan, kalau hendak letak gambar Menteri bercakap berkenaan SEA Games in style semua, dengan izin, beri juga bercakap hendak promote belia

bertani dan sebagainya, kalau tidak boleh beri gambar dia, bubuh gambar Timbalan Menteri, lawa sedikit, jadi dengan itu makna kata ada keseimbangan, saya tidak kata itu, tarik balik kenyataan saya tidak setuju dipromote, saya memang suruh tambah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sudahlah, dia faham.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay. (Ketawa)

**Cik Teng Gaik Kwan:** Terima kasih Yang Berhormat dari Arau. Sebenarnya kem cuti dan kursus-kursus untuk belia telah dan sedang dijalankan di pusat-pusat seperti Yang Berhormat dari Arau pun tahu juga. Saya telah sebut tadi kerana SEA Games iaitu SEA Games itu mustahak untuk negara kita sebab itu kita promote sukan sedikit jugalah. Saya juga hendak sentuh sedikit di sini, peruntukan tambahan \$2 juta ini adalah untuk membayar pelaksanaan projek pusat latihan, ini pun untuk belia, bukan?

Pusat Latihan Kemahiran Tinggi Sepang di Selangor Darul Ehsan dijangka siap pada awal Februari 1990 dan pusat latihan kemahiran ini akan mula beroperasi pada Jun 1990 dan peruntukan \$2 juta ini akan diperuntukan untuk membeli mesin-mesin dan peralatan termasuk accessories dan spares yang dibekalkan oleh pengeluar India yang bertaraf antarabangsa dan juga 10 buah negara lain di luar India.

Mengenai tambahan \$1 juta, ini untuk sebuah mini stadium tertutup khasnya untuk sukan tenis dan telah pun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima dengan tujuan supaya pertandingan antarabangsa yang bermutu dan juga pertandingan peringkat kebangsaan bagi sukan tenis khasnya dan bagi sukan-sukan bola tampar, bola jaring, taekwan-do, sepak

takraw dan olahraga amnya diadakan dengan keadaan yang lebih baik dan lebih teratur. Anggaran peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 1986 hingga 1990 bagi projek ini ialah sebanyak \$14.6 juta. Peruntukan perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan pada 1989 ialah sebanyak \$12.2 juta. Peruntukan tambahan sebanyak \$1 juta lagi adalah untuk membolehkan beberapa alat penting dipasang dan disediakan. Alat-alat berkenaan ialah electronic score board, alat-alat kelengkapan. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila tumpukan jawapan kepada soal asal yang tadi diminta oleh Yang Berhormat dari Arau, ini hockey stadiumkah itu tidak masuklah.

**Cik Teng Gaik Kwan:** Itu tidak apalah. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,000,000 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1989.

*Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1)1989)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.07ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Kod 00600 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. Di antara projek yang diberi peruntukan ialah rumah-rumah pam lama yang usang di Salor dan Kemubu dan rumah pam kasar. Difahamkan bahawa projek pemulihan rumah-rumah pam hanya diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelima tahun 1986. Pada tahun tersebut sebanyak \$506,000 dibelanjakan untuk membina pam-pam galak di Pasir Ara, Kota Bharu sebagai rangkaian kepada pemulihan rumah pam Kemubu. Maka bagi projek ini berapakah bilangan pam yang terlibat dan letaknya pam-pam tersebut, berapakah daripada pembinaan pam adalah sebagai rangkaian kepada rumah pam Kemubu dan berapa pula sebagai rangkaian rumah pam Salor.

Tuan Pengerusi, adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan projek pemulihan rumah-rumah pam yang usang supaya proses tersebut boleh dipercepatkan pada tingkat kos yang rendah, jika tidak mengapa? Apakah di antara projek-projek yang committed yang turut menerima peruntukan tambahan, berapa jumlah tambahan dalam peruntukan yang diterima oleh setiap projek committed ini. Keseluruhannya setakat ini apakah jumlah perbelanjaan yang telah dilaburkan ke dalam projek-projek sambungan Rancangan Mataysia Keempat di bawah kadar ini dan berapa pula jumlah wang yang dilaburkan ke dalam projek baru di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Pengerusi, Kod 00900, Projek Pertanian yang lain (f) Projek Taman Haiwan Liar, Pulau Singa Besar, Kedah (Baru). Yang pertama, mengapakah projek ini diletakkan di bawah Kementerian Pertanian. Apakah hubungan Taman Haiwan Liar di Pulau Singa Besar dengan sektor

pertanian, bagaimanakah projek ini akan membawa faedah atau kemajuan kepada sektor pertanian di Negeri Kedah?

Tuan Pengerusi, keduanya kami ingin tahu sejak bilakah projek ini telah dirancangan, selain daripada itu juga dikatakan bahawa baki wang projek ini iaitu \$1.3 juta akan diperolehi melalui pindahan peruntukan daripada Butiran 01008 Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, Perlis. Anggaran Belanjawan 1989 memperuntukkan wang sejumlah \$27,868,600 kepada butiran ini. Jika wang \$1.3 juta atau 4.66% daripada peruntukan asal boleh dikeluarkan daripada kegunaan ini maka secara langsungnya ia bermakna peruntukan asal kepada butiran ini telah terlebih diperuntukkan sebanyak 4.66% atau mungkin lebih. Adakah ini benar, jika ia maka berapa peratuskah peruntukan bagi butiran ini adalah terlebih diperuntukkan?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** 1 minit lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, banyak lagi, macam mana satu minit. Walau bagaimanapun, Kod 17100 Perparitan dan Tebatan Banjir di Kawasan Bandar, di sini hendak saya menyoal kesemua jumlah \$18.5 juta peruntukan bagi kod ini. Jadi, elok ambil kira wang \$19.2 juta bagi projek 04900 Jabatan Perdana Menteri, jumlah besar peruntukan tambahan bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur menjelang CHOGM ialah \$37.7 juta. Dan di sinilah saya hendak menyoal iaitu mengapa pada musim CHOGM sahaja diperuntukkan wang yang banyak, walhal pada biasanya Kerajaan hendaklah mengaturkan projek-projek seperti ini untuk menjaga banjir di kawasan-kawasan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, ada banyak Kod lagi di sini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Arau.

*6.12 ptg.*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap di bawah P.19 Kementerian Pertanian. Oleh kerana masa diberi 5 minit, butirannya terlampau banyak, saya rangkumkan tinggal satu Butiran secara umumnya.

Yang pertamanya ialah fasal pembiakan ayam dan itik. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kementerian Pertanian, apakah bentuk kawalan yang dibuat untuk memastikan pembela-pembela itik dan juga pembela-pembela ayam tidak menyebabkan kesusahan kepada pemakan-pemakan itik dan pemakan ayam. Kita dapati Kementerian ini telah berjaya membuat banyak perkara-perkara baru seperti kelapa muda, ulam, ikan, sekarang ayam dan itik. Apakah bentuk kawalan dibuat? Saya lihat oleh kerana beberapa masalah dari segi harga makanan ayam dan sebagainya menyebabkan pengguna-pengguna menghadapi masalah. Harga ayam pernah dilambungkan sampai \$3.00 sekilo dalam bulan Januari yang lepas yang menyebabkan dua, tiga pengusaha telah mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit. Sehingga Timbalan Menteri pada masa tersebut berkata kita akan buat kawalan, sebelum Hari Raya Cina barulah diturunkan harga balik tetapi pengusaha-pengusaha telah membuat keuntungan di Senawang, di Butterworth telah membuat berjuta-juta ringgit baru kita hendak berhenti. Siapa tanggungjawab masalah ini—pengguna.

Saya ingin bertanya, sejauh mana kawalan sudah dibuat hendak pasti supaya harga makanan ayam diberi alasan itu supaya terkawal oleh kerana harga dedak dan lain-lain lagi dikawal, yang telah dijamin harganya oleh

LPN. Mengapa pula tiba-tiba harga makanan yang telah diproses daripada dedak, daripada beras dan sebagainya tiba-tiba harganya naik.

Yang kedua, susu, Tuan Pengerusi. Orang Malaysia belum lagi secara umumnya suka minum susu. Sekarang kita hendak pulih pusat susu di Kluang. Susu ini beri subsidi oleh FAMA. Saya hendak cadangkan beri galakan supaya orang banyak memelihara lembu susu dan supaya orang Malaysia lebih banyak minum susu kerana kita tahu susu banyak membawa khasiat. Saya ingin bertanya apakah bentuk kempen dibuat. Tahun sudah kempen dibuat berhubung dengan susu segar. Sejauh mana kempen susu segar itu berjalan, hendak pastikan supaya orang-orang Malaysia terus minum susu dan susu diminum dengan harga yang murah dan kalau boleh saya cadangkan subsidi harga susu itu diteruskan dalam bentuk yang ada sekarang, kalau boleh dilebihkan.

Akhir sekali, fasal perikanan banyak disentuh. Kemudahan latihan nelayan walaupun dibuat di Sabah, tetapi yang saya minta, Yang Berhormat tolong jawab supaya menjadi rekod untuk saya berhadapan dengan orang-orang Perlis. Saya sudah bercakap siang-siang, Allah taala beri laut kepada kita bukan ada sempadan. Tetapi Kementerian Yang Berhormat buat sempadan tangkap bot, ambil pukut, habis susah orang. Balik ke Perlis sahaja siapa-siapa yang ada nelayan susah dengan tangkapan nelayan. Kita adakah atau tidak sempadan, tarik tali panjang ini, bot ini telah langgar sempadan, kadang-kadang langgar kepala sedikit pun sudah langgar sempadan. Dia ikut budibicaranya, dia suruh kita ukur terlanggar sempadan. Ini Allah beri laut untuk semua kita boleh pakai, tetapi untuk negara-negara lain elok dibuat sempadan, sebab masalah nelayan. Tetapi Perlis dengan Kedah jangan dibuat sempadan. Negeri ada sempadan tidak mengapa, laut jangan. Sebab laut

Perlis cuma 3 batu, 30 batu sempadan betul. Yang Berhormat dari Batu Berendam tidak betul sebut tadi. 30 batu ialah pantai, tetapi dari segi laut bergerak ke Siam tidak sampai 3 batu. Setengah batu sahaja sudah jumpa Siam. Sebelah Kedah 3 batu. Nelayan ada 10,000. Maknanya kalau sekali keluar penuh kawasan 3 batu dengan bot Perlis. Ikan pun takut lari. Saya ingat hendak dapat seekor seorang pun tidak boleh. Terpaksalah mereka curi pergi ke Pulau Langkawi dan masuk ke Kedah, curi pergi ke Siam, Polis Merin Siam tunggu dengan machine-gun, mari Kedah, Polis Merin Kedah tunggu hendak tangkap. Sekarang saya ingat kalau dari segi tangkapan malah tiap-tiap hari ada tangkapan.

Saya minta Yang Berhormat tolong jawab, dahulu kata hendak pertimbangkan supaya sempadan Kedah Perlis tidak dibuat. Sekarang tolong beri jawapan, Kedah dan Perlis sempadan sama. Sebab terlampau kecil laut dan tidak lojik Yang Berhormat Menteri hendak laksanakan undang-undang ini di Perlis. Dan banyak orang kita teraniaya, cerita ini cukup teraniaya sebab boteh dikatakan tiap-tiap hari kena tangkap. Ini bukan sahaja sempadan negeri, sempadan kawasan pun timbul masalah.

Contohnya pukak Kokka—Kokka, bahasa Tionghoa—bahasa Melayunya ialah Pukat tarik bawah. Pukat kaki bawah atau Pukat tarik bawah saya tidak tahu. Lebih kurang macam itu. Pukat ini ia jenis hanyut, ikan timbul ia tangkap ikan timbul. Kadang-kadang ikan timbul di tengah laut, kadang-kadang dia kejar-kejar timbul di tepi pantai. Dia pergi tangkap di tepi pantai sudah terlanggar kawasan pantai, dia kena tangkap lagi. Jadi, dia hendak tunggu ikan timbul dekat mana, sebab hendak mengejar ikan bukan perkara yang mudah. Ikan bukan benda mati, benda hidup, dia lari. Lari-lari terlanggar sempadan, tangkap, lari-lari terlanggar sempadan, tangkap. Maka saya ingat dalam masa setahun habis

seluruh pukak Kokka akan kena tangkap dan habis seluruh nelayan Perlis kena tangkap, semua melanggar sempadan, melanggar kawasan dan sebagainya. Saya minta tolong beri pertimbangan.

Yang Berhormat boleh jawab yang ini, saya puas hatilah, Kementerian ini sudah banyak buat dengan elok dan sebagainya. Hal nelayan di Perlis ini sampai hari ini tidak diselesaikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.17 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran (Projek) 017100 dan di sini saya ingin merujuk kepada Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan yang diberikan tanggungjawab untuk membersihkan melebar dan juga menggunakan sungai-sungai dalam Wilayah Persekutuan ini.

Saya menyokong tambahan sebanyak \$3.5 juta yang pinta di sini. Dan saya harap bahawa kerja untuk menyelenggarakan, melebarkan dan mendalamkan sungai ini tidak akan berhenti selepas sidang ataupun mesyuarat CHOGM.

Memandangkan ini bahawa sekiranya kita hendak mengatasi masalah banjir dalam Kuala Lumpur ini, salah satu tugas yang harus dipikul oleh Jabatan Parit dan Taliair ialah untuk memastikan penyelenggaraan sungai-sungai dalam Wilayah Persekutuan dan saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang sama ada Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan telah diberi peruntukan yang cukup untuk tugas penyelenggaraan. Sekian.

6.20 ptg,

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap pendek sahaja, walaupun saya tiga kali berdiri tidak dapat bercakap.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran (projek) 17900 iaitu Rancangan-rancangan Menternak Kambing dan Kambing biri-biri. Di sini kita perhatikan bahawa kita akan mengimport kira-kira 10,500 ekor biri-biri dalam tahun 1989. Apakah maksudnya kita mengimport kambing biri-biri ini. Adakah kerana kita tidak mempunyai cukup benih kambing biri-biri di negara kita sendiri ataupun bagaimana? Yang kedua, saya ingin bertanya, siapakah yang akan mengelolakan pengimportan kambing biri-biri ini? Saya bimbang harganya kelak terlalu mahal maka tidak mampu penternak-penternak yang terlibat itu untuk membayar dan sebagainya.

Selain dari itu, saya ingin bertanya di manakah kita akan menternak biri-biri ini, kepada siapa yang kita akan berikan bagi berusaha dan memajukan rancangan ini. Adakah termasuk penduduk-penduduk luar bandar dan juga termasuk penduduk-penduduk di rancangan tanah? Saya percaya hasrat kita bukan sahaja kita hendak mendapatkan pendapatan daripada pemeliharaan ini tetapi juga kita bertujuan untuk mendapatkan pendapatan sampingan ataupun menambahkan pendapatan kepada orang-orang yang agak kurang pendapatannya ataupun dalam keadaan kemiskinan. Jadi adakah Kerajaan bercadang untuk menternak kambing biri-biri ini dengan diberikan kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang mampu untuk menjalankan rancangan ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, harap menjawab secara ringkas.

6.22 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah Maksud P.19 iaitu perkara-perkara yang ada hubung-kait dengan Kementerian Pertanian.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan soal kaitan Taman Haiwan dengan Kementerian Pertanian. Saya merasakan bahawa Ahli Yang Berhormat itu agak kurang memahami apakah sebenarnya pertanian ini dan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi, Taman Haiwan ini memang berkaitan dengan Kementerian Pertanian kerana ianya merupakan satu projek pertanian, walaupun ia bertujuan untuk menggalakkan pelancongan. Projek Taman Haiwan ini mempunyai komponen sanctuary Marine yang merupakan tanggungjawab Jabatan Perikanan dan juga merupakan sanctuary binatang-binatang ataupun haiwan yang juga menjadi satu tarikan kepada pelancong-pelancong, Tindakan Jabatan Pertanian yang mana kesemua agensinya menjalankan kegiatan-kegiatan yang ada hubung-kait dengan projek yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, bolehlah dikatakan tidak lari ataupun tidak terpesong atau tidak menyeleweng daripada kehendak-kehendak pertanian itu sendiri.

Oleh sebab di dalam projek ini kita akan adakan tempat mengail, tempat sanctuary haiwan, di mana ianya akan menggalakkan bukan sahaja para pelancong tetapi juga rakyat kita sendiri menjalankan kegiatan-kegiatan sebagai aktiviti sampingan untuk mempelajari sekurang-kurangnya

bagaimana hendak mengail ikan secara berkesan dan untuk pegawai-pegawai dan sesiapa jua yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang characteristics binatang-binatang atau haiwan yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh soal Lembaga Kemajuan Pertanian KEMUBU. Sukacita dinyatakan bahawa bilangan pam yang akan kita wujudkan ialah di antara tiga atau empat di satu-satu rumah pam iaitu Rumah Pam Salur dan di Rumah Pam Kasar. Nama yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang tidak betul, sebenarnya nama itu ialah "Kasar", walaupun Ahli Yang Berhormat itu datang dari Kelantan. Rumah Pam Kemubu ini akan kita ubahsuaikan dengan penggunaan electricity. Pada masa ini kita menggunakan minyak disel tetapi kita akan ubahsuai dengan penggunaan electricity supaya kekesanannya lebih ketara.

Projek-projek yang lain adalah bekalan air ke peringkat sawah, kajian penyelidikan, latihan pegawai dan petani, pembiakan dan bekalan benih, pembinaan jalan-jalan ladang, pemulihan skim pengairan di Pasir Puteh dan juga di Salor. Mengenai detail perbelanjaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kalau saya hendak hurai satu persatu, panjang sangat dan akan mengambil masa, dan saya percaya Tuan Pengerusi pun tak berapa setuju kalau saya detailkan dengan sepenuhnya. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ingin mengetahuinya lebih lanjut, saya akan bekalkan kepada beliau tentang perbelanjaan-perbelanjaan yang tertentu berhubung dengan projek-projek yang telah kami "commit".

Ahli Yang Berhormat dari Arau menyentuh soal tangkapan nelayan di Perlis kerana melanggar sempadan dan meminta sempadan perairan Kedah dan Pertis dijadikan satu sempadan yang sama. Masalah yang dibangkitkan

oleh Ahli Yang Berhormat ini memang dalam kajian Kerajaan kita dan pada masa ini sebenarnya kita telah pun menjemput nelayan-nelayan yang tertentu di mana juga mereka berada supaya menghantar apa jua pandangan mengenai masalah-masalah yang ada hubung-kait dengan kerja-kerja nelayan mereka di tempat mereka masing-masing. Sebenarnya kita bercadang untuk meminda Akta Perikanan 1985.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya setuju pandangan nelayan itu diambil, tetapi ini untuk disegerakan. Saya rasa saya mewakili seluruh nelayan di Perlis sebab tidak ada nelayan duduk dalam kawasan Kangar iaitu kawasan Dato Radzi, semua nelayan duduk dalam kawasan saya dan 90% daripada petani duduk dalam kawasan saya. Saya ada memorandum yang dihantar, terlampau banyak sangat, jadi saya cakap secara mulut dalam dua-tiga patah bagi pihak mereka. Inilah masalah utama sekarang—masalah sempadan penangkapan ikan dan juga masalah sempadan Perlis dengan Kedah. Kita hendak minta supaya dibuka sempadan itu. Itu sahaja.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Pengerusi, sebenarnya pihak Kementerian ini memang bertimbang rasa. Baru-baru ini kita menghulur lesen tradisional kepada nelayan-nelayan yang tidak mempunyai lesen supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka sebagai nelayan. Itu saya rasa merupakan durian runtuh, 6,000 semua sekali dan banyak juga yang akan dihulur kepada nelayan-nelayan di Perlis.

Berhubung dengan perkara ini, sukalah saya nyatakan bahawa pihak kami sedang mengkaji Akta Perikanan dan kami berharap pihak-pihak berkenaan, nelayanlah umpamanya, menghantar apa juga permasalahan yang mereka tempuhi pada masa ini

agar dapat kami menimbang dengan sepenuhnya tentang Akta yang akan kami pinda nanti.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Satu permintaan saya, sementara Akta ini hendak dipinda boleh atau tidak Yang Berhormat arahkan Jabatan Perikanan supaya tidak menangkap nelayan-nelayan yang terlibat dengan seperti yang saya sebutkan tadi di sempadan dan juga di sempadan kawasan penangkapan ikan. Bagi, orang kata bagi pejam sebelah matalah. Kalau tidak, berat sangat menghadapi keadaan ini.

Saya juga terpaksa memberi jaminan, setengahnya itu bukan sahaja jaminan tetapi pertolongan dalam bentuk kewangan. Sejauh mana kita boleh buat demikian. Sampai bila? Sebab tiap-tiap kali kena tangkap sekurang-kurangnya \$2,000, \$3,000; yang terakhir sekali \$5,000 dan yang penghabis sekali peralatan mereka kena rampas, kita juga yang susah. Saya mewakili mereka. Jadi, saya minta buat sementara sebelum dipinda, diberi sedikit kelonggaran bagi nelayan-nelayan Perlis.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Pengerusi, sukarlah bagi kami hendak melanggar undang-undang yang kami juga buat, yang juga diluluskan oleh Parlimen ini. Jadi, itulah sebabnya saya ingin menegaskan bahawa selagi Akta itu berkuatkuasa sepertimana ianya berjalan pada masa ini, maka agak sukar bagi kita mengadakan satu cara yang' lain daripada undang-undang itu. Kita terpaksa bergantung kepada legal aspect. Inilah hakikat yang kita hadapi.

Saya tegaskan sekali lagi kepada Yang Berhormat, persoalannya sekarang ini ialah tunggulah pindaan Akta yang kita akan laksanakan.

Yang Berhormat dari Arau juga menyentuh soal susu. Kempen pasaran susu serta pembangunan tenusu akan

diteruskan melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan juga FAMA. Gerai-gerai susu akan dibina di bandar-bandar utama dan pada masa ini pasaran susu, adalah di peringkat yang paling menggalakkan. Inilah satu-satunya kejayaan kita pada hari ini.

Mengenai harga ayam, harga makanan ayam tidak termasuk dalam barang yang dikawal, yang demikian harganya akan turun naik mengikut kos barangan. Sebahagian dari barang makanan ternakan adalah diimport. Ia bergantung kepada harga pasaran bijirin dunia. Harga ayam di pasaran juga tidak dikawal oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun Jabatan Perkhidmatan Haiwan menjadi penasihat kepada Jawatankuasa Penternak atau Peniaga yang menetapkan harga ayam di pasaran tiap-tiap minggu. Melalui sistem ini harga ayam dapat dipengaruhi dari masa ke semasa di tahap yang munasabah.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang membangkitkan soal perparitan. Suka saya nyatakan di sini kepada Yang Berhormat bahawa projek yang tersebut bukanlah merupakan satu projek yang di rancang semata-mata untuk CHOGM tetapi ianya sudah lama kita rancang. Cuma secara kebetulan CHOGM akan diadakan dalam pertengahan bulan Oktober ini, maka untuk mengambil peluang ini, peluang yang mana kita rasa akan memberi faedah yang besar dari sudut pelancongan, kita merasakan eloklah kita kendali setakat mana yang boleh supaya ianya tidak akan melahirkan satu imej yang kurang baik kepada negara kita. Kita mahu mewujudkan satu suasana yang baik di mana suatu hari nanti pelancong-pelancong akan mencurah-curah masuk ke negara kita ini. Ini merupakan satu langkah yang boleh membawa satu kewangan yang diidam-idamkan oleh negara.

Pada hari ini kita cuba hendak menggantikan terowong/angkupaip di Sungai Bonus yang telah runtuh lebih

kurang 20 tahun selepas dibina, akibat banjir kilat. Kalau kita tidak laksanakan perkara ini mungkin barangkali kawasan kompleks BERNAMA, akan dibanjiri suatu hari nanti.

Yang kedua, kita juga akan menjalankan kerja-kerja membaiki Sungai Kelang dan membina tembok banjir atau dalam bahasa Inggerisnya earthen work, dari jambatan Jalan Sultan Ismail ke jambatan Jalan Tun Perak. Yang Berhormat bertanya adakah kita akan berhenti setakat itu sahaja ataupun kita akan teruskan kerja-kerja ini. Jawapan saya, kita akan teruskan projek ini sehingga siap. Tetapi buat sementara waktu, kita akan menjalankan kegiatan-kegiatan yang berpotensi menyelesaikan persoalan di mana kita mengharapkan pihak-pihak atau Ketua-ketua Negara yang datang ke negara kita pada masa persidangan CHOGM ini tidak akan merasakan bahawa negara kita tidak mempunyai persiapan yang benar-benar lengkap bagi menghadapi persidangan yang begini besar. Kita tidak mahu sama sekali kesesakan lalulintas disebabkan oleh banjir kilat di pusat bandar ini menghalang Ketua-ketua Negara Komanwel yang ada di negara kita ini daripada melawat tempat-tempat yang mereka ingin melawat ataupun ingin menjalankan tugas-tugas mereka, sebagai wakil-wakil negara mereka masing-masing.

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Nanti sekejap. Oleh kerana kesuntukan masa, kelulusan telah diperolehi daripada pihak Perbendaharaan supaya menjalankan kerja-kerja ini berdasarkan negotiated tender. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Saya tegaskan di sini bahawa negotiation tender ini dikendali semata-mata memandangkan masa yang begitu suntuk. Kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya suka nyatakan di sini bahawa kita mempunyai kewangan yang mencukupi untuk kita laksanakan tugas kita ini. Kalau tidak cukup, kita akan minta lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Cuba gulungkan Yang Berhormat, panjang sangat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Pasal perkara yang dibangkitkan itu memang panjang dan soal pertanian ini Tuan Pengerusi. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Cuba Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Ya. Yang Berhormat dari Maran menyoal kenapa kita mengimport biri-biri. Menyentuh tentang pengimportan biri-bin, suka saya nyatakan bahawa kita akan import biri-biri ini, sama ada dari Australia ataupun dari Thailand. Dari Australia kita akan import biri-biri kacukan Morino-Border-Leicester dan jenis Suffolk, juga jenis Dorset-Horn. Biri-bih daripada Thailand ini. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Maran bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Penjelasan. Saya ingat nama biri-biri itu teruk sangat. Jadi kalau orang kampung hendak sebul apa jenisnya besok agak susah, ia hendaklah sesuai dengan orang tempatan kita.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tentang nama ini, sebenarnya cukup susah kita hendak ubah. Kalau saya nama Kassim diubah kepada Kassam, saya tidak setuju. Begitulah juga dengan nama biri-biri ini yang telah dikenali sebagai Marino-Border-Leicester, Suffolk dan sebagainya. Saya harap Yang Berhormat cuba beri

penerangan kepada mereka, supaya ianya menjadi perkara biasa bagi mereka.

Biri-biri ini diimport, bertujuan untuk diedar kepada penduduk-penduduk luar bandar dan juga penduduk-penduduk di rancangan-rancangan. Pada masa ini bekalan biri-biri tempatan, memang tidak mencukupi, serta tidak berkualiti.

Mengenai siapa yang akan mengelola pengimportan biri-biri ini, jawabnya Jabatan Haiwan akan mengelolakan. Kita tidak boleh menyerahkan tugas ini kepada orang lain untuk mengendalikan pengimportan biri-biri. Tentang di mana biri-biri ini akan dipeihara, sukacita dimaklumkan bahawa kita akan tempatkan di ladang-ladang Jabatan kita sendiri untuk perniagaan. Selepas itu kita akan edar kepada penternak-penternak sebagaimana saya katakan sebentar tadi.

Saya rasa itulah jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, dan saya sekali lagi menghulur ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di atas keikhlasan mereka menyoal sesuatu yang ada hubung kait dengan Kementerian Pertanian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$59,452,000 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah dituluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$59,452,000 untuk Maksud P.19 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Pedagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi Kod 01100—Industri-industri Kecil Baru.

Mengikut pecahan yang diberi, Aktiviti Pemasaran Bersepadu akan diperuntukkan wang pembangunan sebanyak \$1.25 juta. Kami memang sedar bahawa salah satu faktor yang menghalang perkembangan industri-industri kecil ialah masalah pemasaran. Apakah di antara kandungan program-program yang terlibat dalam aktiviti pemasaran bersepadu ini. Adakah kesemua pengusaha industri kecil diberitahu mengenai kemudahan bantuan pemasaran bersepadu atau lain-lain bentuk perkhidmatan pemasaran.

Misalnya tunjuk ajar atau nasihat yang disediakan oleh aktiviti berkenaan. Jika bukan semua, apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengesyorkan pengusaha industri-industri kecil sedar akan kemudahan atau bantuan yang dihulur oleh Kerajaan kepada mereka khasnya dalam aspek pemasaran. Apakah maklumat-maklumat yang boleh dikemukakan oleh Kementerian untuk membuktikan keberkesanan aktiviti dalam bidang industri kecil terutama sekali di segi mengesyorkan pengusaha kecil sedar akan bantuan yang boleh diterima daripada Kerajaan serta luas pasaran baru yang berhasil daripada aktiviti-aktiviti Kementerian.

Seterusnya, bagi kajian pelan induk IKS, berapa lamakah masa yang diperlukan sebelum kajian berhasil.

Apakah di antara aspek-aspek industri-industri kecil yang dikaji oleh Pelan Tindakan IKS serta hasil kajian yang diperolehi setakat ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong khasnya pertanyaan-pertanyaan daripadanya. Sebenarnya, Butiran 01100 itu dipindahkan dari Maksud P.54—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mulai 1hb Mac, 1989. Oleh kerana itu butir-butir yang ditanya oleh Yang Berhormat, saya tidak ada di sini. Saya haraplah saya boleh diberi peluang nanti memberi penerangan kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,603,990 yang disebutkan dalam Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,603,990 untuk Maksud P.20 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*P.21, P.23 dan P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1)1989)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.21, P.23 dan P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Jemput Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

**Tuan Ong Tee Keat:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 00400, sukalah saya mengalu-alukan pemberian peruntukan sebanyak \$600,000 untuk Pembelian Beach Combers dan juga \$350,000 untuk pembinaan Tandas Awam di Pusat Pelancongan.

Tuan Pengerusi, dalam usaha Kerajaan kita memajukan perusahaan pelancongan, pada pandangan saya adalah perlu usaha kita merangkumi bukan sahaja aspek softwear iaitu aspek yang meliputi publisiti sahaja tetapi juga ianya perlu meliputi aspek hardware yang merangkumi jentera-jentera ataupun binaan-binaan untuk menjaga kebersihan alam sekitar di pusat-pusat pelancongan kita. Walaupun ada orang cuba menghubungkan kaitkan pemberian peruntukan ini dengan desakan menjelang Tahun Melawat Malaysia pada tahun depan, tetapi ini bagi saya adalah satu langkah yang positif. Namun demikian, apa yang saya khuatir sekarang ini ialah sama ada kerja penyelenggaraan ataupun dalam bahasa Inggeris, dengan izin, maintenance works akan juga diambil kira oleh Kementerian yang berkenaan ataupun kerja tersebut akan dikelolakan oleh Kementerian lain, misalnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau lain-lain Majlis Daerah yang berkenaan. Sebab dalam Kertas Perintah 21A yang ada pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidak disebut langsung tentang sebarang peruntukan atau perbelanjaan untuk menyelenggarakan jentera-jentera pembersih pantai atau beach combers dan tandas-tandas awam itu.

Saya masih teringat, Tuan Pengerusi, beberapa tahun yang lalu bila saya masih berkhidmat sebagai seorang jurutera di sektor swasta, pernah saya difahamkan keperluan membeli jentera pembersihan pantai atau beach combers, dan tandas-tandas awam. Tetapi pihak mana agaknya

yang akan mengelolakan kerja-kerja penyelenggaraan itu? Itu tidak pernah disebut-sebut oleh pihak yang berkenaan dan bagi saya, Tuan Pengerusi, memang tidak ada makna sekiranya benda-benda yang tersebut ataupun peralatan-peralatan yang tersebut dibeli dengan peruntukan Kerajaan tanpa sebarang usaha dan kepakaran untuk menyelenggarakannya. Saya berharap jangan-jangan keadaan sebegini akan menyebabkan peralatan tersebut menjadi satu "white elephant", dengan izin, yang terbengkalai seperti mana yang kita dapat melihat banyak tandas-tandas awam yang telah dibina oleh pihak berkuasa pada ketika ini telah terbengkalai kerana tiada kepakaran dan peruntukan untuk penyelenggaraan. Jadi, saya ingin meminta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan sama ada segala kerja penyelenggaraan untuk kedua-dua peralatan ini akan juga dikelolakan oleh Kementerian beliau. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ampang Jaya yang telah membangkitkan perkara mengenai tugas Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang mana beliau telah menimbulkan soal hardware ataupun aspek hardware untuk menjaga tempat-tempat yang berkaitan dengan pelancongan seperti tandas awam dan juga beach combers.

Sebelum saya menerangkan tentang pihak yang perlu menyelenggarakan ataupun sama ada kita mempunyai kepakaran ataupun tidak, yang pentingnya iaitu dalam menjamin mutu product pelancongan negara kita ianya

tidaklah semestinya ditekankan kepada Kementerian ini sahaja tetapi semua pihak mestilah memainkan peranan terutamanya dari segi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai tandas awam.

Pada masa-masa yang lepas kita dapati bahawa apabila sahaja seseorang menyebut tandas maka terlintas di kepala kita tempat yang kotor. Maka adalah menjadi tugas Kementerian ini dan juga pihak-pihak yang lain untuk menukarkan budaya ataupun pemikiran sebegini rupa di mana untuk membolehkan apabila kita menyebut tandas di dalam pemikiran kita bahawa tandas bukanlah tempat yang kotor. Ia mestilah dijadikan tempat yang bersih. Sebab itu untuk makluman Yang Berhormat, pada hujung bulan ini, selama sebulan pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan akan menjalankan satu kempen kebersihan tandas, "Toilet Weeks" ataupun "Toilet Months" yang mana di sini kita—saya lihat Ahli Yang Berhormat ada yang senyum bila kita ini—seolah-olah itulah gambaran yang ada sekarang dan yang ini kita hendak lakukan supaya kita tukarkan budaya menganggap tandas sebagai tempat yang kotor ini. Jadi, kita harap semua pihak yang terlibat termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan (Local Authorities) akan bersamasama menjayakan kempen yang kita jalankan ini yang sudah tentu jika ia memberikan kejayaan akan mendatangkan manfaat kepada bukan sahaja pelancong-pelancong tetapi kita sendiri pun perlu kepada suasana yang bersih seperti ini.

Tuan Pengerusi, mengenai beach combers yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, memang Kementerian ini menjadi sebagai punca untuk menentukan penyediaan jentera ini ataupun beach combers tetapi dari segi penyelenggaraannya sudah tentulah ada pihak-pihak yang akan menyelenggarakannya. Ini kita yakin

bahawa terpelung di mana ianya ditempatkan dan di situ sudah tentu terdapat pihak-pihak berkuasa tempatan yang akan menjaga ataupun menyelenggara perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan misalnya bagi tandas awam yang disebutkan di pusat-pusat pelancongan sudah tentulah ianya akan diselenggarakan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sendiri dan juga pihak TDC di bawah Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahti-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$16,763,710 yang disebutkan dalam Maksud P. 21; \$54,000 dalam Maksud P. 23 dan \$1,200,000 dalam Maksud P. 24 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,763,710 untuk Maksud P. 21; \$54,000 untuk Maksud P. 23 dan \$1,200,000 untuk Maksud P. 24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1989.

*Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P. 25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat dan Kota Setar.

6.59 ptg.

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P. 25 di bawah Kementerian Pertahanan seperti di muka surat 20 dan 21, Kertas

Perintah 21A, Tahun 1989, Butiran 00200 Kelengkapan Tentera Darat dengan perbelanjaan tambahan sebanyak \$210 juta.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya di sini memandangkan jumlah penambahan perbelanjaan yang begitu banyak iaitu \$210 juta, saya ingin tahu apakah peralatan yang akan dibeli oleh pihak Angkatan Tentera Darat. Adakah ini sebahagian daripada program untuk mempertingkatkan kewibawaan Angkatan Tentera Darat dengan peralatan yang besar-besaran seperti peluru berpandu permukaan ataupun peluru berpandu di antara permukaan dengan udara bagi memperkuatkan Angkatan Tentera kita dalam mempertahankan negara ini di dalam peperangan conventional ataupun adakah pembelian ini semata-mata pembelian biasa seperti dahulu hanya kepada senjata-senjata ringan seperti rifle dan peluru-peluru caliber kecil.

Saya ingin juga bertanya sama ada dalam perbelanjaan \$210,000,000 itu akan termasuk pembelian peralatan seperti kereta kebal dan juga kereta perisai yang akan digunakan untuk mempertingkatkan mobiliti dan kekuatan Angkatan Tentera Darat khususnya rejimen-rejimen Infantri yang sekarang dikatakan oleh Kementerian Pertahanan sedang ditingkatkan kewibawaannya.

Saya juga ingin tahu sama ada Angkatan Tentera Darat akan membeli senjata-senjata untuk Artilerinya seperti Howitzer, Calibre 155MM yang sangat perlu untuk menangkis segala serangan daripada darat terutamanya dalam peperangan konvensional yang saya rasa tentera kita masih lemah dari segi kewibawaan jika dibandingkan dengan tentera-tentera di negara-negara jiran.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada kegunaan Rifle Armalite M.16 yang sekarang digunakan oleh anggota-anggota Tentera yang saya rasa agak lama dan mungkin telah tiba masanya untuk difikirkan sama ada Rifle Armalite M.16 ini harus diganti dengan jenis raifel-raifel yang lain yang mungkin calibrenya yang sama iaitu Calibre 5.56 MM ataupun dengan calibre-calibre lain yang sesuai dengan keadaan rantau kita dan juga keadaan kelengkapan negara-negara jiran.

Saya juga ingin berkata di sini bahawa kelengkapan tentera kita dari segi peperangan konvensional sangatlah terhad dan kadang-kadang di dalam latihan-latihan bersama di antara Angkatan Tentera Malaysia dengan Angkatan Tentera negara-negara sahabat seperti Australia, New Zealand, Britain, Singapura dan sebagainya kita dapati bahawa pegawai-pegawai tentera kita hanya dapat mengaturkan susunan perang secara teori sahaja dan jarang-jarang secara praktik iaitu dengan menggunakan alat-alat tentera biasa seperti kereta kebal dan juga alat-alat besar seperti meriam-meriam besar Calibre 155,175 dan sebagainya. Kadang-kadang ini memalukan pegawai-pegawai kita apabila diadakan perbincangan strategi, taktik dan sebagainya di peringkat Maktab Pertahanan negara dan juga di luar negeri di mana diadakan latihan-latihan peperangan bersama. Jadi, apabila kita mengatakan satu serangan yang akan dibuat oleh pasukan kereta kebal, maka ini adalah teori sahaja kepada kita oleh kerana kita tidak dapat menunjukkan bagaimanakah kesannya serangan sesuatu rejimen ataupun briged kereta kebal terhadap unit-unit tentera jalan kaki, umpamanya.

Jadi adakah pihak Kementerian Pertahanan bercadang untuk sekurang-kurangnya mengadakan ataupun membeli sebilangan nominal kereta-

kereta kebal untuk mempertingkatkan pelajaran taktik, strategi dan peperangan pegawai-pegawai Angkatan Tentera kita.

Akhirnya saya juga ingin bertanya pihak Kementerian Pertahanan sama ada pihak Kementerian Pertahanan di peringkat markas-markas tertinggi-nya khususnya di peringkat markas Bahagian Lojistik ataupun Pembekalan, sebab Bahagian Lojistik dan Stor Kementerian Pertahanan nampaknya mempunyai tanggungjawab yang agak besar tetapi kekurangan dari segi alat penyelenggaraan. Jadi, saya cadangkan supaya pihak Kementerian Pertahanan mempertingkatkan lagi alat-alat penyelenggaraan seperti membeli lebih komputer-komputer untuk kegunaan pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang bertanggungjawab ke atas Lojistik dan Stor. Banyak barang-barang yang di dalam kawalan Markas Lojistik umpamanya, susah hendak ditentukan di mana letaknya oleh kerana penyelenggaraan stor tersebut adalah kurang cekap oleh kerana sistem yang digunakan agak usang dan tidak menggunakan satu sistem penyelenggaraan yang moden yang menggunakan komputer dan sebagainya.

Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pertahanan menimbangkan perkara ini bagi kepentingan Angkatan Tentera kita dan juga untuk melicinkan segala penyelenggaraan peralatan yang dibeli beribu-ribu juta ringgit tetapi kadang-kadang hilang di dalam rekod, dan kadang-kadang ada pula yang timbul di dalam rekod tetapi tidak ada, ada yang tidak ada dalam rekod tetapi ada di dalam stor.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bayan Baru.

7.05 mlm

**Tuan Peter Paul Dason (Bayan Baru):** Tuan Pengerusi, saya mahu menyentuh sedikit pada Maksud P. 25, Butiran 00200, Butiran 00600 dan Butiran 00800.

Tuan Pengerusi, Kerajaan meminta Dewan ini meluluskan peruntukan tambahan sejumlah \$260,000,000 bagi pembelian kelengkapan untuk Angkatan Tentera. Jumlah tambahan \$260,000,000 ini . . . .

**Tuan Pengerusi:** \$264,000,000.

**Tuan Peter Paul Dason:** . . . . .  
\$264,000,000 ini ialah lebih kurang 250% lebih daripada anggaran asal yang dibuat di bawah perbelanjaan tahun 1989 yang diluluskan oleh Dewan ini dalam bulan November tahun lalu. Anggaran asal bagi Angkatan Tentera adalah sebanyak \$103,750,000.

Tuan Pengerusi, anggaran asal bagi Tentera Darat hanya \$54,200,000 dan kini kita diminta meluluskan jumlah tambahan sebanyak \$210,000,000 dan ini bererti jumlah besar sebanyak \$264,200,000. Ini adalah 5 kali ganda daripada anggaran asal yang diluluskan dalam bulan November tahun 1988.

Anggaran asal bagi tentera Udara bagi tahun 1989 adalah sebanyak \$20,500,000. Kini kita diminta meluluskan wang tambahan sebanyak \$36,000,000 untuk Tentera Udara dan ini menjadikan jumlah sebanyak \$63,250,000 bagi Tentera Udara ialah lebih 2 kali ganda daripada peruntukan asal.

Saya hairan bagaimanakah pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan membuat anggaran mereka tiap-tiap tahun. Tahun dahulu datang di Dewan ini minta sejumlah \$103,750,000 sahaja dan sekarang minta tambahan yang besar iaitu \$264,000,000.

Ini menunjukkan Kementerian ini dan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan bila mereka buat anggaran-anggaran Kementerian itu tidak ada proper forward planning, dengan izin, dan saya haraplah pada masa yang akan datang Kementerian Pertahanan tidak datang ke Dewan ini minta lagi satu tambahan. Bagaimanakah Kementerian Pertahanan buat anggaran mereka?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap di atas dasar. Di bawah Peraturan 67 (9) hendaklah bercakap di atas butir-butir. Saya minta ya?

**Tuan Peter Paul Dason:** Sentuh sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sedikit apa, daripada mula sampai sekarang.

**Tuan Peter Paul Dason:** Apa yang saya ingin tahu ialah mengapa terdapat keperluan secara tiba-tiba untuk membeli lebih banyak kelengkapan untuk Tentera Darat dan Tentera Udara. Apakah terdapat apa-apa perubahan dalam keadaan politik, tentera atau keselamatan di rantau ASEAN semenjak bulan September tahun lalu yang memerlukan pembelian besar kelengkapan-kelengkapan secara tiba-tiba untuk Angkatan Tentera kita, khasnya Tentera Darat dan Tentera Udara. Sekiranya terdapat. . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di atas dasar. Sepatutnya Yang Berhormat bercakap pada masa bacaan kali yang kedua. Saya tidak patut benarkan Yang Berhormat berucap begitu.

**Tuan Peter Paul Dason:** Apa saya mahu tahu ialah apa. . . .

**Tuan Pengerusi:** Tahulah, tetapi bercakaplah pada masanya, bukan dalam peringkat Jawatankuasa.

**Tuan Peter Paul Dason:** Jika ada situasi yang sudah tukar, bolehkah Menteri yang berkenaan memberi tahu apakah justifikasi untuk meningkatkan perbelanjaan dalam pembelian alat-alat kelengkapan tambahan.

Tuan Pengerusi, maklumat yang diberi kepada Dewan ini mengenai amaun tambahan sebanyak \$264 juta untuk Angkatan Tentera ialah ianya diperlukan untuk membiayai pembelian alat-alat kelengkapan. Tuan Pengerusi, tentulah Dewan ini berhak untuk diberitahu apakah alat-alat kelengkapan yang telah atau akan dibeli oleh Angkatan Tentera kita. Bolehkah Menteri yang bertanggungjawab memberi tahu Dewan ini butir-butir lanjut mengenai alat-alat kelengkapan ini. Saya berharap Menteri yang bertanggungjawab tidak akan menjawab bahawa beliau tidak dapat memberi butir-butir lanjut tentang alat-alat kelengkapan yang dibeli kerana maklumat itu adalah rahsia. Jawapan seperti ini tidak boleh diterima kerana maklumat-maklumat tersebut, saya percaya, sudahpun berada dalam tangan pihak CIA, KGB, M15 dan lain-lain badan perisikan negara-negara lain. Mengapakah maklumat-maklumat yang sudah pun diketahui oleh badan badan perisikan lain-lain negara dirahsiakan daripada pembayar-pembayar cukai kita yang menanggung perbelanjaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong.

7.14 mhm.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Kod 00200—Kelengkapan Tentera Darat. Wang ini akan menampung pembelian alat-alat kelengkapan yang perlu dibayar dalam tahun 1989. Adakah bayaran dibuat berkaitan dengan penambahan meriam dan penangkis kapalterbang daripada

Britain dan Switzerland pada bulan Mac lalu yang bernilai \$259 juta. Jika tidak, maka pembelian jenis apakah yang dibiayai?

Mengikut Belanjawan Persekutuan 1989 kira-kira \$15.827 juta sudah pun dibelanjakan menjelang akhir tahun 1987 daripada belanjawan Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$121 juta. Anggaran bagi tahun 1988 ialah \$14.2 juta, manakala anggaran asal untuk tahun 1989 hanya \$54.2 juta, maka kesemuanya lebih kurang \$36.77 juta masih tertinggal daripada peruntukan asal Rancangan Malaysia Kelima. Di manakah Kerajaan memperoleh wang tambahan hampir \$247 juta untuk menyediakan peruntukan \$210 juta kepada tentera darat kita. Berapa banyakkah lagi yang perlu diperuntukkan sebelum Rancangan Malaysia Keenam?

Tuan Pengerusi, Kod 00600—Kelengkapan Tentera Udara, jumlah wang yang dikehendaki menampung pembelian alat-alat kelengkapan perlu dibayar dalam tahun 1989 ialah \$36 juta. Bolehkah Kerajaan menjelaskan bentuk pembelian yang terlibat? Seperti dalam kes peruntukan pembangunan bagi kelengkapan Tentera Darat, perbelanjaan kelengkapan Tentera Udara juga telah melebihi peruntukan asal belanjawan Rancangan Malaysia Kelima. Dalam perbelanjaan tersebut \$138.82 juta diperuntukkan. Menjelang tahun 1987, \$56.106 juta sudah dibelanjakan sementara anggaran bagi kedua-dua tahun 1988 dan 1987 masing-masing bernilai \$27.5 juta dan \$27.25 juta, akibatnya hanya 27.9 juta yang tinggal kini dengan peruntukan tambahan \$36 juta andaiannya sebahagian adalah dibiayai oleh baki belanjawan Rancangan Malaysia Kelima, maka daripada manakah datangnya jumlah selebihnya iaitu \$8.06 juta. Berapa banyakkah wang yang masih dikehendaki untuk membiayai pembelian alat kelengkapan dalam

tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini? Apakah langkah mengurangkan serta mengawal perbelanjaan di Kementerian tersebut? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.17 m/m.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) di peringkat Jawatankuasa di bawah Kepala Kementerian Pertahanan. Saya tidak bercadang untuk memberi jawapan kepada semua perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Walau bagaimanapun kepada perkara-perkara yang mungkin saya tidak dapat jawab oleh kerana kesuntukan masa, saya akan mengambil ingatan dan mengkaji dengan sewajarnya oleh Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah menyentuh mengenai pembelian alat-alat kelengkapan untuk Tentera Darat. Sebenarnya peruntukan \$210 juta ini ialah untuk projek artillery 155 milimeter. Pembelian artillery 155 milimeter ini adalah untuk kegunaan menembak ke jarak 24 kilometer berbanding dengan meriam 105 milimeter yang sedia wujud hanya sejauh 10 kilometer sahaja. Ia juga boleh digunakan khusus untuk menembak balas meriam, mortar dan roket musuh. Ini adalah kerana ia mempunyai kekuatan tembakan kadar yang tinggi dan mempunyai mobiliti. Pembelian 155 milimeter meriam yang saya sebutkan awal tadi. Tujuannya ialah untuk memberi bantuan kepada Pasukan Infantri dan Armour, juga untuk bantuan tembakan dari segi fire power kepada Regiment Bantuan

Rapat serta melaksanakan tugas, dengan izin, counter battery fire.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ingin tahu butlr-butir lanjut mengenai pembelian alat-alat pertahanan. Saya tidak dapat menyenaraikan setiap item alat-alat yang dibeli kerana ianya agak panjang tetapi saya dapat beri secara kasar jenis alat-alat tersebut iaitu seperti di dalam senarai ini. \$36 juta ialah untuk jet eksekutif Falcon 900, bukan jet pejuang seperti yang disangka oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP, dan juga \$18 juta . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan, Tuan Pengerusi. Mengapa memerlukan jet eksekutif", untuk siapa?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Jet Eksekutif Falcon 900 ialah untuk kegunaan Kerajaan Malaysia, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan juga VVIP dari luar negeri. Dan \$18 juta itu ialah untuk Projek Senapang Temporal yang baru yang akan dibuat atau diassemble di Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya berasa hairan bahawa Yang Berhormat dari Bayan Baru sudah lama menjadi Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tetapi beliau nampak tidak memahami peraturan-peraturan Belanjawan Negara kita dan beliau telah menimbulkan panjang masa ucapannya ialah berkenaan dengan prosedur ini dan saya ingin beri nasihat kepada beliau supaya belajar daripada rakan-rakan beliau dalam Parti DAP sebelum membuat criticism yang kebudak-budakan di Dewan ini. Terima kasih.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan-soalan saya, belum lagi, itu soalan yang betul.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$264,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 25 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$264,000,000 untuk Maksud P. 25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud P. 27 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1) 1989—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 27 di bawah Kementerian Luar Negeri dibuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kota Setar.

*7.23 mlm.*

**Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar);** Tuan Pengerusi, saya mcrujuk kepada Maksud P. 27 Kementerian Luar Negeri di bawah Butiran 00100 Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut dengan tambahan perbelanjaan sebanyak \$96 juta.

Tuan Pengerusi, mengikut nota yang disediakan perbelanjaan ini adalah untuk membina Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo. Oleh kerana angka ataupun harga \$96 juta itu dianggapkan agak besar, saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar Negeri apakah rasionalnya untuk perbelanjaan itu dibuat sekarang walaupun jawapannya mungkin kerana keperluannya adalah agak lama maka tahun ini baru dibuat. Tetapi adakah Kementerian Luar Negeri bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai diplomatik tambahan di Kedutaan Malaysia di Tokyo bagi menampung keperluan kepentingan negara ini dalam berbagai

bidang, seperti bidang ekonomi di rantau Asia Pasifik selain daripada bidang ekonomi dan diplomatik yang dituju khusus kepada negara Jepun.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya sama ada Kementerian Luar Negeri memiliki tanah dan bangunan yang sedia ada yang dijadikan Kedutaan Besar kita di Tokyo dan sekiranya bangunan ini adalah kepunyaan kita kenapa pula apabila hendak dibuat satu kedutaan baru untuk memperbesarkan lagi kemudahan-kemudahan, kenapa pula harganya agak begitu tinggi. Dan adakah Kementerian Luar Negeri bercadang untuk membina lagi kedutaan-kedutaan kita di luar negeri selain daripada Tokyo dan kalau ada, apakah rancangan-rancangan ini hanya khusus untuk negara-negara yang besar ataupun maju sahaja seperti di Amerika Syarikat, di Britain, di Perancis, di Jerman Barat dan sebagainya.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong.

*7.26 mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Butiran 00100, Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut. Pada Belanjawan tahun 1989 kesemua peruntukan pembangunan bagi Butiran ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima sudahpun dibuat, iaitu daripada tahun 1986 hingga 1989 sejumlah \$61.2 juta maka peruntukan \$96 juta itu berupa terlebih belanja. Apakah penjelasan Kerajaan dalam hal ini memandangkan peruntukannya di bawah Rancangan Malaysia Kelima sudahpun habis digunakan. Dan dengan tambahan peruntukan \$96 juta adakah Kerajaan Persekutuan masih perlu memberi peruntukan tambahan dalam Belanjawan 1990. Apakah usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengawal dan

mengurangkan perbelanjaan berlebihan di dalam Kementerian ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat.

7.27 *mlm.*

**Tuan Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan P. 27, Kementerian Luar Negeri, Butiran 00100 yang bertajuk Pejabat-pejabat dan Bangunan di Seberang Laut yang berjumlah \$96 juta.

Saya suka menyokong Belanjawan ini kerana memandangkan kalau kita tidak buat sekarang mungkin dengan kejatuhan nilai matawang kita, kita akan terpaksa berbelanja lebih.

Selain daripada itu, saya ingin juga mencadangkan supaya pihak Kementerian memikirkan juga untuk membina bangunan-bangunan atau membeli bangunan-bangunan di seberang laut di tempat-tempat lain seperti di Amerika Syarikat dan di Jakarta misalnya, di mana-mana kita mempunyai hubungan yang begitu rapat kerana selama ini Kerajaan kita hanya menyewa hampir kesemua bangunan untuk kegunaan pejabat dan tempat tinggal wakil-wakil atau diplomat-diplomat kita di luar negeri dengan membelanjakan belanja yang begitu banyak, lebih-lebih lagi dengan kejatuhan nilai matawang kita bebanan ini amatlah dirasakan. Jadi saya berharaplah pihak Kerajaan memikirkan bahawa sudah sampai masanya bagi kita merancang untuk membina lebih banyak lagi bangunan kita di seberang laut. Pada masa ini mungkin kita belum mampu untuk membina bangunan yang banyak di banyak tempat, tetapi buat permulaan selain daripada di London dan Tokyo, di Amerika, di Perancis dan di Jakarta juga perlu kita fikirkan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Arau.

7.29 *mlm.*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyokong. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa semasa taklimat dahulu kami dimaklumkan bahawa bangunan lama di Tokyo itu telah dijual dan harganya berpuluh kali ganda tinggi daripada harga asal, malah bangunan baru ini yang diminta daripada Kerajaan ini harganya adalah lebih rendah daripada harga yang dijual bangunan yang berkenaan. Mungkin peraturan Kerajaan yang menghendaki semua revenue masuk dahulu, kemudian kita keluar. Tetapi kalau sekiranya itu betul, saya ucap tahniah tetapi kalau tidak betul, saya juga seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar hendak minta apakah rasionalnya kita berbelanja dengan begitu tinggi.

Saya juga bersetuju supaya kita juga memberi perhatian kepada pejabat kita yang lain, contohnya di New York secara spesifik, sebab dahulu saya percaya Kementerian ini telah berjanji untuk membina bangunan baru oleh kerana menyewa ini lebih mahal dalam jangka panjang kerana dalam masa yang sama juga adalah amat tidak sesuai kalau sekiranya Wakil-wakil kita di luar negeri menyewa bangunan-bangunan yang lain. Walaupun kita tidak perlukan CIA, tidak perlukan "spy" dan sebagainya tetapi sedikit sebanyak "spy" kita yang ada ini perlu juga tempat sendiri, kalau tidak mudah orang intip dan sebagainya. Benda sendiri ini senang dipakai, hak orang ini amat sukarlah kita hendak pinjam dan sebagainya dan mungkin harganya adalah berdasarkan kepada kadar kedudukan matawang kita yang tidak stabil dan boleh menjejaskan masa depan dari segi jumlah peruntukan yang harus dibelanjakan. Itu sahaja pertanyaan saya dan saya menyokong

supaya kita belinya terus. Jangan kira DAP hendak sokong atau tidak sokong—itu dia punya asal. Tetapi kita akan membeli terus untuk memastikan imej dan identiti kita di luar negeri terjamin dan dikenal di dunia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*7.31 mlm.*

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, lebihnya kepada mereka yang telah menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan bagi Kementerian Luar Negeri.

Saya ingin menjelaskan bahawasanya pihak Kerajaan membelanjai wang untuk membeK bangunan di seberang laut adalah mengikut keadaan-keadaan yang tertentu mengikut kemampuan kita dan juga keadaan harga tanah atau harta semasa. Oleh kerana kita semua tahu bahawasanya, seperti yang telah pun dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, yang mana menyewa itu adalah satu perbelanjaan yang agak membazirkan yang tidak langsung membawa balik keuntungan kepada kita walhal kalau kita beli bangunan-bangunan kita sendiri maka ianya akan naik nilai dari masa ke masa dan wang yang kita gunakan untuk membeli bangunan itu akan dapat pulangnya dalam masa jangka panjang. Tetapi walaupun hasrat kita untuk mempunyai bangunan yang tersendiri di semua Kedutaan kita di luar negeri tetapi kita terpaksa mengikut keadaan-keadaan yang tertentu daripada segi kemampuan kita di peringkat Kementerian Kewangan yang menentukan tentang berapa banyakkah peruntukan yang perlu dan

boleh diberikan bagi tujuan untuk membeli bangunan-bangunan kita di luar negeri.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kota Setar dan dari Arau telah menekankan tentang masalah projek bangunan kita di Tokyo. Saya ingin menjelaskan di sini bahawasanya projek di Tokyo itu adalah satu di antara rancangan-rancangan Kementerian Luar Negeri supaya Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri mempunyai bangunan pejabatnya, kediaman rasmi Ketua Perwakilan serta juga untuk kakitangan kita pada keseluruhannya.

Selain daripada di Tokyo, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat, ketika ini Kementerian Luar Negeri sedang dalam proses untuk melaksanakan beberapa projek di Singapura, di Jakarta, di Medan, di Kuwait dan di Brunei. Pada keseluruhannya kita mempunyai 26 buah rumah kediaman rasmi Duta Besar di seluruh dunia, 20 bangunan Chancery dan 63 unit kediaman kakitangan.

Projek pembinaan kediaman rasmi Duta Besar, pejabat Chancery dan rumah kediaman kakitangan di Tokyo dijangka dapat dimulakan kerjanya pada akhir tahun ini dan ianya dijangka akan siap pada awal tahun 1991. Keseluruhan pembiayaan projek ini adalah daripada hasil jualan hartanah kita di Tokyo iaitu yang telah dapat kita jualkannya dengan harga sebanyak 11,046 billion Yen bersamaan dengan M\$227.67 juta. Bagi pembinaan semula kediaman rasmi Duta Besar, pejabat Chancery dengan 5 unit apartment ianya akan didirikan di atas satu tapak di mana bangunan Chancery yang ada sekarang, manakala bagi pembinaan sebuah pangsapuri yang akan mengandungi 24 apartment akan didirikan di atas satu tapak yang berasingan yang dibeli oleh Kerajaan dengan harga \$97 juta. Harga bagi kesemua bangunan ini adalah sebanyak 6,010 billion Yen bersamaan

dengan M\$125 juta. Projek ini apabila ianya disiapkan dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dari segi sewa sebanyak \$400.000 sebulan atau lebih kurang \$4.8 juta setahun. Selain daripada itu projek di Tokyo ini apabila ianya siap kelak akan juga mengandungi sebuah Dewan yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan bagi tujuan mesyuarat, taklimat dan perundingan. Dele-gasi-delegasi dari Malaysia boleh menggunakan kemudahan-kemudahan ini dan ini sudah tentu akan dapat menjimatkan lagi wang Kerajaan kerana kadar sewa bagi penggunaan kemudahan-kemudahan seperti itu di Tokyo adalah begitu tinggi sekali.

Bagi menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan Tokyo juga, projek ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Shimuzu yang mana syarikat ini ialah sebuah syarikat yang terbesar di Jepun dan mereka telah membuat tawaran yang paling baik daripada segi harga, tempoh siap dan mempunyai pengalaman yang luas jika dibandingkan dengan kontraktor-kontraktor yang lain yang telah membuat tawaran.

Daripada segi bilangan kakitangan di Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo ianya terdiri daripada pegawai-pegawai Wisma Putra, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, MIDA, TDC dan wakil RRI. Bilangannya adalah seperti berikut: Wisma Putra—18 orang, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian—4 orang, Kementerian Pendidikan—3 orang, MIDA—3 orang, TDC—2 orang dan RRI seorang. Manakala bilangan kakitanganambilan tempatan adalah seramai 41 orang. Kesemua pegawai-pegawai ini akan ditempatkan di bawah satu pejabat apabila projek di Tokyo itu siap kelak.

Bangunan Chancery ini apabila siap nanti akan mengandungi kemudahan-kemudahan pejabat yang lengkap termasuk alat komunikasi yang baru seperti Telex, Fax dan radio serta 26 unit komputer bagi kegunaan pegawai-pegawai Perwakilan kita di Tokyo. Di samping itu pegawai-pegawai yang akan tinggal di 24 unit apartment yang akan dibina itu dapat menjimatkan masa perjalanan ke pejabat kerana jarak di antara pejabat dan tempat kediaman mereka hanya 10—minit perjalanan sahaja.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong minta jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta jalan, Tuan Pengerusi. Adakah ini bermakna bangunan itu yang terbesar dari segi Kedutaan Malaysia di seluruh dunia.

**Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kemungkinan besar, setelah ianya siap mungkin merupakan satu kompleks yang paling besar didunia bagi negara kita.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya projek pembiayaan ini akan dapat dibiayai dengan sepenuhnya dengan hasilan yang dapat kita punguti melalui penjualan hartanah kita yang sedia ada, malah mungkin ada sedikit baki daripada untung yang dapat kita simpankan ataupun digunakan balik untuk kegunaan Kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, saya kira itulah sahaja yang dapat saya sampaikan dari segi apa sahaja hujah-hujah yang telah pun disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$96,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 27 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$96,000,000 untuk Maksud P. 27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud B. 29 [Jadual Pertama]—*

*Maksud B. 30 [Jadual Kedua]—*

*Maksud P. 31 [Anggaran Pembangunan [Tamb.] [Bil..1] 1989—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 29, B. 30 dan P. 31 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

7.40 mlm.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong);** Tuan Pengerusi, B. 29 Kod 50000—Perbelanjaan-perbelanjaan Lain. Di bawah tambahan peruntukan ini sebanyak \$20,771,000 dikatakan perlu bagi menambah peruntukan bayaran balik hasil untuk melaraskan akaun buku tunai dan hasil Kerajaan yang terlebih dinyatakan dalam tahun 1983.

Pertama sekali mengapakah penyelarasan akaun buku tunai dan hasil Kerajaan hanya dibuat dalam tahun 1988, sedangkan perkara terlebih nyata itu berlaku dalam tahun 1983, lima tahun sahaja, Tuan Pengerusi. Memandangkan kelegahan Kerajaan menyelaraskan akaunnya maka berapa jumlah wang yang masih perlu diperuntukkan lagi untuk tujuan yang sama.

Setahu saya Laporan Ketua Audit Negara 1986 masih merekod teguran mengenai jumlah baki wang tunai di dalam Penyata Kewangan Akhir Tahun 1986. Adalah terlebih diambil kira sebanyak \$65.7 juta, berapa urusan kewangan yang jumlahnya bukanlah kecil, malahan berpuluh-puluh juta nilainya ketinggalan.

Misalnya bayaran berjumlah \$131.8 juta pada tahun 1986 dan \$44.62 juta

dalam tahun-tahun sebelumnya tidak diambil kira sungguhpun amaun itu sudah didebit ke Akauntan Negara. Dalam keadaan sebaliknya akaun awam menerangkan nyata baki wang tunai dan simpanan tetap yang sebenarnya dipegang oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Jumlah sebenarnya ialah \$143.7 juta tetapi yang dicatatkan dalam akaun awam hanyalah \$89.78 juta. Keadaan perakaunan ini kurang membayangkan pertanggungjawapan kewangan Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.45 mlm.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah menyentuh berkenaan dengan P. 29 berhubung dengan jumlah wang yang salah dikreditkan kepada akaun yang lain yang sekarang ini diminta bagi Dewan yang mulia ini meluluskan wang sebanyak lebih kurang \$20 juta dikreditkan semula kepada akaun yang berpatutan. Nampaknya bahawa kesilapan ini adalah kesilapan yang telah berlaku di dalam tahun 1983. Hanya sekaranglah yang Kerajaan minta bahawa perkara ini dibetulkan. Saya tidak dapat memberi penjelasan mengapa ini berlaku. Walau bagaimanapun, saya akan panjangkan apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat kepada pihak yang berkenaan supaya kesilapan ini tidak berulang lagi dan atas lain-lain perkara yang telah disentuh mengenai pandangan-pandangan yang telah disuarakan, saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$20,771,000 untuk Maksud B. 29 jadi sebahagian daripada

Jadual Pertama; dan \$126,603,409 untuk Maksud B. 30 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Kewangan hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,771,000 untuk Maksud B. 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$126,603,409 untuk Maksud B. 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,430,000 yang disebutkan dalam maksud P. 31 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak 54,430,000 untuk Maksud P. 31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud P. 33 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

7.45mlm.

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh pada Maksud P. 33, Butiran (Projek) 01200—MIDF.

Kita mengakui peranan MIDF khasnya dari segi membantu usahawan-usahawan kecil. Oleh itu saya bersetuju dan menyokong permintaan sebagaimana yang dipohon di dalam Butiran ini. Sungguhpun begitu, saya ingin mengingatkan iaitu MIDF sepatutnya dapat menentukan supaya usahawan-usahawan kecil ini dapat diberikan bukan sahaja

pinjaman, tetapi juga diberikan bimbingan, kerana yang penting di sini bukan dari segi jumlah kewangan yang perolehi dan berapa ramai usahawan kecil yang menerima faedah tetapi yang lebih penting ialah sejauh manakah usahawan-usahawan yang menerima faedah ini dapat menjalankan usaha-usaha mereka dengan berjaya dan berkesan. Dan di dalam hal ini, saya percaya syarat-syarat bagi mendapatkan pinjaman ini ditentukan oleh MIDF dan saya berharap supaya syarat-syarat yang tidak terlalu ketat tidak dikenakan dan butir-butir yang tidak terlalu rumit diminta dan seterusnya proses di dalam permohonan juga sepatutnya tidaklah memakan masa yang mungkin disebabkan perkara ini boleh mengendalakan usaha-usaha usahawanini.

Selain daripada itu biasanya peminjam-peminjam ini selepas meminjam, mereka akan menjalankan usaha-usaha tersendiri. Saya fikir bagi menentukan kejayaan mereka, pegawai-pegawai di dalam MIDF sepatutnya juga mengambil kira dari segi usaha-usaha mereka ini dalam bentuk jangka panjang dan juga jangka pendek dan sentiasa sepatutnya mereka ini memberikan bimbingan, memberikan latihan iaitu dengan sentiasa mengikuti perkembangan mereka. Dan MIDF sepatutnya bukan bersifat sebagai satu badan yang memberi, kemudian ingin melihat kelemahan. Sepatutnya MIDF mesti sentiasa menggalakkan dan memberikan bimbingan kepada usahawan-usahawan ini. Dalam peruntukan yang dipohon, saya ingin tahu berapakah jangkaan Kementerian bagi pengusaha-pengusaha yang akan dapat menerima faedah daripada peruntukan yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja yang ingin saya sampaikan dan saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Arau.

7.50mlm.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh fasal Kementerian ini iaitu MIDF. Ada suatu perangai bank sekarang, mungkin perangai semua bank termasuk MIDF. Saya setuju dengan rakan saya dari Pagoh tadi iaitu mereka mencari kelemahan, selepas itu membuat teguran seolah-olahnya kalau mereka itu masuk berniaga dalam pasaran, mereka itu boleh berjaya dan kaya raya.

Saya hendak beritahu kepada MIDF dan juga Yang Berhormat Menteri, berapa banyak orang-orang yang bercakap besar, sama ada pegawai-pegawai Kerajaan atau pegawai bank, berhenti kerja dan berniaga lebih teruk daripada kami yang duduk berniaga secara merangkak-rangkak. Jadi, saya setuju supaya diberikan bimbingan terutama sekali kepada peniaga Melayu, jangan kita kata Melayu tak erti berniaga dan sebagainya. Yang kata ini pun Melayu, Ahli dari Kepong jangan bimbang. Yang kata ini pun Melayu kepada Melayu. Melayu tak tahu berniaga, bodoh dan sebagainya, cepat bankrap tetapi kalau dia sendiri berniaga cepat mampus daripada kita ini. Itu bahasa yang sesuai. Sudah banyak, berapa orang pegawai Kerajaan yang masuk berniaga bersama saya, dia lebih cepat terjun daripada kita. Lain kali saya katakan, benda yang berlaku di padang itu adalah lain daripada apa yang terdapat di dalam buku. Saya pun baca buku juga, saya dapat tiga degree tetapi tak sama dengan yang saya berada di padang sekarang. Susah!

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di atas tajuk apa itu?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Bukan, ini di bawah MIDF.

**Tuan Pengerusi:** Tajuk itu tak bersangkutan pun dengan perbelanjaan yang diuntukkan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, dia beri pinjaman program usahawan kecil dari Bank Dunia. Program ini, mereka ini patut diberikan bimbingan, janganlah beri teguran yang macam itu. Tetapi Tuan Pengerusi, sudah beri dia bercakap, saya pun hendak cakap perkara yang sama. Jadi, kita patut beri bimbingan, saya percaya Dato Menteri oleh kerana banyak Kementerian di bawah kawalannya, beliau tak boleh menjawab untuk mempertahankan. Saya minta beliau menjawab untuk menyasat.

Tadi saya sentuh fasal PERNAS dan Timbalan Pengerusi yang saya tuduh tidur, sekarang dia tidak tidur dan berjanji hendak ambil tindakan, termasuk kepada Dato Menteri, saya minta tolong siasat. Saya memuji peranan Bank Pertanian dan juga Bank Pembangunan yang juga di bawah kawalan Dato Menteri, yang saya rasa dari segi proses dan sebagainya patut dibuat cepat. Tak beripun buat cepat, beri pun buat cepat. Ini MIDF bukan program ini sahaja, tetapi skim yang hendak bantu bumiputera \$500 juta itu, apakah yang dibuat sekarang? Mengarut sahaja, saya ingat lebih diberikan kepada orang atau bank yang boleh membuat kerja ini, tetapi apa yang mereka tahu hanya mencari kesalahan peniaga. Kalau sekiranya mereka itu boleh hidup tak payah buat skim ini.

Sekarang ini di masa itulah mereka hendak mencari kesalahan, daripada skim ini dibuat dalam setahun, saya hendak bertanya Tuan Pengerusi, berapa juta ringgit yang telah dibelanjakan? Tak sampai \$50 juta, saya rasa sampai hari kiamat pun tak habis belanja. Sebab apa, kerana diberi kepada MIDF. Jadi saya minta Dato Menteri yang saya kasihi, kerana beliau rajin bekerja, dinamik dan sebagainya berilah perhatian kepada perkara ini. Kalau MIDF tak boleh buat

kerja, berilah kepada bank yang boleh buat kerja.

Kita beri masa proses dua minggu supaya orang puas hati, lepas itu antara syarat-syarat MIDF pula berlainan daripada Bank Pertanian dan Bank Pembangunan. Dia beri pinjaman 60%, Tuan Pengerusi, bank lain 80%. Jadi, macam mana sebenarnya. Kalau orang sudah kaya, mereka tak periu pergi pinjam kepada bank. Soal hendak pinjam 80%—60% ialah soal cara-cara hendak buat kertas kerja. Kalau kita pandai buat kertas kerja, walaupun dia beri 60%, tetapi keadaan yang sebenarnya kita dapat 120%. Itu bohong sahaja—saya pun tahu buat kerja itu tetapi saya tak mahu tipu bank, tak mahu tipu Kerajaan. Ini ceritanya. Kalau orang yang betul-betul ikhlas, dia buat kertas kerja dia dapat 60%, kalau "pandai" buat dia dapat 120%, 20% lagi dia sapu buat modal. Jadi kadang-kadang banyak orang sekarang ini dengan tangan kosong, pergi berniaga tak payah banyak modal. Kalau kita sudah ada banyak modal, tak payah cari pinjaman bank, kita buat sendiri sahaja.

Saya sendiri, kalau modal banyak, saya bertaubat untuk pergi ke bank. Buat apa buat mengarut dengan bunga dengan cerita halal-haram semua, Tuan Pengerusi. Tetapi oleh kerana duit ini duit Kerajaan, dan duit ini duit Bank Dunia pula, diberikan melalui institusi ini digunakan sepenuhnya untuk membimbing usahawan. Kementerian Dato Menteri telah berjaya membimbing usahawan, dan saya minta supaya ditambahkan.

Ini teguran yang membina, Tuan Pengerusi, cuma bahasa saya tinggi sedikit sebelah petang ini. Dan, pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab pun sudah semakin kurang sekarang, Menteri menjawab pun tidak bersemangat, saya minta lain kali berilah peluang masa yang panjang, supaya kita dapat bincang dengan serius. Ini seolah-olahnya kita

dipaksa untuk setuju, suara setuju pun sudah periahan sekarang, Tuan Pengerusi. Saya harap semua pegawai-pegawai hadir dan dengan teguran ini, kita hendak tegur, jangan pergi belanja dahulu, kemudian mereka cari kita untuk suruh luluskan.

Sekarang kalau kita semua tak hadir, siapa hendak luluskan? Mereka belanja sedap-sedap, masa hendak meluluskannya, semua balik. Yang kami terpaksa tunggu. Kalau macam ini punya cerita teruklah, saya hendak rekod dalam Parlimen, saya tegur perkara ini habis-habisan pegawai Kerajaan dan juga pegawai-pegawai bank yang mesti bertanggungjawab di atas apa yang mereka buat. Bimbinglah terutamanya bumiputera, sebab bumiputera sekarang ini nama sahaja bumiputera, Chairman sahaja bumiputera, hak yang lain-lain itu dipunyai oleh orang lain. Oleh itu, supaya jangan tercatat hanya dalam buku sahaja bumiputera sudah dapat penyertaan 18%, itu bohong sahaja, Tuan Pengerusi. Mana ada 18%, cuma Chairman seorang sahaja dapat gaji \$1,000 sebulan. Hak yang lain-lain itu semua cerita tak betul. Ini cerita pengiktirafan bumiputera dan bukan bumiputera ini fikirkan balik, itu tak betul. Yang dimaksudkan bumiputera dan bukan bumiputera ini dalam senarai pendaftaran syarikat, itu tak betul ceritanya.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah. Yang Berhormat Menteri. sila jawab.

7.56 *mlm.*

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi bangun untuk memberikan teguran-teguran mereka, Saya ucapkan terima kasih kerana begitu bersemangat sekali. Dan saya menerimanya dengan bersemangat juga Tuan Pengerusi.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya memanglah akui kalau kita berikan pinjaman itu perlu kita memberi bimbingan dan latihan dan sebagainya. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli dari Pagoh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Arau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, setakat 30hb April 1989 ini MIDF telah meminjamkan sebanyak \$22,826,039 kepada sejumlah 146 peminjam-peminjam.

Tuan Pengerusi, oleh kerana teguran-teguran itu satu persatunya saya tidak dapat menjawabnya, inginlah juga saya memberikan sedikit pandangan. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli dari Sungai Petani bangun, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad (Sungai Petani):** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan, 146 pinjaman yang telah diluluskan, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjejaskan jumlah pinjaman yang ditolak?

**Tuan Pengerusi:** Yang ditolak itu berapa banyak?

**Dato' Napsiah binti Omar:** Yang ditolak 52 jumlahnya, Tuan Pengerusi. Seperti mana Ahli Yang Berhormat mengetahui, tentulah mengambil masa sedikit kerana pegawai-pegawai ini perlu untuk mengkaji sama ada projek itu ada daya majunya ataupun tidak kerana mereka perlu mengutip balik wang yang dipinjamkan itu, kerana wang yang mereka pinjamkan kepada si peminjam itu ada mempunyai kos. Mereka juga mendapatkan wang itu dengan kos, jadi perlu juga mendapatkan balik wang yang telah dipinjamkan kepada peminjam-peminjam ataupun usahawan-usahawan bumiputera.

Walau bagaimanapun, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya akan mengambil perhatian teguran-teguran tadi dan insya Allah kita tengoklah di masa hadapan mungkin gambaran itu akan berlainan. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$32,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 33 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Perusahaan Awam hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$32,000,000 untuk Maksud P. 33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Kepala B. 34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Rantau Panjang.

7.55 mlm.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaakob (Rantau Panjang):** Tuan Pengerusi, saya ingin membahas Maksud P. 34 di bawah Kementerian Kesihatan, Butiran Projek 00200, Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, apa yang saya terima laporan dan pandangan daripada kawasan-kawasan luar bandar masih banyak lagi masalah perkhidmatan kesihatan ini tidak begitu memuaskan terutama sekali masalah bidan-bidan atau klinik-klinik di luar bandar masih banyak kekurangan peralatan, kekurangan kedudukan tempat-tempat rawatan dan sebagainya. Maka ini banyak saya mendapat laporan daripada terutama sekali bidan-bidan yang bertugas di

luar bandar yang melaporkan bahawa kepada mereka belum mencukupi peralatan perkhidmatan demi untuk menjaga kesihatan di luar bandar.

Oleh itu dengan pertambahan projek ini maka diminta kepada Kementerian Kesihatan membuat penelitian lebih mendalam supaya perkhidmatan kesihatan luar bandar ini dapat diatasi dari masa ke semasa.

Begitu juga masalah bekalan air bersih di kawasan luar bandar sepatutnya juga Kementerian Kesihatan dapat menambah lebih banyak lagi supaya penduduk di luar bandar juga dapat minum atau menggunakan air bersih sebagaimana berlaku ataupun sebagaimana wujudnya di kawasan bandar. Kerana masalah air ini juga ialah masalah penting, oleh itu dimintalah supaya demi untuk menjaga kesihatan luar bandar supaya dapat lagi membekalkan air bersih lebih banyak lagi daripada apa yang ada sekarang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
perkerusi Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran Projek 00300, Memperbaiki Kemudahan-kemudahan Kesihatan. Apa juga saya dapat makluman bahawa kemudahan-kemudahan kesihatan ini pun masih lagi tidak begitu mencukupi terutama sekali kemudahan-kemudahan untuk kawasan luar bandar. Umpamanya bangunan-bangunan yang telah ada sentiasa tidak mencukupi peralatannya apa lagi bangunan yang dalam proses pembangunannya, maka didapati bangunan ini selalu terbengkalai pembangunannya dan juga segala proses-prosesnya nampaknya begitu "slow". Oleh hal yang demikian, demi untuk kemudahan-kemudahan kesihatan, saya berharap kepada Kementerian Kesihatan dapat lagi mempercepatkan segala bangunan yang sedang diproses dan juga membuat perhatian segala peraiatan

demi untuk kemudahan kesihatan dapat disempurnakan lebih cepat lagi. Dan juga kawasan-kawasan yang perlu diwujudkan klinik ataupun diwujudkan pusat kesihatan memandangkan pertambahan penduduk dan juga memandangkan perkembangan kampung-kampung di luar bandar supaya kemudahan-kemudahan ini dapat ditambahkan dari masa ke semasa. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pagoh

*8.04 mlm.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 34, Butiran (Projek) 00200 dan 00300. Pertama sekali saya menyokong peruntukan yang dipohon ini kerana kita sendiri sedar bahawa banyak kawasan-kawasan di luar bandar khususnya di kawasan-kawasan pedalaman memang selalu terdesak khususnya dari segi kemudahan kemudahan perkhidmatan kesihatan.

Saya mencadangkan di mana kawasan-kawasan pedalaman yang terdapat kampung-kampung terpencil tetapi mempunyai jumlah penduduk yang ramai dengan menghadapi kesulitan-kesulitan perhubungan yang jauh daripada pekan dan pusat-pusat kesihatan eloklah Kementerian Kesihatan ini mengadakan lebih banyak kemudahan perkhidmatan untuk kesihatan secara bergerak ke kampung-kampung ini. Kerana apa yang saya lihat di kawasan saya sendiri, perkhidmatan ini amat terhad dan banyak kampung-kampung di pedalaman yang sukar untuk mendapatkan khidmat kesihatan ini kerana kedudukannya yang terlalu jauh di kawasan pedalaman dengan jalan-jalan yang begitu teruk keadaannya dan sukar dilalui. Keadaan ini menyulitkan mereka untuk mendapatkan kemudahan

perkhidmatan kesihatan lebih-lebih lagi dalam keadaan yang mencemaskan sama ada siang atau waktu malam.

Selain daripada itu Pusat-pusat Kesihatan juga perlu diadakan di kawasan-kawasan yang didapati semakin ramai penduduknya. Saya beri contoh, misalnya, di satu kawasan yang terdapat banyak rancangan yang baru dibuka khasnya di kawasan-kawasan FELDA, di mana terdapat 3-4 rancangan FELDA dalam satu kawasan, sudah tentulah jumlah pendiuduk dalam kawasan-kawasan FELDA ini menjangkau lebih daripada 3,000-4,000 penduduk. Tetapi tidak ada satu pun pusat Kesihatan untuk perkhidmatan bagi penduduk-penduduk di kawasan-kawasan seperti ini.

Jadi, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji khasnya Kementerian ini dari segi keperluan-keperluan kesihatan bagi keadaan-keadaan yang saya sebutkan.

Selain daripada itu, kemudahan-kemudahan untuk kesihatan iaitu memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan perlu dibaiki. Saya difahamkan ada jururawat-jururawat yang rasa keberatan dan enggan bertugas di kawasan-kawasan luar bandar kerana kemudahan-kemudahan kesihatan yang tidak memuaskan. Dan ada juga jururawat yang bukan sahaja tidak puas hati tetapi mereka ini merasa bertugas di luar bandar ini satu tugas yang berat dan mereka menolak dan enggan bertugas di kawasan luar bandar.

Ada dua kategori yang saya lihat. Satu ialah jururawat yang tidak rasa puas hati berkhidmat di kawasan luar bandar kerana keadaan Pusat Kesihatan yang tidak memuaskan. Yang kedua, jururawat yang memang enggan untuk bertugas di kawasan luar bandar. Jadi, saya harap pihak

Kementerian dapat mengambil perhatian dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong.

8.08 *mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, Butiran 01000, Perkhidmatan Ubat-ubatan dan Setor Perubatan.

Tuan Pengerusi, memang negara kita memerlukan banyak lagi peruntukan untuk memperbaiki hospital-hospital, klinik-klinik dan kemudahan-kemudahan kesihatan yang lain. Walau bagaimanapun, kita tidak seharusnya mengamalkan sikap pemborosan dan pembaziran. Menurut Laporan Ketua Audit Negara tahun 1986, pemeriksaan Audit menunjukkan bahawa stok 34 jenis ubat berharga lebih \$1 juta lambat bergerak atau langsung tidak bergerak. Ubat rosak semenjak beberapa tahun lalu masih disimpan dalam stor. Sejumlah 187,000 biji ubat berharga \$239,360 dibeli di antara bulan November 1985 dan Oktober 1986. Sungguhpun 116,000 biji ubat yang serupa baru dihapuskan dalam tahun 1985, enam jenis ubat bernilai \$335,815 yang sudah luput tetapi terus diguna setelah ujian dibuat dan empat jenis ubat lain yang bernilai \$278,536 dibeli dalam tahun 1979 dan masih disimpan kerana menunggu keputusan mahkamah.

Tuan Pengerusi, kesemua ini merupakan pembaziran wang terutama sekali stok 4 jenis ubat yang bernilai \$278,536 itu kerana kegagalan pihak stor menukar ubatan-ubatan tersebut dengan pembekal apabila didapati baki tempoh kegunaannya adalah kurang daripada dua tahun sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak dan lagi pun syarikat pembekal sudah dibubarkan pada awal tahun 1987. Maka disebabkan oleh kelalaian stor

Kerajaan untuk memeriksa dengan teliti tarikh luputnya kegunaan ubat, sejumlah \$278,536 lenyap sebegitu sahaja.

Tuan Pengerusi, jumlah wang itu mungkin boleh digunakan sebagai perbelanjaan pembangunan tanpa keperluan untuk mendapat peruntukan tambahan daripada Kerajaan. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kementerian dalam hal mengetatkan lagi kawalan keatas pengendalian stor dan makmal ubat yang setakat ini tidak begitu memuaskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

8.11 m/m.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Bismillahir-rahmanirrahim. Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama membincang peruntukan bagi Maksud P.34—Kementerian Kesihatan yang berjumlah sebanyak \$15,842,000 khusus bagi Butiran (Projek) 00200 iaitu Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Saya menyokong dengan sekuatkuatnya di atas saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh sahabat saya dari Rantau Panjang dan dari Pagoh.

Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar sangatlah mustahak. Sebenarnya peruntukan sebanyak \$3,105,000 ini adalah satu peruntukan yang sedikit. Saya cadangkan supaya peruntukan-peruntukan yang akan datang harus dikaji dan diteliti dengan sebenarbenarnya keperluan bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar. Saya rasa sekiranya semua Yang Berhormat pada hari ini dapat melihat filem yang ditunjukkan oleh ICU tentulah Yang Berhormat dan kita yang ada dalam Dewan ini akan menangis melihat betapa sedihnya, betapa susahnyanya orang-orang kampung

untuk hidup, malah untuk terus hidup dan menampung hidup dengan bantuan dari Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, Pusat Kesihatan sangatlah perlu didirikan di kampung-kampung di seluruh Malaysia. Kita lihat kadang-kadang ibu yang mengandung terpaksa melahirkan anak sebelum sampai ke rumah sakit. Kadang-kadang mereka telah menemui ajal kerana tempat dan pusat perkhidmatan tidak ada ditempat mereka. Sekiranya kita bandingkan kehidupan di dalam bandar kita, langkah-selangkah kita akan jumpa klinik, langkah dua langkah lagi kita akan jumpa rumah sakit, hospital atau tempat-tempat yang boleh memberi pertolongan kepada orang-orang yang sakit. Tetapi sekiranya kita pergi ke dalam kampung-kampung dan di desa-desa pedalaman, nescaya kita dapati mereka melangkah bukan selangkah dan dua langkah tetapi kadang-kadang sampai 20-30 batu barulah dapat berjumpa dengan pusat perkhidmatan kesihatan atau dapat berjumpa dengan doktor di hospital-hospital atau di klinik-klinik.

Kalau kita bandingkan kemudahan dan kemewahan yang ada dalam bandar dengan kesusahan orang-orang kampung mendapat rawatan kesihatan amatlah jauh sekali. Yang lebih malang lagi orang-orang kampung itu adalah terdiri daripada orang-orang Melayu dan terdiri daripada orang-orang Islam. Yang malangnya orang-orang Melayu dan orang-orang Islam yang seumpama inilah tertinggal selamanya. Kita menjerit-jerit meminta dengan nada dan harga yang tinggi untuk kemewahan hidup di dalam bandar tetapi kita lupa kepada kehidupan manusia-manusia kecil, kita lupa kepada kehidupan manusia-manusia miskin yang ada di seluruh negara kita ini. Ini adalah satu perkara yang perlu kita semua mengambil perhatian, mudah-mudahan satu masa nanti tidak ada orang-orang kampung, orang-orang susah, orang-orang sakit

menjerit menderita kerana tidak dapat rawatan yang sepatutnya diperolehi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jemput Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya beri kepada 4 orang sahaja, Yang Berhormat, sebab sudah ada ruling tadi. Dijemput Timbalan Menteri menjawab.

8.25 mlm.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih di atas beberapa pandangan yang bernas yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah mendesak untuk lebih banyak lagi klinik-klinik bergerak diwujudkan memandangkan bahawa kawasan-kawasan yang terpencil tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan kesihatan dari klinik-klinik yang statik. Saya memang bersetuju dan Kementerian pun telah mengaturkan perkhidmatan klinik bergerak ini, termasuk juga Flying Doctor Service, dengan izin, di kawasan-kawasan Sabah dan Sarawak di mana kemudahan komunikasi begitu rumit. Kita memang berharap bahawa klinik statik dapat diwujudkan di semua tempat dalam kawasan yang lebih mudah untuk penduduk-penduduk kita menyampainya. Pada masa ini kita boleh mengatakan bahawa di Semenanjung Malaysia, di mana kita telah dapat menjalankan rancangan-rancangan pembangunan dalam bidang kesihatan sejak kita telah merdeka iaitu 32 tahun dahulu, kita dapat mengatakan bahawa kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia mempunyai sebuah unit kemudahan kesihatan baik Klinik Desa, Klinik Bidan ataupun Klinik

Kesihatan dalam lingkungan sejauh lebih kurang 5 batu. Itu adalah satu pencapaian yang amat besar bagi sebuah negara yang sedang membangun. Tetapi Kementerian Kesihatan memang merasa bahawa kemudahan itu belum lagi mencukupi dan bahawa klinik-klinik yang terdapat itu hants ditingkatkan juga dalam perkhidmatan dan kemudahannya.

Saya memang setuju dengan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pagoh, dari Rantau Panjang dan dari Sungai Petani dalam perkara-perkara ini. Kita sedang berusaha dan Kementerian sentiasa memberi keutamaan yang amat tinggi atau tinggi sekali di kalangan rancangan-rancangan Kementerian kepada mewujudkan dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan Kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar ke tahap yang lebih memuaskan. Pada masa Malaysia telah melalui tempoh masa resesi pun rancangan-rancangan pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar dalam bidang kesihatan itu tidak dijejaskan dan terus kita menjalankannya. Beberapa peraturan pentadbiran juga dibuat untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan package perkhidmatan yang terdapat di klinik-klinik di kawasan luar bandar. Ini termasuk metlgubah klinik-klinik bidan itu menjadi klinik desa di mana bukan sahaja perkhidmatan perbidanan dapat dibekalkan, tetapi juga satu perkhidmatan yang lebih luas dari segi kesihatan, termasuk rawatan diperingkat outpatient dapat dibekalkan di klinik-klinik dengan nama baru, iaitu klinik-klinik desa. Dan kita sedang berusaha untuk menempatkan sekurang-kurangnya dua jururawat yang mempunyai latihan dalam bidang perbidanan juga dan bidang-bidang rawatan yang lain di klinik-klinik desa. Untuk kita mencapai tujuan kita ini untuk menukar semua klinik-klinik bidan kepada klinik desa, latihan diberi

kepada bidan-bidan yang terdapat pada masa ini. Saya rasa mutu perkhidmatan akan ditingkatkan beberapa kali ganda di kawasan-kawasan luar bandar dengan memperluaskan kemudahan-kemudahan yang terdapat.

Mengenai bekalan air kepada kawasan-kawasan luar bandar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang tadi, saya memang setuju. Keadaan itu belum lagi memuaskan dan kita sedang memperkuat lagi rancangan bekalan air melalui rancangan yang dibekalkan melalui kontrak Antah Biwater dan juga di mana bekalan air tidak dijadualkan dibekalkan dalam 5 tahun yang akan datang, melalui rancangan air masyarakat dengan pam tangan dan sebagainya dan juga membaiki lagi kemudahan tandas-tandas menjadikan lebih sempurna untuk mencegah penyakit daripada merebak. Jadi, satu rancangan dalam bekalan air yang lebih bermakna sedang diatitkan dan kita harap walaupun kita masih lagi belum mencapai matlamat kita untuk membekalkan air bersih kepada semua penduduk pada masa ini, bahawa dalam 10 tahun atau 12 tahun yang akan datang kita akan dapat mencapai matlamat itu. Dan di Kementerian, kita sedang mengaturkan satu rancangan yang luas dan mempunyai beberapa aspek/sifat yang baru untuk mencapai matlamat itu, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung, estet-estet dan sebagainya dan rancangan itu sedang menunggu keputusan Kerajaan pada masa ini.

Bangunan-bangunan juga sedang dipercepatkan dan peruntukan yang diminta melalui Butiran Projek 00200 itu, Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar adalah untuk memperbanyakkan lagi klinik-klinik desa, klinik lain, mempertingkatkan lagi pusat Kesihatan Fasa 1 dan

sebagainya. Termasuk juga rancangan-rancangan untuk membina klinik-klinik di kawasan-kawasan FELDA. Di kebanyakan kawasan FELDA sudahpun kita mewujudkan pusat-pusat kesihatan, dengan doktor yang ditempatkan sepenuh masa dan rancangan ini akan diperluaskan dan kita harap perkara ini tidak akan dilambatkan lagi. Semua rancangan FELDA atau gugusan-gugusan yang tertentu akan mempunyai kemudahan-kemudahan klinik yang cukup.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, saya ambil ingatanlah perkara itu. Sebenarnya perkara itu telah pun dibangkitkan dalam Laporan Audit dan di Kementerian kita sentiasa berusaha khasnya dalam tahun-tahun yang lalu untuk menentukan bahawa perkhidmatan bekalan ubat kita, stor perubatan dan sebagainya, dibaiki dan simpanan dan juga logistik bekalan ubat-ubat itu diperbaiki sehingga jadi satu yang cekap. Apa yang dilaporkan dalam laporan Audit telah pun diambil ingatan tetapi dalam kes-kes di mana kita merampas beberapa ubat-ubatan daripada klinik-klinik haram dan sebagainya, memang stok itu disimpan untuk digunakan sebagai evidence dalam kes-kes mahkamah yang kadangkala dilambatkan. Jadi, stok itu tidak bolehlah dianggap sebagai stok untuk kegunaan biasa di Kementerian. Lain-lain observation, dengan izin, dalam Laporan Audit itu sudah pun diambil kira dan saya rasa pada masa ini sudahpun dibaiki dari beberapa aspek.

Itu sahaja, saya rasa perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil minat dalam perkara kesihatan ini dan apa yang disebutkan selain daripada apa yang saya jawab telah diambil kira, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang

Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$15,842,000 yang disebutkan dalam Maksud P.34 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Kesihatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,842,000 untuk Maksud P. 34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud B. 39 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.39(Anggaran pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepala B. 39 dan Kepala P. 39 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,000,000 untuk Maksud B. 39 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,000,000 untuk Maksud B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 39 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,000,000 untuk Maksud P.39 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud P.46 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pontian".

8.28 *mlm.*

**Tuan Law Lai Heng (Pontian):** Tuan Pengerusi, saya ingin bersama-sama membahaskan Kepala Pembangunan P.46, Butiran Projek 00500, Kemajuan Kawalan Alam Sekitar.

Saya bersetuju peruntukan yang telah dimohon oleh Kementerian tetapi saya hendak memberikan pandangan kepada Kementerian yang berkenaan iaitu alam sekitar di Pantai Selat Tebrau dan juga pantai barat di Pontian telah sentiasa menghadapi pencemaran air di kawasan itu dan sungguhpun pada tahun-tahun dahulu saya pernah membangkitkan perkara ini tetapi kawalan pun tidak dapat dikawal seperti apa yang dikehendaki. Tetapi malangnya semakin penternak-penternak ikan di kawasan itu mengalami kerugian kerana pencemaran air di sana tidak dapat dikawal seperti apa yang sepatutnya. Jadi saya menyokong dan supaya Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian bagi mengambil langkah-langkah yang boleh positif supaya dapat menjamin pencemaran tidak berlaku di Selat Tebrau dan juga sepanjang pantai barat atau Selat Melaka yang berhampiran dengan Republik Singapura itu tidak dicemarkan lagi. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Maran.

8.31 *mlm.*

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran);** Tuan Pengerusi, saya ingin

mengambil bahagian dalam Butiran (Projek) 00400—Kemajuan Hidupan Liar dan Taman Negara.

Tuan Pengerusi, saya hanya ingin bertanya sebab peruntukan sebanyak \$1,440,000 dikehendaki untuk memajukan kawasan Taman Negara Kelantah, Pahang dan Terengganu. Apakah perkara-perkara ataupun projek-projek yang akan dilaksanakan berhubung dengan peruntukan ini, adakah termasuk juga di bawah peruntukan ini belanja ataupun peruntukan untuk menangkap hidupan liar seperti gajah yang selalu mengamuk di kawasan-kawasan di FELDA dan juga di kampung-kampung lama terutama sekali di negeri Pahang. Kalau sekiranya tidak termasuk belanja sedemikian rupa, apakah Kementerian yang berkenaan tidak memperuntukkan peruntukan yang khusus bagi menangkap gajah-gajah ini, kerana kita dapat semakin hari semakin banyak gajah-gajah telah memusnahkan tanaman-tanaman di rancangan FELDA dan juga di kampung-kampung lama. Perkara ini pernah dilakukan dan di antaranya yang selalu dijawab oleh Kementerian yang berkenaan ialah tidak ada peruntukan bagi menangkap binatang-binatang ini untuk dibawa kepada Taman Negara. Jadi, saya ingin bertanya keadaan-keadaan sedemikian rupa.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bagan.

8.33 *mlm.*

**Tuan Teoh Teik Huat (Bagan);** Saya merujuk kepada Maksud P.46, Butiran 00500—Kemajuan Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, Dewan ini diminta meluluskan tambahan sebanyak \$150,000. Wang sebanyak ini akan digunakan untuk melaksanakan pelan

tindakan perindustrian dan merupakan di bawah Program Penyelidikan dan Pembangunan. Penyelidikan dan Pembangunan ini adalah satu langkah yang tepat sekali kerana dalam keasyikan kita menumpu perhatian ke arah menjadikan negara kita sebagai negara perindustrian dan menggalakkan lebih banyak lagi industri-industri tumbuh, maka selaras dengan ini kita perlu memikirkan apakah kesan-kesan sampingan yang akan diwujudkan oleh industri-industri ini dari segi pencemaran ke atas alam sekitar kita.

Boleh dikatakan selama ini kawalan kita ke atas hal alam sekitar adalah tidak begitu sempurna. Kadar pertumbuhan industri-industri dan pengawalan ke atas alam sekitar kita adalah tidak rata jika kita buat perbandingan. Kita sepatutnya menimbangkan kawalan ke atas alam sekitar kita sesuai dengan kadar pertumbuhan industri-industri, kerana jika ini tidak diimbangkan, saya bimbang negara kita dan rakyatnya akan terpaksa menanggung satu risiko yang tinggi dari segi pencemaran.

Kita telah banyak mendengar lewat ini akan hal-hal seperti terdapat industri-industri yang tidak bertanggungjawab membuang sisa-sisa pengeluaran mereka sesuka hati ke dalam sungai-sungai, tempat-tempat yang berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan dan bermacam-macam lagi dan ada kala sisa-sisa yang dibuang ini amatlah merbahaya dan menjadi racun.

Di sini suka saya membangkitkan satu perkara yang spesifik di mana ada tempat-tempat simpanan atau tapak pembuangan tahi-tahi bijih yang dibenarkan tanpa satu pengawalan yang rapi. Tempat yang saya maksudkan ialah tapak simpanan tahi bijih Jalan Bagan Luar, Butterworth di kawasan saya dan satu lagi ialah timbunan tahi bijih di bawah Stadium Bandaraya Pulau Pinang. Di Jalan

Bagan Luar, Butterworth, timbunan tahi bijih ini bukanlah satu rahsia kerana sesiapa sahaja yang melalui Jalan Bagan Luar ini dapat melihat dengan jelas timbunan-timbunan tahi bijih ini di satu kawasan di tepi jalan utama berdekatan dengan Hospital Daerah, Klinik Bersalin, sekolah-sekolah dan pejabat-pejabat, Kawasan yang saya sebutkan ini adalah di tengah-tengah bandar Butterworth dan kawasan ini adakah padat dengan penduduk-penduduk.

Mengikut kajian-kajian yang dijalankan oleh Persatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang dan beberapa orang individu seperti Professor Chong Sin Ching dari USM, terdapat tuduhan-tuduhan yang menunjukkan bahawa adanya radio-aktif yang tinggi dan tuduhan-tuduhan ini disokong dengan bacaan-bacaan paras radio-aktif yang mempunyai asas. Ini adalah amat serius dan tidak boleh diabaikan atau ditolak mentah-mentah oleh pihak Kerajaan. Bacaan dosimeter yang dibuat oleh CAP pada bulan Julai tahun 1988 dan bulan Februari tahun ini telah menunjukkan bahawa paras radio-aktif adalah melebihi daripada paras radio-aktif yang dibenarkan sebanyak 2 hingga 8 kali ganda di Jalan Bagan Luar dan di Stadium Bandaraya pula sebanyak 8 kali ganda. Ini adalah satu keadaan yang amat menggerunkan di mana nyawa orang awam terlibat. Kerosakan kepada tubuh manusia akibat dari keracunan radio-aktif tidak dapat dilihat dengan mata kasar sekarang ini dan kesannya adalah denyut-denyut dan merebak tetapi kesan ini hanya akan dilihat selepas 20 atau 30 tahun akan datang.

Tuan Pengerusi, kenyataan pihak Bahagian Kesihatan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang ke atas laporan dari CAP adalah satu lagi sikap yang tidak bertanggungjawab pihak Majlis. Adalah senang bagi sesuatu pihak itu menafikan sesuatu tuduhan tetapi bagaimana boleh kita mempercayai sesuatu penafian kosong

sahaja tanpa sebarang bukti-bukti atau ujian-ujian yang tertentu dijalankan, padahal kenyataan dari CAP disokong dengan bukti-bukti yang berasas. Siapa patut kita percaya, pihak yang membuat laporan seperti CAP yang telah menyokong kenyataan mereka dengan bukti-bukti yang kukuh, atau pihak yang menafikan tuduhan ini seperti Ketua Menteri Pulau Pinang, pihak Bahagian Kesihatan MPPP dan pihak syarikat yang bertanggungjawab menimbulkan gejala ini hanya membuat penafian tanpa apa-apa ujian yang dijalankan dan bukti-bukti bagi menyokong penafian mereka.

Tuan Pengerusi, sampai sekarang Kementerian Sains, Teknologi dan Alatn Sekitar telah berdiam diri dan tidak membuat apa-apa pandangan kepada tuduhan ini dan di sini saya ingin bertanya bilakah kali terakhir pihak PUSPATI atau pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alatn Sekitar menjalankan satu ujian radio-aktif di tempat-tempat ini dan jikalau pihak PUSPATI atau pihak Kementerian ada menjalankan satu ujian, apakah bacaan paras radio-aktif dan hasil ujian ini hendaklah tidak dirahsiakan dan diumumkan kepada orang ramai. Jikalau belum, saya mendesak pihak Kerajaan segera mengarahkan supaya satu ujian dijalankan dan hasil ujian tersebut hendaklah diumumkan bagi pengetahuan orang ramai. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kota Setar.

8.39 *mlm.*

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud P.46 di dalam Kertas Perintah 21A Tahun 1989 di bawah Butiran 00300—Pembangunan Zoo Negara.

Tuan Pengerusi, saya menyokong permohonan untuk perbelanjaan tambahan sebanyak \$1,000,000 untuk meneruskan pembaikan atau

upgrading kandang Orang Utan selaras dengan pemilihannya sebagai maskot bagi Tahun Melawat Malaysia.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya pihak Kementerian, sebenarnya berapa ekor Orang Utan yang akan mendapat faedah daripada tambahan perbelanjaan ini dan apakah yang dimaksudkan "upgrading" ataupun pembaikan dari segi pembangunan Zoo Negara? Adakah Orang-orang Utan ini akan diberikan kandang-kandang istimewa ataupun makan-makan istimewa yang berlainan daripada makanan-makanan yang disajikan pada masa ini dan tidakkah ini akan menimbulkan soal diskriminasi di antara Orang Utan dengan haiwan-haiwan lain?

Walaupun Orang Utan ini adalah maskot kepada negara kita bagi Tahun Melawat Malaysia 1990, tetapi haiwan-haiwan yang lain seperti harimau, beruang, buaya, gajah dan sebagainya adalah juga haiwan-haiwan kepunyaan negara kita dan tidakkah lebih adil kalau wang ini, sekurang-kurangnya sebahagian daripadanya digunakan untuk membaiki keadaan haiwan-haiwan yang lain. Saya tidak mahulah melihat di mana di dalam Zoo Negara selepas peruntukan ini diluluskan umpamanya, maka kandang untuk Orang Utan begitu cantik dan kandang untuk haiwan-haiwan lain terlalu terkebelakangan jika dibanding dengannya, sebab pelancong-pelancong yang datang ke negara ini, kalau mereka melawat ke Zoo Negara pun mereka tidak hanya untuk melihat Orang Utan, mereka pasti akan melihat haiwan-haiwan lain seperti seladang, rusa, sang kancil dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 00400 di bawah tajuk Kemajuan Hidupan Liar dan Taman Negara. Saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan, pertamanya, bilakah kawasan Taman Negara dapat dirangkaikan dengan pengangkutan

udara untuk memudahkan ketibaan pelancong ke tempat tersebut, dan yang keduanya, apakah kemudahan-kemudahan yang sedia ada pada masa ini dan yang sebenarnya perlu dipertingkatkan dari segi kemudahan. Tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu jeep track daripada Jerantut, umpamanya ke pusat Taman Negara itu seperti yang dirancangkan beberapa tahun yang lalu dan adakah ini menjadi satu persoalan besar di mana ekologi di Taman Negara itu akan rosak sekiranya diadakan satu jeep track. Saya kira itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Timbalan Menteri menjawab.

8,44 m/m.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di atas perbincangan mengenai Perbekalan Perbelanjaan Tambahan ini.

Saya cuma memberi jawapan yang saya boleh ke atas beberapa pandangan, teguran atau saranan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Pontian telah menyebut mengenai pencemaran di Selat Teberau. Kementerian saya memang sentiasa mengambil perhatian dan tetah juga mengadakan perundingan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat untuk mencari jalan macam mana perkara ini boleh dikurangkan dan juga diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Maran juga membangkitkan peruntukan sebanyak \$1,440,000. Perbelanjaan ini adalah untuk perbelanjaan pembangunan di Taman Negara di negeri Kelantan,

Pahang dan Terengganu. Ini adalah untuk membuka pintu baru kemasukan ke Taman Negara melalui bahagian Timur dan juga bahagian Utara. Pembangunan di Taman Negara Terengganu akan terletak di bahagian Timur Taman Negara dan ini adalah juga dibina melalui Tasik Kenyir. Pembangunan Taman Negara Terengganu akan ditumpukan di Tanjung Mendung dan beberapa tempat lagi yang berhampiran dan pembangunan ini adalah sebahagian daripada kos pembangunan. Perbelanjaan ini adalah untuk membiayai pembangunan chalet, kabin, asrama, restoran, kedai-kedai cenderamata, masjid serta rumah kakitangan. Serupa juga di bahagian Utara iaitu dalam negeri Kelantan, juga pembangunan akan dijalankan dan ditumpukan di Kuala Koh dan Kuala Betang dan ini juga termasuk perbelanjaan untuk membiayai pembangunan chalet, pejabat, rumah kakitangan, restoran dan kemudahan pengangkutan air dan di sebelah Pahang juga untuk menambahkan tempat peranginan, selain daripada Kuala Tahan iaitu Kuala Terengganu dan juga Kuala Kenyir. Peruntukkan ini tidaklah termasuk peruntukan untuk pemindahan gajah-gajah yang mana memerlukan peruntukan khas.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan masalah mengenai pencemaran, iaitu di bawah tajuk 00500.

Sebenarnya tajuk ini ialah 00600 iaitu di bawah tajuk Pembangunan Sains dan Teknologi, bukan pengawalan Alam Sekitar seperti di dalam Butiran itu menyebutkan ini untuk Pelan Tindakan Perindustrian. Walau bagaimanapun, masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan itu, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan Pejabat Wilayah akan diminta untuk menjalankan siasatan. Mengenai paras berasid, ini di bawah PUSPATI, ini bukan di bawah

Kementerian saya, ini adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar telah membangkitkan masalah perbelanjaan peruntukan sebanyak \$1 juta untuk membiayai projek kandang di Zoo Negara ini. Ini ialah sebahagian dari peruntukan kos untuk projek sebanyak \$1.5 juta. Ini adalah sebahagian tambahan ke atas \$300,000 yang telah diperuntukkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga membangkitkan mengenai rangkaian perkhidmatan udara ke Taman Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Pelangi telah mengadakan perkhidmatan udara dari Lapanganterbang Subang ke landasan udara di Sungai Tiang sebanyak 3 kali seminggu dengan tambang \$83 termasuk cukai lapanganterbang bagi seorang.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga membangkitkan mengenai "jeep track". Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Negara telah menjalankan pembinaan satu jeep track. Jeep track ini akan menelan belanja sebanyak \$3 juta untuk sepanjang 18 kilometer. Kerja ke atas projek ini telah bermula pada Ogos, 1988 dan akan dijangka siap 1992 dan dengan siapnya pada masa itu, kajian ke atas mengadakan satu jeep track dari Jerantut ke Kuala Tahan akan disiasat dan dikaji sampailah masa persiapan jeep track yang disebutkan oleh saya tadi, baru sahaja kita mengambil pertimbangan ke atas jeep track baru itu.

Tuan Pengerusi, itu sahaja penjelasan dari saya. Jikalau ada apa-apa yang saya tidak sentuh, saya akan mengambil perhatian dan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih ke atas pandangan dan teguran yang membina itu dan saya berharap itu akan menolong Kementerian saya menjalankan tugasnya dengan licin. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,590,000 yang disebutkan dalam Maksud P.46 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,590,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud P.47 dan P.48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Kepala Pembangunan P.47 dan P.48 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kota Melaka.

*8.54mlm.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud P.48 Jabatan Penerbangan Awam, Butiran 00100 di mana tambahan sebanyak \$7,010,000 diminta untuk projek-projek berikut yang telah disenaraikan dalam memorandum Kertas Perintah 21A.

Di sini saya hendak bertanya sama ada peruntukan tambahan ini adakah wajar memandangkan prestasi Jabatan Penerbangan Awam adalah kurang baik kerana JPA mengalami kerugian sebanyak \$55.28 juta pada tahun 1987. Ini menyebabkan kerugian terkumpul Jabatan Penerbangan Awam meningkat sehingga \$283.16 juta bagi tahun yang berakhir 31 Disember 1987. Ini juga bermakna bahawa kerugian terkumpul sebanyak \$283 juta ini menyebabkan modal asas JPA lesap sama sekali kerana modal yang telah

dilabur oleh Kerajaan ialah \$145.13 juta, maka dengan peruntukan tambahan sebanyak \$7 juta ini bermakna bahawa Kerajaan telah melakukan satu lagi, dengan izin, "the classic example of throwing good money after bad". Saya harap pihak Kementerian dapat memberikan satu penjelasan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah kerugian yang dialami oleh JPA dan sama ada Kerajaan akan terpaksa merabayar pinjaman wang yang dipinjam oleh JPA sebanyak lebih daripada \$700 juta. Kalau kita merangkumi kerugian terkumpul yang dialami oleh JPA, ini bermakna bahawa pihak Kerajaan mungkin terpaksa menanggung pembayaran sebanyak \$1,000 juta untuk membiayai perbelanjaan JPA. Oleh sebab itu, saya rasa kalau kita membuat peruntukan tambahan untuk membina atau melaksanakan projek-projek, saya rasa adalah tidak wajar katau wang peruntukan yang diberikan ialah untuk sebuah syarikat yang sebenarnya muflis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pagoh.

*8.58mlm.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon di bawah Maksud P.47, Butiran 04400 Perkhidmatan Feri antara Johor dan Singapura. Pada pendapat saya rancangan ini adalah selaras dengan rancangan "Tahun Melawat Malaysia 1990" dan ia juga adalah selaras dengan rancangan Kerajaan Negeri, iaitu Kerajaan Negeri Johor bagi menjadikan industri pelancongan ini adalah satu industri yang penting dan dengan rancangan ini kita berharap kawasan Desaru khasnya akan menjadi satu destinasi pelancongan yang utama yang akan menarik pelancong-pelancong bukan sahaja yang datang

daripada Singapura tetapi juga pelancong-pelancong luar yang datang melalui Singapura. Oleh sebab itu, saya berharap rancangan ini bukan sahaja ditambah peruntukan tetapi dipercepatkan pelaksanaannya dan kita harap kontraktor yang dipilih bagi melaksanakannya adalah kontraktor yang betul-betul dikenalpasti baik dan akan dapat melaksanakan projek ini dengan baik dan tidak akan tergendala yang akan menyebabkan kelewatan dan juga penambahan peruntukan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mengerusikan Jawatankuasa*)

Saya merasa bahawa ini adalah merupakan pintu yang penting selain daripada pintu masuk melalui Tambak Johor, di sini juga adalah satu pintu kedua yang penting untuk masuk ke selatan Semenanjung ini dan seterusnya ke kawasan lain. Perkhidmatan feri ini adalah amat baik dan saya ingin tahu berapa banyakkah feri-feri yang digunakan di dalam perkhidmatan ini. Apa yang penting di sini bukan sahaja berapa banyak jumlah feri yang akan digunakan, tetapi perkhidmatan yang baik yang harus dijalankan bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang saya hendak sampaikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Maran.

9.00 *mlm.*

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin merujuk kepada Butiran (Projek) 04600 Jeti Perikanan, Pelabuhan Kuantan.

Saya hendak tahu setakat ini bagaimanakah kemajuan jeti tersebut dan bilakah dijangka siap. Yang kedua, saya ingin tahu apakah semasa membuat perancangan jeti perikanan ini dahulu tidak mengambil kira

perbelanjaan bagi membuat pembinaan pemecah ombak. Sepatunya perkara ini diambil kira semasa kita hendak membuat projek ini terlebih dahulu. Jadi kalau kita mengambil kira atas perkara ini, kita tidak perlu lagi berkehendakkan peruntukan tambahan.

Saya ingin juga merujuk kepada Butiran (Projek) 06300—Mengganti Jeti di Pulau Tioman, Pahang.

Kalau tidak silap saya jeti ini telah roboh beberapa tahun yang lalu dan mencederakan orang, kalau saya tidak silap, dan sepatutnya kita mesti ketahui bahawa Pulau Tioman ini ialah sebuah pulau yang jauh dari daratan. Kalau daripada Mersing terpaksa memakan masa 3 jam dengan menggunakan bot biasa, selain daripada itu memanglah di antara yang menjadi projek ini agak mahal ialah mengenai pengangkutan, kerana hendak membawa barang daripada tanah besar ini akan memakan belanja yang besar, apakah Kementerian ini tidak mengambil kira atas perkara ini. Sepatunya mestilah kita mengambil kira tentang kos pengangkutan ini. Ini memerlukan pula peruntukan tambahan \$1 juta lagi. Adakah perlu yang kita hendakkan tambahan \$1 juta ini termasuk dalam kos pengangkutan atau hanya di atas kenaikan harga kontrak sahaja. Saya tidaklah begitu nampak sehinggalah kita berkehendakkan kenaikan kos kontrak ini sehingga sampai \$1 juta. Ini terlalu jauh bezanya dengan nilai yang kita buat. Jadi ini perlu kita mengambil perhatian. Hanya lagi satu saya hendak tahu setakat mana perkembangan jeti ini sehingga sekarang dan bilakah boleh digunakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

9.05 *mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, P.48 Butiran 00100 mengenai tambahan sebanyak \$5,200,000 yang

diberi secara pinjaman adalah diperlu bagi kerja-kerja di Lapanganterbang Subang. Dan saya dibehtahu peruntukan seperti ini dimasukkan sebagai peruntukan untuk Negeri Selangor, saya pun tidak begitu faham mengapa peruntukan ini dibuat sedemikian, kerana Lapanganterbang Subang itu untuk semua rakyat Malaysia bukan untuk Negeri Selangor sahaja, itu yang pertama.

Yang keduanya, peruntukan sebanyak \$910,000 adalah diperlukan bagi pembelian alat-alat keselamatan penerbangan awam.

Dah segi ini saya hendaklah mengemukakan beberapa soalan mengenai pemehksaan ke atas perkasas penerbangan termasuk kapalterbang Polis DiRaja yang berlaku pada akhir-akhir ini dengan jatuh terhempasnya sebuah kapalterbang polis yang berhampiran dengan Subang. Setakat ini saya pun belum dapat tahu laporan yang dibuat oleh Jabatan Penerbangan Awam mengenai malapetaka itu di mana beberapa anggota polis terkorban.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali dari segi keselamatan penerbangan awam, pihak Polis Diraja masih ada 7 kapalterbang Pilatus dan 4 Cessna yang digunakan terutamanya di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan kapalterbang Pilatus ini mempunyai satu enjin sahaja. Tetapi saya pun tidak tahulah dasar yang dibuat oleh Jabatan Penerbangan Awam mengenai kapalterbang satu enjin ini, kerana sering kali kapalterbang Pilatus ini dibawa balik misalnya daripada Miri ke Semenanjung, jadi menyeberangi Laut China Selatan, satu enjin sahaja, kalau rosak, matilah. Seperti berlaku di Subang akhir-akhir ini, jadi apakah dasarnya. Saya hendak tahu sama ada jabatannya mencadang bahawa kapalterbang Pilatus dan Cessna ini ttdak dibawa balik daripada Sabah dan Sarawak, kita baiki disitu menyelenggara di situ, jangan kita

menerbangkan menyeberangi Laut China Selatan, kerana satu enjin bila rosak tidak boleh hendak terbang lagi. Jadi, satu dasar hendaklah dibuat dengan terus terang untuk menjaga keselamatan penerbangan awam. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

*9.08 mlm.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada keempat-empat Ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan mengenai perkara-perkara yang termasuk di bawah Maksud P.47 dan P.48 di bawah Kementerian Pengangkutan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyatakan bahawa Jabatan Penerbangan Awam membuat kerugian sekian banyak dan seolah-olah mengecam Kerajaan mem-bazirkan wang yang sebegitu banyak.

Yang sebenarnya pelaburan dan perbelanjaan ini perlu dilakukan oleh kerana perkhidmatan yang dijalankan bukanlah semata-mata untuk tujuan komersial tetapi juga untuk kepentingan sosial yang perlu diambil kira dan projek-projek yang terlibat ini adalah meningkatkan kemudahan yang sedia ada.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan ini juga maklum bahawa lapangan-lapanganterbang kita, kita perbaiki, kita perbaharui dan begitu juga dengan alat-alat keselamatan SSR dan sebagainya kita perbaharui juga, maka oleh kerana itulah kita memerlukan peruntukan-peruntukan tambahan, dan kalau hendak dikira kata kerugian, dalam apa-apa juga perniagaan, dalam tahun-tahun permulaan kita sudah tentu tidak akan mendapat untung serta-merta dan kalau kita lihat dari segi operasi

penerbangan MAS dan Pelangi Air dan sebagainya, sudah tentu kita akan dapat menilai perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Dan sayugia diingat bahawa kewangan yang didapati oleh Jabatan Penerbangan Awam bukanlah seluruhnya diberikan oleh Kerajaan secara percuma tetapi sebahagian besar daripadanya adalah pinjaman-pinjaman dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyedari hakikat ini dan tidaklah menuduh berterus-terusan kerana. . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan. Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada kerugian terkumpul JPA yang berjumlah sebanyak \$283.1 juta ini iaitu bagi tahun yang berakhir 31hb Disember, 1987 dapat dibereskan dan memandangkan bahawa wang modal JPA sebanyak \$14.13 juta ini yang dilaburkan oleh Kerajaan Persekutuan, di samping itu terdapat pinjaman wang daripada institusi kewangan sebanyak \$781.91 juta dan ini saya percaya dijamin oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Kalau begitu, kalau satu langkah yang tegas tidak diambil supaya memastikan bahawa kerugian sebanyak ini boleh diberhentikan dan keuntungan boleh diperolehi, saya rasa mungkin Kerajaan Persekutuan pada satu hari kelak terpaksa membayar \$1,000 juta. Saya rasa itu bukan satu jumlah yang kecil. Kalau boleh, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah prestasi kewangan JPA pada tahun 1988? Terima kasih.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Pengerusi, mengenai perbelanjaan itu memang betul kerana jumlah itu adalah sebagai modal yang disebut tadi dan Kerajaan menjamin apa juga pinjaman yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kerana ia adalah Jabatan Kerajaan dan perbelanjaan itu adalah untuk infrastruktur. Yang Berhormat sendiri semuanya melihat bangunan-bangunan lapangan terbang, apa yang dilakukan sekarang untuk melebarkan lagi, memperbaiki lagi, memanjang lagi landasan dan sebagainya untuk membolehkan kapal terbang-kapal terbang yang lebih besar lagi datang ke negara kita ini dan kapal terbang kepunyaan MAS sendiri untuk pergi ke negara-negara lain. Ini adalah mesti mempunyai kos. Dan di pihak Kementerian sendiri dan Jabatan sendiri juga sedang mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki potensi kewangan. Takkanlah Kerajaan begitu bodoh sekali, tengok kalau ada keadaan macam ini hendak membiarkan berterus-terusan. Jadi, kita tidak boleh memberhentikan usaha JPA untuk memperbaiki lagi lapangan terbang. Dan dalam Dewan ini sudah berapa kali Ahli-ahli Yang Berhormat menegur Kementerian, menegur Jabatan kerana kemudahan-kemudahan infrastruktur yang tidak cukup, yang dikatakan tidak selamat dan sebagainya. Jadi, terpaksa kita menanggung beberapa bebanan kos dan oleh kerana Jabatan sendiri tidak ada wang yang terkumpul dan Kerajaan sendiri juga untuk pembangunan terpaksa membuat pinjaman-pinjaman maka perkara ini berlaku.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Saya, maaf Yang Berhormat, saya tidak mahu lagi berhujah mengenai perkara itu, minta maaf. Ada lagi perkara-perkara lain.

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu kali.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** . . . kerana saya nampak Ahli Yang Berhormat tidak mahu. . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** . . . . . menerima hakikat, semua hendak menuduh sahaja pihak Kerajaan. Jadi, saya minta.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Melaka, duduk.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah bertanya mengenai projek Feri Johor-Singapura. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan Yang Berhormat itu dan juga penghargaan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat kepada projek ini kerana memang benarlah ianya akan menjadi satu destinasi pelancongan yang utama daripada Singapura ke Johor di mana kita memang berhasrat untuk menjadikan Desaru satu destinasi pelancongan yang popular. Dalam usaha kita untuk melancarkan projek ini, kerja-kerja telah dijalankan, usaha-usaha telah juga dijalankan iaitu pihak Kerajaan Singapura juga telah menjalankan tugasnya iaitu menebusguna tanah dan menyiapkan tanah di pihak Tanjung Changi dan pihak Kerajaan kita sendiri juga sudah pun bersedia dengan satu bahagian iaitu peringkat yang pertama marine work untuk dipanggil tender dan yang lainnya akan kita teruskan kemudian.

Yang Berhormat dari Maran telah menyentuh mengenai jeti perikanan di Kuantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seperti yang kita semua maklum Pelabuhan Kuantan asalnya bukanlah untuk pelabuhan perikanan dan kemudahan jeti untuk perikanan, untuk pecahan ombak memang-

tidak disediakan. Tetapi apabila Kerajaan membuat keputusan untuk tangkapan ikan air dalam maka didapati bahawa jeti ini perlu diberikan kemudahan-kemudahan tambahan tersebut. Jadi, kerja-kerja pembinaan pecahan ombak telah pun dilaksanakan dan adalah lain-lain kerja yang belum lagi dapat dibereskan kerana ada pula skopnya diperluaskan dan ianya dijangka siap pada akhir tahun 1990. Dan sebenarnya kos-kos ini termasuklah juga kos meningkatnya harga bahan-bahan yang digunakan.

Mengenai Jeti Tioman, ini juga sebenarnya bukanlah kerana kelalaian kita, tidak tahu mengira hendak buat costing dan sebagainya. Dalam rancangan asainya projek ini telah diperuntukkan sebanyak \$2.6 juta. Apabila dikaji semula kosnya meningkat kepada \$3.8 juta dan perbelanjaan yang telah diberikan ialah setakat bulan Mei sebanyak \$1.4 juta kerana belum habis lagi peruntukan yang telah diuntukkan tadi itu kerana kita hendak buat kerja kita mintalah tambah lagi. Bukan kerana kita tidak buat kira-kira ataupun kita sengaja untuk minta wang, tidak. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat semua berpuas hati mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh mengenai Lapanganterbang Subang. Alat-alat keselamatan yang dimaksudkan untuk peruntukan ini adalah untuk alat X-ray dan sebagainya, bukan SSR. Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kapalterbang Polis Di Raja yang terhempas, ianya masih dalam siasatan, jadi saya tidak dapat hendak mengatakan apakah puncanya tetapi memanglah agaknya satu enjin memang merbahaya. Tetapi JPA tidak boleh menentukan dasar. Kalau tuanpunya hendak beli kapalterbang satu enjin, apa kita hendak buat. Takkan pula Jabatan hendak suruh beli yang dua enjin atau tiga enjin. Cuma. . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, jadi saya hendak tahu memang pihak Jabatan tidak boleh menghalang seorang hendak beli enjin atau setengah enjin, Jabatan mungkin boleh menentukan langkah-langkah untuk menjaga keselamatan, misalnya menghalang mereka menyeberangi Laut China Selatan kerana Polis susah hendak latih pegawai-pegawai Polis, sampai pegawai Kanan jatuh terhempas begitu sahaja. Jadi, saya pun berpendapat pihak Polis orang, manusia juga.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Yang Berhormat, semua orang-orang itu manusia, kecuali orang hutan bukan manusia, dia di hutan. Tetapi memanglah kita mengambil berat mengenai perkara ini dan apa yang dilakukan iaitu syarat-syarat keselamatan yang ditentukan oleh JPA ialah tiap-tiap kapalterbang yang hendak dilesenkan mesti dibawa, diperiksa pada satu-satu masa tertentu. Jadi, saya sebenarnya pada masa terjadi itu, saya tidak ada dalam negeri, saya tidak tahu cerita apa yang terjadi sebenarnya. Tetapi saya tahu laporan daripada laporan Jabatan, cuma saya tidak dapat di sini menyatakan apakah sebab, siapa yang cuai, siapa yang bertanggungjawab. Sebab ianya masih lagi dalam siasatan dan kita mungkin akan mengambil masa sedikit sebab kita juga hendak meminta khidmat pakar enjin dari luar negara kita hendak menentukan sebenarnya apakah, di manakah kesilapannya dan siapa yang bertanggungjawab.

Memanglah cadangan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan jangan bawa menyeberang laut itu adalah betul. Jadi, kalau pihak Polis bawa menyeberang lautan, saya tak tahulah, dia tuannya dan tak bolehlah Jabatan Penerbangan Awam atau Kementerian kata, "Eh, jangan bawa awak punya kapalterbang sana, sini". Memang biasanya penyelenggaraan yang dilaksanakan itu, kalau kapalterbang MAS sendiri pun di mana

tempat dia menghadapi kerosakan, di situ diselenggarakan, tetapi sekarang ini yang jadi masalah ini bukan menyeberang lautan, sedang menyeberang jalan sahaja. Jadi, apa yang kita hendak buat, cuma saya minta Yang Berhormat bersabarlah, tunggu laporan itu dan di samping itu memang syarat-syarat untuk melesenkan, untuk menentukan airworthiness itu memang ada ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam dan mereka bertanggungjawab untuk memeriksa kapalterbang-kapalterbang ini dari satu masa ke satu masa yang ditentukan, ataupun kalau tuannya itu sendiri hendak kapalterbangnya itu diperiksa, dia boleh minta supaya dipehka pada bila-bila masa sahaja.

Jadi, rasa saya itulah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan di samping itu saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$16,309,120 yang disebutkan dalam Maksud P. 47 dan \$12,210,000 dalam Maksud P. 48 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$16,309,120 untuk Maksud P. 47 dan \$12,210,000 untuk Maksud P. 48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud B. 49 (Jadual Kedua)—  
Maksud P. 51 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1988)—*

*Maksud P. 49 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1989)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 49, P. 51 dan P. 49 adalah terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kota Melaka.

9.21 *mlm.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada MaksudP. 51, Butiran 01600—Stesyen Janaelektrik Paka di mana tambahan sebanyak \$4 juta dipohon untuk membiayai pembelian alat-alat ganti. Saya berasa sedikit terkejut untuk mengetahui bahawa jumlah sebanyak \$4 juta ini perlu untuk membayar harga alat-alat ganti yang seharusnya dibekalkan dalam tahun 1987 tetapi hanya dapat dibekalkan setahun kemudian iaitu pada tahun 1988.

Saya rasa bahawa bayaran tersebut seharusnya mengikuti anggaran asal atau yang terdapat di dalam kontrak yang telah ditandatangani di antara Kementerian dan pihak-pihak pembekal. Saya tidak dapat melihat apa-apa justifikasi kenapa jumlah tambahan harus dipohon kecuali Kementerian yang berkenaan bersetuju bahawa kajian semula syarat-syarat kontrak telah merugikan Kerajaan. Sekiranya begitu, satu penjelasan harus diberi kenapa pihak Kerajaan setuju kepada pengkajian semula syarat-syarat perjanjian yang tidak menguntungkan pihak Kerajaan.

Selain daripada itu, Kementerian berkenaan juga memberikan sebab bahawa ia bertujuan untuk menampung peningkatan harga alat ganti. Saya rasa ini janggal dan sangat anih kerana peningkatan harga alat ganti hanya disebabkan oleh kelewatan pembekal dalam menghantarkan alat ganti tersebut. Di dalam peruntukan kontrak biasa, saya rasa pembekal diharuskan membayar sejumlah penalti jika berlaku kelewatan membekalkan alat ganti iaitu membekalkan dalam tahun 1988 yang seharusnya dibekalkan pada tahun 1987.

Di sini kelihatan pihak Kerajaan seolah-olah menolong membayar peningkatan harga bahan tersebut, walaupun ini adalah berpunca dari

kesalahan pembekal. Jelas sekali Kerajaan telah membiarkan dirinya diambil kesempatan, dengan izin, taken advantage of oleh pihak pembekal. Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaankah yang harus menanggung peningkatan harga alat ganti atau pihak pembekal? Jika pihak Kerajaan yang patut menanggung peningkatan harga alat ganti kenapakah ini harus berlaku kerana biasanya saya rasa pihak pembekallah yang bertanggungjawab dan saya juga meminta pihak Kementerian menyenaraikan pembekal-pembekal yang telah melengah-lengahkan atau lewat-lewatkan penghantaran alat ganti tersebut dan nyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka?

Akhirnya, saya rasa perkara pokok ialah mengapakah pihak Kerajaan harus meminta peruntukan untuk membayar harga bayaran alat-alat ganti tersebut walhal alat-alat ganti itu sepatutnya dibekalkan pada tahun 1987 dan bukan pada tahun 1988 dan juga sebab kenaikan harga alat-alat ganti adalah disebabkan oleh jangka masa yang berlainan iaitu apa yang patut dibekalkan pada tahun 1987 dibekalkan pada tahun 1988 dan ini bukanlah kesalahan Kerajaan, ini adalah kesalahan pembekal dan pembekal haruslah bukan sahaja bertanggungjawab tetapi harus dikenakan penalti. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

9.25 *mlm.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah memberikan pandangan dan teguran atas perkara Maksud P. 51 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Sebagaimana yang sedia dimaklumi oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa \$4,000,350 ini adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran barang-barang alat ganti untuk Janakuasa Paka di Terengganu. Alat-alat ganti ini kelewatannya itu bukanlah disebabkan oleh pihak pembekal berkenaan. Tetapi kerana Janakuasa Paka di Terengganu ini adalah suatu Janakuasa yang tulen atau yang pertama kali dibuat di dalam negeri ini iaitu combine gas turbine and steam turbine dan kerana ini adalah pertama kali Janakuasa yang pertama dibina dalam negara ini, alat-alat ganti itu hendaklah diorder dahulu kemudian dibuat oleh pembekal. Jadi, dalam masa membuat order, pembekal itu mengambit masa yang agak panjang dan kerana masa itu panjang sangat dalam keadaan yang sedemikian, nilai matawang asing atau pertukaran exchange rate itu telah meningkat menjadikan harga alat-alat ganti itu turut juga meningkat naik mengikut matawang ringgit asing. Itulah yang menyebabkan kenaikan harga alat-alat ganti itu yang menyebabkan tidak cukup peruntukan yang telah diminta oleh Kementerian saya pada sesi Parlimen yang lalu. Ini adalah satu perkara yang tidak dijangka dan di luar dugaan Kementerian kita dan saya sangat kesal atas kejadian ini dan adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan.

Saya berharap penjelasan saya ini dapat diterima oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,000,000 untuk Maksud B. 49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,000,000 untuk Maksud B. 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

*Maksud P. 52 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1) 1989—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P. 52 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

9.37 *mlm.*

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta membincangkan Maksud P. 52 Kementerian Kerjaraya yang memohon tambahan peruntukan sebanyak \$125 juta untuk Butiran (Projek) 11500 Bekalan Air Luar Bandar Rancangan Khas.

Sukacita saya menarik Dewan yang mulia ini bahawa saya rasa projek bekalan air di Sungai Petani termasuk di dalam perkara yang dibangkitkan ini di mana projek tersebut hampir-hampir siap dan sebahagiannya telah pun dapat digunakan. Tetapi malangnya, air daripada loji penapis air di situ telah dibawa melalui kampung-kampung tradisi orang Melayu pergi ke bandar, ke Kulim. Tetapi matangnya air itu tidak disalurkan kepada kampung tradisi di Sidam Kiri. Ini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian mengapakah perkara seumpama itu berlaku.

Yang kedua ialah air yang disalurkan daripada loji penapis air di Pinang Tunggul dibawa ke Pantai Merdeka, Kota Kuala Muda. Tetapi air itu tidak sampai kepada orang-orang miskin, orang-orang kampung yang masih minum air keruh dari perigi. Malah air itu disalurkan sahaja kepada sebuah

pusat penyelidikan dan pembiakan udang di Pulau Sayak. Inilah perkara-perkara yang ingin saya mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian supaya keadaan-keadaan yang seumpama ini, kesusahan-kesusahan orang kampung seumpama ini dapat diatasi segera. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

9.35 *mlm.*

**Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai):** Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sama untuk membahaskan peruntukan di bawah Maksud P. 52 Kementerian Kerjaraya, Butiran 11500 Bekalan Air Luar Bandar Rancangan Khas.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang semua kita sedia maklum bahawa bekalan air adalah satu daripada perkara yang penting kepada kita sekalian, dan Kerajaan terpaksa membelanjakan begitu banyak wang setiap tahun bagi menyempurnakan dan memberikan bekalan air yang cukup dan bersih kepada rakyat khususnya penduduk di kawasan luar bandar.

Dalam masalah ini saya suka mencadangkan supaya pihak Kerajaan bagi mengelakkan perbelanjaan begitu banyak supaya loji-loji penapis air ini diswastakan. Mungkin apabila loji-loji penapis air bersih ini diswastakan, Kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan dan juga penduduk-penduduk juga akan dapat mengurangkan kos perbelanjaan bagi membayar bekalan-bekalan air ke rumah masing-masing. Kerana selama ini usaha-usaha Kerajaan untuk menswastakan beberapa projek besar, maka adalah logik bekalan air ini juga diswastakan dengan Kerajaan mengkaji dari segi kos kegunaan dan juga pulang balik wang itu. Pada kajian saya lebih memberi keuntungan

kepada semua pihak baik Kerajaan mahupun pengguna.

Yang kedua, di kawasan saya di Kuala Kerai ada paip-paip air luar bandar ini telah dipasang lebih daripada 5 tahun yang lepas tetapi paip-paip itu tidak digunakan sedangkan perbelanjaannya sebanyak \$120,000 iaitu di kawasan Pahi ke Rancangan Tanah Temalang melalui kampung-kampung di sekitar. Jadi, rakyat di kawasan itu membuat perbandingan kerana paip yang empat inci telah ditanam dan telah dipasang dengan memakan belanja sepertimana yang saya sebut tadi tetapi bekalan air tidak dapat disalurkan. Saya pun tidak tahu di mana kesilapan ini berlaku sama ada dari segi kesiapan loji air tidak disiapkan terlebih dahulu tetapi peruntukan paip itu sudah pun dipasang. Maka dengan sebab itu hari ini, rakyat di kawasan itu sentiasa bersungut kerana kerugian bekalan paip yang dipasangkan itu sedangkan rakyat tidak dapat bekalan air yang cukup.

Begitulah juga dalam banyak kampung-kampung di kawasan luar bandar yang tertinggal di dalam pemasangan bekalan-bekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar maka dengan sebab itu dari segi peruntukan yang diperuntukkan satu peruntukan tambahan kepada Kementerian ini iaitu Maksud P. 52 ini, saya menyokong bagaimana juga rakan-rakan saya bagi menyelesaikan beberapa masalah peruntukan bekalan air luar bandar untuk mengatasi kekurangan bekalan-bekalan air sama ada air yang disediakan melalui pusat kesihatan dan sebagainya.

Dengan itu, saya menyokong peruntukan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pagoh.

9.38 *mlm.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon di bawah Butiran 11500 dalam Maksud P. 52.

Kita memang sedia maklum bahawa bekalan air bersih di luar bandar adalah sangat penting sebagai salah satu daripada keperluan asas dan banyak lagi kawasan-kawasan luar bandar yang belum menikmati bekalan air yang bersih. Jadi, rancangan ini adalah satu rancangan yang seharusnya kita sokong penuh dan dalam jangka masa kita melaksanakan Rancangan Malaysia Kelima ini kita harap seluruh kawasan di dalam negara kita khususnya di kawasan luar bandar ini akan mendapat bekalan air yang bersih.

Saya menyokong rakan saya tadi kalau dapat dibuat kajian yang teliti bagaimana bekalan air ini boleh diswastakan. Tetapi yang mustahak sekali ialah bekalan air ini apabila diswastakan tidak harus membebankan pengguna. Oleh sebab kita bimbang kalau diswastakan dan swasta lebih mementingkan keuntungan akhirnya pengguna akan menerima beban.

Keduanya, kita juga maklum bahawa banyak projek-projek untuk bekalan air yang kita dapati selepas perlaksanaannya terdapat masalah di mana kurangnya tekanan dan lain-lain lagi apabila siap pemasangan saluran-saluran ini tetapi air tidak keluar. Ini memang kerap kali berlaku dan biasa kita minta kepada pegawai-pegawai di peringkat daerah supaya mengkaji dan setelah banyak kali dibuat kajian pun masih juga tetap berlaku masalah. Saya harap sebelum pelaksanaan dibuat, hendaklah dibuat penelitian yang sehabis teliti supaya perancangan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Selain daripada itu terdapat juga saluran-saluran paip yang biasa dipasang di kampung-kampung yang pada pandangan saya tidak cukup

besar dan tidak cukup tahan. Kerap kali berlaku apabila saluran ini menerima tekanan yang kuat dia akan pecah dan bukan sekali dua, tetapi banyak kali dan ini akan menimbulkan kerumitan dan gangguan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar kerana untuk memanggil pihak yang berkenaan memperbaiki saluran ini bukan satu hari, kadang-kadang sampai tiga empat hari. Ini adalah satu masalah. Jadi saya fikir perkara-perkara ini harus diambil perhatian oleh pihak Kementerian.

Selain daripada itu saya harap Kementerian sedar pada hari ini terdapat banyak kawasan-kawasan khususnya kawasan saya sendiri, di Muar banyak pengguna air ini yang telah pun mendapat bil-bil air tidak dapat membayar di tempat-tempat bayaran bil ini kerana tiada resit di tempat bayaran. Saya tidak terfikir macam mana boleh kekurangan resit untuk bayaran sedangkan pihak Kementerian ingin mendapatkan bayaran-bayaran ini. Pengalaman ini kerap kali berlaku dan sekarang ini sedang berlaku, saya harap Kementerian akan mengambil tindakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pegerusi, (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kepong.

9.42 *mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Code 11500—Bekalan Air Luar Bandar (Rancangan Khas). Setakat ini iaitu sejak tahun 1986 hingga pembentangan Belanjawan 1989, sejumlah \$889.826 juta telah diperuntukkan kepada projek ini. Tambahan \$125 juta ini dikehendaki untuk menampung bayaran kemajuan kerja mengikut jadual membayar asal kontrak. Sebelum peruntukan \$125 juta ini apakah jumlah pembayaran kemajuan yang sudahpun dibuat bagi rancangan khas bekalan air luar bandar? Berapa peringkatkah pembayaran kemajuan dipecah bahagikan dalam jadual membayar asal kontrak? Peringkat ke

berapakah bayaran kemajuan \$125 juta ini? Apakah jumlah bayaran kemajuan yang masih perlu dibuat dalam setiap peringkat berikutan selepas pembayaran \$125 juta.

Dalam rancangan bekalan air luar bandar Antah-Biwater, bagaimanakah Kerajaan dapat mengesyorkan yang projek disiapkan dalam tempoh masa yang ditentukan? Mengikut pihak Antah-Biwater, projek ini terlewat selama 7 bulan kerana pihak Kementerian gagal memperolehi tanah yang dikehendaki. Bagaimanakah pihak Kementerian akan menyelesaikan perkara ini jika pemaju tidak boleh mengenakan kos tambahan apabila projek terlengah terhadap Kerajaan, maka bolehkah ia menuntut ganti rugi sekiranya kelengahan itu disebabkan oleh Kementerian sendiri.

**Tuan Pengerusi, (Tuan D. P. Vijandran):** Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

9.45 *mlm.*

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat khasnya dari Sungai Petani, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah membuat teguran dan membuat beberapa syor yang tertentu untuk perhatian pihak Kementerian Kerjaraya terhadap projek ini.

Bagaimana yang kita sedia maklum, jumlah wang ringgit \$153 juta yang dipohonkan oleh Kementerian dalam Dewan yang mulia ini ialah di bawah Kepala 11500—Bekalan Air Luar Bandar (Rancangan Khas), separuh daripada jumlah wang tersebut bagaimana yang disebutkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong akan dibayarkan kepada Antah-Biwater mengikut laporan yang saya tahu, bahawa jumlah ini adalah pembayaran yang pertama diberikan

kepada Antah-Biwater kerana Antah-Biwater ini telah mengadakan beberapa turn-key project yang dilancarkan oleh pihak Antah-Biwater bukan sahaja di Kuala Lumpur ini bahkan di seluruh Malaysia termasuk juga negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong terhadap kelewatan fasal tanah tadi, perkara ini memang betul oleh kerana maklumlah hal tanah ini, kita dari Federal ini tidak dapat memperolehi sebarang tanah oleh kerana tanah ini adalah hal State dan tanah ini satu perkara yang sangat sensitif, jadi kita terpaksa memujuk ataupun merayu kepada State supaya mereka membenar ataupun membiarkan kita menggunakan tapak tanah tersebut untuk membangunkan apa sahaja projek yang kita akan buat untuk kepentingan rakyat.

Juga Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani membuat syornya di sini mengatakan paip-paip saluran air yang menerusi kampung tradisi dan mereka ini tidak dapat menikmati air yang disalurkan melalui kampung tradisi ini, ini dalam fikiran saya adalah satu perkara yang ganjil sedikit oleh kerana kita sedia maklum, air ini adalah satu bahan asas yang sangat penting untuk kita manusia, kita memerlukan air minum yang bersih untuk kesihatan yang baik lebih-lebih lagi kepada anak-anak kita. Di sini saya ingin memberitahu kepada yang Berhormat, jikalau tidak ada apa halangan pada 29 haribulan ini nanti saya akan pergi ke Sungai Petani oleh kerana ada satu "function" di situ, jadi saya boleh mengambil kesempatan untuk meneliti perkara ini dengan lanjut.

Yang Berhormat dari Kuala Kerai mengatakan jika dapat supaya loji penapisan air harus diswastakan. Ini satu satu cadangan yang membina. Perkaranya ini akan kita ambil perhatian. Oleh kerana pihak Kementerian belum

lagi membuat kajian apa-apa terhadap perkara ini, kalau-kalau dia boleh menolong dan mengurangkan pembayaran air kepada orang miskin, Kementerian akan mengambil tindakan.

Beliau juga mengatakan paip-paip air telah dipasang tetapi tidak dapat menggunakan air. Perkara ini akan kita teliti dengan seberapa segera. Kita dapat menghubungi Yang Berhormat jikalau boleh supaya dapat dia memberi penjelasan kepada penduduk-penduduk di kawasan itu supaya mereka jangan berkecil hati oleh kerana perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Dan juga saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pagoh oleh kerana beliau telah menerangkan di kawasan dia didapati masalah kekurangan resit dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini juga akan diambil perhatian dan kita akan meneliti keadaan yang sebenarnya supaya kita dapat bersama-sama menolong para penduduk luar bandar kerana inilah tujuan Kerajaan Malaysia untuk memberi nikmat kepada rakyat yang tinggal jauh di luar bandar.

Jadi, sebelum saya menamatkan ucapan saya, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran yang membina terhadap permohonan anggaran yang dipohon dalam Dewan yang mulia ini pada petang ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$153,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 52 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$153,000,000 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sbahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1989.

*Maksud P. 54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil 1) 1989)-*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.54 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Saratok.

9.53 *mlm.*

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada Butiran 01100, Majlis Amanah Rakyat dan peruntukan tambahan \$128,640,000.

Sungguhpun peruntukan ini yang diberi kepada Semenanjung Malaysia, kita sedia maklum iaitu kebanyakan anak-anak yang belajar yang mendapat biasiswa memang ada datang dari Sarawak, oleh kerana keadaan pendidikan memang jauh ketinggalan di Sarawak kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, jadi saya menyokong peruntukan ini oleh sebab, saya harap banyak lagi anak-anak Sarawak, lebih-lebih lagi anak-anak bumiputera di luar bandar di bukit bukau dapat datang ke Semenanjung untuk belajar di Maktab-maktab MARA di Semenanjung Malaysia.

Butiran 01700, Bekalan Elektrik Luar Bandar. Tuan Pengerusi, di dalam mesyuarat yang lalu saya telah bersuara fasal peruntukan yang diberi kepada Sarawak tahun 1989 dan 1988 begitu kecil jika dibandingkan dengan peruntukan yang diberi pada tahun 1986 dan 1987 kerana bekalan elektrik di luar bandar di Sarawak kalau kita menyambung dari pekan-pekan kecil memang tidak ada peruntukan oleh Perbadanan Kemajuan Sarawak Letrik, dan oleh kerana itu lagi banyak mempergunakan peruntukan wang.

Saya lihat di sini peruntukan ditambah \$12,000,300 untuk tahun 1989. Ini memang saya mengalu-alukan dan memberi berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar oleh kerana menambahkan peruntukan ini kepada negeri Sarawak. Jadi, saya harap dari peruntukan ini, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, bersama-sama Kementerian di peringkat Negeri mengatur peruntukan ini supaya memberi hasil kepada rakyat di luar bandar lebih-lebih lagi di kawasan saya di Saratok, masuk dalam pertimbangan.

Begitu juga Butiran 02300, Pemberian Kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar. Jadi, peruntukan ditambah \$35 juta ini saya harapkan, banyak lagi peruntukan akan diberi kepada negeri Sarawak oleh kerana di dalam tiap-tiap mesyuarat di Dewan yang mulia ini kita selalu mendengar masih perlukan banyak jalan-jalan kecil di kawasan luar bandar di Negeri Sarawak. Jadi, saya harap banyaklah peruntukan yang akan diagih kepada negeri Sarawak.

Jadi, begitu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tasik Gelugur.

9.55 *mlm*.

**Tuan Mohamed Yusoff bin Abdul Latiff (Tasik Gelugur):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih. Saya ingin turut serta membahaskan Butiran 03200, Maksud P.54 di bawah tajuk Projek Mengatasi Golongan Termiskin yang telah diperuntukkan wang sejumlah \$26,490,000.

Tuan Pengerusi, di dalam sebuah negara yang kaya dengan berbagai-bagai hasil bumi, kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain

di seluruh dunia maka Malaysia adalah negara yang paling istimewa dengan berbagai-bagai hasil buminya.

Tetapi dalam keadaan yang demikian rupa-rupanya masih ada sebahagian daripada penduduk yang menderita hidup mereka, yang hidupnya malang. Ada yang tidak ada tanah untuk bercucuk tanam, ada yang cacat anggota, ada yang tidak ada kelayakan atau sebarang sijil untuk mendapatkan pekerjaan, malah ada yang tidak ada rumah untuk dijadikan tempat tinggal. Kalau ada pun, rumah yang buruk, usang, malah sebuah gerobok yang begitu tua, bumbungnya tiris dan berlubang, dindingnya koyak. Ada yang didapati kadang-kadang mereka makan nasi pun dengan garam. Ini semua adalah disebabkan oleh kerana mereka tidak mampu dan merekalah yang digelar golongan yang termiskin di kawasan luar bandar.

Oleh itu, kita lihat anak-anak mereka yang pergi ke sekolah ada yang terpaksa berjalan kaki begitu jauh berbatu-batu dan tidak mampu pula membawa wang untuk berbelanja di sekolah seperti rakan-rakan yang lain dan mereka ini setengah-setengahnya dilihat dan dikaji oleh sebahagian daripada guru-guru sekolah yang cuba turut balik melihat tempat tinggal mereka, baharulah dipercayai bahawa memang rupa-rupanya mereka adalah rupanya golongan yang termiskin yang hidup begitu susah dan menderita.

Oleh itu wajarlah mereka disebut golongan yang termiskin dan saya berasa bangga apabila Kementerian ini memperuntukkan wang tersebut untuk membantu golongan-golongan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Oleh itu, Tuan Pengerusi, sangatlah wajar peruntukan yang dipohon supaya ditambahkan sejumlah \$26,490,000 itu untuk mengatasi golongan termiskin ini. Cuma apa yang diharapkan kepada pihak yang

bertanggungjawab akan dapat melaksanakannya dengan cara yang betul-betul adil dan sempurna dan janganlah memilih orang-orang yang tidak kena pada tempatnya sedangkan orang-orang yang benar-benar termiskin tidak mendapat peruntukan tersebut. Maka hendaklah dijauhi amalan pilih kasih atau penyelewengan dalam melaksanakan projek tersebut. Perlu juga diingat bahawa golongan-golongan yang termiskin ini kadangkadang mereka itu adalah terdiri dari manusia-manusia yang malang, cacat anggota mereka, ada yang cacat pancainderanya dan lain-lain.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong peruntukan tambahan ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai lagi yang hendak bercakap. Sekarang sudah pukul 10.00, kalau kesemua bercakap, mungkin sampai pukul 12.00.

**Seorang Ahli:** Seorang lima minit boleh.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah berucap selama 5 minit seorang? Silakan.

*10.02 mlm.*

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran):** Terima kasih, Tuan Pengerusi, makin malam makin seronok. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya hanya merujuk kepada Butiran (Projek) 00100—Kemajuan Masyarakat, yang mana peruntukan sebanyak \$7 juta lebih dikehendaki untuk meneruskan projek gotong-royong. Saya ingin bertanya apakah jenis-jenis projek gotong-royong yang akan dilaksanakan dan di mana tempat-tempat akan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran (Projek)

02500—Pembangunan Masyarakat. Dalam program ini ialah termasuk Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) yang mana projek ini pernah kita lakukan pada tahun-tahun yang lepas sebelum ini. Saya ingin bertanya berapa banyakkah sesuatu projek pemulihan kampung itu diberi, adakah hanya \$1,000 ataupun \$1,500. Kalau sekiranya peruntukan begitu kecil, saya merasakan orang-orang kampung tidak boleh buat apa-apa bangunan rumah kerana sekarang harga bahan-bahan binaan telah bertambah. Jadi, saya ingin menyarankan supaya membual satu kajian yang sepatutnya supaya sesuai peruntukan yang diberi itu membolehkan iaitu yang berkenaan itu membuat rumah yang agak sempurna.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran (Projek) 03200—Program Membantu Golongan Termiskin. Saya ingin bertanya apakah bentuk bantuan yang akan diberi kepada mereka dan apakah ukuran "golongan yang termiskin" dan dari mana kita boleh mengetahui mereka ini, gelaran mereka ini didapati yang boleh menentukan mereka ini termasuk dalam "golongan termiskin" bagi membolehkan kita memberi bantuan yang kita tentukan itu?

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pagoh.

*10.05 mlm.*

**Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dipohon di bawah Butiran (Projek) 00400—Taman Bimbingan Kanak-kanak; dan Butiran (Projek) 02800—Industri Kampung dalam Maksud P. 54.

Pertamanya berkaitan dengan Taman Bimbingan Kanak-kanak. Pada hari ini kita Ithat boleh dikatakan Taman Bimbingan Kanak-kanak atau biasa disebut TBK boleh dikatakan

terdapat di hampir semua kampung-kampung dalam sesuatu mukim dan ia sudah menjadi satu projek penting bagi kampung-kampung. Tetapi apa yang saya lihat ialah biasanya tempat diadakan TBK ini ada yang di adakan di Balai Raya, ada yang diadakan di Balai Belia, ada yang diadakan di balai masjid dan di banyak lagi tempat-tempat diadakan TBK. Jadi, dari segi tempat tidak tentu, tidak tetap dan tidak selaras.

Begitu juga dari segi kelengkapan yang digunakan untuk kemudahan Taman Bimbingan Kanak-kanak ini. Ada yang duduk di atas simen, ada yang duduk di atas kerusi dan banyak cara lagi. Jadi, dari segi kelengkapan juga tidak selaras, tidak mencukupi. Begitu juga kemudahan-kemudahan lain dari segi alat-alat pengajaran yang digunakan oleh guru-guru dan termasuk guru-guru itu sendiri, adakah guru-guru ini telah menerima satu latihan yang betul-betul khusus untuk mengajar di Taman Bimbingan Kanak-kanak.

Jadi, saya ingin tahu apakah yang sebenarnya objektif Taman Bimbingan Kanak-kanak ini. Jadi, ada sesuatu objektif, saya percaya mesti ada satu penyelarasan. Jadi, ini yang saya ingin tahu daripada pihak Kementerian tentang tujuan diadakan TBK yang sedang dijalankan dan akan terus dijalankan.

Selain daripada itu bawah Butiran 02800—Industri Kampung, terdapat peruntukan yang begitu banyak. Saya ingin tahu berapa banyakkah projek-projek yang dilaksanakan di bawah program ini dan apakah keutamaan-keutamaan yang diberikan di bawah projek-projek ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

*10.08mlm.*

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran (Projek) 01700 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Maksud P.54 iaitu mengenai Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Sebelum daripada ini sukaiah saya cadangkan dan sarankan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya apa yang dibincang dan dirayu dan dicadangkan di dalam Dewan yang mulia ini dapat disampaikan kepada pegawai pelaksana di daerah di seluruh Malaysia kerana kalau cadangan dan pandangan ini habis di sini sahaja tentulah kurang bermakna kepada kita yang tunggu sehingga larut malam seperti ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya suka sebutkan di sini ialah kelewatan pelaksanaan Bekalan Elektrik Luar Bandar sehingga kadang-kadang tiang-tiang elektrik itu telah dipasang, dipacak di seluruh kampung tetapi selepas 1 tahun, kadang-kadang 2 tahun belum ada lagi sehinggakan orang kampung merasa jemu sampai mereka tebang tiang-tiang elektrik itu, macam mereka tebang pokok juga. Jadi pihak pegawai-pegawai marah tetapi mereka katakan kalau elektrik tidak ada lebih baik kami tebang tiang-tiang elektrik ini. Jadi ini adalah menunjukkan tentang kekecewaan orang-orang kampung menunggu elektrik ke kampung-kampung mereka tidak sampai.

Apabila ditanya, dan perkara ini pernah saya bawa di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, kadang-kadang jawapannya menyatakan bahawa tidak dapat bekalan ataupun bekalan tidak cukup daripada Kuala Lumpur dan apabila saya membuat sedikit

penyelidikan didapati bahawa setengah-setengah kontraktor itu ialah daripada Kuala Lumpur dan kadang-kadang barang-barang yang diperlukan itu ialah barang-barang yang boleh diperolehi di tempat itu sendiri. Oleh sebab kontraktor tempatan tidak dapat kontrak itu maka beberapa kedai-kedai di bandar-bandar berkenaan memulaukan kepada kontraktor yang datang dari Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya ingin kemukakan ialah mengenai pemberian kepada negeri-negeri untuk jalan luar bandar. Jalan luar bandar ini, saya cadangkan supaya pihak pelaksana di daerah-daerah dapat berunding dengan wakil-wakil rakyat untuk menentukan jalan mana satu yang lebih diperlukan diadakan kerana kadang-kadang jalan yang dibuat itu jalan yang baru sahaja dibina, sedangkan jalan yang diguna sebelum kita merdeka tidak pasang tar tetapi jalan yang baru sahaja dibuat dibubuh tar dan dinaikkan taraf. Ini menimbulkan persoalan kepada orang-orang kampung dan jalan-jalan yang saya sebutkan itu lebih utama dan lebih mustahak kerana jalan-jalan tersebut digunakan setiap hari oleh kanak-kanak yang pergi ke sekolah. Apabila datang waktu hujan, habis baju-baju ataupun kasut-kasut mereka menjadi kotor. Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Jadi, hal ini perlulah diambil perhatian.

Ketiganya, Tuan Pengerusi, ialah mengenai program membantu golongan termiskin. Ini kalau tidak salah saya ialah program untuk memberi bantuan rumah dan di dalam satu taklimat yang diberi oleh ICU terdapat beberapa masalah-masalah yang ditimbulkan oleh beberapa orang Wakil Rakyat iaitu kalau tidak salah saya bantuan ini diberi kepada rumah-rumah yang didirikan di atas tanah sendiri. Bantuan tidak akan diberi kepada rumah-rumah yang duduk di atas tanah orang lain. Dari satu segi memanglah betul macam itu, macam mana hendak buat rumah di atas tanah

orang lain. Tetapi kalau dia sudah ada tanah maka tidak dinamakan lagi dia itu miskin, sebab dia tidak ada tanahlah dia miskin. Jadi, sebab itu kita perlu memberi pertolongan dan dengan ini saya mencadangkan kepada Kementerian supaya dapat mengenalpasti tanah-tanah Kerajaan yang kosong seperti di tepi-tepi laut atau di mana-mana yang ada dan kita dirikan pondok-pondok orang-orang yang tidak bernasib baik ini dan kita diihkan di situ industri-industri kecil untuk memberi pekerjaan pula kepada mereka dan jangan lupa pada tempat-tempat seumpama itu didirikan surau untuk mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong. Diharap jangan panjang.

*10.15 mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak panjang. Tuan Pengerusi, Kod 01100—Majlis Amanah Rakyat, peruntukan tambahan sebanyak \$106,660,000 ialah bagi meneruskan program biasiswa manakala perbelanjaan tahunan sudahpun memberikan sebanyak \$112,500,000 bagi kegunaan tahun 1989. Sejak tahun 1986 sehingga tambahan peruntukan sekarang MARA telah diberi peruntukan menyediakan biasiswa sejumlah \$681,015,000 dan mengikut MARA, institusi tersebut telah menyediakan biasiswa bagi hampir 37,000 orang penuntut sejak ditubuhkan dalam tahun 1966.

Daripada jumlah biasiswa yang diberi sejak tahun 1986, berapakah penuntut yang telah diberi biasiswa oleh MARA, bagaimana pula dengan bilangan yang menerima pinjaman dalam tempoh masa yang sama, apakah bilangan mereka yang menerima pinjaman tersebut sudah membayar balik pinjaman-pinjaman yang diterima, apakah wang yang sudah dibayar balik sejak tahun 1986 dan berapakah jumlah wang yang masih belum dibayar balik. Bagi peruntukan kepada aktiviti

pembayaran usahawan yang bernilai \$2.7 juta, adakah tabung pusingan usahawan bagi membantu siswazah menjalankan perniagaan dan perusahaan sebagai satu kerjaya juga termasuk di bawah aktiviti ini. Jika ya, maka memandangkan tidak ada permohonan langsung bagi skim tersebut kegiatan yang manakah sebenarnya memerlukan tambahan peruntukan ini. Apakah rancangan Kerajaan ke arah meggalakkan siswazah memohon menceburi dalam skim tabung pusingan usahawan bernilai \$3 juta ini. Apakah pula rancangan Kerajaan bagi tabung tersebut sekiranya masih tidak menerima apa-apa sambutan di kalangan siswazah.

Tuan Pengerusi, Kod 01700, Kod 02300 dan Kod 02500, bagi setiap kod-kod tersebut di atas, silalah jelas secara langsung jumlah peruntukan tambahan yang dibuat, khasnya bagi kawasan-kawasan luar bandar masing-masing di kawasan pilihanraya Johor Bahru, Parit Raja, Ampang Jaya dan Benteng, akibat janji-janji Kerajaan semasa pilihanraya kecil. Seterusnya bagi setiap kod projek apakah bilangan kampung atau negeri yang menerima faedah daripada peruntukan tambahan ini. Apakah di antara jenis-jenis rancangan pemuliharaan kampung yang terlibat dalam kod 02500 Pembangunan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, Kod 02800, apakah jenis-jenis industri serta bilangan kampung yang terlibat dalam peruntukan ini dan kesemuanya berapa banyakkah bilangan industri kampung serta keluarga yang menerima manfaat daripada peruntukan pembangunan sejumlah \$27,666,110 sejak tahun 1986 dan secara berasingan dalam tahun 1989 yang menerima peruntukan perbelanjaan dipinda sebanyak \$9 juta kesemuanya.

Tuan Pengerusi, akhirnya Kod 03200—Program Membantu Golongan Termiskin (Baru). Di bawah program

ini \$26,490,000 disediakan bagi membantu golongan termiskin pada tahun 1989. Berapakah agaknya jumlah wang yang akan diperlukan pada setiap tahun. Apakah jumlah anggaran harga projek yang ditetapkan dengan jumlah wang yang tersedia ada dan berapakah bilangan keluarga miskin yang dapat dibantu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri sila menjawab.

10.19 *mlm.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):**

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada wakil-wakil rakyat dari Saratok, Tasek Gelugor, Maran, Pagoh, Sungai Petani dan Kepong yang turut serta membahaskan butiran-butiran wang peruntukan tambahan yang diminta oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Pertamanya, memanglah menjadi hasrat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk memastikan bahawa golongan bumiputera Sarawak dapat juga turut serta di dalam arus pembangunan pembelajaran negara kita dan ini adalah salah satu sebab mengapa Kementerian ini memerlukan tambahan peruntukan untuk biasiswa kepada anak-anak kita melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri.

Bagi projek bekalan elektrik yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Saratok, daripada \$12.8 juta yang diuntukkan di negeri Sarawak, kita menganggarkan bahawa 30 projek akan dapat dilaksanakan dan ini akan memberikan manfaat kepada lebih kurang 2,500 orang.

Dari segi jalan, yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Saratok juga, daripada jumlah yang

dipohon sebanyak \$35 juta itu, dari segi pengagihan negeri-negeri, Sarawak akan diagihkan sebanyak \$3.1 juta.

Yang Berhormat dari Tasek Gelugor, Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan masalah projek mengatasi golongan termiskin yang berjumlah \$26.49 juta. Daripada peruntukan ini, ianya akan diagihkan kepada 4 kegiatan:

- (1) untuk rancangan pemulihan rumah yang berjumlah \$10 juta;
- (2) untuk aktiviti amalan makanan dan pemakanan yang berjumlah \$5 juta;
- (3) untuk bahagian industri kampung yang berjumlah \$4.49 juta; dan
- (4) untuk kegiatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebanyak \$7 juta.

Dari segi fokusnya, kita memanglah menekankan untuk memberikan bantuan kepada kumpulan-kumpulan daif, sebab kita memberikan peruntukan yang lebih daripada keempat-empat aktiviti ini kepada rancangan pemulihan rumah. Mereka yang difikirkan untuk mendapat bantuan ini ialah yang berpendapatan kurang daripada \$175 sebulan dan bentuk bantuan yang akan diberikan ialah secara bantuan barangan yang diperlukan untuk membaiki rumah. Ia bukanlah bantuan untuk membina rumah, tetapi hanya sekadar bantuan untuk membaiki rumah. Justeru itu, maka peruntukan bagi setiap orang dianggarkan tidak akan melebihi sebanyak \$1,500.

Dari segi senarai yang dipinta dari manakah mereka ini akan dikenalpasti, kita memikirkan bahawa jalan yang paling baik ialah untuk mendapatkan maklumat daripada ketua-ketua kampung di mana mereka adalah orang yang dekat dengan penduduk-penduduk di dalam qahah ketua-ketua kampung itu sendiri.

Begitu juga penglibatan datuk-datuk penghulu juga akan dipinta untuk mengenalpasti mereka yang sepatutnya layak mendapat bantuan untuk membaiki rumah ini.

Dari segi tanah-tanah Kerajaan yang belum dikenalpasti dan kepada mereka yang tidak mempunyai tanah, mereka bolehlah mengikuti skim pembangunan yang dianjurkan oleh Kementerian-kementerian ataupun Kerajaan kita. Kepada mereka yang tidak mempunyai tanah, mereka bolehlah memasuki skim-skim tanah seperti FELDA dan sekiranya mereka mempunyai tanah dari segi penyatuan dan pemulihan, mereka boleh menyertai skim-skim FELCRA. Ini adalah bantuan Kementerian khususnya untuk mereka yang daif mempunyai bidang tanah tetapi tidak berkemampuan untuk melengkapkan pembinaan rumah mereka.

Apa yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Maran ialah berkenaan dengan gotong-royong. Projek gotong-royong ini dipinta berasaskan kepada permohonan-permohonan daripada negeri-negeri. Yang Berhormat tadi meminta agar saya menyebutkan tempat-tempat gotong-royong itu akan dilaksanakan. Ini kita akan serahkan kepada Kerajaan Negeri masing-masing untuk menentukan di manakah gotong-royong itu akan diadakan, tetapi saya kira memadai sekiranya saya memberi butiran pengagihan peruntukan itu kepada negeri-negeri kerana negeri sendirilah yang akan menetapkan di manakah projek itu akan dilaksanakan:

Negeri	Peruntukan Akan Diberi
Perlis .. ..	\$ 60,000
Kedah .. ..	\$420,000
Pulau Pinang ..	\$330,000
Perak .. ..	\$690,000
Selangor .. ..	\$420,000

Negeri	Peruntukan Akan Diberi
Wilayah Persekutuan	\$240,000
Melaka .. ..	\$150,000
Negeri Sembilan ..	\$210,000
Johor .. .. .	\$540,000
Pahang .. ..	\$300,000
Terengganu .. ..	\$240,000
Kelantan .. ..	\$390,000
Sabah .. .. .	\$460,000
Sarawak .. ..	\$552,000

Bakinya ialah untuk kegiatan-kegiatan yang akan dikendalikan oleh Kementerian.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pagoh berkenaan dengan masalah TBK, memanglah kita akui Kementerian tidak menyediakan bangunan sendiri untuk mengadakan TBK ini. TBK ini diadakan atas permintaan masyarakat-masyarakat setempat yang meminta agar TBK diadakan di kampung-kampung mereka. Jadi, sekiranya kampung itu mempunyai madrasah maka kita akan gunakan madrasah. Kalau kampung itu mempunyai dewan, kita akan menggunakan dewan dan balairaya sekiranya kampung itu mempunyai balairaya kerana, seperti yang saya nyatakan, Kementerian tidak mempunyai peruntukan yang khusus untuk membina bangunan-bangunan. Kita hanya memberikan bantuan untuk mengadakan kelas-kelas TBK dan kita menggunakan bangunan-bangunan yang sedia ada untuk tempat-tempat yang sedemikian itu.

Yang Berhormat bertanyakan apakah objektif TBK ini. TBK ialah "Taman Bimbingan Kanak-kanak" bagi kanak-kanak yang berusia 4 tahun hingga ke 6 tahun sebelum kanak-kanak ini memasuki alam persekolahan. Jadi sememangnya objektifnya ialah untuk memberikan pendedahan kepada anak-anak kita di

dalam segi pergaulan, juga metatih mereka untuk menyesuaikan diri di dalam alam persekolahan sebelum mereka memasuki, dalam bahasa Inggeris, "school proper". Dalam pada itu, mereka juga diberikan pendedahan dari segi pelajaran-pelajaran yang asas dan juga mereka diberikan masa untuk bergaul, bermain dan sebagainya. Dan sememangnya TBK ini bermatlamat agar kanak-kanak kita ini nanti lebih berani untuk memasuki sekolah, tidak seperti di mana anak-anak yang tidak terdedah apabila mahu masuk sekolah, mereka tidak berani untuk pergi sekolah, di samping itu mereka sudah mengetahui berkenaan dengan dari segi persekolahan kerana mereka telah terdedah dengan rakan-rakan yang sebaya dengan mereka.

Dari pandangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pagoh dan juga Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan industri kampung, sejak industri kampung itu dilaksanakan pada tahun 1983 sehingga masa kini sebanyak 1,700 projek industri kampung telah pun dilaksanakan dan dari segi anggaran mereka yang terlibat sekiranya kita ambil pukul rata satu projek itu ada 5 usahawan maka hampir 9,000 orang yang telah melibatkan di dalam industri kampung ini.

Dari segi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan bilangan pinjaman dan juga pinjaman-pinjaman yang telah dikutip dan berapa banyakkah yang boleh dikutip, buat masa ini saya tidak mempunyai butir-butir itu dan sekiranya Yang Berhormat memerlukan saya akan memberikan butiran itu dengan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu jumlah wang yang akan diagihkan bagi mengatasi golongan yang

termiskin di masa yang akan datang, sehingga kini saya hanya baru boleh menyatakan satu daripada empat kegiatan iaitu dari segi rancangan pemuliharaan rumah masa depan iaitu tahun hadapan angka yang kita jangkakan ialah \$19 juta tetapi bagi yang lain seperti KEMAS, AMP dan lain-lain, kita akan bantangan di dalam Belanjawan yang akan datang. Jadi, dari segi pemuliharaan kampung perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, ini juga melibatkan pemberian bantuan kepada mereka yang memerlukan seperti memperbaiki rumah-rumah kampung tetapi anggarannya adalah lebih kecil daripada yang dikhususkan bagi mereka yang daif seperti yang di dalam Butiran 03200. Di segi pemuliharaan kampung ini kita tidak ada mempunyai ukuran pendapatan, misalnya sekiranya seseorang itu pendapatannya lebih daripada \$175 tetapi mereka mempunyai rumah yang buruk dan tidak sesuai untuk didiami oleh keluarga-keluarga mereka, maka dengan kriteria-kriteria yang telah ditentukan kita akan memberikan bantuan kepada mereka itu.

Jadi, saya kira itulah semua perkara yang telah dibangkitkan oleh kelima-lirna Yang Berhormat yang telah saya dapat jawabkan dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada mereka yang telah memberikan sama ada pandangan, teguran dan juga maklumat-maklumat yang telah dipinta, saya harapkan apa yang telah dipinta itu dapat saya jawab keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$307,011,400 yang disebutkan dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1989 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$307,011,400 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1989,

**Tuan Pengerusi:** Fasal 1 hingga 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 1* hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,293,594,230 diperuntukkan daripada Kumpulan-wang Pembangunan—

(1; bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$4,003,500 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut; dan

(2) bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$1,289,590,730 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang

dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

(Tuan Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

#### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988 dan 1989) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan

kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,293,594,230 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$4,003,500 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$1,289,590,730 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,293,594,230 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$4,003,500 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1989, untuk menampung sejumlah \$1,289,590,730 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 1989 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

10.40 *mlm.*

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-

Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis ini ditangguhkan sekarang.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### PERKHIDMATAN PENYERAHAN POS DI SABAH

10.41 *mlm.*

**Tuan Fung Ket Wing (Sandakan):** Tuan Yang di-Pertua, saya berulang kali membangkitkan masalah Perkhidmatan Pos di Sabah sejak tahun 1979 dan dukacita dimaklumkan bahawa Perkhidmatan Penyerahan Pos dari rumah ke rumah belum lagi dilaksanakan sepenuhnya di Sabah. Mengikut pihak Pos, sesiapa yang ingin mendapat Perkhidmatan Penyerahan Pos dari rumah ke rumah dikehendaki membuat permohonan dan memasang peti surat di kediaman mereka. Dukacita dimaklumkan bahawa prosidur ini tidak diumumkan secara am kepada orang ramai di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini pihak Pos telah memberi

amaran kepada semua pemegang peti surat yang menyatakan bahawa peti-peti surat mereka hanya dibenarkan untuk penggunaan diri sendiri sahaja dan semua bahan pengiriman pos. Selain daripada pemegang-pemegang rasmi itu, tidak seharusnya disalurkan melalui peti-peti surat tersebut. Ramai orang terkejut dan tertunggu-tunggu amaran yang mustahil ini memandangkan adalah menjadi satu hakikat di Sabah di mana wujudnya kekurangan kemudahan peti-peti surat untuk orang ramai. Boleh dikatakan cuma ada tidak melebihi 1,570 buah peti surat dan 612 W.D.T. diperuntukkan kepada orang ramai di Sandakan yang mempunyai bilangan sebanyak 200,000 orang dan masih ramai orang dalam senarai menunggu untuk mendapat perkhidmatan peti-peti surat atau W.D.T.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai peti surat dan saudara mara dan juga kawan-kawan saya menerima surat-surat mereka melalui peti surat saya untuk beberapa tahun ini, oleh sebab mereka tidak berjaya mendapat peti surat mereka sendiri dan tidak ada Perkhidmatan Penyerahan Pos dari rumah ke rumah di kebanyakan tempat di Sabah. Awal tahun ini saya diberitahu oleh pihak Pos bahawa hanya surat-surat yang dialamatkan kepada saya, bukan diadakan melalui peti surat saya dan surat-surat yang lain yang bukan di bawah nama saya perlu dituntut dari Pejabat Pos. Tindakan pihak berkuasa Pos ini telah meranjatkan orang ramai. Bagaimanakah kita boleh mengharapkan setiap orang yang tidak ada peti surat atau W.D.T. membuat pertanyaan di Pejabat-pejabat Pos setiap kali tentang surat-suratnya. Tambahan pula kadangkala surat-surat saya secara cuai tidak dimasukkan ke dalam peti surat saya oleh kerana nama saya ditulis sebagai K. W. Fung dan bukan Fung Ket Wing pada sampul surat.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sepenuhnya Perkhidmatan Penyerahan Pos dari rumah ke rumah

di Sabah telah pun ditangguhkan dahulu dan bagi mengatasi masalah ini sekarang pihak Pos harus melaksanakan sepenuhnya perkhidmatan tersebut di Sabah supaya mereka yang tiada sebarang peti surat bagi menikmati faedah ini tidak lagi perlu menuntut surat-surat mereka dari Pejabat Pos.

Tuan Yang di-Pertua, dukacita dimaklumkan bahawa dalam Jawapan Bertulis dari Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada persidangan Dewan yang lalu salah satu sebab mengapa Perkhidmatan Penyerahan Pos dari rumah ke rumah ditangguhkan ialah jalan-jalan yang tidak ada alamat dan kod daerah. Masalah ini pernah dibangkitkan sejak saya menjadi Ahli Parlimen dalam tahun 1979 dan selepas 10 tahun hingga hari ini pihak Pos masih mengemukakan alasan yang sama. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini harus berhubung dengan Majlis Perbandaran, Pejabat-pejabat Daerah dan badan-badan yang lain supaya mencari penyelesaian terhadap masalah, agar masalah ini dapat diatasi dan Perkhidmatan Penyerahan Pos dari rumah ke rumah ini dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Sabah. Sekian, terima kasih.

#### **Setiasaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak menyatakan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Sandakan itu tidaklah benar. Jabatan Perkhidmatan Pos di Sabah memang membuat penyerahan surat-surat dari rumah ke rumah di seluruh Sabah. Tetapi memang ada kalanya di mana serahan surat tidak dapat dibuat khasnya di daerah-daerah luar bandar di mana rumah-rumah tidak mempunyai nombor ataupun jalan-jalan yang tidak ada nama ataupun surat-surat yang alamatnya tidak tepat. Dalam keadaan ini surat itu tidak dapat diserahkan rumah ke rumah. Walau

bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Pos sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki perkhidmatan penyerahan surat. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Pejabat Pos ialah seperti berikut. Kita juga sedang mencari ikhtiar dan berbincang dengan Kerajaan Tempatan supaya mencari jalan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di daerah-daerah luar bandar. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Pos adalah berikut:

- (i) membekalkan tambahan motorsikal kepada Posman dengan menggunakan Skim Wang Pinjaman untuk membeli motorsikal ditingkatkan supaya mengelakkan kerosakan yang teruk.
- (ii) bekerjasama dengan Kuasa-kuasa Tempatan. Ketua-ketua Pos di seluruh Sabah diarah untuk mendapat kerjasama dari Majlis Perbadanan ataupun Majlis Daerah dan JKR untuk menyediakan beberapa perkara seperti berikut:
  - (a) rumah-rumah yang tidak bernombor diberikan nombor;
  - (b) menambahkan lorong-lorong atau jalan-jalan yang tiada nama.

Tetapi perkara ini hanya dapat diselesaikan jikalau Kuasa-kuasa Tempatan itu memberi kerjasama kepada Jabatan Perkhidmatan Pos kerana Pejabat Perkhidmatan Pos sahaja tidak dapat mengatasi masalah-masalah ini.

Juga Pejabat Pos mengkaji beat serahan dari masa ke semasa untuk menentukan keluasan beat serahan surat, ini membantu posmen dapat

menghabiskan surat-surat untuk diserahkan kepada orang ramai dengan cepat dan juga Pejabat Pos seringkali membuat seruan kepada orang-ramai supaya bekerjasama dengan Pejabat Pos supaya suratnya dialamatkan dengan tepat.

Berkenaan dengan peti surat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, itu adalah mengikut Peraturan Perkhidmatan Pos. Peti surat hanya dapat digunakan oleh orang yang membuka peti surat itu. Di bawah peraturan itu satu peti surat tidak boleh dikongsi oleh orang ramai. Jadi mengikut di bawah peraturan itu perkhidmatan pos kadang-kadang terpaksa menahan surat yang dikirimkan kepada peti surat yang bukan tuannya peti surat itu.

Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itu faham mengenai peraturan perkhidmatan pos ini supaya orang ramai tidak berkongsi satu peti surat. Memang kita nampak bahawa banyak orang ramai di Sabah yang mungkin disebabkan oleh kekurangan peti surat, mereka berkongsi dua-tiga orang atau dua-tiga rumah berkongsi satu peti surat. Ini adalah melanggar peraturan di bawah Peraturan Pejabat Pos. Sekianlah sahaja jawapan saya. Terima kasih.

#### **HUKUMAN PENJARA SEUMUR HIDUP—MEMANSUHKAN**

*70.52 mlm.*

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, Kerajaan patut memansuhkan perundangan yang membenarkan hukuman penjara seumur hidup. Tuan Yang di-Pertua, sehingga Mac 1989 terdapat 91 orang sedang menjalani hukuman penjara seumur hayat. Kesemua orang itu terpaksa melalui hukuman seumur hayat di dalam penjara. Semua orang

ini dipenjara seumur hayat setelah mereka disabitkan dan dihukum di bawah peruntukan Akta Senjatapi (Hukuman Lebih Berat) 1971. Hukuman untuk seumur hayat adalah zalim dan barbaric oleli sebab hukuman ini tidak langsung memberi harapan untuk orang tahanan dibebaskan. Ini akan menyebabkan adanya cubaan untuk melarikan diri dari penjara. Dan dalam proses ini untuk mencapai tujuan mereka itu, pegawai-pegawai penjara mungkin akan cedera atau dibunuh oleh sebab mereka tidak ada apa-apa lagi makna untuk hidup:

Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan ini pada 8hb Mac, 1989 apabila saya membuat pertanyaan sama ada Kerajaan bersedia memansuhkan hukuman ini dan dalam lawatan Yang Berhormat ke penjara, Yang Berhormat telah berjumpa dengan beberapa orang yang sedang menjalani hukuman seumur hayat. Yang Berhormat pun telah memberitahu Dewan masa itu, kami masih meneliti perkara ini dan akan mengutang kaji semula.

Tuan Speaker, saya ingin mengetahui keputusan kajian itu. Beberapa keluarga orang tahanan yang sedang menjalani hukuman seumur hayat di dalam penjara-penjara di seluruh negeri ini telah merayu kepada saya untuk membawa perkara ini kepada perhatian Dewan ini.

Tuan Speaker, adakah orang-orang yang menjalani hukuman seperti ini membuat rayuan kepada Lembaga Pengampunan dan dalam beberapa kes rayuan ini ada dibenarkan.

Tuan Speaker, saya menyeru kepada Kerajaan untuk memansuhkan hukuman ini, satu hukuman seumur hidup yang biasa seperti 20 tahun penjara adalah mencukupi. Terima kasih.

70.55 m/m.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abn Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagj pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 30 hb April, 1989 terdapat seramai 365 orang banduan yang sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seumur hidup atau seumur hayat, dia ada beza.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, seumur hidup iaitu 20 tahun dan 91 orang banduan sedang menjalani hukuman penjara seumur hayat (natural life) di seluruh penjara Malaysia dan merupakan 2.28% dari jumlah banduan di dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kesalahan-kesalahan yang boleh menyebabkan seseorang itu dikenakan hukuman penjara seumur hidup ialah:

- (i) Kesalahan di bawah Seksyen 58(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960—Memiliki senjatapi.
- (ii) Kesalahan di bawah Seksyen, 302, 304, 376 dan 394 Kanun Keseksaan iaitu bunuh, rogol dan rompak.

**Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Menteri berkenaan itu tidak faham ada perbezaan antara "seumur hayat" dan "seumur hidup". Oleh itu angka-angka yang telah diberikan itu bukanlah bersangkutan dengan "seumur hayat" atau natural life. Itu lain. Bolehkah saya dapat tahu apa yang tepatnya.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan dua angka di sini, kalau Ahli Yang Berhormat mengambil perhatian apa yang saya cakap, kalau beliau faham. Pertama, saya katakan: Menjalani hukuman penjara seumur hidup iaitu 20 tahun dan 91 orang banduan sedang menjalani hukuman penjara seumur hayat. Dua angka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Jadi, saya ingat perkara ini sudah jelas dan saya sambung lagi.

- (iii) Kesalahan di bawah Seksyen 39A Akta Dadah Berbahaya 1952 iaitu kesalahan mengedar dadah.

Manakala undang-undang menetapkan yang hukuman penjara seumur hayat ialah kesalahan di bawah Seksyen 4, 5 dan 7 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 iaitu kesalahan-kesalahan yang melibatkan pemilikan dan penggunaan senjatapi secara haram. Di lihat dari peruntukan undang-undang yang saya huraikan tadi, nyatatah bahawa kesalahan yang menyebabkan seseorang dihukum penjara seumur hidup dan seumur hayat melakukan kesalahan-kesalahan yang serius yang mana telah mengancam keselamatan dan ketenteraman negara. Dengan demikian adalah wajar mereka dikenakan hukuman yang berat supaya setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan.

Kita sepatutnya tidak boleh bertolak ansur dengan pesalah-pesalah yang berkenaan. Oleh itu, Kerajaan tidaklah bercadang untuk memansuhkan peruntukan undang-undang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seorang pesalah yang dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau seumur hayat masih ada peluang untuk mendapat ampun selaras dengan Kaedah 43 Peraturan-peraturan

Penjara, 1953, banduan yang dihukum penjara seumur hidup, kecuali yang dihukum seumur hayat boleh dibebaskan setelah menjalankan hukuman kira-kira selama 13 tahun 4 bulan sahaja.

Terdapat juga beberapa peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Penjara, 1953 yang membolehkan Lembaga-lembaga Pengampunan Persekutuan dan Negeri mengulangkaji hukuman-hukuman ke atas banduan-banduan seumur hidup aan seumur hayat. Kaedah 55 (1) Peraturan-peraturan Penjara 1953 juga memperuntukkan supaya satu penyata berkenaan tiap-tiap banduan yang telah dipenjarakan genap 4 tahun, 8 tahun, 12 tahun dan seterusnya dikemukakan kepada Lembaga Pengampunan yang berkenaan untuk diulangkaji ke atas hukuman yang telah dikenakan. Penyata itu dikenali sebagai Penyata Ulangkaji Empat Tahun Sekali. Manakala Kaedah 3, Peraturan-peraturan Penjara 1953 pula, memperuntukkan tiap-tiap banduan boleh merayu kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang Di-Pertua Negeri. Dengan adanya peruntukan-peruntukan ini, maka kesemua banduan seumur hidup mempunyai peluang untuk mendapat ampun.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan alasan-alasan di ataslah, Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan perundangan yang membenarkan hukuman bagi seumur hidup. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul yang berbunyi:

Bahawa watau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 11.03 malam.*